

**PEMAHAMAN MAKNA TERSIRAT DALAM
INTERAKSI KANAK-KANAK PRASEKOLAH**

NOOR AZMIRA BINTI MOHAMED

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2015

**PEMAHAMAN MAKNA TERSIRAT DALAM
INTERAKSI KANAK-KANAK PRASEKOLAH**

NOOR AZMIRA BINTI MOHAMED

**TESIS DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN
BAGI IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2015

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama : **NOOR AZMIRA MOHAMED** No. K.P/Pasport: **710404-03-5506**

No. Pendaftaran/Matrik : **THA 040015**

Nama Ijazah : **IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

Tajuk Tesis ("Hasil Kerja Ini"): **PEMAHAMAN MAKNA TERSIRAT DALAM INTERAKSI KANAK-KANAK PRASEKOLAH**

Bidang Penyelidikan: **LINGUSITIK DEVELOPMENTAL**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja Ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak maempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh : **20-08-2015**

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan saksi

Tarikh : **20-08-2015**

Nama: **Profesor Madya Dr Hajjah Jariah Mohd Jan**
Jawatan: **Penyelia**

ABSTRAK

Pemahaman makna tersirat bermaksud memahami maksud dalaman (tersirat) sesuatu ujaran iaitu maksud yang berbeza dari makna linguistik atau teks. Lenneberg mengatakan bahawa kebolehan kanak-kanak memahami ujaran telah wujud sebelum kanak-kanak boleh bertutur lagi. Lantaran itu, adalah tidak mustahil jika pemahaman makna tersirat juga telah wujud dalam diri kanak-kanak seawal usia tiga tahun lagi. Kajian ini dilakukan bagi membuktikan tahap sebenar pemahaman makna tersirat kanak-kanak prasekolah kerana kanak-kanak sering dianggap hanya memahami perkara-perkara ‘mudah’ yang diujarkan oleh orang dewasa. Dapatan kajian ini diharap dapat digunakan oleh ibu bapa untuk membantu memperkembangkan potensi diri kanak-kanak dalam kecekapan berbahasa serta membantu pihak yang berkenaan merancang pembelajaran bahasa yang sesuai dengan keupayaan pemahaman kanak-kanak.

Ujaran kanak-kanak prasekolah yang diambil secara spontan semasa mereka berkomunikasi ditranskripsikan dan seterusnya dianalisis dengan menggunakan kaedah Analisis Perbualan (*Conversation Analysis*). Pemahaman makna tersirat kanak-kanak prasekolah telah dinilai menggunakan Konsep Implikatur Perbualan, Prinsip Kerjasama Grice serta penilaian berdasarkan keupayaan kanak-kanak mengujar dan memahami pertanyaan yang mengandungi pelbagai maksud tersirat. Hasil kajian menunjukkan bahawa kanak-kanak prasekolah telah menguasai pemahaman makna tersirat dengan baik. Keupayaan ini boleh dikaitkan dengan pengaruh persekitaran kanak-kanak sendiri yang ternyata banyak dipengaruhi oleh budaya masyarakat Melayu yang begitu kaya dengan penggunaan bahasa ‘indirect’ dalam perbualan harian bagi menyampaikan pelbagai hajat tersirat.

Namun, analisis data juga menunjukkan bahawa kanak-kanak prasekolah tidak dapat memahami makna tersirat ujaran yang mempunyai unsur-unsur kiasan, peribahasa, simpulan bahasa dan sebagainya. Hal ini kerana dalam sesetengah keadaan, kanak-kanak jarang didedahkan dengan penggunaan perkataan-perkataan yang lebih bersifat abstrak yang hanya sering digunakan oleh orang dewasa sahaja. Apatah lagi dalam budaya masyarakat Melayu sendiri yang begitu mementingkan nilai-nilai kesopanan dan bercakap dengan cara 'beralas' dalam 'perkara-perkara tertentu' telah menyebabkan kanak-kanak tidak banyak mendapat pendedahan tentang perkara-perkara yang dianggap agak sensitif.

ABSTRACT

Understanding embedded meaning refers to discovering the underlying meaning which is not obvious but essential in the understanding of utterances of speech which is different from linguistic or textual meaning. Lenneberg stated that young children have the capacity to understand speech utterances even before they can actually interact. Thus, the researcher argues that it is possible for young children from as early as three years old to understand underlying meanings embedded in speech. This research has been carried out to gain evidence on pre-school children's actual understanding of underlying meanings embedded in speech utterances, as it is assumed that young children normally only understand simple utterances put forth by adults. It is hoped that the research findings can be utilised by parents to help boost their child's potential in language development as well as to aid the relevant planning authorities with language teaching policies in tandem with children's understanding abilities.

Pre-school children's spontaneous interaction was recorded, transcribed and subsequently analysed using Conversational Analysis. The children's understanding of underlying meaning was assessed using the Conversational Implicature and Grice's Cooperative Principles as well as analysed in line with the children's ability to speak and understand questions with a variety of embedded meanings. The research findings reveal that the pre-school children have a good understanding of embedded underlying meanings in their speech utterances. The children's ability could be related to their social environment which is highly influenced by the rich Malay culture where there is rampant use of indirect language in their daily conversations to convey various embedded meanings.

Nevertheless, the data analysis also revealed that these pre-school children did not understand the embedded underlying meanings in utterances containing elements of analogies, proverbs, idioms and others. A rationale for this could be due to the lack of exposure to abstract lexical items which are more commonly used by adults. Moreover, the Malay culture emphasises greatly on politeness in speech as well as speaking figuratively on certain issues, thus these young children have yet to gain any form of exposure on these issues which are deemed sensitive in the Malay culture.

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani.

Alhamdulillah, bersyukur saya kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah kurniaan, keinginan serta rahmat-Nya dapat saya menyiapkan tesis ini bagi menyempurnakan pengajian di peringkat Ijazah Doktor Falsafah Pengajian Bahasa Moden. Mudah-mudahan tesis ini dapat dimanfaatkan serta dijadikan sebagai rujukan buat semua.

Ucapan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga saya rakamkan kepada penyelia saya Profesor Dr Hajjah Jariah Mohd Jan kerana telah banyak mencurahkan ilmu, tenaga dan bantuan yang tidak ternilai harganya buat saya sepanjang tempoh saya menyiapkan tesis ini. Tanpa bantuan, tunjuk ajar, nasihat dan komen yang bernas daripada beliau tidak mungkin saya mampu melaksanakan tesis ini dengan sempurna.

Buat semua kakitangan Universiti Malaya yang berkaitan, terutamanya Dekan dan Timbalan Dekan Fakulti Bahasa dan Linguistik, terima kasih kerana memberi kelonggaran serta peluang untuk saya menamatkan pengajian saya ini.

Akhir sekali, setinggi penghargaan saya tujukan buat arwah ibu tercinta, suami dan anak-anak dikasihi kerana telah banyak berkorban bagi memastikan cita-cita saya tercapai.

Noor Azmira Mohamed

April 2012

SENARAI KANDUNGAN

| | M/S |
|---------------------------|------|
| ABSTRAK | iii |
| ABSTRACT | v |
| PENGHARGAAN | vii |
| SENARAI KANDUNGAN | viii |
| SENARAI RAJAH | xii |
| SENARAI JADUAL | xiii |
| SENARAI LAMPIRAN | xiv |
| TRANSKRIPSI DIALEK | xv |

BAB SATU: PENGENALAN

| | | |
|------|--|----|
| 1.1 | Latar Belakang Kajian | 1 |
| 1.2 | Konsep Budi Bahasa dalam Masyarakat Melayu dan Pengaruhnya Terhadap Perkembangan Pemahaman Makna Tersirat Kanak-kanak | 6 |
| 1.3 | Aspek Kesantunan dalam Pertuturan Masyarakat Melayu dan Pengaruhnya Terhadap Perkembangan Pemahaman Makna Tersirat Kanak-kanak | 9 |
| 1.4 | Bahasa dan Pemahaman Makna Tersirat Kanak-kanak | 12 |
| | 1.4.1 Bahasa Halus dan Hubungannya dengan Makna Tersirat | 18 |
| 1.5 | Pernyataan Masalah | 18 |
| 1.6 | Objektif Kajian | 26 |
| 1.7 | Persoalan Kajian | 29 |
| 1.8 | Kepentingan Kajian | 29 |
| 1.9 | Batasan Kajian | 36 |
| 1.10 | Definisi Istilah | 40 |

BAB DUA: KAJIAN LITERATUR

| | | |
|---------|--|----|
| 2.1 | Pendahuluan | 42 |
| 2.2 | Perkembangan Bahasa Kanak-kanak | 44 |
| 2.3 | Perkembangan Pemahaman Makna Kanak-kanak | 64 |
| 2.3.1 | Makna Ujaran | 68 |
| 2.3.1.1 | Jenis-jenis Makna Ujaran | 73 |
| | a. Maksud Penutur atau Makna Tersirat | 73 |
| | b. Makna Tersurat atau Linguistik | 75 |
| | c. Makna Rujukan | 75 |

| | | |
|---------------------------------|--|-----|
| | i. Rujukan Penutur (speaker Reference) | 76 |
| | ii. Rujukan Linguistik (Linguistic reference) | 76 |
| 2.4 | Kepentingan Konteks dalam Pentafsiran Makna Ujaran | 77 |
| 2.5 | Kecekapan Komunikasi Kanak-kanak | 79 |
| 2.5.1 | Definisi Komunikasi | 80 |
| 2.5.2 | Bentuk-bentuk Komunikasi kanak-kanak | 87 |
| 2.5.2.1 | Komunikasi Lisan (Bahasa Verbal) Kanak-kanak | 88 |
| 2.5.2.2 | Komunikasi Bukan Lisan | 90 |
| 2.5.2.2.1 | Jenis-jenis Komunikasi Bukan Lisan | 91 |
| 2.6 | Kesimpulan | 92 |
| BAB TIGA: METODOLOGI | | 94 |
| 3.1 | Pendahuluan | 94 |
| 3.2 | Sampel Kajian | 94 |
| 3.2.1 | Latar Belakang Budaya dan Kelas Sosial | 95 |
| 3.2.2. | Usia | 98 |
| 3.2.3. | Etnik | 101 |
| 3.3. | Lokasi Kajian | 102 |
| 3.4 | Instrumentasi | 104 |
| 3.5 | Jangkamasa | 105 |
| 3.6 | Kaedah Kajian | 105 |
| 3.7 | Kaedah Kajian Kualitatif dan Kuantitatif | 106 |
| 3.8 | Kaedah Pengumpulan Data dan Prosedur | 107 |
| 3.9 | Kaedah Transkripsi Data | 110 |
| 3.10 | Kaedah Menganalisis Data | 111 |
| 3.10.1 | Kerangka Teori | 112 |
| 3.10.1.1 | Prinsip Kerjasama Grice | 113 |
| a. | Maksim Kualiti | 113 |
| b. | Maksim Kuantiti | 114 |
| c. | Maksim Relevan | 114 |
| d. | Maksim Cara | 114 |
| 3.10.1.2 | Konsep Implikatur Perbualan | 116 |
| 3.11 | Kaedah Mentafsir Makna Ujaran | 117 |
| 3.11.1 | Kaedah Semantik | 117 |
| 3.11.2 | Kaedah Pragmatik | 119 |

| | | |
|-------------------|---|-----|
| 3.12 | Kesimpulan | 125 |
| BAB EMPAT: | ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN | 126 |
| 4.1 | Pendahuluan | 126 |
| 4.2 | Menilai Pemahaman Makna Tersirat Verbal Kanak-kanak | 127 |
| 4.2.1 | Analisis Perlanggaran Maksim dalam Ujaran Kanak-kanak | 127 |
| 4.2.2 | Keupayaan Mengujarkan Pertanyaan yang Mempunyai Mesej Tersirat | 224 |
| 4.2.2.1 | Keupayaan Mengujarkan Pertanyaan untuk Memberi Arahan | 225 |
| 4.2.2.2 | Keupayaan Mengujarkan Pertanyaan untuk Meminta | 227 |
| 4.2.2.3 | Keupayaan Menggunakan Pertanyaan untuk Membuat Tuduhan | 231 |
| 4.2.2.4 | Keupayaan Kanak-kanak Menggunakan Pertanyaan yang Mempunyai Maksud Tersirat untuk Mengajak | 233 |
| 4.2.2.5 | Keupayaan Kanak-kanak Menggunakan Pertanyaan yang Mempunyai Maksud Tersirat untuk Memprotes | 235 |
| 4.2.3 | Keupayaan Mentafsir Makna Tersirat Pertanyaan | 237 |
| 4.2.4 | Pemahaman Penggunaan Kata Ganti Nama Diri dalam Pelbagai Konteks | 245 |
| 4.3 | Strategi-strategi Verbal untuk Menyampaikan Makna Tersirat | 250 |
| 4.3.1 | Strategi Menyampaikan Maklumat Tambahan (Verbal). | 252 |
| 4.3.2 | Strategi-strategi Bukan Verbal untuk Menyampaikan Makna Tersirat | 269 |
| 4.4 | Kesimpulan | 272 |
| BAB LIMA: | KESIMPULAN | 274 |
| 5.1 | Pengenalan | 274 |
| 5.2 | Kemampuan Mengujarkan Makna Tersirat | 274 |
| 5.3 | Kemampuan Mentafsir Makna Tersirat | 276 |
| 5.4 | Strategi yang digunakan dalam Menyampaikan Mesej Tersirat | 277 |
| 5.5 | Strategi Apabila Tidak Memahami Makna Tersirat | 278 |
| 5.6 | Pemahaman Makna Tersirat Kanak-kanak | 278 |
| 5.7 | Implikasi Kajian dan Cadangan | 280 |

| | |
|---|------------|
| RUJUKAN | 284 |
| LAMPIRAN | 302 |
| Lampiran 1 : Bilangan Sesi, Masa dan Lokasi Rakaman Perbualan | 302 |
| Lampiran 2 : Transkripsi | 305 |

SENARAI RAJAH

| | | |
|------------|------------------------------|---------|
| Rajah 2.1 | Proses Komunikasi | 85 |
| Rajah 4.1 | Analisis Perlanggaran Maksim | 131-133 |
| Rajah 4.2 | Analisis Perlanggaran Maksim | 147-149 |
| Rajah 4.3 | Analisis Perlanggaran Maksim | 155-157 |
| Rajah 4.4 | Analisis Perlanggaran Maksim | 161-163 |
| Rajah 4.5 | Analisis Perlanggaran Maksim | 165-166 |
| Rajah 4.6 | Analisis Perlanggaran Maksim | 170-171 |
| Rajah 4.7 | Analisis Perlanggaran Maksim | 175-177 |
| Rajah 4.8 | Analisis Perlanggaran Maksim | 180-182 |
| Rajah 4.9 | Analisis Perlanggaran Maksim | 193-194 |
| Rajah 4.10 | Analisis Perlanggaran Maksim | 197-198 |
| Rajah 4.11 | Analisis Perlanggaran Maksim | 202-203 |
| Rajah 4.12 | Analisis Perlanggaran Maksim | 208-209 |

SENARAI JADUAL

| | | |
|------------|--|-----|
| Jadual 3.1 | Bilangan Responden Kajian Mengikut Umur dan Gender | 94 |
| Jadual 3.2 | Bilangan Sesi, Masa dan Lokasi Rakaman Perbualan Kanak-kanak Prasekolah | 104 |
| Jadual 4.1 | Strategi yang digunakan oleh Kanak-kanak Semasa Berinteraksi | 252 |

SENARAI LAMPIRAN

| | | |
|-------------|---|-----|
| Lampiran 1: | Jadual Menunjukkan Bilangan Sesi, Masa dan Lokasi Rakaman Perbualan Kanak-kanak Prasekolah | 302 |
| Lampiran 2: | Transkripsi Perbualan kanak-kanak Prasekolah | 305 |

TRANSKRIPSI DIALEK KELANTAN – BAHASA MELAYU

DIALEK KELANTAN

acu
bare
belaga
belake
bile
bui
bukuse
cema
dale
denu
depe
derah
etek
getek
go ni
hantar
hile
kala ija
kapaterebe
kepok
keta
kilat
kodi
make
meta
muto
pege
pinje
rukah
sakni
sengoti
sore

BAHASA MELAYU

cuba
barang
berlanggar/kemalangan
di belakang
bilang/kira
beri
bungkusan
kotor
dalam
di sana/ di situ
depan
laju
juga
sama/bersama/juga
benda ini/yang ini
pulangan
hilang
pensil warna (hijau)
kapalterbang
keropok
kereta
tipu/tidak betul/tidak jujur
tidak berkualiti/tidak bagus
makan
sekejap
motorsikal
pegang
pinjam
panjat
sekejap tadi/baru sekejap
sungguh/benar
seorang

tak sir

tue

tulo

tidak mahu

tuan/pemilik.

tolong

BAB SATU

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Masyarakat Melayu memang terkenal dengan kehalusan budi bahasanya. Penggunaan bahasa tersirat sememangnya menjadi rutin harian dan penggunaannya jelas dapat dilihat sama ada dalam bentuk pertuturan atau penulisan. Adakalanya perkara yang disampaikan tidak seperti yang diucapkan. Situasi ini berlaku kerana ujaran yang dituturkan oleh individu itu mengandungi maksud dan makna tertentu sama ada makna tersurat atau makna tersirat bergantung kepada niat penutur semasa membuat ujaran.

Pentafsiran yang salah terhadap penggunaan ayat yang pelbagai dalam bentuk perbualan dan penulisan memberi implikasi terhadap ketepatan maksud sesuatu ujaran itu (Hashim Fauzy 2001). Hal ini disebabkan ketetapan maksud ujaran seseorang tidak dapat diukur menerusi ungkapan semata-mata kerana ada kalanya seseorang itu mempunyai maksud yang lain (tersirat), bukan seperti yang diucapkan mengikut pemahaman pendengar pada ketika itu semata-mata.

Masyarakat Melayu merupakan masyarakat yang kuat terikat dengan adat dan tradisi yang diwarisi secara turun-temurun. Segala sistem hidup mereka kuat berakar kepada nilai dan norma Islam yang mementingkan kesejahteraan sosial dalam masyarakat (Mohd. Koharuddin: 2012). Lantaran itu, penggunaan bahasa yang sopan dalam

pertuturan amat dititik beratkan agar ianya selari dengan ajaran Islam yang menuntut penganut-penganutnya menjaga adab serta tertib semasa bertutur. Jangan menyinggung atau melukakan hati pendengar, jangan bercakap kasar dan sebagainya.

Walaupun berlakunya pertembungan budaya dan penyerapan beberapa unsur asing dalam sistem sosial masyarakat Melayu hari ini, namun selagi budaya tidak bercanggah dengan agama Islam maka budaya itu diterima dan dijadikan sebagai sebahagian daripada budaya yang diasimilasikan dalam kehidupan seharian. Dalam aspek komunikasi pula, masyarakat begitu berhati-hati menyampaikan sesuatu ujaran kerana tidak mahu pendengar tersinggung dengan apa-apa yang dituturkan. Segala teguran, pujian, permintaan dan kritikan dilakukan secara lembut dan berkias. Penggunaan lambang-lambang tertentu untuk mengelak sebarang konflik berlaku antara penutur dan pendengar sering dipraktikkan dalam perbualan harian untuk mengelak perasaan terguris atau kecil hati dalam kalangan pendengar. Budaya Melayu sendiri tidak mengizinkan masyarakatnya daripada membuat teguran atau kritikan secara terus dan terbuka.

Aspek kesantunan dan kesopanan ketika berbahasa dan berkomunikasi amat dititik beratkan dalam kalangan masyarakat Melayu dimana sesuatu hajat dan keinginan sering disampaikan secara berselindung dan berlapik melalui ujaran yang dilafazkan (Awang Sariyan, 2007). Fenomena ini menyebabkan penutur bahasa Melayu banyak menggunakan bahasa tersirat dalam perbualan bagi mengelak perasaan pendengar terguris apabila berbual. Malah, jika ingin membuat teguran sekalipun ianya akan cuba disampaikan secara berhemah, berlapik dan tertib. Lantaran itu, penyampaian makna tersirat dan aspek kesantunan dalam perbualan merupakan dua perkara yang saling melengkapi dan sentiasa dijaga oleh masyarakat Melayu.

Penyampaian makna secara tersirat dalam bentuk tersurat atau apa-apa yang diungkapkan secara tersurat dan mempunyai makna yang tersirat (implikatur) telah menjadi darah daging dalam kehidupan masyarakat Melayu. Oleh itu, adalah tidak mustahil jika bentuk-bentuk bahasa demikian (penggunaan bahasa tersirat serta bahasa halus dalam kalangan orang dewasa) secara tidak langsung telah mempengaruhi bahasa kanak-kanak. Sememangnya, penggunaan bahasa yang sopan, tutur kata yang lembut dan berhemah sudah dipraktikkan dalam budaya masyarakat Melayu sejak turun-temurun lagi. Ianya telah diwarisi secara semulajadi dari satu generasi ke satu generasi yang lain sebagai warisan budaya yang sentiasa dipelihara. Cuma yang menjadi persoalan sekarang ialah adakah pada usia empat hingga enam tahun kanak-kanak Melayu telah mampu memahami (berupaya mengujar serta mentafsir) makna tersirat sebagaimana orang dewasa? Hasil dapatan diharap akan berjaya menjawab segala kemusykilan dan persoalan yang timbul berkaitan dengan keupayaan kanak-kanak memahami makna tersirat ini.

Adalah tidak mustahil jika kanak-kanak Melayu yang berusia antara empat hingga enam tahun dapat mentafsir dan mengujarkan makna tersirat dengan baik dalam perbualan, memandangkan masyarakat Melayu merupakan golongan yang sentiasa mementingkan adab serta nilai baik dalam semua aspek kehidupan. Nilai-nilai ini amat dititik beratkan semasa mendidik anak-anak. Perumpamaan Melayu *biar mati anak jangan mati adat*, menggambarkan betapa masyarakat Melayu amat menitik beratkan budaya, adat serta nilai yang baik yang sesuai dengan adat yang diamalkan oleh seluruh masyarakat dalam mendidik anak-anak.

Kegagalan mendidik dan membentuk kelakuan anak-anak agar sesuai dengan tuntutan budaya, nilai dan adat yang disepakati bersama, yang diamalkan dan diwarisi secara turun temurun akan menyebabkan seseorang individu atau ibu-bapa akan dicemuh oleh masyarakat. Akhirnya, ia akan mendatangkan perasaan malu dan rendah diri ibu bapa untuk berhadapan dengan masyarakat sekiranya seseorang anak tidak mengamalkan nilai yang selari dengan tuntutan budaya. Pandangan serong ahli masyarakat akan terpalit pada ibu bapa yang gagal membentuk tingkah laku anak-anak yang selari dengan budaya masyarakat iaitu perlu berhemah, santun dan berbudi pekerti tinggi.

Oleh itu, tatalaku yang bersopan santun dan tidak menyinggung perasaan orang lain adalah satu perkara yang sangat diambil berat oleh semua lapisan dalam masyarakat Melayu. Tatalaku masyarakat yang disepakati bersama menghalang anggota masyarakat mengkritik dan memperkatakan sesuatu terutamanya tentang sikap dan sifat seseorang secara berterus terang atau terbuka. Anggota masyarakat telah bersepat untuk tidak akan saling menyinggung perasaan sesama mereka. Malah untuk mencapai persepakatan ini, setiap anggota masyarakat perlu menjaga diri sendiri dan ahli keluarga masing-masing agar tidak melanggar norma-norma nilai dan budaya yang selama ini dikongsi bersama antara seluruh anggota masyarakat.

Sesiapa yang melanggar adab akan disifatkan sebagai tidak beradab atau kurang ajar, dan perkara ini merupakan sesuatu yang sangat negatif serta dielakkan oleh semua ibu-bapa. Mereka tidak mahu anak-anak atau keturunan mereka dianggap sebagai tiada adab atau kurang ajar. Lantaran itu, telah menjadi tanggungjawab semua ibu bapa untuk membentuk keperibadian yang mulia dalam kalangan anak-anak mereka. Sesuatu yang ingin disampaikan akan diungkapkan dengan menggunakan bahasa yang diistilahkan

sebagai bahasa berlapis iaitu bahasa kiasan atau penyampaian maksud secara tersirat untuk menyatakan sesuatu dengan secara tidak langsung.

Orang Melayu biasanya sebaik mungkin akan menggunakan bahasa dengan pemilihan perkataan yang dipilih khas untuk menyatakan sesuatu yang tidak baik dengan harapan perkara atau hal-hal yang disampaikan itu walaupun bersifat negatif akan dapat diterima dengan hati yang terbuka, tanpa menimbulkan kesan emosi yang berlebihan kepada pendengar. Perkara seperti ini penting dalam menjaga kestabilan dan keharmonian hubungan antara semua anggota masyarakat dalam menjalani kehidupan seharian dengan aman dan tenteram.

Istilah *bahasa melambangkan bangsa*, sememangnya telah diterapkan dalam kehidupan kanak-kanak Melayu seawal usia lagi. Bak kata pepatah *melentur buluh biarlah dari rebungnya*. Kanak-kanak telah diterapkan dengan nilai-nilai ketimuran yang sesuai dengan tuntutan budaya masyarakat Melayu yang diwarisi secara turun temurun. Ibu-bapa akan memastikan anak-anak mempraktikkan nilai yang baik dalam kehidupan terutamanya dalam pertuturan. Lantaran itu, dalam penulisan tesis ini, apa yang akan dikaji oleh penulis ialah melihat keupayaan kanak-kanak prasekolah dalam mentafsir dan mengujarkan makna tersirat sesuai dengan tuntutan budaya yang diwarisi daripada ibu bapa dan masyarakat sekeliling.

Analisis akan dibuat untuk menilai keupayaan kanak-kanak memahami makna tersirat memandangkan seawal usia kelahiran lagi kanak-kanak telah didedahkan dengan penggunaan bahasa halus, berlapis, berhemah serta penyampaian makna dalam bentuk tersirat oleh ahli-ahli masyarakat di sekelilingnya. Dengan kata lain, masyarakat Melayu

adalah masyarakat yang begitu mementingkan aspek budi bahasa dan kehalusan tutur kata.

1.2 Konsep Budi Bahasa dalam Masyarakat Melayu dan Pengaruhnya Terhadap Perkembangan Pemahaman Makna Tersirat Kanak-kanak

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) edisi cetakan keenam 2002 (ms 180) budi didefinisikan sebagai akal, kebijaksanaan atau sifat baik, perbuatan baik dan kebajikan. Bagi masyarakat Melayu amnya, perkataan budi itu membawa pelbagai maksud antaranya ialah jasa dan sumbangan yang diberikan kepada individu yang lain. Lazimnya, orang yang menaburkan budi tidak akan mengharapkan balasan. Budi atau sumbangan itu baik dari segi tenaga atau material, mestilah diberi dengan ikhlas jika ingin diberkati oleh Allah SWT. Orang yang menerima budi pula tidak dituntut untuk membalas budi yang diterima tetapi memadailah budi itu diterima dengan penuh ikhlas dan kesyukuran.

Budi bahasa pula adalah merujuk kepada satu sifat atau perbuatan yang menyenangkan hati orang lain dan ia merupakan satu perkara yang wajib ada pada setiap individu untuk menjadi insan yang sempurna pada pandangan ahli masyarakat. Ia juga bermaksud tutur kata yang diaplikasikan oleh seseorang secara tertib dan bersopan santun semasa berkomunikasi dengan orang lain.

Apabila seseorang itu hendak bercakap atau bertegur sapa dengan seseorang yang lain, bahasa yang hendak digunakan mestilah difikirkan dan diteliti dengan halus terlebih dahulu agar apa sahaja perkataan yang diucapkan nanti akan menyenangkan hati si pendengar. Lebih tepat lagi, budi bahasa merujuk kepada tutur kata yang sopan dan berhemah. Setiap gerak laku, tutur kata, tata hidup, pemikiran dan perasaan sama ada terhadap

peribadi seseorang itu sendiri, mahupun cara pergaulan dengan anggota masyarakat yang lain adalah terangkum dalam konsep budi bahasa.

Oleh yang demikian, semua nilai murni yang diterima dan diamalkan oleh anggota masyarakat merupakan nilai sejagat yang dituntut oleh agama, kepercayaan, adat istiadat dan kebudayaan sesuatu masyarakat yang bertamadun. Nilai-nilai murni ini mulai diterapkan kepada semua generasi baru seawal usia kanak-kanak lagi dimana anak-anak dididik dan diajar mengamalkan nilai-nilai yang menjadi tuntutan budaya dan agama yang dipelajari dari kecil sehingga dewasa.

Penerapan nilai-nilai murni serta budi bahasa dalam kehidupan kanak-kanak adalah bersifat universal dimana semua ibu bapa akan mengajar dan menerapkan nilai-nilai murni serta mementingkan kehalusan budi kepada anak-anak mereka. Proses ini meliputi seluruh anggota masyarakat Melayu tak kira dimana pun mereka berada. Hal ini menjadikan kanak-kanak Melayu telah didedahkan dengan bahasa sopan, budi bahasa serta kahalusan budi dan tutur kata sejak awal lagi. Situasi ini menyebabkan kajian terhadap pemahaman makna tersirat dalam kalangan kanak-kanak Melayu sememangnya sesuai memandangkan pengaruh budaya yang diterapkan dalam bahasa ibunda mulai dipelajari dan dikuasai oleh kanak-kanak sejak kecil lagi.

Konsep budi bahasa sememangnya sangat dipandang tinggi dan diletakkan ditempat paling atas dalam perlakuan ahli anggota masyarakat Melayu. Ia menjadi satu kemestian yang perlu disemai, dipupuk, dijaga, dan dibaja dalam kehidupan seharian mereka. Salah satu perkara yang menjadi piawaian dalam menilai kehalusan budi pekerti ahli anggota masyarakat Melayu ialah dengan menilai cara pertuturan mereka. Seseorang yang tidak menjaga tatatertib dan kehalusan semasa bertutur akan dianggap sebagai

orang yang kasar dan kurang berbudi bahasa. Sememangnya, menjaga tutur kata adalah merupakan satu kewajiban yang dituntut dalam budaya masyarakat Melayu.

Membentuk individu untuk mengamalkan cara bertutur yang berhemah serta selari dengan konsep ‘berbudi bahasa’ iaitu sentiasa menjaga pertuturan agar tidak menyinggung hati orang lain terutamanya semasa berkomunikasi adalah memerlukan usaha jangka panjang yang perlu dilakukan sewaktu peringkat bayi lagi. Semenjak masih kanak-kanak lagi, ibu bapa akan mengajar anak-anak bercakap dengan cara pertuturan yang berhemah bagi menjadikannya sebagai insan yang memenuhi ciri-ciri insan yang ‘berbudi bahasa’. Lantaran itu pendedahan terhadap pemakaian makna tersirat dalam perbualan harian telah dilakukan di peringkat kanak-kanak lagi.

Pepatah melentur buluh biarlah dari rebunginya, sentiasa menjadi pegangan anggota masyarakat Melayu dalam mendidik anak-anak. Orang Melayu sedar bahawa penerapan nilai-nilai yang baik dalam perbualan serta kehidupan adalah perlu dimulakan semenjak kanak-kanak masih kecil lagi. Hal ini demikian kerana apabila sudah dewasa agak sukar untuk seseorang itu berubah. Oleh kerana orang-orang Melayu sering menggunakan kaedah menyampaikan mesej tersirat melalui ujaran maka secara tidak langsung situasi ini juga telah terdedah kepada kanak-kanak dan akhirnya mempengaruhi cara kanak-kanak berbahasa khususnya dalam meluahkan perasaan yang terpendam atau maksud tersirat melalui ujaran.

Kesimpulannya, pengaruh terhadap konsep ‘budi bahasa’ yang diamalkan oleh masyarakat Melayu dalam kehidupan seharian telah menjadi salah satu faktor yang membantu mempercepatkan lagi penguasaan dan pemahaman makna tersirat dalam kalangan kanak-kanak Melayu terutamanya kanak-kanak prasekolah. Pada tahap ini,

kanak-kanak yang masih berada dalam tahap pemerolehan dan perkembangan bahasa dapat mempelajari, memahami serta menguasai kecekapan berbahasa khususnya keupayaan menghasilkan dan memahami mesej tersirat melalui proses peniruan serta pengukuhan.

1.3 Aspek Kesantunan dalam Pertuturan Masyarakat Melayu dan Pengaruhnya Terhadap Perkembangan Pemahaman Makna Tersirat Kanak-kanak

Menurut Asmah Hj Omar (2000), kesantunan mengikut perspektif Melayu ialah penggunaan bahasa sehari-hari yang tidak menimbulkan kegusaran, kemarahan dan rasa tersinggung daripada pendengar. Kesantunan masyarakat Melayu berdasarkan agama Islam dan adat Melayu. Orang Melayu sangat mementingkan kesantunan dalam hubungan antara ahli masyarakat. Dalam menjaga aspek kesantunan, bahasa halus dan tersirat dalam pertuturan selalu digunakan supaya tidak mengecilkan hati orang lain semasa berkomunikasi. Kesantunan ialah kaedah atau strategi yang digunakan oleh penutur untuk mencapai tujuan tertentu. Strategi ini dikaitkan dengan kesantunan dan perlu diikuti dengan tingkah laku dan tutur kata yang santun.

Strategi kesantunan melibatkan beberapa faktor seperti kesedaran akan peranan masing-masing, pengetahuan tentang perbezaan taraf sosial, kuasa dan keperluan mengawal perbincangan berdasarkan tajuk atau air muka yang menggambarkan maruah dan martabat. Asmah Hj Omar (ibid.) telah membahagikan kesantunan kepada dua jenis iaitu kesantunan asas dan kesantunan berkala. Kesantunan asas ialah kesantunan sedia ada yang merupakan pedoman bagi masyarakat berhubung antara satu sama lain dengan cara menunjukkan adanya sikap berbaik-baik yang menghendaki ahli masyarakat bersopan santun antara satu sama lain. Ini kerana dalam mana-mana

masyarakat yang bertamadun ada kesopanan asas yang dikaitkan dengan didikan sejak awal lagi seperti yang terdapat dalam ajaran Islam atau agama-agama lain.

Kesantunan berkala pula merujuk kepada kesantunan yang menggambarkan ucapan yang dilakukan oleh masyarakat dalam hubungan antara satu sama lain dalam keadaan, situasi dan tempat tertentu. Antaranya ialah taraf dan peranan orang yang bercakap, di mana dan dalam keadaan yang bagaimana, apa yang diperkatakan, mengapa percakapan itu berlaku dan cara percakapan disampaikan. Misalnya rakyat biasa dengan raja, rakyat dengan pemimpin, anak murid dengan guru dan lain-lain. Komunikasi tersebut mempunyai adab, peraturan dan etika tertentu.

Aspek kesantunan, budi bahasa dan penyampaian makna tersirat sememangnya saling berkait rapat dengan cara seseorang itu berbahasa. Sifat kesantunan seseorang dalam sesuatu komunikasi akan dizahirkan dengan kelakuan serta pertuturan dengan menggunakan bahasa yang berhemah dan berlapik. Penyampaian mesej yang dianggap kasar dan boleh mengguris hati orang lain akan dilakukan dengan penuh berhati-hati dan sangat berlapik agar pendengar dapat menerima mesej yang cuba disampaikan sama ada dalam bentuk arahan, teguran, permintaan atau kritikan dengan hati yang terbuka. Situasi ini akan dapat mengelakkan daripada berlakunya keadaan perselisihan faham serta perasaan tidak senang antara ahli anggota masyarakat.

Perkara yang dianggap boleh mendatangkan sebarang prasangka serta jauh hati antara satu sama lain akan cuba dielakkan dalam sebarang perhubungan antara ahli anggota masyarakat agar sebarang konflik antara mereka tidak tercetus. Sehubungan itu, masyarakat Melayu lebih senang memendam rasa dan sering menyampaikan teguran atau perasaan dengan cara yang lebih berhemah. Apa yang penting ialah mereka akan

cuba sedaya upaya untuk menjaga hati orang-orang sekeliling dengan cara menjaga tutur kata agar tidak mendatangkan mudarat keatas hubungan persahabatan atau persudaraan.

Dalam mendidik anak-anak, aspek kesopanan, kesantunan dan kehalusan budi pekerti serta tutur kata amat dititik beratkan oleh ibu bapa agar seiring dengan tuntutan budaya. Dalam pergaulan, anak-anak sering diingatkan agar tidak melanggar adat serta sentiasa menjaga tutur kata apabila berbicara. Aspek kesantunan berbahasa sangat penting kerana bahasa melambangkan kehalusan budi, kesopanan, dan tingkah laku penutur dan masyarakat bahasa.

Norih Taslim (2010) dalam kajiannya terhadap pelbagai hikayat Melayu mendapati bahawa masyarakat Melayu adalah golongan manusia yang berbudaya halus, bersopan santun, sangat mementingkan adab ketika berkomunikasi, enggan bersikap biadap dan menjadikan kiasan dan perumpamaan sebagai budaya. Kesantunan Melayu pula merupakan kesantunan yang memancarkan nilai-nilai asas adat dan budaya Melayu yang berteraskan ajaran Islam.

Ahmad Mahmood Musanif (2007) mengatakan dalam komunikasi antara penutur dan pendengar, budaya sopan santun sangat penting untuk memelihara hubungan antara dua pihak dan memelihara komunikasi tersebut agar dapat berterusan dalam keadaan yang selesa. Perkara ini terjadi kerana tradisi pemikiran Melayu menggunakan bahasa sebagai alat untuk membentuk makna kehidupan dan makna alamnya secara sangat kreatif dan produktif (Ahmad Sarji, 2004). Pemahaman dan tingkah laku ini telah dibentuk dalam diri dan minda masyarakat Melayu sejak dari bayi lagi. Kanak-kanak mempelajari aspek

budaya dan bahasa yang berkembang selari dengan keupayaan biologi serta perkembangan penguasaan berbahasa mereka.

1.4 Bahasa dan Pemahaman Makna Tersirat Kanak-kanak

Bahasa memainkan peranan penting dalam menyampaikan sesuatu hasrat dan bahasa yang baik akan dapat difahami maksud sama ada yang disampaikan secara tersurat mahupun yang tersirat. Bahasa yang tersurat adalah bahasa yang tertulis dan dapat difahami secara terus, manakala bahasa tersirat ialah pertuturan yang mempunyai maksud berlapis dan maksud yang lain selain daripada apa yang disampaikan secara literal.

Tidak dinafikan bahawa bahasa merupakan alat komunikasi penting dalam kehidupan manusia. Asmah Hj Omar (1993) pula, dalam bukunya *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu* telah menyatakan bahawa manusia berkomunikasi antara satu sama lain dengan menggunakan bunyi-bunyi yang dikeluarkan oleh alat ujaran yang terdapat dalam tubuh mereka. Individu menggunakan bahasa untuk menyampaikan hasrat dan perasaan (S. Nathesan, 1995: 35), walaupun hanya dengan menggunakan bahasa isyarat atau 'the sign language'.

Seawal usia dua tahun kanak-kanak telah mampu bersembang, bermain dan berinteraksi dengan lancar bersama rakan-rakan sepermainan. Menurut Asmah Hj Omar (1993: 12), kanak-kanak yang berusia dua tahun telah mampu menggunakan bahasa untuk berbagai-bagai tujuan. Lantaran itu, apabila melihat kanak-kanak berinteraksi atau berbual sesama mereka, kita kadang-kadang terlupa bahawa kanak-kanak prasekolah ini sebenarnya masih berada dalam tahap pembelajaran dan penguasaan bahasa yang belum sempurna sepenuhnya.

Melihat pada keriangannya kanak-kanak serta kelancaran interaksi antara mereka, seolah-olah mereka sebenarnya telah menguasai sepenuhnya sistem bahasa ibunda mereka. Tetapi sejauh manakah keupayaan kanak-kanak dalam mengujarkan serta mentafsir ujaran yang mempunyai makna tersirat dalam komunikasi antara mereka? Kajian akan dilakukan untuk menganalisis sama ada kanak-kanak yang dijadikan sampel telah mampu memahami makna tersirat verbal dan bukan verbal dengan melihat keupayaan mereka membuat ujaran serta mentafsir ujaran yang mempunyai makna tersirat dengan betul. Analisis terhadap keupayaan kanak-kanak memahami makna tersirat semasa berinteraksi ini akan diukur dengan melihat kepada kewujudan ujaran-ujaran yang didapati melanggar maksim kerjasama Grice.

Apabila didapati wujud unsur-unsur pelanggaran maksim kerjasama didalam ujaran yang dihasilkan oleh kanak-kanak sampel, maka analisis akan dilakukan terhadap aspek pelanggaran maksim tersebut untuk melihat sama ada kanak-kanak melakukan pelanggaran maksim semasa berkomunikasi kerana ingin menyampaikan mesej tersirat atau kerana sememangnya bentuk bahasa kanak-kanak prasekolah memang begitu. Unsur pelanggaran maksim yang wujud ini pula akan dikaji menggunakan konsep implikatur perbualan untuk melihat makna sebenar yang cuba disampaikan oleh kanak-kanak dengan mengambil kira konteks yang berlaku sepanjang sesuatu komunikasi berlangsung.

Sekiranya didapati unsur-unsur pelanggaran maksim yang wujud dalam ujaran kanak-kanak sampel adalah disebabkan faktor kanak-kanak cuba menyampaikan mesej lain disebalik ujaran yang dituturkan, maka ia dapat menjelaskan kepada kita bahawa kanak-kanak prasekolah pada usia empat hingga enam tahun ini sememangnya telah berjaya

memahami makna tersirat. Persepsi akan dibuat berdasarkan kewujudan aspek perlanggaran maksim yang akan dikaji menggunakan konsep implikatur perbualan dengan mengutamakan faktor konteks dalam sebarang bentuk penilaian yang dibuat. Ujaran yang didapati mempunyai implikatur dan menunjukkan wujud mesej lain disebalik apa yang diperkatakan oleh kanak-kanak akan mendedahkan keupayaan sebenar kanak-kanak dalam memahami makna tersirat itu.

Selain itu, pemahaman makna tersirat dalam interaksi kanak-kanak juga boleh dinilai berdasarkan keupayaan mereka membuat pertanyaan serta mentafsir pertanyaan yang mempunyai pelbagai maksud tersirat. Keupayaan kanak-kanak mengujarkan maksud tersirat melalui pertanyaan akan menyerlahkan kemampuan sebenar kanak-kanak mengaplikasikan makna tersirat dalam mencapai tujuan tertentu perbualan. Kemampuan mempelbagaikan fungsi makna tersirat dalam perbualan adalah bukti kemahiran berbahasa kanak-kanak secara keseluruhannya.

Malah, kemampuan kanak-kanak membuat tafsiran terhadap makna tersirat pertanyaan yang diujarkan secara harfiah juga akan dapat membuktikan keupayaan mereka dalam memahami serta menguasai makna tersirat. Malah pemahaman makna tersirat dalam kalangan kanak-kanak juga boleh dibuktikan melalui keupayaan mereka menggunakan Kata Ganti Nama Diri (KGND) dalam pelbagai konteks yang berbeza tetapi sesuai dengan penggunaan serta fungsinya.

Hasil kajian akan memaparkan sama ada kanak-kanak yang berusia empat hingga enam tahun ini sebenarnya telah berupaya atau tidak menyampaikan pelbagai maksud tersirat melalui ujaran. Analisis juga dilakukan untuk melihat apakah strategi-strategi bukan verbal yang telah digunakan oleh kanak-kanak semasa menyampaikan mesej tersirat

agar makna yang ingin disampaikan dapat diterima dengan baik oleh pendengar tanpa sebarang rasa tersinggung, marah atau kecil hati. Hasil kajian juga dapat memberikan informasi berguna tentang keupayaan sebenar kanak-kanak memahami makna tersirat berdasarkan keupayaan mereka menyampaikan dan mentafsir makna tersirat semasa berinteraksi sesama mereka.

Keupayaan mengujarkan serta mentafsir makna tersirat dalam kalangan kanak-kanak sememangnya berkait rapat dengan kemahiran berbahasa dalam diri kanak-kanak. Hanya kanak-kanak normal yang mahir berbahasa sahaja yang mampu menerima serta menghasilkan mesej tersirat yang disampaikan secara tersurat semasa berinteraksi.

Kemahiran serta keupayaan ini menggambarkan bahawa kanak-kanak sememangnya telah berjaya menyerap segala bentuk bahasa ibunda yang terhasil dari pengamatan serta pengalaman persekitaran bahasa yang dilalui semenjak mereka masih kecil lagi. Hal ini tidak menghairankan berlaku kerana bahasa itu sendiri sememangnya terhasil daripada pemahaman dan persepsi manusia terhadap persekitarannya dan alam nyata. Manusia menggunakan lambang bahasa untuk merakamkan fikiran dan pengalamannya. Bahasa juga merupakan teras dalam perkembangan kanak-kanak kerana bahasa telah membantu kanak-kanak berkomunikasi dengan orang di sekeliling mereka.

Bahasa dapat membantu kanak-kanak memahami butiran dalam kehidupan sehari-hari (Asmah Hj Omar, 1993: 4-7). Lantaran itu, mengkaji pemahaman makna tersirat dalam kalangan kanak-kanak prasekolah haruslah dilakukan melalui kajian bahasa iaitu yang melibatkan bahasa verbal dan bahasa bukan verbal kerana bahasa merupakan cerminan sebenar terhadap tahap pemahaman makna tersirat dalam kalangan kanak-kanak.

Sesuai dengan sifat bahasa yang boleh diibaratkan sebagai cerminan dalam menilai tahap pemahaman makna tersirat para penuturnya, maka kajian ini akan menjadi cerminan terhadap tahap pemahaman makna tersirat dalam interaksi kanak-kanak prasekolah di Malaysia, walaupun sampel yang digunakan dalam kajian ini hanyalah terbatas kepada kanak-kanak Melayu sahaja. Tambahan lagi, mengikut Fromkin et al. (2003: 1) proses dan tahap pemerolehan bahasa kanak-kanak di seluruh dunia adalah lebih kurang sama sahaja. Pernyataan ini diterangkan dengan lebih jelas dalam petikan di bawah:

“The capacity to learn is deeply ingrained in us species, just as capacity to walk, to grasp objects, to recognize faces. We don’t find any serious differences in children growing up in congested urban slums, isolated mountain villages, or in privilege suburban villas” (ibid.).

Pernyataan Fromkin et al. ini disokong oleh Safriandi (2009: 1) yang mana semua manusia khususnya kanak-kanak mengalami proses dan tahap penguasaan bahasa yang serupa di seluruh dunia. Safriandi telah memetik kenyataan yang telah diutarakan oleh Dardjowidjojo (2005:243-244) iaitu, kanak-kanak tidak di mana pun juga mereka berada, tetap akan memperoleh bahasa pertamanya dengan memakai strategi yang sama. Kesamaan ini tidak hanya dilandasi oleh biologi dan neurologi manusia yang sama, tetapi juga oleh pandangan mentalistik yang menyatakan bahwa anak telah dibekali dengan bekal kodrati pada saat dilahirkan.

Daripada pendapat-pendapat yang diberikan di atas, jelas sekali bahawa cara, kaedah dan strategi pemerolehan bahasa dalam kanak-kanak adalah bersifat universal tanpa mengira batas sempadan geografi, keturunan, baka atau lain-lain. Hal ini demikian kerana, cara serta kaedah pemerolehan bahasa kanak-kanak di seluruh dunia adalah sama. Lantaran itu, diharapkan agar kajian ini dapat menyumbangkan sesuatu hasil yang berguna kepada masyarakat untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam

tentang pemerolehan serta pemahaman bahasa tersirat kanak-kanak kerana dapatan kajian bukan sahaja menggambarkan keupayaan sampel kajian semata-mata malah ia mewakili keupayaan seluruh kanak-kanak didunia tanpa mengira sempadan bangsa dan bahasa.

Beberapa kajian telah menunjukkan bahawa kanak-kanak yang belum terdedah kepada proses pembelajaran secara formal telah dapat menguasai kosa kata pada kadar yang sungguh mengagumkan. Diantaranya ialah Chomsky (1988) yang telah mengatakan bahawa kanak-kanak menguasai leksikon 12 patah perkataan atau lebih dari itu dalam sehari. Miller dan Gildea (1987) mengatakan bahawa kanak-kanak normal secara umumnya menguasai leksikon pada kadar 5000 patah perkataan setahun atau lebih kurang 13 patah perkataan sehari.

Melihat kepada peringkat-peringkat perkembangan dan pemerolehan bahasa seperti yang telah diutarakan oleh Fenton (1925), Wood (1981), dan Simanjuntak (1982), didapati bahawa kanak-kanak mengalami tahap pemerolehan bahasa yang begitu pesat sejak dilahirkan lagi sehinggalah mereka mencapai tahap kecekapan penuh. Bermula dengan peringkat *Reflex Sound* oleh Fenton (1925) dan dikenali juga sebagai *peringkat membebel* atau *mengagah* oleh Mangantar Simanjuntak (1982) iaitu ketika kanak-kanak berusia seawal kelahiran sehinggalah kanak-kanak berusia enam bulan.

Selepas peringkat ini, kanak-kanak dikatakan mula memperolehi suku kata sehinggalah peringkat terakhir pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak iaitu pada usia empat atau lima tahun. Tahap ini dikenali sebagai *peringkat kecekapan penuh* oleh Mangantar Simanjuntak (1982) dan Wood (1981) telah menamakan peringkat terakhir

ini sebagai *peringkat complex grammatical changes and word categories* iaitu pada usia kanak-kanak empat tahun ke atas.

1.4.1 Bahasa Halus dan Hubungannya dengan Makna Tersirat

Penggunaan bahasa halus atau bahasa yang sopan sememangnya telah menjadi satu budaya dalam masyarakat Melayu. Penggunaannya yang meluas secara tidak langsung telah mempengaruhi bahasa kanak-kanak. Kata *halus* boleh didefinisikan sebagai sesuatu yang bersopan santun atau *having a nice mind* (Michael West, 1969: 259). Manakala bahasa halus pula boleh dirujuk sebagai satu sistem bercakap atau menulis yang lebih bersopan santun, berbudaya tinggi dan yang terkandung di dalamnya kehalusan budi (Ismail Hashim, 1991: 39).

Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (1991: 474), orang Melayu menyampaikan mesej dengan gaya yang paling sopan dengan berselindung disebalik tutur kata yang paling manis walaupun perkara yang ingin disampaikan tidak menyenangkan. Konsep kesopanan orang Melayu ini dikaitkan dengan “implikatur” bahasa Melayu.

1.5 Pernyataan Masalah

Ujaran yang dituturkan oleh individu itu mengandungi maksud dan makna tertentu. Pentafsiran yang salah terhadap penggunaan ayat yang berbagai-bagai dalam bentuk perbualan dan penulisan memberi implikasi terhadap ketepatan maksud (Hashim Fauzy 2001).

Ketetapan maksud ujaran seseorang itu tidak dapat diukur menerusi ungkapan semata-mata kerana ada kalanya penutur mempunyai maksud lain yang cuba disampaikan semasa membuat sesuatu ujaran. Maksudnya, makna yang cuba disampaikan bukan

seperti yang diucapkan mengikut pemahaman pendengar pada ketika itu. Oleh hal yang demikian, pemahaman terhadap makna sebenar ujaran adalah sangat mustahak. Apatah lagi dalam kalangan masyarakat Melayu yang sangat menekankan aspek bahasa berkias, berlapis, berhemah dan penyampaian makna secara tersirat agar tidak menyinggung perasaan pendengar.

Budaya menjaga hati, menyampaikan maksud atau niat secara berhemah, tersembunyi sememangnya telah menjadi darah daging yang melatari kehidupan masyarakat Melayu sejak dahulu lagi. Situasi ini secara tidak langsung telah mempengaruhi bentuk bahasa serta pemerolehan bahasa kanak-kanak. Pengaruh bahasa ibu-bapa, kaum keluarga sememangnya amat kuat dalam mempengaruhi pemerolehan serta perkembangan bahasa kanak-kanak. Ibarat kata pepatah *kemana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi* jelas menunjukkan apa jua bentuk bahasa yang diperolehi oleh kanak-kanak dalam perkembangan bahasanya sememangnya datang dari kalangan masyarakat di sekeliling kanak-kanak itu sendiri.

Apa jua bentuk bahasa yang digunakan oleh kanak-kanak adalah hasil daripada pengaruh bahasa ibu-bapa, kaum keluarga serta jiran tetangga mereka. Keupayaan kanak-kanak menyerap segala bentuk bahasa yang digunakan dalam masyarakat sekeliling akan menyebabkan mereka mampu menggunakan dan memanipulasikan bahasa dalam pelbagai bentuk demi mencapai segala tujuan mereka.

Permasalahannya, sejauhmanakah kemampuan serta keupayaan berbahasa kanak-kanak prasekolah ini? Adakah kanak-kanak pada usia empat hingga enam tahun ini telah benar-benar mampu menyerap segala bentuk bahasa pertuturan orang dewasa di sekeliling mereka sehinggakan mereka mampu menguasai bentuk-bentuk makna tersirat

verbal dan bukan verbal? Benarkah kanak-kanak pada usia prasekolah mampu memahami makna tersirat yang selalu didengari dalam kehidupan mereka semenjak dilahirkan? Mampukah kanak-kanak menyampaikan pelbagai mesej secara tersirat semasa berinteraksi? Adakah kanak-kanak pada tahap prasekolah ini mampu memahami dan menyampaikan makna tersirat dalam konteks penggunaan yang betul semasa berinteraksi?

Kemampuan kanak-kanak prasekolah menyampaikan makna tersirat melalui bahasa verbal dan bukan verbal dalam konteks yang betul kepada pendengar, serta kemampuan kanak-kanak mentafsir maksud tersirat verbal dan bukan verbal yang disampaikan oleh penutur semasa berinteraksi, boleh menggambarkan kepada kita tentang keupayaan sebenar kanak-kanak dalam memahami makna tersirat. Hal ini penting untuk dibuktikan memandangkan seringkali terpalit dalam pemikiran orang dewasa bahawa kanak-kanak prasekolah hanya memahami perkara-perkara ‘mudah’ sahaja iaitu perkara-perkara yang lebih terang, jelas, konkrit, bersifat tersurat dan nyata. Lantaran itu terdapat sesetengah ibu bapa atau orang dewasa yang sering membuat tanggapan bahawa kanak-kanak tidak tahu dan tidak faham tentang makna tersirat yang cuba diperkatakan. Kesannya, ibu bapa dan masyarakat umumnya lebih suka memilih untuk menggunakan bahasa mudah apabila berkomunikasi dengan kanak-kanak prasekolah.

Merujuk kepada pernyataan yang telah dibuat oleh Subramaniam dalam tesisnya yang bertajuk “Pemerolehan Bahasa di Kalangan Kanak-Kanak Melayu” iaitu kanak-kanak hanya akan menggunakan kata-kata yang mudah dan sering menggunakan strategi simplifikasi (permudahan) bagi menggambarkan makna yang telah mereka kuasai (Subramaniam, 2000: 1). Persoalannya, benarkah kanak-kanak hanya menggunakan

ayat-ayat yang mudah semasa berinteraksi? Benarkah kanak-kanak langsung tidak mampu mengujarkan dan mentafsir ayat-ayat yang mempunyai maksud tersirat?

Hal-hal yang berkaitan dengan pemerolehan bahasa kanak-kanak sering mendapat tumpuan ahli-ahli bahasa kerana ia bersifat universal atau sejagat. Sebagaimana yang kita tahu bahawa semua kanak-kanak di dunia tanpa mengira bangsa, kaum, dan agama telah memulakan kehidupan mereka tanpa bahasa tetapi akhirnya mampu untuk menguasai bahasa dengan baik tanpa perlu diajar oleh sesiapa. Malah ibu bapa sendiri kadang kala tidak menyedari masa dan cara anak-anak mereka memperolehi dan menguasai bahasa. Hal ini dapat dijelaskan dengan pernyataan berikut:

“Children must therefore construct the rules that permit them to use their language creatively. No one teach them the rules. Their parents are no more aware of the phonological, morphological syntactic and semantic rules than are the children.” (Fromkin et al., 1993: 342).

Kanak-kanak merupakan golongan yang istimewa kerana pada tahap inilah semua perkara dalam kehidupan akan mula dipelajari. Ini bermaksud bahawa kanak-kanak bukan sahaja belajar berjalan, bercakap tetapi juga belajar perkara-perkara asas yang lain dalam kehidupan mereka setiap hari. Perkembangan dan keupayaan memperolehi dan menguasai bahasa telah berlaku sejajar dengan perkembangan fizikal kanak-kanak.

Pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak berlaku dalam minda mereka dan hanya boleh dinilai melalui kemampuan kanak-kanak membuat ujaran. Begitu juga dalam menilai tahap pemahaman kanak-kanak, ia hanya boleh diukur berdasarkan pertuturan serta perlakuan bukan bahasa. Pemahaman kanak-kanak terhadap perkataan yang didengari juga tidak boleh dinilai dan diukur oleh orang lain kecuali kanak-kanak itu sendiri kerana tahap pemahaman seseorang itu hanya wujud di dalam minda mereka sahaja yang sememangnya tidak mampu dilihat dengan mata kasar.

Walau bagaimanapun, berdasarkan ujaran yang dibuat serta maklum balas yang diberikan oleh kanak-kanak semasa berinteraksi, kemampuan sebenar kanak-kanak sama ada dari sudut penguasaan bahasa, pemahaman makna tersirat serta kecekapan berkomunikasi mereka dapat dinilai. Oleh sebab itu, untuk mengkaji penguasaan bahasa terutamanya dari sudut pemerolehan dan pemahaman makna tersirat, data-data yang banyak, berkualiti dan pelbagai perlu diambil semasa kanak-kanak berinteraksi.

Sekiranya kanak-kanak mampu menyampaikan makna tersirat semasa berinteraksi dan mampu pula memberikan maklum balas yang selari dengan ujaran yang mempunyai maksud tersirat, ia menunjukkan keupayaan sebenar kanak-kanak dalam mentafsir dan memahami makna tersirat. Namun sekiranya tidak mampu, maka kesimpulan boleh dibuat bahawa kanak-kanak masih tidak mampu memahami dan memproses maksud tersirat ujaran. Lantaran itu, ukuran terhadap tahap pemahaman dan keupayaan kanak-kanak dapat dibuat dengan tepat melalui maksud ujaran-ujaran yang dituturkan (sama ada kanak-kanak mampu menyampaikan mesej tersirat melalui ujaran) serta maklum balas yang selari yang diberikan (terhadap ujaran yang mengandungi makna tersirat).

Sebenarnya, selain dari mendapatkan jawapan tentang sejauh manakah tahap pemahaman sebenar kanak-kanak terhadap makna tersirat ujaran, banyak lagi persoalan-persoalan lain yang timbul seperti: bilakah kanak-kanak mulai belajar dan menguasai bahasa, bagaimanakah proses pemerolehan bahasa dalam kalangan kanak-kanak berlaku dan sejauh mana pula tahap pemahaman kanak-kanak semasa berinteraksi khususnya pemahaman terhadap makna tersirat ujaran telah menjadi persoalan yang perlu dirungkai.

Kekurangan analisis terhadap pemahaman makna tersirat dalam kalangan kanak-kanak, telah mendorong pengkaji memilih untuk menganalisis pemahaman makna tersirat dalam perbualan kanak-kanak. Bukanlah suatu perkara mudah untuk membuat penilaian terhadap penguasaan bahasa kanak-kanak dalam aspek pemahaman makna tersirat kerana tahap pemahaman makna merupakan suatu aspek yang abstrak yang terlindung di dalam pemikiran kanak-kanak itu sendiri. Hanya kanak-kanak sahaja yang tahu sejauh mana mereka memahami sesuatu ujaran yang didengari. Jadi, bagaimanakah kita hendak melihat tahap sebenar pemahaman makna tersirat dalam kalangan kanak-kanak prasekolah ini?

Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini bahawa pemahaman makna tersirat dalam kalangan kanak-kanak prasekolah boleh dinilai berdasarkan maklum balas yang diberikan oleh kanak-kanak selepas mereka mendengar ujaran serta melihat sesuatu perlakuan bukan lisan individu-individu di sekeliling mereka semasa proses interaksi berlangsung. Ini kerana seseorang penutur dikatakan mengucapkan ayat-ayat dengan makna tertentu (perlakuan pengucapan) dan dengan daya tertentu (daya niat pengucapan) untuk menimbulkan kesan tertentu kepada si pendengar (perlakuan tindak balas pengucapan).

Perlakuan tindak balas pengucapan akan berlaku hasil daripada pemahaman seseorang terhadap maksud yang ingin disampaikan oleh seseorang penutur sama ada dari aspek makna tersurat atau tersirat. Perlakuan tindak balas pengucapan ini akan berlaku seiring dengan pemahaman dan kemampuan kanak-kanak menterjemahkan maksud pengucapan tersebut. Lantas, berdasarkan tindak balas ini juga, pengkaji boleh membuat rumusan kajian sama ada kanak-kanak memahami maksud tersirat semasa berinteraksi atau tidak.

Fenomena ini adalah selari dengan apa yang telah dijelaskan oleh Watson (1924), iaitu perkataan merupakan pengganti kepada objek, hal, atau perkara yang bertindak sebagai rangsangan untuk menimbulkan sesuatu gerak balas. Sebenarnya, selain daripada maklum balas bukan verbal pendengar terhadap ujaran penutur, pengucapan yang dibuat atau maklum balas verbal juga penting sebagai perlakuan tindak balas pengucapan yang boleh membuktikan tahap pemahaman sebenar kanak-kanak khususnya yang berkaitan dengan pemahaman makna tersirat dalam kalangan mereka.

Walaupun kajian terhadap pemerolehan bahasa kanak-kanak meliputi aspek yang luas, tetapi pada hakikatnya kajian ini mempunyai masalahnya sendiri kerana ianya merupakan sesuatu yang misteri dan rumit untuk dijadikan sebagai satu kesimpulan yang jitu. Ini kerana pemerolehan bahasa oleh seseorang individu atau kanak-kanak merupakan proses kognitif yang berlaku dalam minda seseorang dan agak sukar untuk dibuat ukuran secara tepat. Sinclair (1969) telah membuat kajian tentang pemerolehan bahasa kanak-kanak dan mendapati bahawa pemerolehan bahasa kanak-kanak yang berlaku dalam persekitarannya adalah berdasarkan perkembangan kognitifnya.

Kanak-kanak menguasai makna, objek, serta peristiwa-peristiwa dalam persekitaran mereka dan makna tersebut kemudiannya akan distrukturkan dan dihayati oleh kanak-kanak dalam struktur kognitifnya (ibid.). Sehubungan itu, pemerhatian dan penganalisaan yang teliti perlu dilakukan untuk melihat tahap perkembangan bahasa kanak-kanak terutamanya dalam menilai keupayaan mereka mentafsir dan melahirkan makna tersirat. Hal ini sangat bersangkutan paut dengan pengaruh penggunaan bahasa oleh masyarakat di sekeliling kanak-kanak. Ia dikenali juga sebagai pengaruh bahasa ibunda kanak-kanak.

Penggunaannya bahasa halus atau bahasa yang sopan yang meluas dalam kalangan orang dewasa secara tidak langsung telah mempengaruhi bahasa kanak-kanak. Namun sejauh manakah kemampuan kanak-kanak dalam memahami dan mempraktikkan penggunaan bahasa halus sebagaimana yang diamalkan dalam perbualan harian masyarakat di sekelilingnya? Kajian ini akan menunjukkan kepada kita sejauh manakah pengaruh ‘bahasa sopan’ dan ‘bahasa beralas’ yang sering dipraktikkan dalam kehidupan harian masyarakat Melayu telah mempengaruhi bahasa kanak-kanak.

‘Bahasa beralas’ dan ‘bahasa sopan’ merupakan satu ciri penting yang amat dititik beratkan oleh masyarakat Melayu dalam perbualan harian agar kesopanan dan ketertiban penuturnya terserlah. Masyarakat Melayu akan sentiasa memastikan ujaran yang dituturkan tidak akan menyakiti atau menyinggung hati orang lain. Justeru, pengujaran maksud secara berhemah dan berlapik sentiasa menjadi amalan utama masyarakat Melayu terutamanya semasa membuat permintaan untuk mengelak daripada merasa malu sekiranya permintaannya ditolak. Sesungguhnya, penyampaian makna secara tersirat dalam perbualan atau semasa berinteraksi sudah menjadi satu lumrah dalam kehidupan masyarakat Melayu.

Sejauh manakah pengaruh persekitaran dalam mempengaruhi bahasa kanak-kanak? Adakah kanak-kanak pada usia empat hingga enam tahun telah mampu memahami dan mempraktikkan penggunaan bahasa sopan, beralas, berlapik semasa berkomunikasi sebagaimana yang sering digunakan oleh orang dewasa di sekeliling mereka? Kemampuan mengujar dalam situasi dan konteks yang betul serta keupayaan membuat tafsiran yang tepat terhadap bentuk-bentuk bahasa sopan, berkias dan berlapik dapat membuktikan tahap sebenar pemahaman makna tersirat dalam kalangan kanak-kanak.

Namun, persoalannya sekiranya pemerolehan dan kemahiran berbahasa kanak-kanak tidak dipengaruhi oleh persekitaran, adalah agak mustahil pada usia prasekolah kanak-kanak mampu menghasilkan ayat-ayat kompleks atau ujaran-ujaran yang mempunyai makna tersirat. Apatah lagi penggunaan makna tersirat dalam kalangan orang dewasa di sekeliling kanak-kanak adalah amat meluas dan mantap. Kajian ini akan menyerlahkan jawapan yang sebenarnya sama ada bahasa kanak-kanak banyak dipengaruhi oleh faktor persekitaran atau sebaliknya.

1.6 Objektif Kajian

Pada dasarnya, objektif kajian ini adalah untuk melihat tahap pemahaman makna tersirat dalam interaksi antara kanak-kanak prasekolah yang berusia empat hingga enam tahun. Kajian dilakukan untuk menjawab persoalan sama ada kanak-kanak prasekolah yang berusia empat hingga enam tahun ini telah menguasai makna tersirat atau tidak. 'Menguasai' di sini bermaksud adakah kanak-kanak pada tahap ini telah mampu memahami, mentafsir dan mengujarkan ayat-ayat yang mengandungi makna tersirat di sebalik ujaran yang tersurat atau mereka hanya mampu melahirkan mesej yang tersurat semata-mata semasa berinteraksi.

Kanak-kanak dianggap telah mempunyai pemahaman dan menguasai makna tersirat jika mereka berupaya untuk menghasilkan dan menterjemahkan mesej tersirat sama ada dalam bentuk verbal atau bukan verbal dengan tepat. Keupayaan menghasilkan ujaran yang mempunyai makna tersirat sebenarnya dapat dijelaskan sebagai kemampuan kanak-kanak menyampaikan mesej tersirat kepada pendengar sama ada melalui ujaran atau perlakuan. Kemampuan verbal kanak-kanak dilihat berdasarkan keupayaan kanak-kanak menghasilkan ujaran yang mempunyai maksud tersirat melalui pelbagai bentuk cara penyampaian yang akan dikaji dan diterangkan dalam Bab 4. Penyampaian mesej

tersirat secara bukan verbal pula adalah merujuk pada perlakuan yang ditunjukkan oleh kanak-kanak dalam usaha memberi kefahaman dan tindakbalas yang sesuai terhadap mesej tersirat yang cuba disampaikan oleh mereka kepada pendengar yang juga akan dibincangkan dalam bab seterusnya.

Pentafsiran makna ujaran berdasarkan konteks, telah dilakukan untuk mencungkil keupayaan kanak-kanak dalam mentafsir makna tersirat dalam perbualan antara mereka. Untuk melihat tahap pemahaman makna tersirat ini, analisis data akan dibuat bukan hanya merangkumi keupayaan kanak-kanak mengujar dan memahami makna tersirat yang dihasilkan secara verbal, malah analisis juga akan dibuat berdasarkan keupayaan kanak-kanak mentafsir maksud tersirat di sebalik perlakuan bukan verbal penutur-penutur yang berkomunikasi dengan mereka.

Kajian ini secara tidak langsung akan dapat menerangkan dan menggambarkan tentang tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Hasil kajian akan dapat memberikan maklumat tentang keupayaan, tahap penguasaan dan pemahaman kanak-kanak prasekolah dalam mentafsir makna ujaran. Sehubungan dengan itu, situasi ini dapat memberikan panduan tentang cara atau gaya komunikasi yang sesuai dengan tahap pemahaman sebenar kanak-kanak. Ibu bapa dan guru-guru dapat menggunakan hasil kajian ini untuk merancang serta melaksanakan strategi berkesan dalam membantu meningkatkan kecekapan berbahasa dalam diri kanak-kanak prasekolah terutamanya yang berkaitan dengan penerimaan serta penghasilan ujaran-ujaran yang mempunyai maksud tersirat.

Oleh itu, secara khususnya objektif kajian ini adalah untuk:

Menilai pemahaman makna tersirat dalam interaksi kanak-kanak berdasarkan:

1. kemampuan kanak-kanak mengujar dan mentafsir ujaran yang mempunyai maksud tersirat.
2. a. mengkaji strategi-strategi yang digunakan oleh kanak-kanak (penutur) dalam usaha memastikan makna tersirat yang hendak disampaikan itu difahami. Antara strategi-strategi yang didapati wujud dalam data, terutamanya sewaktu kanak-kanak cuba menyampaikan mesej tersirat ialah:
 - i. strategi mengajukan pertanyaan kepada pendengar (penutur)

Kanak-kanak ada kalanya akan menggunakan strategi pertanyaan untuk menarik perhatian pendengar dan memaksa pendengar memproses maklumat (Asmah Hj Omar, 1985) yang cuba disampaikan.
 - ii. strategi menambahkan maklumat konteks (penutur)

-Kanak-kanak juga menggunakan strategi menambahkan maklumat konteks sekiranya menyedari pendengar tidak memahami dan tidak dapat memproses makna tersirat yang terkandung dalam ujaran yang disampaikan.
 - iii. Strategi bukan verbal (penutur)

Kanak-kanak juga menggunakan strategi sokongan melalui perlakuan bukan verbal seperti memberikan senyuman, mengenyit mata, mencebik bibir dan sebagainya untuk mengiringi ujaran yang mengandungi mesej tersirat agar ia disedari oleh pendengar dan akhirnya dapat membantu pendengar membuat tafsiran yang tepat.

- b. Mengenalpasti strategi verbal dan bukan verbal yang ditunjukkan oleh pendengar sebagai maklum balas sekiranya tidak memahami maksud tersirat yang cuba disampaikan oleh penutur.

1.7 Persoalan Kajian

Kajian ini dilakukan berdasarkan kepada beberapa persoalan seperti berikut iaitu:

1. Adakah kanak-kanak prasekolah telah mampu memahami, mengujarkan dan mentafsirkan makna tersirat dalam interaksi antara mereka?
2. Apakah strategi yang digunakan oleh kanak-kanak untuk memberikan pemahaman kepada pendengar atau untuk memastikan makna tersirat yang terkandung dalam ujaran yang diujarkan oleh mereka difahami oleh pendengar?
3. Apakah strategi verbal dan bukan verbal yang digunakan dan ditunjukkan oleh kanak-kanak sekiranya mereka sendiri tidak memahami sesuatu pertuturan yang diujarkan oleh penutur terutamanya dalam mentafsir makna tersirat yang terkandung dalam sesuatu ujaran yang didengarinya?

1.8 Kepentingan Kajian

Menurut Fromkin et al. (1993: 341), kanak-kanak memulakan kehidupan tanpa bahasa dan secara perlahan-lahan mengalami proses pemerolehan bahasa secara berterusan mengikut peringkat-peringkat perkembangan yang amat teratur selari dengan perkembangan usia dan perkembangan fizikal mereka. Beliau juga menyatakan bahawa tanpa mengira bangsa, bahasa atau tempat tinggal, kanak-kanak tetap mengalami proses perkembangan dan tahap pemerolehan bahasa yang sama.

Sehubungan itu, secara amnya, kajian ini adalah penting untuk meninjau proses pemahaman ujaran yang berlaku dalam kalangan kanak-kanak khususnya di peringkat prasekolah. Namun secara lebih khusus, fokus kajian adalah untuk mengkaji pemahaman makna tersirat dalam kalangan kanak-kanak yang dianggap amat sukar untuk difahami tetapi sering digunakan dalam interaksi antara mereka.

Kajian ini dapat membantu mendedahkan kepada masyarakat berkaitan dengan tahap sebenar pemahaman kanak-kanak dalam mentafsir makna tersirat ujaran yang didengari oleh mereka sama ada dalam bentuk perkataan atau ayat. Contohnya, ibu bapa akan mengetahui tahap sebenar pemahaman anak-anak mereka terutamanya dalam memahami makna tersirat. Ini penting memandangkan pemahaman yang lebih jitu tentang keupayaan kanak-kanak mentafsir makna, khususnya makna tersirat dalam proses komunikasi harian yang akan dapat membantu ibu bapa menggunakan pengetahuan ini untuk merancang kaedah yang lebih berkesan khususnya dalam usaha mendorong perkembangan dan kecekapan berbahasa anak-anak dengan lebih baik lagi.

Sesungguhnya, pengetahuan tentang tahap sebenar pemahaman anak-anak prasekolah adalah amat penting kepada ibu bapa kerana mereka merupakan orang pertama yang bertanggung jawab membantu perkembangan bahasa kanak-kanak. Dalam konteks bahasa dan pendidikan kanak-kanak, ibu bapa dan orang yang paling hampir dengan kanak-kanak tersebut merupakan model yang ideal. Tidak dapat dinafikan bahawa, sejak dilahirkan sehingga memasuki alam persekolahan, kanak-kanak lebih banyak bersama ibu bapa mereka dan akan mengalami proses peniruan serta asimilasi budaya secara langsung.

Oleh itu bentuk pemakaian bahasa ibu bapa menjadi agen pertama yang mempengaruhi cara komunikasi kanak-kanak serta tahap pemahaman makna sama ada dari sudut yang tersurat atau tersirat. 'Guru' yang terlibat dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa kanak-kanak pada peringkat awal kanak-kanak sebenarnya adalah terdiri daripada datuk, nenek, emak, ayah, abang, kakak dan lain-lain yang terdekat dengan mereka (Abdul Aziz Abdul Talib, 1993: 65).

Yaacob Harun (1989:21) berpendapat, keluarga Melayu merupakan agen sosialisasi yang pertama dalam masyarakat. Sosialisasi tahap pertama merujuk kepada seseorang kanak-kanak itu yang masih bergantung kepada ibu bapa dalam hampir semua aspek kehidupan. Manakala sosialisasi tahap kedua pula merujuk kepada peringkat anak-anak setelah meningkat dewasa atau pada peringkat remaja.

Dalam masyarakat Melayu, didikan yang sempurna diberikan terhadap anak-anak pada tahap pertama merupakan satu tanggungjawab yang penting kepada ibu bapa. Pada tahap ini, perkara yang dititikberatkan oleh ibu bapa ialah proses pembentukan akhlak dan perkembangan peribadi yang akur pada nilai-nilai dan norma sosial masyarakat sekeliling. Anak-anak diajar supaya sentiasa berkelakuan baik, berbudi bahasa, mematuhi arahan ibu bapa, menghormati saudara mara, menghormati orang tua dan selalu bertindak dalam lingkungan peraturan dan tatasusila yang ditetapkan (ibid.).

Keupayaan memahami dan menghasilkan pelbagai fonem adalah dibentuk oleh pengalaman yang bermula dari sejak mula dilahirkan lagi (Noor Aina Dani, 2007: 19) Sehubungan itu, ibu bapa hendaklah peka dan perlu mengetahui tahap sebenar pemahaman makna tersirat dalam kalangan anak-anak mereka untuk memudahkan ibu bapa menggunakan pendekatan yang sesuai dengan tahap pemahaman kanak-kanak

kerana pendekatan yang sesuai dengan usia kanak-kanak adalah penting untuk membantu kanak-kanak menerima sepenuhnya mesej, didikan, teguran dan tunjuk ajar yang disampaikan oleh ibu bapa kepada mereka.

Dapatan kajian ini juga boleh digunakan sebagai panduan kepada ibu bapa untuk mempraktikkan ciri-ciri kesopanan semasa berkomunikasi dengan anak-anak setelah mengetahui dengan lebih jelas tentang tahap sebenar pemahaman kanak-kanak khususnya keupayaan memahami makna tersirat, maka ibu bapa boleh melakukan pelbagai pendekatan semasa berinteraksi dengan anak-anak demi membantu meningkatkan kecekapan berkomunikasi dan keupayaan mengaplikasikan ciri-ciri kesopanan dan kesantunan berbahasa. Ia secara tidak langsung dapat membentuk keperibadian yang terpuji yang selaras dengan tuntutan budaya masyarakat Melayu yang sangat mementingkan nilai kesopanan dan kehalusan budi bicara. Malah, masyarakat Melayu Tradisional sentiasa menjaga tutur kata semasa berinteraksi kerana ia merupakan lambang kesopanan.

Masyarakat Melayu sememangnya sangat mementingkan aspek kesantunan agar tidak dianggap kurang sopan atau kurang adab. Anak-anak dididik agar sentiasa berbudi bahasa dan mengamalkan nilai-nilai murni. Ibu bapa sedar bahawa didikan yang sempurna dapat membentuk keperibadian yang terpuji dalam kalangan anak-anak. Cara bertutur yang sopan dan berhemah semasa berkomunikasi dalam kalangan ahli keluarga sangat dititik beratkan kerana ia mampu mempengaruhi tingkah laku dan tutur kata anak-anak. Keluarga sejak awal lagi merupakan agen sosialisasi yang menyediakan anak-anak dengan asas pengetahuan adat dan budaya sebelum diterima masuk ke dalam kelompok masyarakatnya.

Melalui proses interaksi, ibu bapa boleh menerapkan ciri-ciri kesopanan dan kesantunan berbahasa yang sesuai dengan budaya masyarakat Melayu dalam kehidupan kanak-kanak. Selain itu, undang-undang adat juga sering digunakan oleh orang Melayu sebagai panduan dalam mendidik dan melatih anak-anak supaya menjadi anggota masyarakat yang akur kepada peraturan dan juga amalan harian masyarakat Melayu. Adalah menjadi satu penghinaan terhadap ahli keluarga terutamanya ibu bapa sekiranya anak-anak mereka dimarahi oleh seseorang dengan mengatakan anak mereka sebagai seorang yang ‘kurang ajar’ disebabkan menggunakan bahasa yang kasar dan tidak sopan semasa berkomunikasi dengan orang-orang sekeliling. Sehubungan itu adalah wajar, ibu bapa dalam masyarakat Melayu sentiasa memastikan anak-anak mereka mendapat tunjuk ajar yang sesuai dengan tuntutan budaya.

Penggunaan bahasa yang baik dan betul semasa berkomunikasi merupakan salah satu perkara penting dalam kehidupan orang-orang Melayu. Ia bukan sahaja dapat membantu menyerlahkan kesantunan berbahasa seseorang itu sesuai dengan tuntutan budaya, malah dapat memaparkan ciri-ciri yang sempurna khususnya dalam kalangan kanak-kanak yang sedang mengalami proses pembelajaran dan penguasaan struktur bahasa, penggunaan bahasa serta budaya bahasa ibunda mereka sendiri. Apatah lagi kajian membuktikan bahawa pengaruh masyarakat persekitaran serta budaya amat penting dalam mempengaruhi komunikasi seseorang.

Zaitul Azma Zainon Hamzah (2009: 30), mengatakan bahawa komunikasi sehari-hari sebenarnya adalah lebih banyak dipengaruhi oleh pelbagai faktor budaya. Oleh itu, setiap individu perlu berkomunikasi dengan cara yang santun dan berhemah agar selari dengan tuntutan budaya masyarakat sekeliling mereka.

Seterusnya, dapatan kajian ini juga dapat membantu guru-guru sekolah mengetahui tahap sebenar pemahaman makna tersirat dalam kalangan kanak-kanak. Pengetahuan ini penting kerana guru merupakan antara individu yang banyak mempengaruhi perlakuan dan pemikiran murid-murid. Hasil kajian ini dapat dijadikan panduan kepada guru-guru dalam merancang dan melaksanakan strategi yang lebih berkesan dalam meningkatkan penguasaan bahasa murid-murid prasekolah terutamanya dari sudut pemahaman makna tersirat dalam kalangan mereka. Pemahaman tentang kemampuan dan kecekapan pemahaman kanak-kanak dapat membantu guru-guru meningkatkan perancangan berkesan kearah membentuk sahsiah diri serta menjana perkembangan minda yang selari dengan kanak-kanak berasaskan pengetahuan serta keupayaan sebenar kanak-kanak dalam memahami bahasa. Perkara ini adalah amat wajar memandangkan semua ilmu pengetahuan adalah diajarkan kepada kanak-kanak melalui bahasa.

Barbara S. Wood (1981), dalam bukunya telah menyatakan bahawa:

“As parents and teachers of children, we must help children build a repertoire of communication strategies with which they can deal with the critical situations they will encounter. We must help them in their struggle to make sense of themselves, the world they live in, and the person that are important in their lives” (ibid.: 5).

Dalam aspek pendidikan, kajian ini dapat dimanfaatkan oleh para pendidik khususnya diperingkat tadika dan kebangsaan untuk merancang sistem pembelajaran yang lebih berkesan, selari dan sesuai dengan tahap pemahaman pelajar. Program pendidikan yang dimaksudkan ialah merangkumi kaedah pengajaran, penyediaan sukatan pelajaran dan interaksi antara guru dan murid.

Guru-guru prasekolah dan sekolah kebangsaan juga boleh menggunakan kajian ini sebagai rujukan dan panduan dalam merancang aktiviti pengajaran di sekolah. Guru-

guru boleh mengadakan aktiviti pembelajaran yang sesuai dengan tahap pemahaman sebenar kanak-kanak agar lebih mudah diterima oleh murid-murid. Kaedah pengajaran yang tidak selari dengan tahap pemahaman sebenar pelajar akan menyebabkan pelajar cepat merasa bosan dan tidak akan memberi tumpuan terhadap pelajaran. Hasilnya objektif pengajaran dan pembelajaran tidak akan mencapai tahap yang diharapkan.

Guru-guru juga boleh menggunakan pelbagai bentuk bahasa dalam memastikan pemahaman pelajar dapat dicapai setelah mereka mengetahui sejauh manakah tahap sebenar pemahaman kanak-kanak. Selain menggunakan contoh-contoh yang pelbagai serta bersifat lebih abstrak yang sesuai dengan tahap pemahaman pelajar dalam menyampaikan ilmu agar lebih cepat difahami, guru-guru juga boleh menyediakan dan merancang pelbagai aktiviti, serta strategi yang bersesuaian dengan perkembangan bahasa dan peningkatan pemahaman kanak-kanak. Cara ini bukan sahaja akan membantu dari aspek perkembangan bahasa, malahan juga dari segi pengaruh budaya, perkembangan kognitif dan sendiri kanak-kanak sendiri.

Oleh kerana kajian yang berkaitan dengan pemahaman makna tersirat khususnya dalam interaksi kanak-kanak Melayu yang berusia empat hingga enam tahun masih belum dilakukan dengan meluas di negara ini, maka kajian ini diharap akan dapat menyumbang kepada bidang pengajian perkembangan bahasa kanak-kanak dari aspek pemahaman makna tersirat serta strategi yang efektif untuk melicinkan interaksi dalam kalangan kanak-kanak. Kajian ini diharap dapat dijadikan sebagai panduan serta titik tolak kepada semua pihak terutamanya kepada para akademik untuk meneroka aspek pemahaman makna tersirat dalam kalangan kanak-kanak dari sudut yang lebih luas dan mendalam lagi.

1.9 Batasan Kajian

Walaupun bidang bahasa meliputi aspek yang luas iaitu merangkumi aspek-aspek fonologi, morfologi, sintaksis, semantik dan lain-lain, namun analisis kajian ini hanyalah terbatas kepada analisis pemahaman makna tersirat kanak-kanak prasekolah semasa berinteraksi. Fokus kajian hanyalah tertumpu kepada tahap pemahaman makna tersirat sama ada dari sudut keupayaan memahami ujaran atau penghasilan ujaran yang mempunyai maksud tersirat.

Pemilihan sampel kajian ini hanya terhad pada kanak-kanak prasekolah yang berusia antara empat hingga enam tahun sahaja. Memandangkan ini adalah satu kajian kes, maka hanya sebilangan sampel sahaja yang dipilih untuk mewakili golongan kanak-kanak yang seusia dengan mereka. Sampel kajian yang dipilih juga hanya terhad kepada kanak-kanak Melayu sahaja. Semua kanak-kanak yang dijadikan sampel adalah terdiri daripada kanak-kanak yang berada dalam kelas sosial pertengahan.

Pemilihan ini dilakukan berdasarkan saranan yang telah dikemukakan oleh Asmah Hj Omar (2002) yang mengatakan bahawa pemilihan sampel yang terdiri daripada mereka yang mempunyai latar belakang bahasa dan sosiobudaya yang sama dengan pengkaji adalah lebih baik kerana pengkaji lebih mudah memahami sampel kajian tersebut.

Hasilnya, kesimpulan yang lebih tepat akan dapat dibuat oleh pengkaji di akhir kajian memandangkan pengkaji sendiri telah mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang lebih mendalam terutamanya yang berkaitan dengan pengaruh budaya dan persekitaran dalam mempengaruhi bahasa dan pemahaman kanak-kanak keseluruhannya.

Selain itu, faktor budaya juga memainkan peranan penting dalam aspek pemilihan sampel dan bidang kajian. Pemilihan sampel yang mempunyai budaya dan cara hidup yang sama dengan pengkaji adalah lebih baik kerana ciri-ciri ini akan memudahkan pengkaji memahami perbualan kanak-kanak dan seterusnya memudahkan pengkaji membuat kesimpulan dan rumusan. Ini kerana budaya amat penting dalam mempengaruhi ciri-ciri perbualan, pemikiran dan pemahaman kanak-kanak.

Lazimnya, ciri-ciri budaya sesuatu masyarakat itu akan ditonjolkan dalam bahasa yang diucapkan yang disebut juga sebagai pengetahuan tentang dunia mereka. Perkara ini sangat penting dalam kajian makna tersirat ujaran kerana apa yang diujarkan oleh penutur adalah sangat berkait rapat dengan budaya mereka. Keadaan ini dapat dilihat khususnya dalam budaya masyarakat Melayu yang terlalu mementingkan aspek kesantunan ketika berbahasa (rujuk Bab 2, bahagian 2.5.1).

Dalam pertuturan khususnya yang berupa penyampaian hajat tersirat seperti meminta sesuatu atau meminta pertolongan daripada pendengar, membuat arahan, membuat teguran dan sebagainya, Masyarakat Melayu akan cuba menyampaikannya dengan sebaik mungkin secara berlapik, beralas dan tidak secara berterus terang atau langsung. Semua ini merupakan aturan yang harus dipatuhi oleh anggota masyarakat supaya tidak dianggap kurang sopan atau tidak beradab (Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2009).

Realitinya, norma-norma atau nilai-nilai budaya, peraturan dan pematuhan terhadap peraturan dan norma-norma sosial serta sistem nilai ini telah ditunjukkan oleh pemakai bahasa melalui cara pertuturan mereka setiap hari. Nyata sekali, cara bercakap dan cara menyampaikan hasrat dalam kalangan penutur bahasa Melayu banyak dipengaruhi oleh budaya serta norma-norma sosial masyarakat itu sendiri. Pastilah, situasi seperti ini juga

akan mempengaruhi bahasa dan tahap pemahaman makna tersirat dalam kalangan kanak-kanak secara umum.

Kajian terhadap data ujaran kanak-kanak dibuat dengan memberi penekanan terhadap konteks semasa ujaran dilafazkan oleh penutur kerana perkara tersebut amat penting dalam menentukan makna sesuatu ujaran. Sebagaimana yang telah diterangkan sebelum ini, kajian makna merupakan satu bentuk kajian yang bergantung sepenuhnya terhadap pemahaman pendengar kerana ia tidak boleh dilihat dengan mata kasar. Ini menjadikan kajian dalam bidang makna adalah sama seperti kajian terhadap struktur dan bentuk bahasa atau aspek-aspek lain yang penting dalam pengkajian bahasa seperti analisis linguistik yang merangkumi bidang fonologi bahasa, morfologi, sintaksis dan lain-lain.

Analisis makna berdasarkan konteks perlu dilakukan untuk menilai pemahaman makna tersirat kanak-kanak kerana dalam sesetengah keadaan sesuatu ujaran tidak diucapkan secara jelas dan langsung. Kebanyakan makna ujaran diujarkan secara beralas atau berlapik melalui penyampaian makna secara yang tersirat menggunakan ujaran yang tersurat. Fenomena ini menyebabkan analisis makna perlu dilakukan berdasarkan penilaian terhadap konteks kerana penutur sering membuat ujaran yang mempunyai maksud yang tersirat iaitu yang perlu disesuaikan dengan konteks. Oleh itu, untuk memahami dan mendapatkan makna yang lebih tepat seseorang pendengar perlulah mengetahui serta berkongsi konteks yang sama dengan para penutur.

Penggunaan prinsip kerjasama Grice dalam usaha melihat atau mengkaji pemahaman makna tersirat dalam kalangan kanak-kanak pula dapat dilakukan dengan mengesan keadaan atau situasi perlanggaran maksim-maksim prinsip kerjasama yang wujud dalam data interaksi kanak-kanak. Analisis pemahaman makna tersirat dalam kalangan kanak-

kanak akan dilakukan dengan melihat kenapakah situasi pelanggaran maksim-maksim tertentu prinsip kerjasama Grice ini berlaku semasa kanak-kanak berinteraksi. Mungkin situasi pelanggaran maksim-maksim tertentu prinsip kerjasama Grice ini wujud dalam interaksi kanak-kanak kerana mereka cuba menyampaikan mesej secara tersirat atau sebaliknya ia dilakukan kerana kelemahan aspek komunikasi kanak-kanak itu sendiri. Untuk menjawab persoalan ini dan usaha membuktikan kemampuan kanak-kanak menyampaikan mesej tersirat melalui situasi pelanggaran maksim, maka analisis implikatur akan dilakukan untuk melihat mesej sebenar yang cuba disampaikan oleh kanak-kanak di sebalik situasi pelanggaran maksim tersebut.

Dari sudut penerimaan, penilaian pemahaman pendengar terhadap sesuatu ujaran yang mempunyai maksud tersirat (ujaran yang mempunyai situasi pelanggaran pelbagai maksim) pula, boleh dinilai berdasarkan kemampuan kanak-kanak (pendengar) memproses serta mentafsir makna ujaran (yang mempunyai ciri-ciri pelanggaran maksim) itu dengan tepat seperti apa yang dihayati oleh penutur. Sekiranya kanak-kanak mampu serta berupaya membuat tafsiran yang tepat terhadap ujaran-ujaran tersebut (ujaran yang mempunyai pelbagai situasi pelanggaran maksim prinsip kerjasama Grice), maka ia menunjukkan bahawa kanak-kanak yang dikaji sebenarnya mempunyai tahap pemahaman makna tersirat yang baik.

Selain itu, kajian pemahaman makna tersirat dalam kalangan kanak-kanak juga telah dilakukan dengan menggunakan kaedah analisis pertanyaan. Kajian juga dilakukan dengan mengesan kehadiran pertanyaan-pertanyaan di dalam data yang mempunyai pelbagai mesej tersirat. Maknanya, semasa kanak-kanak mengajukan pertanyaan, ia bukanlah kerana niat mereka yang ingin membuat pertanyaan secara literal semata-

mata, sebaliknya kanak-kanak juga cuba menyampaikan pelbagai mesej tersirat melalui pertanyaan tersebut.

Kemampuan kanak-kanak menyampaikan dan mentafsir pertanyaan yang mempunyai pelbagai mesej tersirat akan menyerlahkan lagi keupayaan sebenar kanak-kanak dalam memahami makna tersirat ujaran. Ia merujuk kepada kemampuan penutur mengujarkan pelbagai mesej tersirat melalui pertanyaan. Mesej-mesej tersirat itu mungkin dalam pelbagai niat seperti membuat permintaan, mengajak atau mengarahkan/memerintahkan rakan melakukan sesuatu, mengutuk rakan, memprotes dan sebagainya, yang telah disampaikan secara tersirat dalam pelbagai bentuk pertanyaan. Kemampuan kanak-kanak (pendengar) pula dalam mentafsir pelbagai maksud tersirat yang telah disampaikan dalam pelbagai bentuk dan maksud pertanyaan itu juga dapat menyerlahkan kemampuan sebenar terhadap pemahaman makna tersirat dalam kalangan kanak-kanak prasekolah yang dijadikan sampel kajian.

1.10 Definisi Istilah

Berikut merupakan definisi istilah yang digunakan dalam kajian ini:

- ***Pemerolehan bahasa*** merupakan proses yang berlaku di dalam minda kanak-kanak semasa memperolehi bahasa pertamanya atau bahasa ibundanya (Safriandi A. Rosmanuddin, 2009). Mangantar Simanjuntak pula mendefinisikan pemerolehan bahasa (*language acquisition*) sebagai proses-proses yang berlaku di dalam otak seseorang kanak-kanak(bayi) sewaktu memperoleh bahasa ibundanya.
- ***Makna tersirat*** merujuk sebagai makna penutur iaitu makna yang bergantung kepada sama ada penutur bercakap secara *harfiah* atau *tidak harfiah* (Nor Hashimah Jalaluddin, 2003)

- ***Makna tersurat*** merujuk kepada ekspresi linguistik atau makna teks seperti yang disarankan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2003).
- ***Interaksi*** melibatkan perbualan yang berlangsung antara dua orang atau sekumpulan orang (Abu Bakar, 2010: 1).
- ***Komunikasi*** ialah proses yang melibatkan penyampaian idea, mesej dan perasaan dari satu pihak kepada pihak yang lain (Abdul Mua'ti @ Zamri, 2001:1).
- ***Komunikasi verbal*** merujuk bahasa yang dituturkan secara lisan iaitu komunikasi yang menggunakan perkataan.
- ***Komunikasi bukan verbal*** merujuk kepada maklumat yang disampaikan melalui memek muka, pergerakan tangan, posisi badan dan sentuhan yang bukan berbentuk percakapan.

BAB DUA

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Bab ini membentangkan kajian lepas yang berkaitan dengan tahap pemerolehan, penguasaan serta perkembangan bahasa dalam kalangan kanak-kanak dan kajian serta perbincangan tentang konsep-konsep yang berkaitan dengan pemahaman makna tersirat kanak-kanak. Sememangnya, kebolehan serta keupayaan kanak-kanak memahami makna tersirat adalah amat berkait rapat dengan kecekapan, pemerolehan serta penguasaan bahasa mereka. Kajian terhadap pemahaman makna tersirat dalam interaksi kanak-kanak juga melibatkan kajian terhadap bentuk komunikasi kanak-kanak secara langsung yang berlaku dalam interaksi sesama mereka.

Untuk memahami dengan lebih jelas tentang pemerolehan dan perkembangan pemahaman makna tersirat dalam kalangan kanak-kanak, tahap-tahap perkembangan dan penguasaan bahasa mereka perlulah difahami terlebih dahulu. Sesungguhnya, penguasaan pemahaman makna tersirat adalah merupakan sebahagian daripada proses yang berlaku selari dengan tahap perkembangan dan pemerolehan aspek-aspek bahasa yang lain dalam diri kanak-kanak. Ia berkembang selari dengan keupayaan kanak-kanak memahami dan menghasilkan ujaran.

Namun persoalannya, pada usia berapakah kanak-kanak mulai memahami dan berupaya menghasilkan makna tersirat? Keupayaan memahami, mentafsir dan menghasilkan ujaran yang selari dengan maksud ujaran yang didengari sebelumnya sehingga menghasilkan satu situasi komunikasi yang berjaya sememangnya telah dialami oleh semua kanak-kanak yang normal dalam peringkat perkembangan bahasa mereka. Namun, bagaimana pula dengan keupayaan kanak-kanak memahami makna tersirat?

Sebenarnya terdapat pelbagai kajian yang telah dilakukan dan dihasilkan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu yang telah memaparkan perbincangan tentang pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak. Namun setakat ini masih belum terdapat satu kajian pun sama ada dari dalam atau luar negara yang secara khusus membincangkan dan memaparkan kajian atau pendapat tentang keupayaan memahami makna tersirat dalam kalangan kanak-kanak prasekolah sama ada dari sudut pemahaman makna tersirat atau penghasilannya.

Walaupun begitu, pendapat-pendapat yang telah dikemukakan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu berkaitan dengan proses serta tahap pemerolehan bahasa kanak-kanak boleh diterapkan dalam kajian ini untuk membantu memberikan panduan dan ide dalam membuat analisis dan perbincangan khususnya untuk mendapatkan pemahaman serta hasil perbincangan yang lebih meyakinkan. Pendapat serta hasil kajian terdahulu boleh dijadikan rujukan dan panduan bagi mendapatkan pemahaman yang lebih jelas tentang perkembangan pemahaman makna tersirat dalam diri kanak-kanak.

Misalnya, pendapat yang dikemukakan oleh pelopor-pelopor Teori Behaviourisme yang menekankan bahawa pemerolehan dan perkembangan bahasa kanak-kanak adalah dipengaruhi oleh persekitaran, sebenarnya boleh digunakan dan diterapkan dalam

memahami proses pemahaman makna tersirat kanak-kanak dan seterusnya boleh dijadikan sebagai satu faktor penting dalam merungkaikan dan membincangkan kemampuan kanak-kanak memahami makna tersirat. Keupayaan menghasilkan bahasa dalam kalangan kanak-kanak adalah berlaku selari dengan tahap perkembangan pemahaman makna perkataan atau perlakuan verbal dan bukan verbal. Begitu juga dengan Teori-teori dan hasil-hasil kajian lain yang telah dihasilkan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu, juga boleh diterapkan dalam penyelidikan ini untuk mendapatkan hasil yang lebih tepat dan memenuhi objektif kajian.

2.2 Perkembangan Bahasa Kanak-Kanak

Kebanyakan kajian yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu berkaitan dengan bahasa kanak-kanak sama ada pengkaji dari dalam atau luar negara adalah lebih berfokus kepada teori pemerolehan bahasa, tahap-tahap pemerolehan serta penguasaan bahasa kanak-kanak dalam pelbagai aspek tatabahasa seperti fonetik, fonologi, morfologi, semantik serta sintaksis sahaja. Kajian telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini untuk melihat tahap serta proses perkembangan dan penguasaan bahasa kanak-kanak seawal usia kelahiran sehinggalah kanak-kanak mengalami tahap keceapan penuh pada usia 12 tahun iaitu tahap penguasaan bahasa yang telah setanding dengan bahasa orang dewasa.

Kerencaman pengkaji-pengkaji sebelum ini membuat kajian tentang bahasa kanak-kanak telah menghasilkan pelbagai teori pemerolehan bahasa yang membincangkan dan menunjukkan tentang tahap-tahap serta faktor-faktor pemerolehan bahasa dalam kalangan kanak-kanak dari pelbagai aspek. Teori-teori yang dihasilkan tersebut telah memaparkan pendapat yang berbeza tentang pengaruh pemerolehan bahasa dalam kalangan kanak-kanak, namun mempunyai banyak persamaan dalam menerangkan

tahap-tahap pemerolehan serta penguasaan bahasa kanak-kanak, cuma istilah yang dinamakan bagi setiap proses sahaja yang agak berbeza.

Antara teori-teori yang telah dihasilkan oleh pakar-pakar bahasa terdahulu berkaitan dengan bahasa kanak-kanak ialah Teori Behaviourisme (Watson, 1913; Thorndike & Skinner, 1957 dan Guthrie, 1935); Teori Semulajadi atau Biologis (Noam Chomsky, 1957) dan Teori Kognitif (Jean Piaget, 1952). Namun, diantara teori-teori yang disebutkan ini, tiada satupun yang menyumbangkan perbincangan dalam aspek pemahaman makna tersirat kanak-kanak. Fokus kajian masing-masing hanya tertumpu pada analisis pemerolehan serta tahap-tahap perkembangan bahasa kanak-kanak sahaja.

Sebagai contoh, Teori Behaviourisme misalnya telah memberi fokus perbincangan tentang pengaruh persekitaran yang dianggap menjadi faktor penting dalam mempengaruhi pemerolehan dan perkembangan bahasa kanak-kanak. Perbincangan mereka dan fokus kajian adalah lebih kepada membuktikan faktor-faktor persekitaran sebagai suatu agen yang mempengaruhi dan membantu mempercepatkan proses perkembangan dan pemerolehan bahasa kanak-kanak. Ahli Teori Behaviourisme iaitu Pavlov (1927) dan Skinner (1957) serta pengkaji-pengkaji Teori Behaviourisme yang lain seperti John B. Watson (1913), E.R. Guthrie (1935), Edward L. Thorndike dan B.P. Skinner (1957) telah beranggapan bahawa pemerolehan suatu lakuan bahasa kanak-kanak adalah terjadi disebabkan ulangan yang dibuat terhadap sesuatu lakuan tersebut.

Menurut Teori Behaviourisme ini, manusia memperolehi bahasa hasil daripada interaksi dengan persekitaran iaitu melalui peniruan perlakuan dan ransangan yang hadir dalam persekitarannya. Ahli-ahli teori ini berpendapat bahawa kemahiran bertutur itu merupakan satu lakuan manusia sama seperti lakuan-lakuan lain. Bagaimana sesuatu

lakuan itu dipelajari, maka begitu jugalah lakuan bahasa dipelajari oleh manusia semasa di alam kanak-kanak. Teori ini menekankan pengaruh alam sekitar dalam proses pembelajaran bahasa dan bukannya berdasarkan kebolehan semulajadi yang terdapat dalam diri kanak-kanak. Pavlov (1927) telah mengemukakan Teori Pelaziman Klasik yang melihat perkaitan di antara tindak balas dengan ransangan yang dilazimkan bagi membentuk kebiasaan atau tabiat.

Selepas itu lahir pula Teori Pelaziman Operan (*Operant Conditioning Theory*) yang telah dikemukakan oleh Skinner (1957). Teori ini mengenengahkan pendapat yang merujuk pada proses pembelajaran sebagai satu proses yang didasarkan kepada prinsip pembelajaran bahasa melalui pengukuhan. Pembelajaran akan berlaku sekiranya ada ransangan dan tindak balas yang berulang. Justeru, dalam proses pemerolehan bahasa ibunda dalam kalangan kanak-kanak, keupayaan memperolehi dan memahami bahasa ini berlaku secara beransur-ansur mengikuti peristiwa-peristiwa pengukuhan yang tertentu. Oleh itu, semua fitur-fitur sejagat yang menjadi ciri-ciri bahasa sebenarnya terhasil daripada ciri-ciri sejagat masyarakat yang mengamalkan bahasa tersebut yang dibangkitkan melalui peranan dan fungsinya dalam kehidupan sehari-hari (Skinner 1957).

Skinner beranggapan bahawa pemerolehan bahasa adalah lakuan yang menjadi tingkah laku dan menganggap bahawa kemampuan bertutur dalam kalangan manusia sebagai satu lakuan sama seperti lakuan-lakuan lain (ibid.). Skinner (1957) sebenarnya telah melihat bahasa hanya akan dikuasai melalui proses pembelajaran secara formal dan tidak formal (Awang Mohd. Amin, 1979).

Pelopop-pelopop Teori Behaviourisme ini beranggapan bahawa proses pembelajaran adalah dikawal oleh keadaan tempat yang menyebabkan pembelajaran itu berlaku. Oleh itu, jika individu tertakluk pada keadaan yang sama, maka mereka akan belajar dengan cara yang sama. Bahasa dianggap sebagai satu set kebiasaan yang diserapkan kedalam sistem saraf penutur (Awang Mohd. Amin, 1979).

Secara ringkasnya, rumusan terhadap keseluruhan perkara yang di kemukakan oleh teori ini menjelaskan bahawa lakuan bahasa adalah sama dengan lakuan-lakuan lain dalam kehidupan manusia. Sekiranya tingkah laku manusia yang lain berpunca dari ransangan, maka bahasa juga dapat dilahirkan dengan adanya ransangan tersebut (Bloomfield, 1973). Bloomfield percaya bahawa kebolehan bertutur merupakan hasil daripada kebiasaan yang dialami hasil dari pengaruh persekitaran (*conditioning*) (ibid.).

Kanak-kanak belajar berbahasa daripada data bahasa yang didengar dan kemudiannya akan diulang semula beberapa kali sehinggalah ianya benar-benar dikuasai. Jadi, penguasaan bahasa adalah satu kebiasaan yang diperolehi melalui pengulangan yang dilakukan (Kamaruddin Hj. Husin, 1988).

Walaupun Teori Behaviourisme ini tidak menjelaskan dan tidak menyebut tentang kepentingan pengaruh persekitaran dalam mempengaruhi pemahaman makna tersirat dalam kalangan kanak-kanak, namun sumbangan Teori ini adalah amat penting untuk membantu kita memahami serta mendapatkan gambaran yang jelas tentang perkembangan pemahaman makna tersirat dalam diri kanak-kanak. Pengaruh persekitaran bukan sahaja menjadi faktor yang mempengaruhi serta membantu mempercepatkan proses pemerolehan bahasa secara keseluruhannya, namun ia juga

menjadi faktor penting dalam mempengaruhi pemahaman makna tersirat dalam kalangan kanak-kanak prasekolah.

Masyarakat Melayu sememangnya menjadikan amalan penyampaian mesej secara tersirat sebagai suatu kebiasaan dalam kehidupan mereka bagi menjaga tingkah laku agar selari dengan tuntutan budaya kerana cara bertutur dan apa yang dipertuturkan akan dikaitkan dengan keperibadian seseorang (lihat Bab 1). Oleh hal yang demikian, penyampaian mesej tersirat melalui penyampaian ujaran secara tersurat sememangnya telah sebatikan dan menjadi satu budaya dalam kehidupan masyarakat Melayu. Ciri budaya seperti ini, secara tidak langsung juga telah mempengaruhi cara berbahasa kanak-kanak umumnya dan membantu perkembangan pemahaman makna tersirat dalam kalangan kanak-kanak khususnya.

Selain daripada Teori Behaviourisme, Teori Semulajadi atau Biologis yang telah dihasilkan sebelum ini juga penting dijadikan sebagai panduan dan rujukan dalam membincangkan dan seterusnya memahami tentang perkembangan pemahaman makna tersirat dalam kalangan kanak-kanak. Teori ini telah menjelaskan tentang peranan kognisi yang ada pada otak atau mental manusia telah menjadikan bahasa yang dihasilkan itu bersifat kreatif dan tidak terbatas.

Pelopor Teori Semulajadi atau Biologis beranggapan bahawa bahasa adalah sebagai pengetahuan yang dihasilkan oleh proses mental sebagai satu aktiviti semulajadi oleh manusia (Chomsky, 1957). Mereka beranggapan bahawa manusia sejak daripada lahir lagi sudah dibekalkan dengan kebolehan semulajadi untuk memperolehi bahasa. Mereka berpendapat bahawa manusia sejak dilahirkan telah dibekalkan dengan alat penguasaan bahasa yang dikenali sebagai *Language Acquisition Devices* (LAD) yang dapat

membantu manusia memperoleh dan menguasai bahasa (ibid.). LAD merupakan mekanisme penguasaan bahasa yang membolehkan kanak-kanak mengesan penggunaan bahasa yang digunakan di persekitarannya (Haliza Hamzah, 2008: 50).

Noam Chomsky (1957) menyatakan bahawa peranan kognisi yang ada pada otak atau mental manusia menjadikan bahasa yang dihasilkan itu bersifat kreatif dan tidak terbatas. Jika benar bahasa kanak-kanak diperolehi melalui proses peniruan dan hasil interaksi manusia dengan persekitarannya sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Skinner, maka unsur-unsur kreativiti dalam bahasa mungkin tidak wujud kerana kreativiti bahasa bukanlah di sebabkan oleh manusia tetapi melalui operasi kognitif (Stinger, 1973).

Pelopor Teori Semulajadi atau Biologis ini berpendapat bahawa kanak-kanak telah dibekalkan dengan 'innate capacity' yang berpusat pada LAD. Hornstein & Light (1981) berpendapat bahawa sistem sintaksis bahasa ibunda dalam kalangan kanak-kanak memang wujud dalam minda mereka sejak dilahirkan lagi kerana mereka telah dilengkapi oleh nahu sejagat yang terdapat dalam alat pemerolehan bahasa seperti LAD (Fodor, 1966).

Karmiloff Smith (1979) menyatakan sekiranya mental manusia tidak terlibat dalam proses pemerolehan bahasa, tidak mungkin kanak-kanak akan dapat membina rumus-rumus bahasa pertama mereka semasa mereka mengalami pemerolehan bahasa tersebut. Lenneberg (1974) pula berpendapat bahawa kanak-kanak telah memiliki jentera pemerolehan bahasa secara semulajadi semenjak dilahirkan lagi dan ini memungkinkan kanak-kanak memperoleh bahasa ibundanya dengan mudah dan cepat.

Dalam membuat analisis, perbincangan dan seterusnya kesimpulan tentang kajian pemahaman makna tersirat dalam kalangan kanak-kanak prasekolah ini, pendapat yang dikemukakan oleh Pelopor Teori Semulajadi atau Biologis ini yang menekankan tentang faktor semulajadi kanak-kanak sendiri sebagai penyumbang utama terhadap pemerolehan bahasa kanak-kanak adalah tidak boleh dinafikan. Selain pengaruh persekitaran keupayaan semulajadi yang ada dalam diri kanak-kanak sejak lahir juga telah menjadi penyumbang penting dalam perkembangan pemahaman makna tersirat dalam diri kanak-kanak. Cuma, proses penguasaan serta pemahaman terhadap makna tersirat akan menjadi lebih cepat dengan adanya pengaruh persekitaran.

Untuk mendapatkan kesimpulan dan hasil kajian yang dapat memenuhi persoalan serta objektif yang ditetapkan, pengkaji harus mengadunkan kedua-dua teori di atas dalam membuat huraian dan kesimpulan yang lebih tepat tentang perkembangan pemahaman makna tersirat kanak-kanak secara keseluruhannya supaya hasil yang diperolehi lebih meyakinkan.

Selain itu, untuk mendapatkan gambaran tentang bilakah masanya kanak-kanak mulai memperoleh pemahaman makna tersirat, pengkaji telah menerapkan beberapa perbincangan yang telah dihasilkan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu yang memaparkan kajian berkaitan dengan tahap-tahap pemerolehan bahasa kanak-kanak dan ia digunakan sebagai panduan untuk memantapkan pemahaman pembaca tentang tahap-tahap perkembangan dan pemerolehan bahasa kanak-kanak. Hal ini penting untuk membantu meningkatkan pemahaman pembaca sebelum langkah seterusnya dibuat iaitu membuat kesimpulan dan rumusan tentang hubungan usia kanak-kanak dan keupayaan mereka memahami dan menguasai makna tersirat.

Sebenarnya tidak susah untuk membuat kesimpulan kerana keupayaan kanak-kanak memahami makna tersirat adalah berlaku selari dengan kebolehan mereka memahami perkataan-perkataan dalam bahasa ibunda mereka. Hal ini boleh dibuktikan melalui pendapat-pendapat yang telah dikemukakan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini. Jean Piaget (1926) misalnya, telah mengutarakan pendapat bahawa pemerolehan bahasa dan makna perkataan kanak-kanak berlaku dalam persekitarannya berasaskan perkembangan kognitifnya iaitu berasaskan tindak balas kognitifnya. Malah, secara semula jadi, kemahiran memahami bahasa dan kemahiran motor bayi adalah berkembang dengan lebih cepat berbanding dengan kemahiran bertutur mereka (Yvonne M. Campbell, 2008: 43).

Piaget (ibid.) telah mengutarakan hipotesis mengenai jagat-jagat kognitif yang telah digunakan sebagai satu kaedah dasar untuk menerangkan proses-proses pemerolehan bahasa kanak-kanak seperti teori perkembangan mental kanak-kanak berdasarkan empat tahap iaitu deria motor, tahap praoperasi, tahap operasi konkrit dan tahap operasi formal yang dialami oleh semua kanak-kanak dan ia cuma akan dibezakan oleh faktor baka dan persekitaran.

Berdasarkan pandangan Piaget ini, Sinclair (1970) telah merumuskan peringkat pemerolehan bahasa kanak-kanak seperti berikut: pertama, kanak-kanak mula memilih satu gabungan bunyi-bunyi yang didengar untuk menyampaikan satu pola aksi. Kedua, setelah kanak-kanak memahami gabungan bunyi-bunyi pendek maka mereka akan memakai pula siri bunyi yang sama tetapi dengan bentuk fonetik yang lebih dekat dengan fonetik orang dewasa untuk menyampaikan pola aksi yang sama.

Pada peringkat ketiga, muncul pula fungsi-fungsi tata bahasa yang pertama iaitu pokok sebutan berdasarkan subjek-predikat dan objek aksi. Beliau juga mendapati bahawa pemerolehan bahasa dan makna perkataan kanak-kanak berlaku dalam persekitarannya berasaskan perkembangan kognitifnya iaitu berasaskan tindak balas kognitifnya.

Fenton (1925) pula telah memberikan enam peringkat perkembangan bahasa kanak-kanak. Peringkat pertama dikenali sebagai *reflex sound* iaitu bunyi tangisan bayi semasa dilahirkan. Peringkat kedua ialah *peringkat bebelan* iaitu peringkat membebel yang dialami oleh semua kanak-kanak yang berusia lima hingga enam bulan. Peringkat ketiga kanak-kanak mulai membentuk ujaran dengan satu perkataan. Peringkat keempat ialah apabila kanak-kanak berumur antara 13-18 bulan. Pada peringkat ini mereka telah mengalami perkembangan yang lebih mantap daripada tahap ketiga di mana kanak-kanak didapati telah tahu menggunakan perkataan dan membuat ayat-ayat yang berbeza-beza mengikut konteks.

Manakala peringkat kelima pula adalah semasa kanak-kanak berusia antara 20-35 bulan. Kanak-kanak pada usia ini telah pandai membuat ujaran dua patah perkataan yang membawa makna yang lebih jelas walaupun pada peringkat ini sebutan kanak-kanak mungkin masih kurang jelas. Peringkat terakhir ialah semasa kanak-kanak berumur dalam lingkungan 36 bulan (3-4 tahun). Pada peringkat ini mereka mulai mengalami perkembangan bahasa yang semakin sempurna seperti pandai menggunakan ayat yang mengandungi tiga hingga lapan patah perkataan. Pada peringkat ini kanak-kanak telah pandai membuat ayat-ayat yang paling mudah (Fenton, 1925).

Seorang lagi pakar bahasa yang menjalankan kajian tentang perkembangan bahasa kanak-kanak ialah Wood (1981). Wood (1981) telah mengutarakan enam peringkat

perkembangan bahasa kanak-kanak. Peringkat pertama ialah sewaktu kanak-kanak berusia satu tahun yang dikenali sebagai *Peringkat Prapertuturan (Prespeech)*. Pada peringkat ini kanak-kanak berada dalam bentuk tangisan, *cooing* dan bebelan. Peringkat kedua pula dikenali sebagai *Peringkat Holofrasa (Holophrase)*. Pada peringkat ini kanak-kanak berumur 12 bulan. Biasanya perkataan yang diujarkan akan disertai oleh unsur-unsur *bukan-verbal*.

Peringkat ketiga yang diutarakan oleh Wood (1981) ialah sewaktu kanak-kanak berusia 18 bulan. Pada peringkat ini kanak-kanak dikatakan telah pandai membuat ayat yang berbentuk deklaratif, ayat tanya dan penafian. Peringkat keempat pula kanak-kanak berusia antara 2 hingga 2.5 tahun. Pada peringkat ini kanak-kanak dikatakan telah dapat membina ayat-ayat yang mempunyai unsur subjek dan predikat. Manakala peringkat kelima pula dikenali sebagai peringkat *Multiple-Word Sentences* iaitu kanak-kanak berusia antara 2.5 hingga 4 tahun. Pada peringkat ini Wood mendapati kanak-kanak telah berupaya memasukkan elemen-elemen kata hubung ke dalam ujaran mereka (ibid.).

Peringkat keenam yang diutarakan oleh Wood adalah dikenali sebagai peringkat *Complex Grammatical Changes and word Categories*. Pada peringkat ini kanak-kanak berusia 4 tahun dan ke atas. Kanak-kanak dikatakan telah dapat menguasai bahasa dengan baik dan sempurna dimana mereka telah berjaya memperlihatkan nahu yang lebih kompleks dan mempunyai bentuk pertuturan orang dewasa (ibid.).

Piaget (1926), telah membahagikan tahap pemerolehan bahasa kanak-kanak kepada beberapa peringkat perkembangan yang dikaitkan dengan perkembangan perlakuan kanak-kanak. Berdasarkan *Piaget's Stages*, tahap pertama perkembangan dikenali

sebagai tahap *Perlocutionary Acts* di mana pada tahap ini kanak-kanak berusia antara 0-9 bulan (ibid.). Perlakuan bahasa kanak-kanak pada masa ini dikenali sebagai *gazing, cooing, smiling, vocalizing, grasping and sucking*. Tahap perlakuan *Perlocutionary Acts* ini merangkumi tiga peringkat utama iaitu yang dikenali sebagai peringkat *Birth Cry, Cooing* dan *Babbling*.

Peringkat *Birth Cry* ialah semasa kanak-kanak baru dilahirkan. Pada peringkat ini kanak-kanak membuat perhubungan dengan orang-orang yang ada di persekitarannya melalui tangisan. Tangisan amat penting kepada kanak-kanak yang baru lahir kerana sekiranya kanak-kanak tidak menangis, ia boleh melambatkan proses perkembangan bahasa kanak-kanak tersebut (ibid.).

Peringkat seterusnya dikenali sebagai *Peringkat Cooing* iaitu pada peringkat ini kanak-kanak mula menghasilkan bunyi-bunyi yang dikenali sebagai bunyi *berkoko*. Peringkat ini singkat sahaja. Kanak-kanak pada peringkat ini suka membuat renungan pada sesuatu perkara dan perlakuan-perlakuan orang dewasa di sekelilingnya. Kanak-kanak pada peringkat ini juga mula menyentuh dan menggenggam sesuatu dengan erat. Jika kanak-kanak menyukai sesuatu mereka akan tersenyum dan apabila ternampak orang-orang yang rapat dengannya seperti ibu bapa atau adik beradik yang setiap hari dilihat, dia juga akan tersenyum sebagai tanda perhubungan.

Pada peringkat *babbling* kanak-kanak telah mula mengalami perkembangan bahasa yang dikenali sebagai perkembangan fonologi dalam bentuk yang paling asas. Pada peringkat ini bayi telah mulai menunjukkan bahawa mereka mula mempunyai satu bentuk fonologi yang teratur kerana mereka telah pandai membuat bebelan-bebelan

yang mengeluarkan bunyi-bunyi vokal Melayu seperti bunyi [a], [u] dan juga gabungan diantara bunyi-bunyi vokal dan konsonan seperti *mama*, *baba* dan lain-lain.

Pada tahap kedua pula kanak-kanak mula mengalami perlakuan bahasa yang dikenali sebagai *Illocutionary Acts*. Kanak-kanak pada tahap ini berusia antara 9-18 bulan. Bulan kelapan dan kesembilan kanak-kanak telah mulai menghasilkan perkataan-perkataan awal seperti *mama*, *papa*, *dada* dan sebagainya. Pada usia 9-18 bulan ini kanak-kanak telah mencapai kemajuan yang lebih baik dalam proses pemerolehan bahasa seperti pandai menamakan sesuatu, menegur, meminta, memanggil, menjawab, membantah dan sebagainya. Kanak-kanak juga sering membuat pengulangan dan berlatih menggunakan perkataan yang baru sahaja diketahuinya.

Tahap seterusnya yang diutarakan oleh Piaget ialah tahap yang dikenali sebagai tahap *Locutionary Acts*. Pada tahap ini kanak-kanak berusia antara 18-24 bulan. Pada peringkat ini kanak-kanak telah mulai menggunakan frasa dua perkataan yang mempunyai hubungan semantik. Antara perkataan-perkataan yang dikuasai ialah yang merangkumi *Agent-action*, *Agent-object* dan sebagainya.

Manakala menjangkau usia 2-3 tahun pula, Piaget mendapati bahawa kanak-kanak yang dikaji telah mengalami perkembangan bahasa yang pesat. Kanak-kanak pada tahap ini telah bijak membuat ayat-ayat yang mempunyai hubungan semantik dengan lebih baik, pandai menceritakan pengalaman diri sendiri dan pandai membuat permintaan. Kanak-kanak juga pandai membuat perhubungan antara satu perkataan dengan satu perkataan yang lain seperti *adik menyanyi* (*Agent Case*), *ibu menyuap adik makan* (*Dative Case*), *botol susu berada di atas lantai* (*Objective Case*).

Pada usia 2-4 tahun, kanak-kanak dikatakan telah mengalami perkembangan bahasa yang semakin pesat seperti pandai membuat pelbagai bentuk pertanyaan, pandai bermonolog, bercakap tentang diri sendiri dan orang lain. Pada usia 3-4 tahun pula kanak-kanak telah memahami dan tahu menggunakan kala lampau atau *past tense*. Pada tahap ini kanak-kanak telah mampu menggunakan imbuhan seperti awalan, akhiran atau sisipan dalam perkataan yang diujarkannya. Kanak-kanak juga boleh menggunakan perkataan-perkataan yang menyatakan tentang kuantiti yang lebih abstrak seperti mengujarkan perkataan-perkataan yang berbentuk konsep seperti *banyak, sedikit, lebih* dan sebagainya.

Semasa usia kanak-kanak menjangkau 4 tahun, mereka telah pandai membuat soalan dengan mengemukakan kata tanya seperti siapa, mengapa, apa, bila, dimana dan sebagainya. Kanak-kanak juga bijak menggunakan kata negatif seperti *tidak, tidak mahu, jangan* dan lain-lain. Selain itu kanak-kanak juga boleh menghasilkan perkataan yang menunjukkan masa hadapan seperti *esok, lepas ni, semula (lain kali)* dan sebagainya.

Pada usia 4 tahun dan ke atas, Piaget mendapati bahawa pada peringkat ini kanak-kanak telah tahu bermacam-macam perkataan dan telah mengalami perkembangan bahasa yang paling pesat. Kanak-kanak pada usia ini tahu menggunakan klasifikasi semantik dengan baik, mereka juga semakin mahir menggunakan *sintagmatik, paradigmatic, persamaan, perhubungan masa, sebab musabab* dan lain-lain yang lebih kompleks. Berdasarkan pendapat ini, penulis telah menetapkan usia sampel kajian yang sesuai diambil untuk dikaji ialah kanak-kanak yang berusia 4-6 tahun kerana kanak-kanak pada usia ini telah semakin mahir dalam penguasaan serta penghasilan bahasa termasuk yang bersifat abstrak dan tersirat.

Menurut kajian yang telah dibuat oleh Steinberg (1995), kanak-kanak didapati dapat mengembangkan sistem linguistik yang kompleks, bergerak dari peringkat vokalisasi ke peringkat ayat kompleks dalam jangka masa yang singkat, iaitu ketika kanak-kanak berumur lebih kurang empat hingga lima tahun. Pemerolehan bahasa kanak-kanak berkembang mengikut susun atur yang bermula dari peringkat vokalisasi, kemudian meningkat ke peringkat holofrasa, telegrafik dan berakhir di peringkat perkembangan ayat kompleks.

Pada usia antara empat hingga lima tahun, kanak-kanak didapati telah mulai memasuki peringkat kecekapan penuh dalam pemerolehan bahasa lisan, dimana kanak-kanak yang normal dikatakan telah dapat menguasai unsur-unsur asas sintaksis bahasa ibundanya dan telah memiliki perlakuan (pemahaman dan penerbitan) yang membolehkannya berkomunikasi. Walau bagaimanapun, perbendaharaan katanya masih dianggap kurang tetapi terus meningkat dengan kecepatan yang menakjubkan (ibid.).

Sinclair (1970) seorang ahli kognitif tulen telah menjalankan kajian dan berpendapat bahawa kanak-kanak pada usia 18 bulan hingga dua tahun dapat menggambarkan pengetahuannya melalui berbagai-bagai bentuk simbolik seperti permainan simbolik, lukisan, gambaran mental dan bahasa. Biasanya, makna ujaran pertama kanak-kanak tidak semestinya sama dengan makna orang dewasa kerana makna kanak-kanak adalah berlandaskan pola tindakan mereka sendiri.

Walaupun Fenton (1925), Wood (1981) dan Piaget (1926) tidak membincangkan tentang peringkat-peringkat penguasaan pemahaman makna tersirat semasa membentangkan tahap-tahap perkembangan bahasa kanak-kanak semasa memaparkan

kajian-kajian mereka, namun pengkaji tetap juga menjadikan tahap-tahap dan peringkat-peringkat perkembangan bahasa yang dibincangkan dan dipaparkan oleh pengkaji-pengkaji di atas sebagai panduan dalam memahami tahap pemerolehan serta pemahaman makna tersirat dalam kalangan kanak-kanak sampel yang dikaji.

Berdasarkan tahap-tahap perkembangan bahasa yang dipaparkan di atas kita akan dapat memahami proses perkembangan dan penguasaan bahasa yang berlaku dalam diri kanak-kanak secara keseluruhannya. Malah, penguasaan makna tersirat yang berlaku dalam diri kanak-kanak adalah merupakan salah satu cabang daripada keseluruhan proses itu yang berlaku selari dengan keupayaan serta perkembangan aspek-aspek bahasa yang lain. Tanpa memahami perkara-perkara asas terlebih dahulu bagaimana penilaian terhadap aspek yang lebih kompleks dan rumit hendak dibuat.

Apa yang jelas, ketiga-tiga pengkaji ini didapati langsung tidak menyentuh atau menunjukkan sesuatu hasil kajian yang boleh dirujuk berkaitan dengan keupayaan kanak-kanak memahami makna tersirat sama ada dalam bentuk ujaran yang dihasilkan atau pentafsiran yang dibuat. Malah, rata-rata kajian yang dijalankan oleh pengkaji-pengkaji berbangsa Eropah yang lain juga sama, dimana kebanyakan ahli-ahli bahasa yang melakukan kajian terhadap pemerolehan serta penguasaan bahasa kanak-kanak hanya memberi fokus terhadap aspek faktor-faktor pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak, memberikan tahap-tahap pemerolehan bahasa mengikut usia seperti yang dibincangkan oleh Piaget (1926), Woods (1981) dan fenton (1925).

Daripada perbincangan yang dipaparkan di atas berhubung dengan kajian terdahulu, jelas menunjukkan bahawa kajian yang berkaitan dengan makna tersirat, khususnya dalam pemahaman tersirat kanak-kanak sebenarnya masih belum mendapat tempat

bukan sahaja dalam kalangan pengkaji-pengkaji bahasa luar negara malah dalam negara Malaysia juga. Kenapakah situasi seperti ini berlaku? Adakah kerana dalam dunia komunikasi di negara barat, mereka kurang menekankan penggunaan atau penyampaian ujaran-ujaran yang mempunyai makna tersirat?

Kita sedia maklum bahawa dalam budaya masyarakat di negara barat, mereka lebih bersifat terbuka dan berterus terang. Ini bermaksud, masyarakat lebih suka menyampaikan sebarang rasa tidak puas hati dan teguran terhadap apa-apa jua yang dianggap tidak baik secara berterus terang tanpa berselindung. Mereka tidak kisah tentang hati dan perasaan pendengar. Apa yang penting ialah sesuatu yang dianggap salah perlu diperbetulkan sama ada melalui teguran secara terbuka atau membuat kritikan. Cara percakapan secara terbuka, terus dan langsung amat bertentangan dengan budaya masyarakat Melayu. Jika fenomena ini dijadikan sandaran, maka sudah tentu tidak akan ada satupun kajian yang akan dibuat oleh pengkaji-pengkaji barat tentang aspek makna tersirat dalam kalangan kanak-kanak.

Setakat ini kebanyakan kajian terhadap makna tersirat hanya dilakukan terhadap pertuturan orang dewasa sahaja. Situasi ini boleh dilihat dalam analisis-analisis implikatur perbualan yang telah diutarakan oleh Grice. Tujuan kajian implikatur dijalankan terhadap pertuturan yang dibuat oleh penutur-penutur dewasa ialah untuk menunjukkan wujudnya makna-makna lain disebalik apa yang diperkatakan oleh penutur iaitu yang dikenali sebagai makna tersirat atau makna tidak harfiah.

Terdapat pelbagai kajian di Malaysia yang telah dijalankan oleh pakar-pakar bahasa dan pengkaji-pengkaji terdahulu yang membincangkan tentang pemerolehan bahasa kanak-kanak Melayu sama ada yang berkaitan dengan faktor atau tahap perkembangannya.

Walaupun kajian yang dibuat oleh pengkaji-pengkaji tempatan tidak khusus membincangkan tentang pemerolehan serta penguasaan bahasa kanak-kanak dari sudut makna tersirat, namun hasil kajian serta perbincangan-perbincangan yang dipaparkan oleh mereka boleh dijadikan sebagai rujukan yang amat berguna dalam memahami dan menghuraikan tentang tahap-tahap pemerolehan dan pemahaman makna tersirat khususnya dalam kalangan kanak-kanak prasekolah yang dikaji.

Asmah Hj Omar (1993: 35) telah menjalankan kajian dan mendapati bahawa kanak-kanak sejak lahir telah dikurniakan kudrat berwacana. Kanak-kanak kecil yang mula belajar bahasa sebenarnya telah mencuba bercakap dengan ibu dan bapanya dalam perbualan walaupun dengan jumlah kata yang sedikit. Seawal usia dua tahun kanak-kanak telah mampu berseimbang, bermain dan berinteraksi dengan lancar bersama rakan-rakan sepermainan. Menurut Asmah Hj Omar (1993: 12), kanak-kanak yang berusia dua tahun telah mampu menggunakan bahasa untuk berbagai-bagai tujuan.

Zaitul Azma Zainon Hamzah (2006) pula telah melakukan kajian terhadap perkembangan bahasa kanak-kanak dan mendapati perkembangan bahasa kanak-kanak berlaku dengan pesat dalam usia dua hingga enam tahun. Perkembangan bahasa yang pesat ini terhasil daripada perkembangan kognitif, emosi dan sosial. Pada usia prasekolah ini, keupayaan kanak-kanak untuk berkomunikasi dengan menggunakan bahasa adalah hampir sama dengan keupayaan orang dewasa.

Kanak-kanak pada peringkat usia satu hingga enam tahun akan mengalami pelbagai proses pemerolehan dan penguasaan bahasa ibundanya dengan begitu drastik sekali. Proses pemerolehan dan perkembangan bahasa kanak-kanak ini berlaku secara berperingkat-peringkat iaitu dari masa kanak-kanak masih bayi lagi mereka telah

mempelajari bahasa secara tidak formal di mana proses pembelajaran telah berlaku dengan cara tidak disadari dan tidak perlu diajarkan (ibid.:17).

Perkembangan bahasa kanak-kanak seterusnya akan berlaku mengikut urutan-urutan tertentu. Kewujudan ransangan dan pendedahan membolehkan kanak-kanak mencapai kematangan berbahasa dalam tempoh yang singkat. Hal ini mendorong berlakunya perkembangan bahasa dan perkembangan kognitif yang seiring dan erat (ibid.).

Soenjono Dardjowidjojo (2007) pula telah mengutarakan bahawa antara umur enam hingga lapan minggu kanak-kanak mulai mengagah iaitu mengeluarkan bunyi-bunyi yang menyerupai bunyi-bunyi vokal dan konsonan. Dalam tempoh ini, kanak-kanak mengeluarkan bunyi-bunyi organik seperti rengetan dan tangisan sebagai satu bentuk perhubungan dengan orang-orang di persekitarannya. Pada sekitar umur enam bulan kanak-kanak mulai mengeluarkan bunyi-bunyi yang berbentuk bebelan dan apabila kanak-kanak berusia satu tahun mereka telah pandai menyebut satu suku kata.

Lu Mei-Yu (2000) berpendapat, seseorang bayi pada usia akhir satu tahun pertama sudah mula mencipta bahasa untuk berkomunikasi dengan orang-orang terdekat dengannya khususnya dengan kedua ibu bapanya. Secara puratanya kanak-kanak menuturkan kata pertamanya pada umur sepuluh bulan. Kanak-kanak berupaya menghasilkan kata tunggal tanpa sebarang sintaksis yang digunakan untuk menamakan objek, meminta sesuatu, menegaskan tindakan dan melahirkan situasi yang rumit. Pada umur satu tahun enam bulan kanak-kanak mulai melahirkan ujaran yang mengandungi dua-tiga perkataan bagi melahirkan idea tentang kuantiti, milik dan lain-lain (Noor Aina Dani, 2007: 30).

Noor Aina Dani (ibid.) dalam kajiannya mendapati bahawa sewaktu berusia dua tahun setengah, kanak-kanak telah dapat menggunakan frasa yang terdiri daripada tiga atau empat patah perkataan. Pada usia ini, kanak-kanak seolah-olah memahami semua perkataan yang diujarkan kepadanya, tetapi masih banyak membuat kesalahan nahu. Perbendaharaan kata kanak-kanak juga mulai bertambah dan kebanyakan ujaran mereka boleh difahami dengan mudah. Dalam usia tiga tahun setengah ujaran kanak-kanak semakin menyerupai bahasa lisan orang dewasa dengan sedikit kesalahan sintaksis. Ketika berusia empat atau lima tahun kanak-kanak dapat menghasilkan struktur ayat yang berguna dalam bahasanya.

Daripada teori-teori dan perbincangan-perbincangan hasil kajian lepas sebagaimana yang dipaparkan di atas, kita boleh memahami dan menilai tahap-tahap pemerolehan serta penguasaan bahasa dalam kalangan kanak-kanak serta keupayaan mereka dalam memahami makna perkataan atau ujaran sama ada dari sudut tersirat atau yang tersurat. Sebenarnya, keupayaan memahami makna tersirat merupakan salah satu proses yang berlaku dalam diri kanak-kanak sepanjang tahap pemerolehan serta penguasaan bahasa mereka.

Teori Behaviourisme misalnya, amat sesuai sekali diterapkan dalam kajian ini terutamanya untuk dijadikan panduan dalam membuat kesimpulan serta huraian tentang keupayaan dan pemahaman mentafsir serta mengujarkan makna tersirat dalam kalangan kanak-kanak yang dikaji. Secara logiknya kita sedar bahawa, apa yang dipraktikkan oleh ahli anggota masyarakat atau orang-orang dewasa yang berada di sekeliling kanak-kanak Melayu secara tidak langsung akan mempengaruhi bentuk bahasa kanak-kanak juga.

Oleh kerana masyarakat Melayu sendiri merupakan masyarakat yang *tebal* dengan sopan santun dan budi bahasa, maka penggunaan makna tersirat untuk menyampaikan pelbagai maksud dengan pelbagai tujuan adalah menjadi suatu kemestian kepada mereka. Sudah pasti situasi berbahasa sedemikian akan jua mempengaruhi kanak-kanak dalam proses pembelajaran serta penguasaan bahasa mereka.

Selain itu, Teori Semulajadi atau Biologis juga tidak boleh diketepikan dalam proses menilai pemerolehan dan penguasaan makna tersirat dalam kalangan kanak-kanak. Ini disebabkan, selain faktor persekitaran, kebolehan semulajadi juga penting dalam membantu kanak-kanak memahami dan menguasai makna tersirat. Pelopor teori ini berpendapat bahawa manusia sejak dilahirkan telah dibekalkan dengan alat penguasaan bahasa yang dikenali sebagai *Language Acquisition Devices* (LAD) yang dapat membantu manusia memperolehi dan menguasai bahasa. LAD merupakan mekanisme penguasaan bahasa yang membolehkan kanak-kanak mengesan penggunaan bahasa yang digunakan di persekitarannya (Haliza Hamzah, 2008: 50).

Noam Chomsky (1957) menyatakan bahawa peranan kognisi yang ada pada otak atau mental manusia menjadikan bahasa yang dihasilkan itu bersifat kreatif dan tidak terbatas. Teori ini menjelaskan kepada kita bahawa keupayaan pemerolehan serta penguasaan bahasa sememangnya telah sedia ada dalam setiap diri kanak-kanak. Justeru, tidak mustahil keupayaan memahami makna tersirat juga sama iaitu ia memang ada dalam diri setiap kanak-kanak. Cuma pengaruh persekitaran sahaja yang boleh menjadi penentu cepat atau lambatnya perkembangan itu berlaku.

2.3 Perkembangan Pemahaman Makna Kanak-kanak

Dalam membuat penilaian terhadap aspek pemahaman makna tersirat kanak-kanak, konsep pemahaman itu sendiri terlebih dahulu perlu difahami. Apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan konsep *pemahaman*? Untuk mendapatkan penerangan tentang istilah pemahaman ini kita boleh merujuk pada pendapat-pendapat yang dikemukakan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini disamping menjadikan hasil kajian serta perbincangan mereka sebagai rujukan.

Noor Aina Dani (2007) dalam kajiannya telah menerangkan tentang konsep *pemahaman* yang merujuk kepada pembinaan makna yang terbina daripada bunyi-bunyi pertuturan, di mana pendengar akan memanfaatkan bunyi-bunyi yang diucapkan oleh penutur untuk membina tafsiran tentang hal yang hendak disampaikan.

Terdapat ramai lagi pengkaji-pengkaji lain yang telah mengutarakan dan membincangkan tentang konsep pemahaman makna dalam kalangan kanak-kanak. Namun, kupasan kajian atau perbincangan hanyalah menjurus kepada pemahaman makna perkataan sebagai satu keupayaan yang dikuasai oleh kanak-kanak pada tahap tertentu perkembangan bahasa mereka. Tiada satu hasil kajian atau perbincangan pun yang telah membincangkan dan memaparkan tentang pemahaman makna tersirat dalam kalangan kanak-kanak. Jika ada pun hanyalah beberapa kajian yang hanya menyentuh tentang keupayaan pragmatik kanak-kanak sebagaimana yang telah dihasilkan oleh Zaitul Azma Zainon Hamzah (2006) yang telah memaparkan kajian yang bertajuk *Memahami Pertuturan Kanak-kanak Melalui Analisis Pragmatik*.

Kajian yang dilakukan oleh Zaitul ini bukanlah menjurus kepada perbincangan pemahaman makna tersirat dalam kalangan kanak-kanak secara khusus, tetapi kajiannya

lebih menjurus kepada penilaian aspek-aspek abstrak yang di fahami dan diaplikasikan oleh kanak-kanak dalam menghasilkan ujaran yang bermakna. Antaranya ialah beliau telah membincangkan tentang keupayaan kanak-kanak memahami dan menerapkan konsep *Kata Ganti Nama Diri* (KGND) dalam pelbagai rujukan yang tepat dan sesuai dengan konteksnya, kemampuan kanak-kanak menggunakan bahasa metafora sebagai satu keupayaan membina konsep berdasarkan persepsi, pengalaman, kematangan pemikiran dan tahap penguasaan bahasa kanak-kanak, gangguan dalam sistem giliran yang dilakukan oleh kanak-kanak semasa bertutur dengan tujuan untuk melahirkan idea dan maklumat, mendapatkan maklumat, melahirkan perasaan simpati, mencetuskan konflik, membuat bantahan dan sebagainya.

Kajian yang dibuat oleh Zaitul Azma Zainon Hamzah ini sebenarnya amat bernilai kerana ia amat mengambil berat tentang konteks dan kesan konteks dalam membuat tafsiran terhadap makna sesuatu ujaran. Apatah lagi ciri kerelevanan sesuatu ujaran dengan konteks adalah amat diutamakan dalam analisis perbualan yang dilakukan. Ciri kerelevanan ini telah menghasilkan penginterpretasian makna yang tepat kerana dalam mentafsir makna ujaran, pelbagai pertimbangan perlu diambil kira. Sesungguhnya, makna bukan hanya merangkumi ujaran bahasa yang dituturkan secara lisan atau verbal semata-mata, namun dalam sesetengah keadaan, konteks juga amat memainkan peranan penting yang perlu diambil kira dalam pentafsiran makna ujaran.

Pemahaman terhadap makna perkataan terlebih dahulu dialami oleh kanak-kanak sebelum ia dapat menghasilkan perkataan pertamanya. Chomsky (1988) mengatakan bahawa pemahaman, kecepatan dan ketepatan penguasaan perbendaharaan kata kanak-kanak membuktikan bahawa mereka sebenarnya sudah ada sesuatu konsep itu sebelum

didedahkan kepada data bahasa. Kanak-kanak mengetahui sejak awal lagi tentang leksikon dan ini memainkan peranan penting dalam proses pemerolehan.

Merujuk kepada pemahaman makna tersirat kanak-kanak, Halliday (1990: 4) telah mengatakan bahawa:

“at eight-month old, children has create a symbolic system of his own, one that does not contain either vocabulary or grammar but consists of a little set of signs. The signs are made by voices, or gestures or some combination of the two”
(Halliday, 1990: 4).

Kanak-kanak sememangnya mulai mengalami tahap perkembangan bahasa melalui perhubungan berdasarkan pergerakan badan dalam menyampaikan tujuan. Dalam pada masa yang sama, kanak-kanak juga belajar memahami bahasa yang dituturkan di sekeliling mereka berdasarkan perlakuan yang mengiringi setiap ujaran tersebut. Kanak-kanak seawal usia 1 hingga 3 bulan telah meningkatkan pemahaman untuk menghasilkan perlakuan yang sesuai dengan perasaannya (Noor Aina Dani, 2007: 121). Mereka mempunyai keupayaan untuk menyampaikan maksud melalui penghasilan bunyi-bunyi seperti merengek dan menangis.

Kanak-kanak pada usia ini telah mengalami peningkatan dalam pemahaman terhadap persekitaran seperti menggerakkan kepala kearah bunyi-bunyi yang didengari, dapat mengenali suara ibu, membezakan beberapa bunyi bahasa ujaran yang biasa didengari dan boleh tersenyum apabila ditegur. Ini juga boleh dianggap sebagai permulaan peningkatan pemahaman kanak-kanak dalam komunikasi dengan persekitarannya.

Seawal usia 2 hingga 3 bulan, ibu bapa telah mulai memahami kehendak kanak-kanak dan cuba berkomunikasi melalui tindakan bukan verbal seperti mengagah, menganggukkan kepala, sentuhan, usapan dan sebagainya (ibid.). Untuk menyampaikan maksud tertentu seperti lapar, dahaga, gembira dan sebagainya pula, kanak-kanak atau bayi sering menunjukkannya melalui perlakuan-perlakuan tertentu seperti menggerakkan kepala, tangan dan kaki, memberikan senyuman, menangis dan sebagainya. Keadaan ini menunjukkan bahawa seawal usia 3 bulan lagi kanak-kanak telah memahami bahasa tersirat melalui komunikasi bukan verbal dengan sesiapa yang berada di sekelilingnya (ibid.).

Peningkatan pemahaman dalam diri kanak-kanak terhadap persekitaran semakin berkembang di antara usia 3 hingga 7 bulan di mana kanak-kanak telah mulai memberikan respon berbeza terhadap bunyi-bunyi yang didengari di samping dapat menunjukkan perlakuan bukan verbal yang berbeza mengikut perasaannya pada masa itu sama ada sedih, lapar, gembira dan sebagainya.

Antara usia 8 hingga 12 bulan peningkatan berlaku terhadap penghasilan bahasa kanak-kanak selari dengan peningkatan pemahamannya terhadap persekitaran, iaitu dapat memberi respon bila namanya dipanggil, boleh melahirkan sukukata terhadap kata nama yang tergolong dalam alat-alat permainan seperti *la (bola)*, *lon (belon)*, *ta (kereta)*, *tung (anak patung)* dan sebagainya. Kanak-kanak juga telah mampu mengujarkan dan memahami perkataan berdasarkan rutin hariannya iaitu merujuk kepada apa yang sering dialaminya setiap hari seperti *bye-bye*, *ta-ta* dan lain-lain. Mereka juga telah mampu menghasilkan perkataan-perkataan dalam bentuk satu suku kata seperti *wa (dua)*, *kan (makan)*, *pa (papa)*, *dur (tidur)*, *si (nasi)*, *ma (mama)* dan sebagainya (Wood, 1981).

Pada akhir tahun pertama, kanak-kanak mempunyai banyak pengalaman mendengar ujaran di sekelilingnya, dan mereka mulai memahami dengan baik makna sesetengah perkataan yang didengari sebelum mula menghasilkan perkataan (Fenson, Dale, Reznick, Bates, Thal, & Pethick, 1994). Keupayaan kanak-kanak untuk menghasilkan perkataan berubah secara dramatik dalam tahun pertama kehidupan. Pada akhir tahun pertama, kebanyakan kanak-kanak akan menghasilkan bunyi-bunyi yang seakan-akan sama dengan bunyi yang didengari di persekitaran kehidupan dalam bahasa ibunda mereka. Perkembangan bahasa dan pemahaman kanak-kanak terhadap bahasa ibundanya biasanya banyak dipengaruhi oleh perlakuan bahasa penjaganya dan juga orang-orang yang terdekat dengannya.

2.3.1 Makna Ujaran

Beberapa perbincangan dan pendapat yang diutarakan oleh pengkaji-pengkaji bahasa sebelum ini akan dipaparkan dalam memahami konsep makna ujaran. Pendapat-pendapat ini akan dijadikan sebagai rujukan berguna untuk memahami makna ujaran kanak-kanak dan seterusnya memahami ujaran tersirat mereka. Pendapat-pendapat ini bukan sahaja akan dijadikan sebagai rujukan perbincangan semasa membuat analisis data, malah ianya juga akan menjadi suatu kerangka yang dapat memandu pengkaji membuat kesimpulan berguna yang sesuai dengan objektif kajian yang diingini berkaitan dengan pemahaman ujaran tersirat dari sudut penghasilan dan pentafsirannya.

Apabila seseorang itu mendengar sesuatu ujaran dalam sesuatu komunikasi dengan teliti, mereka akan berusaha sedaya upaya untuk mendapatkan makna yang tepat bagi ujaran yang didengarinya itu. Begitu juga apabila seseorang itu bertutur, tujuannya adalah untuk menyampaikan maksud atau makna yang ada dalam mindanya agar difahami oleh individu-individu lain yang mendengar ujaran tersebut. Semua proses

komunikasi, pemahaman atau pertuturan sama ada secara visual atau oral adalah melibatkan penyampaian dan penerimaan makna (Zulkifley Hamid, 2006).

Menurut Soenjono Dardjowidjojo (2007: 42), persepsi ujaran bukanlah satu hal yang mudah dilakukan oleh manusia kerana ujaran adalah suatu aktiviti verbal yang meluncur tanpa batas waktu yang jelas antara satu perkataan dengan perkataan yang lain. Beliau mengatakan bahawa pada dasarnya terdapat tiga tahap dalam pemprosesan persepsi bunyi iaitu yang melibatkan tahap auditori, tahap fonetik dan tahap fonologis.

Asmah Hj. Omar (1993) pula berpendapat, persepsi boleh dicerminkan atau dipengaruhi oleh berbagai-bagai media iaitu antaranya ialah media bahasa, kebudayaan, agama dan sebagainya. Oleh itu, penelitian terhadap persepsi golongan manusia tertentu melalui salah satu media yang disebutkan di atas itu adalah penelitian terhadap perkaitan antara media ini dengan proses-proses pemikiran orang-orang yang tertentu. Terdapat dua aliran fikiran berkenaan dengan bahasa dan alam nyata iaitu yang pertama ialah pendapat yang mengatakan bahasa mencerminkan alam nyata, manakala yang kedua pula berpendapat bahawa bahasalah yang mewujudkan pemahaman tentang alam nyata.

Pada tahap auditori, manusia menerima bunyi ujaran secara sepotong demi sepotong. Ujaran tersebut kemudiannya akan ditanggapi dari segi fitur akustiknya yang melibatkan konsep-konsep seperti titik artikulasi, cara artikulasi, fitur distingtif yang akan memisahkan dan memberi makna antara satu bunyi dengan bunyi yang lain. Misalnya maksud perkataan yang seakan sama bunyi seperti [lebar] dan [lebah], bunyi /le/ dalam [lebar] dapat dibeza dan diasingkan dari bunyi /le/ dalam [lebah] oleh ciri-ciri di atas.

Pada tahap fonetik, semua bunyi-bunyi akan dibezakan secara satu persatu sama ada ianya merupakan bunyi vokal yang diikuti oleh bunyi-bunyi konsonan ataupun adakah ianya merupakan bunyi konsonan yang diikuti oleh bunyi-bunyi vokal. Segmen-segmen bunyi ini akan disimpan oleh memori fonetik. Manakala pada tahap fonologis, minda manusia akan menerapkan aturan fonologis pada deretan bunyi yang didengari untuk menentukan adakah deretan bunyi-bunyi tersebut telah pun memenuhi peraturan tata bahasa yang betul atau tidak (Soenjono Dardjowidjojo, 2007).

Bunyi yang dikeluarkan oleh manusia akan diterima oleh pendengar melalui mekanisme yang ada pada telinga dan seterusnya bunyi-bunyi ini akan dikirimkan ke otak manusia untuk diproses dan kemudiannya ditangkap (ibid.). Pemprosesan di bahagian otak akan dibimbing oleh pengetahuan seseorang pendengar itu tentang bahasa yang didengari, pengetahuan tentang dunia dan masyarakat penutur serta konteks yang berlaku pada masa pertuturan itu diujarkan oleh penutur.

Ahli mentalisme telah mentafsirkan makna sesuatu bentuk linguistik sebagai peristiwa mental khusus yang berlaku dalam setiap penutur dan pendengar yang berkaitan dengan pengujaran atau pendengaran bentuk linguistik. Contohnya, penutur yang menyebut perkataan *apple* telah mempunyai bayangan mental sebiji epal dan perkataan ini telah membangkitkan imej yang serupa dalam pemikiran pendengar (Leonard Bloomfield, 1992: 163).

Pemahaman terhadap makna perkataan atau ayat dalam ujaran adalah penting kerana untuk mengkaji keupayaan kanak-kanak memahami makna tersirat dalam interaksi antara mereka, kita terlebih dahulu perlu mengetahui dan perlu membuat tafsiran yang tepat terhadap makna ujaran yang dibuat oleh kanak-kanak semasa berinteraksi. Ini

kerana ada kalanya makna yang dimaksudkan melalui ujaran yang diujarkan kadangkala tidak sama dengan pengucapan yang dibuat. Dalam kata lain, ada keadaan apabila manusia membuat ujaran, apa yang diujarkan (diperkatakan) tidak sama maknanya dengan apa yang dimaksudkan/diimplikasikan (maksud yang ada dalam pemikiran penutur (bersifat tersirat) yang hanya boleh ditafsir berdasarkan konteks sahaja).

Grice (1967) telah membahagikan ujaran kepada dua cara pentafsiran yang berbeza dan jelas iaitu, pertama ialah sesuatu ujaran itu boleh ditafsirkan sebagai 'apa yang diperkatakan' manakala yang kedua pula ialah ujaran boleh ditafsirkan sebagai 'apa yang diimplikasikan'. Untuk mentafsirkan ujaran dari sudut 'apa yang diperkatakan' hendaklah menggunakan ruang lingkup pengkajian semantik, manakala untuk mengkaji maksud ujaran dari sudut 'apa yang diimplikasikan' pula, ruang lingkup pragmatik yang perlu digunakan. Grice juga telah mengutarakan satu prinsip utama yang boleh digunakan sebagai garis panduan dalam perbualan yang dikenali sebagai Prinsip Kerjasama (Levinson, 1983).

Memahami makna ujaran dengan kaedah pentafsiran yang betul adalah amat penting dalam analisis pertuturan kanak-kanak untuk menilai tahap pemahaman makna tersirat dalam kalangan mereka (kumpulan kanak-kanak yang berusia empat hingga enam tahun). Lantaran itu, dengan mengambil kira pendapat yang telah diutarakan oleh Grice (1967), maka kajian ini (yang merupakan satu kajian yang dibuat untuk mengkaji pemahaman makna tersirat dalam interaksi kanak-kanak), lebih sesuai menggunakan ruang lingkup pragmatik sebagai kaedah kajian kerana ia melibatkan analisis makna ujaran dari sudut dalaman atau tersirat iaitu yang merujuk kepada maksud yang diimplikasikan oleh penutur.

Berdasarkan kesesuaian ruang lingkup serta aspek kajian, pengkaji merasakan analisis berdasarkan ukuran pragmatik adalah kaedah yang paling sesuai sebagai kerangka kajian. Bidang pragmatik merangkumi beberapa perkara asas seperti konsep makna tersirat, konsep implikatur perbualan, prinsip kerjasama dijadikan sebagai kaedah kajian dalam menganalisis data untuk melihat pemahaman makna tersirat dalam kalangan kanak-kanak. Satu lagi aspek tambahan yang akan digunakan ialah dengan melihat kepada keupayaan kanak-kanak mengujar dan mentafsir pertanyaan yang mempunyai pelbagai maksud tersirat disebalik pertanyaan yang diujarkan tersebut.

Penggunaan ruang lingkup pragmatik sebagai kerangka kajian ini juga adalah sesuai kerana kajian ini melibatkan kajian terhadap keupayaan kanak-kanak dalam mengaplikasikan makna perkataan dalam menyampaikan hasrat yang tersirat. Jelas bahawa, pentafsiran makna dari sudut pragmatik akan merangkumi kecekapan bahasa penutur, tingkah laku bukan verbal, pengalaman dan pengetahuan pendengar serta konteks pertuturan itu sendiri.

Menurut Abdullah Hassan dalam bukunya *Psikolinguistik* (2007), makna perkataan merupakan sebahagian daripada pengetahuan kita mengenai sesuatu perkataan itu. Jadi, keupayaan kanak-kanak mempelbagaikan penggunaan makna bagi sesuatu perkataan yang diujarkan adalah melambangkan kemampuan sebenar kanak-kanak dalam penguasaan bahasanya yang berjaya dikaitkan dengan pengetahuan tentang dunia disekitarnya. Ini selari dengan pendapat yang dikemukakan oleh Asmah Hj Omar (1993) yang mengatakan bahawa bahasa melambangkan pengetahuan seseorang tentang dunia di sekelilingnya.

2.3.1.1 Jenis-jenis Makna Ujaran

Antara perkara penting yang perlu diketahui dan difahami oleh pembaca khususnya mereka yang bukan terdiri daripada ahli bahasa ialah tentang jenis-jenis makna ujaran. Ini kerana terdapat dua aspek makna yang nyata amat berbeza dalam pentafsiran ujaran. Lantaran itu, untuk mendapatkan pemahaman yang lebih jelas tentang makna ujaran, maka kita perlulah mempunyai pengetahuan yang jelas tentang jenis-jenis makna agar kita mampu membuat pentafsiran yang tepat.

Merujuk pembahagian yang telah dibuat oleh Grice (1975) didapati bahawa sesuatu ujaran itu boleh ditafsirkan dalam dua bentuk yang berbeza iaitu yang pertama, ujaran boleh ditafsirkan sebagai ‘apa yang diperkatakan’ manakala yang kedua pula ialah ujaran boleh ditafsirkan sebagai ‘apa yang diimplikasikan’. Ini menunjukkan bahawa makna ujaran mempunyai dua aspek yang berbeza iaitu pertama, makna ujaran yang memerlukan pentafsiran dari sudut semantik/tersurat yang dikenali juga sebagai *makna/maksud linguistik* (apa yang diperkatakan). Manakala yang kedua ialah makna ujaran yang memerlukan pentafsiran pragmatik yang juga dikenali sebagai *maksud penutur* (makna dalaman atau tersirat) (apa yang diimplikasikan).

a. Maksud Penutur atau Makna Tersirat

Maksud-penutur atau makna tersirat adalah merujuk kepada niat seseorang penutur apabila beliau menghasilkan sesuatu pengucapan linguistik. Dengan kata lain, erti sesuatu ayat/ujaran bukanlah semata-mata ditentukan oleh makna setiap perkataan dan pertalian struktur antara perkara-perkara yang membina sesebuah ayat, tetapi oleh faktor-faktor lain juga iaitu intonasi pengucapan, keperihalan keadaan kewujudan ayat, keperihalan keadaan penutur (konteks) dan tujuan atau sebab sesuatu ayat diucapkan oleh penutur.

Makna sesuatu kata adalah bergantung kepada cara penggunaan perkataan itu dalam menyampaikan maksudnya (Wittgensten dalam Ullman, 1974). Sesuatu perkataan yang mempunyai makna yang kabur, perlu ditafsir dengan melihat cara penggunaannya terlebih dahulu dalam usaha mendapatkan makna yang lebih jelas. Maksud-penutur atau makna penutur adalah merujuk kepada makna yang ada dalam pemikiran penutur yang mungkin sangat berbeza dengan apa yang diujarkan pada waktu itu. Makna penutur ini merupakan makna yang bersifat harfiah dan sudah pasti cara penafsirannya adalah di luar ruang lingkup bidang semantik, bahkan ia merupakan sebahagian daripada aspek pragmatik.

Bahasa tersirat adalah bahasa yang mempunyai maksud yang berlainan dengan makna yang diujarkan atau disebut serta mempunyai maksud ayat yang berlapis-lapis. Dalam Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002) *makna bahasa tersirat* bermaksud sebagai bahasa yang tersembunyi atau terkandung dalam sesuatu serta bersifat mendalam. Dalam hal ini, pengguna bahasa akan mengalami kesukaran untuk memahami sesuatu makna yang hendak disampaikan dalam perkataan yang menggunakan bahasa tersirat.

Penggunaan bahasa tersirat dalam perbualan haruslah difahami secara mendalam kerana ia merujuk kepada makna yang berlainan daripada maksud asal yang telah diucapkan. Penggunaan bahasa tersirat juga turut menunjukkan kesopanan dalam berbahasa kerana penggunaan ayat yang tidak menyinggung perasaan dan menggunakan bahasa yang sopan serta diterima oleh khalayak.

b. Makna Tersurat @ Makna Linguistik (*Linguistic Meaning*)

Makna-linguistik atau makna tersurat pula adalah merujuk kepada ekspresi linguistik yang merupakan sebahagian daripada bahasa atau makna yang diperoleh semata-mata daripada makna yang tertulis atau makna yang diujarkan sahaja. Makna linguistik adalah berbeza dengan maksud penutur kerana ia mempunyai kaitan langsung dengan makna harfiah (makna berdasarkan ciri-ciri semantik) (Frank Parker, 1994). Pada umumnya, makna linguistik sesuatu ungkapan hanyalah berupa makna atau makna-makna ungkapan tersebut dalam sesuatu bahasa. Dengan kata lain, makna linguistik sebenarnya adalah merujuk kepada makna teks semata-mata dan boleh juga dikatakan sebagai makna tersurat sesuatu kata atau ayat yang diujarkan.

Sebaliknya, makna penutur atau makna tersirat adalah berbeza daripada makna linguistik, bergantung kepada sama ada penutur bercakap secara *harfiah* atau *tidak harfiah*. Apabila kita bercakap secara harfiah, kita menyatakan maksud yang sama dengan makna kata yang kita gunakan, dan dalam kes ini tidak ada perbezaan yang penting antara makna penutur dengan makna linguistik. Tetapi apabila kita bercakap secara tidak harfiah, kita menyatakan maksud yang berbeza daripada makna kata yang kita gunakan (Adrian Akmajian, 1995). Keadaan ini juga boleh dirujuk sebagai pentafsiran makna berdasarkan makna tersirat atau makna dalaman yang bergantung kepada konteks semasa sesuatu ujaran itu dilafazkan. Contoh lain penggunaan tidak harfiah bahasa ialah kiasan terbalik dan sindiran.

c. Makna Rujukan

Dalam pengkajian makna dan tahap pemahaman penutur atau pendengar dalam membuat ujaran dan mentafsir makna ujaran, adalah amat penting bagi kita meneliti tentang satu perkara yang agak mustahak dalam menterjemahkan makna iaitu *rujukan*.

Dalam aspek rujukan, samalah juga dengan mengkaji aspek maksud. Ia dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu *rujukan-penutur (speaker reference)* dan *rujukan-linguistik (linguistic reference)*. Bahagian seterusnya akan membincangkan dengan lebih lanjut lagi tentang kedua-dua jenis rujukan ini (ibid.).

i. Rujukan Penutur (*Speaker Reference*)

Rujukan penutur adalah merujuk kepada perkara yang dirujuk oleh penutur dengan menggunakan sesuatu ekspresi linguistik. Sebagai contoh, sekiranya seseorang mengucapkan ayat *Here comes President Reagan* secara berjenaka, iaitu dengan merujuk seorang pengemis wanita yang sedang berjalan di tepi jalan, maka rujukan-penutur bagi ekspresi *President Reagan* tersebut dimaksudkan untuk pengemis wanita berkenaan.

Sebenarnya, rujukan-penutur adalah terletak di luar ruang lingkup bidang semantik. Hal ini disebabkan ia adalah bervariasi mengikut penutur dan konteks di mana pentafsiran makna ujaran biasanya akan bergantung kepada niat sebenar yang cuba disampaikan oleh penutur dengan merujuk kepada konteks yang berlaku dan kadang kala ia sangat bertentangan dengan maksud yang ditafsir secara linguistik yang hanya merujuk pada makna teks semata-mata. Lantaran itu, ia boleh disifatkan sebagai sebahagian daripada bidang pragmatik.

ii. Rujukan Linguistik (*Linguistic Reference*)

Rujukan Linguistik adalah berbeza dengan rujukan penutur, tertakluk dalam ruang lingkup bidang semantik, memandangkan ia mempunyai perkaitan dengan aspek rujukan iaitu fungsi sistematik sesuatu bahasa itu sendiri, bukannya merujuk penutur dan konteks (Adrian Akmajian, 1990). Rujukan-linguistik dalam erti kata yang lain

pula, merupakan suatu denotasi sistematik tentang ekspresi linguistik yang berperanan sebagai sebahagian daripada bahasa. Sebagai contoh, ayat tadi jika di tafsir dari ekspresi linguistik akan bermaksud atau merujuk kepada tokoh negara Ronald Reagan (ibid.).

2.4 Kepentingan Konteks dalam Pentafsiran Makna Ujaran

Dalam hal komunikasi, konteks merupakan suatu faktor yang amat penting (Leech, 1974), terutamanya dalam usaha mentafsir ujaran yang mempunyai makna tersirat. Wittgenstein dalam bukunya 'Penyiasatan Falsafah' (*Philosophical Investigations*) (1953), pernah dengan tegas menyatakan bahawa makna kata tidak dapat diketahui kecuali dilihat dalam penggunaannya, atau dalam konteks penggunaannya. Demikian juga Ullmann (1974) berhujah bahawa makna perkataan hanya dapat ditentukan berdasarkan penelitian terhadap penggunaannya.

Dalam kajian penggunaan bahasa, khususnya dalam usaha menilai tahap pemahaman makna tersirat kanak-kanak prasekolah, apa yang paling penting ialah mengaitkan ujaran yang dibuat dengan konteks yang berlaku pada masa sesuatu ujaran itu dituturkan. Dengan kata lain, makna sebenar sesuatu ujaran adalah bergantung kepada konteks yang berlaku semasa sesuatu ujaran diperkatakan oleh penuturnya. Oleh yang demikian, penganalisan terhadap makna tersirat adalah amat memerlukan pemerhatian terhadap konteks, iaitu melihat kepada situasi yang berlaku yang mengiringi sesuatu ujaran itu.

Nor Hashimah Jalaluddin (2003) dalam bukunya yang bertajuk *Bahasa Dalam Perniagaan: Satu Analisis Semantik dan Pragmatik* telah mendefinisikan konteks sebagai sebarang andaian tentang dunia yang dibina secara psikologi oleh pendengar.

Konteks tidak terhad kepada maklumat tentang persekitaran fizikal yang paling dekat dan ujaran terdahulu yang paling hampir. Konteks juga melibatkan masa depan, hipotesis saintifik atau kepercayaan agama, kenangan lucu, andaian am tentang budaya dan kepercayaan terhadap pemikiran si penutur. Kesemuanya memainkan peranan dalam interpretasi ujaran.

Dalam bukunya itu, Nor Hashimah Jalaluddin (2003) telah menerangkan dengan agak jelas tentang konteks dan proses-proses yang akhirnya dapat menimbulkan pula kesan konteks kepada pendengar dalam membantu interpretasi makna yang seterusnya. Kesan konteks yang dimaksudkan ini ialah andaian awal yang ada kepada pendengar tentang maklumat yang relevan dengan diri pendengar.

Oleh kerana usaha menganalisis tahap pemahaman makna tersirat dalam kalangan kanak-kanak prasekolah merupakan suatu kajian yang dilakukan terhadap *bahan* atau *benda* yang tidak dapat dilihat, iaitu hanya melibatkan kajian psikologi dalam erti kata kita terpaksa menduga apa yang berlaku dalam otak seseorang, maka pentafsiran makna ujaran tersirat perlulah dilakukan berdasarkan penilaian terhadap konteks yang berlaku sepanjang proses interaksi berlangsung. Ianya adalah untuk mengelakkan kemungkinan berlaku tersalah tafsir dan sebagainya.

Pentafsiran makna tersirat ujaran berdasarkan penilaian terhadap konteks adalah amat mustahak kerana makna tersirat sesuatu kata/ujaran itu sebenarnya bergantung sepenuhnya pada konteks. Misalnya perkataan *gila!* Kalau disebut semasa bertengkar mungkin ia bermakna marah. Kalau disebut semasa sedang berbual dan bergurau dengan kawan-kawan, ia bermaksud satu gurauan yang tidak serius dan tidak mendatangkan kemarahan pada pendengar, manakala kalau perkataan itu disebut dalam

ayat berita yang menceritakan tentang seseorang, maka ia dianggap sebagai bermaksud *gila* yang sebenarnya yang merujuk kepada seseorang yang tidak siuman (Abdullah Hassan, 1980). Jadi, ujaran yang dibuat dalam pelbagai konteks akan pelbagai juga maknanya. Penerangan ini menunjukkan betapa pentingnya konteks dalam menilai makna ujaran yang sebenarnya yang dimaksudkan oleh penutur.

2.5 Kecekapan Komunikasi Kanak-kanak

Untuk memahami makna tersirat yang terkandung dalam ujaran yang dituturkan oleh kanak-kanak, pentafsiran bukan sahaja dibuat berdasarkan ujaran yang dituturkan semata-mata tetapi pentafsiran makna tersirat juga perlu dibuat dengan mengambil kira konteks atau bentuk komunikasi bukan verbal yang mengiringi sesuatu ujaran itu.

Penilaian terhadap pemerolehan dan pemahaman makna tersirat dalam kalangan kanak-kanak adalah dibuat berdasarkan analisis data ujaran kanak-kanak yang dirakamkan semasa kanak-kanak berkomunikasi sesama mereka. Keupayaan memahami makna tersirat kanak-kanak dinilai dari sudut keupayaan kanak-kanak membuat tafsiran dan juga kemampuan mereka membuat ujaran yang mempunyai makna tersirat dalam komunikasi yang sempurna. Komunikasi yang sempurna di sini bermaksud, wujudnya situasi penyampaian ide dan perasaan dari satu pihak kepada pihak yang lain agar terjadi keadaan saling mempengaruhi diantara satu sama lain.

Seseorang kanak-kanak yang bijak menyampaikan niat tersirat untuk mencapai segala maksud yang diinginkan semasa berkomunikasi, dia akan dianggap sebagai seorang individu yang cekap berkomunikasi. Kecekapan berkomunikasi bukan sahaja setakat mengetahui kod bahasa yang didengari atau dituturkan, malah pengguna bahasa juga harus mengetahui tentang maklumat yang jelas terhadap apa-apa yang hendak

diperkatakan, kepada siapa hendak diperkatakan, dan bagaimanakah cara hendak mengujarkannya dengan sesuai dalam situasi-situasi tertentu (Troike, 1991: 23). Kecekapan berkomunikasi melibatkan andaian pengetahuan sosial dan kebudayaan yang dimiliki para penuturnya untuk membolehkan mereka menggunakan dan menginterpretasi bentuk-bentuk linguistik bahasa ibundanya (ibid.). Lantaran itu, menilai pemahaman makna tersirat dalam kalangan kanak-kanak prasekolah bukan sahaja dapat menyerlahkan pemahaman makna tersirat dalam kalangan mereka semata-mata, malah kajian ini juga dapat digunakan untuk menilai kecekapan kanak-kanak prasekolah berkomunikasi.

2.5.1 Definisi Komunikasi

Komunikasi didefinisi sebagai satu bentuk perhubungan sama ada secara langsung atau dengan menggunakan perantaraan seperti surat, radio, telefon dan lain-lain (Kamus Dewan, 2005, 812). Komunikasi boleh dilakukan dalam bentuk lisan atau bukan lisan. Komunikasi bukan lisan boleh berbentuk isyarat, bahasa gerak geri, sentuhan, hubungan mata dan penulisan.

Tidak boleh dinafikan bahawa, kemampuan dan keupayaan kanak-kanak dalam mentafsir serta menghasilkan makna tersirat semasa berinteraksi, dapat melambangkan sebahagian daripada kecekapan berkomunikasi seseorang kanak-kanak itu sendiri. Kanak-kanak yang mampu mempelbagaikan kaedah pengaliran makna semasa membuat ujaran adalah merupakan satu keadaan yang menunjukkan kanak-kanak mempunyai ciri-ciri kecekapan berbahasa dan berkomunikasi.

Kecekapan berkomunikasi amat penting kerana manusia berhubung antara satu sama lain melalui komunikasi, menyatakan pendapat, melahirkan ide, perasaan dan sebagainya.

Komunikasi boleh dianggap sebagai satu proses manusia menghantar dan menerima mesej. Mesej disampaikan dengan menggunakan bahasa. Jadi kecekapan berbahasa dan berkomunikasi merupakan dua ciri yang berjalan seiring dan saling melengkapi. Penggunaan bahasa yang sesuai dalam mencapai komunikasi yang berkesan adalah amat penting. Kepentingan bahasa dalam menyampaikan sesuatu mesej semasa berkomunikasi memang tidak boleh disangkal. Asmah Hj. Omar (1993) telah menyatakan bahasa merupakan teropong penglihatan dunia manusia. Pernyataan ini menggambarkan betapa pentingnya pengetahuan dan penguasaan bahasa dalam sesuatu komunikasi.

Untuk mendapatkan pemahaman yang lebih jelas tentang komunikasi, berikut akan diterangkan beberapa definisi serta perbincangan-perbincangan berkaitan dengan komunikasi yang telah dilakukan dan dipaparkan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini. Pemahaman terhadap konsep dan peraturan-peraturan serta jenis-jenis komunikasi akan membantu memudahkan kita memahami dengan lebih jelas tentang komunikasi kanak-kanak, kecekapan berbahasa dan seterusnya penguasaan makna tersirat dalam interaksi kanak-kanak.

Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad (2001) mengatakan bahawa, komunikasi sangat penting dalam kehidupan manusia kerana manusia sentiasa berkomunikasi untuk menjalin sebuah hubungan antara satu sama lain dalam kehidupan bermasyarakat. Melalui komunikasi manusia berkongsi atau bertukar-tukar idea, maklumat dan perasaan dan melalui komunikasi juga manusia saling berhubung dan mengetahui tentang sesuatu hal masing-masing (Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad, 2001: 1).

Mohd Baharuddin dan Mohd Kharie (2006) pula mengatakan bahawa komunikasi lisan boleh mengukuhkan sesuatu maklumat yang disampaikan apabila seseorang itu ingin menegaskan sesuatu perkara. Melalui komunikasi lisan, maklumat dapat disalurkan secara terus atau spontan kepada khalayak. Melalui komunikasi manusia juga boleh saling menyampaikan pesan dari seseorang kepada orang lain untuk memberitahu, mengubah sikap, menyatakan pendapat, atau perilaku, baik secara lisan (langsung) ataupun tidak langsung yang disampaikan melalui penggunaan simbol-simbol seperti kata-kata, gambar-gambar, pergerakan badan dan lain-lain (Dosen Agustina Zubair, 2006: 1).

Komunikasi melibatkan penyampaian ide dan perasaan dari satu pihak kepada pihak yang lain agar terjadi keadaan saling mempengaruhi diantara satu sama lain (Abu Bakar, 2010: 1). Biasanya kita berkomunikasi kerana ingin mempengaruhi pemahaman, sikap dan tindakan pihak lain sama ada mereka bersetuju atau tidak ke atas sesuatu isu yang dibincangkan.

Komunikasi juga merupakan proses dua hala antara penyampai maklumat, serta penerima maklumat. Malah seseorang penyampai maklumat akan juga menjadi penerima maklumat dari penyampai yang sebelumnya dan ia merupakan penerima maklumat mengikut giliran. Secara ringkasnya, komunikasi boleh diistilahkan sebagai satu proses dimana manusia menghantar dan menerima mesej, berkongsi atau bertukar-tukar idea, maklumat dan perasaan. Komunikasi juga menjadi penghubung antara semua ahli masyarakat kerana melalui pertuturan orang ramai dapat berhubung dan bertukar-tukar pendapat. Malah manusia juga berkomunikasi melalui bahasa bukan lisan iaitu menerusi gerak, isyarat atau simbol, dengan tujuan untuk memberi dan bertukar-tukar maklumat.

Istilah komunikasi sebenarnya berasal daripada perkataan Latin iaitu ‘communiatus’ yang bermaksud berkongsi sesuatu. Ia merupakan proses penyampaian mesej atau makna oleh seseorang kepada orang lain (Noor Aina Dani, 2007: 108). Komunikasi hanya akan berlaku sekiranya ada makna yang hendak disampaikan. Sumber makna memang ada dalam fikiran si penyampai makna yang mungkin terdiri dari penyampaian perasaan, pengetahuan, peringatan dan pendapat yang disampaikan dari otak atau pemikiran si penyampai kepada penerima melalui pelbagai bentuk dan cara penyampaian.

Bleum (1966) mentafsirkan komunikasi sebagai proses yang bermula apabila sesuatu mesej (maklumat) daripada pengirim kemudian dipindahkan menerusi alat saluran khas kepada penerima yang kemudiannya memberikan maklumbalas (mengekod dan mentafsir) terhadap mesej tersebut. Penerima pula akan bertindak mengembalikan isyarat dalam bentuk verbal atau bukan verbal kepada pengirim untuk menyampaikan isyarat sama ada mesej yang diterima tersebut difahami atau tidak difahaminya.


Theodorson & Theodorson (1969) pula menyatakan komunikasi adalah pengiriman maklumat, pemikiran, sikap atau emosi daripada seseorang individu atau kumpulan kepada individu atau kumpulan yang lain dengan menggunakan simbol-simbol. Apabila seseorang berkomunikasi ia bermakna yang mereka sebenarnya sedang berusaha berkongsi ide atau maklumat dengan individu atau orang yang sedang berkomunikasi dengannya.

Wilbur Schramn (1971) berpendapat bahawa komunikasi boleh dianggap sebagai satu perkongsian orientasi terhadap satu set isyarat maklumat. Sementara Roger (1969) pula

berpendapat komunikasi sebagai satu proses apabila kedua-dua belah pihak yang terlibat membentuk dan berkongsi maklumat antara satu sama lain dengan tujuan untuk mencapai kesefahaman bersama. Perkongsian yang ditekankan dalam sesuatu komunikasi itu ialah dari segi makna sesuatu isyarat. Sesuatu isyarat atau maklumat mungkin memberikan makna yang berlainan kepada dua individu. Carl Horland (1953) telah mengeluarkan pendapat yang mengatakan bahawa, komunikasi sebagai proses penyampaian ransangan (lazimnya secara lisan) dengan tujuan untuk menukar tingkah laku individu lain.

Charles Osgood (1954) berpendapat komunikasi berlaku apabila satu sistem atau sumber cuba mempengaruhi sistem lain atau sasarannya dengan memanipulasikan beberapa simbol alternatif yang boleh disampaikan melalui saluran yang menghubungkan mereka. Manakala Carter (1973) telah mengeluarkan pendapat yang mengatakan bahawa komunikasi adalah satu tingkah laku. Hal ini kerana menurut beliau, apabila seseorang individu berkomunikasi beliau bukan sahaja akan bertindak terhadap maklumat yang sampai kepadanya, tetapi sebaliknya apabila individu berkomunikasi, ia berusaha untuk mencari maklumat yang boleh digunakan bagi mengatasi permasalahan yang sedang dihadapinya supaya ia mempunyai gambaran yang lebih tepat tentang alam persekitaran yang perlu dihadapinya.

Daripada definisi-definisi yang telah diberikan di atas oleh sarjana-sarjana komunikasi, dapatlah dirumuskan bahawa komunikasi itu merupakan satu proses pemindahan makna iaitu maklumat, ide, pengetahuan, persefahaman lambang-lambang lain daripada sumber atau penyampai kepada penerima melalui saluran-saluran tertentu dengan harapan mewujudkan persamaan.



Rajah 2.1 Proses Komunikasi (Abdul Mua'ti@ Zamri Ahmad, 2001: 14)

Sebenarnya terdapat beberapa unsur penting dalam komunikasi yang antaranya ialah sumber, penerima, utusan, encoder, saluran, gangguan, decoder, rangka rujuk, maklum balas dan maklumat awal. Sumber merupakan punca sesuatu utusan yang boleh terdiri daripada individu, satu kumpulan, persatuan atau organisasi.

| | |
|---------------|---|
| Idea- | pemikiran yang terjana dalam minda sumber |
| Enkod- | usaha sumber untuk mengolah idea tadi dalam satu pakej yang dapat disalurkan |
| Saluran- | usaha sumber menghantar mesejnya yang sudah diolah kepada penerima. |
| Penerimaan- | sasaran kepada usaha penyaluran. Ia berlaku pada penerima. |
| Dekod- | iaitu usaha penerima untuk mentafsirkan mesej yang diterimanya. |
| Pemahaman- | hasil usaha pentafsiran mesej oleh penerima |
| Maklum balas- | tindak balas penerima terhadap mesej yang diterimanya |
| Gangguan- | apa sahaja yang terdapat dalam alam sekitar yang menggugat penghantaran dan penerimaan mesej. |
| Suasana- | keadaan sekeliling komunikasi sewaktu proses komunikasi berlangsung |

Sumber-
punca yang mencetuskan mesej
(Abdul Mua'ti@ Zamri Ahmad, 2001: 14)

Rajah di atas menunjukkan proses penerimaan maklumat oleh pendengar daripada ujaran yang disampaikan oleh penutur. Apabila penutur menyampaikan ide atau maklumat, ia akan diproses oleh pendengar atau sasaran melalui proses-proses yang tetap sebagaimana ditunjukkan dalam rajah di atas.

Dalam proses komunikasi, sumber ialah sesiapa yang mempunyai pendapat, fikiran, perasaan atau utusan yang ingin disampaikan kepada orang lain. Contohnya, dalam sebuah bilik darjah, guru merupakan sumber komunikasi kerana guru yang bertanggungjawab menyampaikan maklumat kepada pelajar-pelajarnya. Pendengar, yang terdiri daripada seseorang individu, kumpulan kecil, sebuah organisasi atau sejumlah orang ramai, pula merupakan sasaran sesuatu utusan. Utusan merupakan mesej, perasaan, fikiran, pendapat atau fakta yang ingin disampaikan.

Enkoder adalah keupayaan sensori motor seseorang yang bertanggungjawab untuk mengubah apakah yang ingin disampaikan oleh sumber dalam bentuk kod dan kemudian menyampaikannya dalam bentuk utusan. Saluran merupakan perantaraan yang membawa utusan daripada sumber kepada penerima. Pemilihan saluran penting kerana ia membantu keberkesanan komunikasi. Pemilihannya hendaklah disesuaikan dengan keupayaan penerima dan utusan yang hendak disampaikan.

Gangguan berlaku apabila penerima tidak dapat menerima utusan yang disampaikan dengan jelas sebagaimana yang disampaikan oleh sumber. Gangguan boleh berlaku disebabkan oleh saluran, keadaan sekeliling atau pemikiran kita. Decoder

bertanggungjawab untuk menterjemah utusan yang diterima. Rangka rujuk merupakan pengalaman dan pengetahuan tentang sesuatu perkara yang menjadi tajuk komunikasi. Ia penting kerana sesuatu komunikasi tidak akan berkesan jika sumber dan penerima tidak mempunyai rangka rujuk yang sama (ibid.).

Untuk keberkesanan sesuatu komunikasi, sumber dan penerima mestilah mempunyai rangka rujuk yang sama. Maklum balas merujuk pada keadaan yang berlaku apabila penerima memberikan reaksi terhadap utusan yang disampaikan oleh sumber, dan maklumat awal adalah merupakan maklumat yang diperolehi oleh sumber komunikasi tentang unsur-unsur lain seperti penerima, saluran dan utusan untuk dijadikan bahan rujukan sebelum maklumat disebarkan kepada penerima (Sulaiman Masri, 2003).

2.5.2 Bentuk-bentuk Komunikasi Kanak-kanak

Bahagian ini membincangkan hasil-hasil kajian-kajian lepas yang memaparkan perbincangan yang terperinci tentang bentuk-bentuk komunikasi yang sering dipraktikkan dalam situasi perbualan bukan sahaja dalam kalangan kanak-kanak malah dalam interaksi antara orang dewasa juga.

Bentuk-bentuk komunikasi ini boleh berupa penyampaian secara lisan atau menggunakan bentuk-bentuk isyarat bukan lisan seperti gerakan badan, pengeluaran bunyi-bunyi bukan bahasa seperti berdehem, ketawa, batuk dan sebagainya (Noor Aina Dani, 2007).

Dalam menilai pemahaman makna tersirat kanak-kanak sampel, aspek penganalisaan data bukan sahaja akan dilakukan terhadap ujaran atau penyampaian mesej secara lisan (verbal) semata-mata, malah segala aspek lain seperti bahasa bukan lisan (bukan verbal)

juga akan diambil kira. Antaranya ialah seperti pergerakan anggota badan, keadaan diam, batuk, senyum, perubahan memek muka dan sebagainya.

Ciri-ciri lain selain daripada pengujaran secara lisan juga amat penting diberi perhatian dalam membuat tafsiran terhadap sesuatu maksud yang cuba disampaikan oleh penutur semasa membuat ujaran. Ini disebabkan, dalam komunikasi selain daripada penyampaian mesej secara lisan atau verbal, ciri-ciri bukan lisan atau bukan verbal juga penting dalam membantu penyampaian mesej yang lebih berkesan terutamanya yang melibatkan mesej tersirat. Sebenarnya, dalam sesetengah keadaan, baik dari pihak penutur atau pendengar sendiri, penglahiran dan pentafsiran mesej tersirat ujaran akan lebih mudah sekiranya ia dibantu oleh faktor-faktor bukan lisan yang ditunjukkan oleh penutur seperti pergerakan badan, memek muka, mengenyit mata dan sebagainya.

Untuk pemahaman yang lebih jelas, di bawah akan diterangkan secara ringkas maksud komunikasi verbal dan bukan verbal sebagai panduan dan rujukan untuk menambahkan pemahaman pendengar terutamanya terhadap konsep-konsep yang akan digunakan dengan meluas dalam analisis data (lihat bab 4).

2.5.2.1 Komunikasi Lisan (Bahasa Verbal) Kanak-kanak

Komunikasi lisan atau bahasa verbal ialah bahasa yang dituturkan secara lisan. Biasanya komunikasi dilakukan secara verbal dengan menggunakan kata-kata yang dapat difahami oleh kedua belah pihak (Abu Bakar Atan, 2010). Komunikasi verbal dalam kalangan kanak-kanak dilakukan melalui pertuturan. *Pertuturan* merupakan gaya atau cara menuturkan sesuatu perkara tertentu (Noor Aina Dani, 2007).

Bertutur dalam sesuatu bahasa bermaksud mengeluarkan bunyi supaya dapat didengari dan difahami oleh orang lain. Pendengar atau ‘orang lain’ ini pula akan bertindak terhadap pertuturan yang didengarinya itu. Pertuturan juga dikenali sebagai ujaran lisan yang mempunyai makna. Ujaran lisan boleh terdiri daripada kata-kata, klausa-klausa dan ayat-ayat yang bermakna (ibid.). Pertuturan kanak-kanak merujuk situasi pengaliran mesej atau penyampaian mesej yang dibuat menggunakan perkataan-perkataan yang bermakna. Melalui pertuturan, kanak-kanak bukan sahaja bijak menyampaikan maksud tersirat malah mereka juga mampu mengaplikasikan bentuk-bentuk ujaran yang mengandungi mesej-mesej yang tersirat.

Oleh sebab perkataan diungkapkan secara lisan, maka proses komunikasi akan bermula apabila bunyi mulai keluar daripada mulut penuturnya dan akan berakhir apabila sebutan berhenti. Ketepatan mesej bergantung kepada kebolehan sumber memilih perkataan atau istilah yang boleh mewakili maksud sebenar ideanya serta ketetapan lafaz sebutan. Ia juga bergantung kepada kejelasan bunyi tersebut agar dapat didengari oleh penerima (Abdul Mua’ti @ Zamri Ahmad, 2001).

Komunikasi lisan dalam kalangan kanak-kanak hanya berlaku secara langsung yang melibatkan dua orang atau lebih berbual secara bersemuka. Komunikasi lisan sebenarnya boleh berlaku dalam keadaan formal dan tidak formal. Namun, dalam situasi kajian ini, semua data adalah dikutip dari rakaman terhadap situasi perbualan yang tidak formal diantara kanak-kanak. Walaupun rakaman dilakukan dalam bilik darjah, namun kanak-kanak bebas bergerak, bercerita dan melakukan apa sahaja yang mereka suka tanpa sebarang pengawalan sama ada dari pihak guru atau pengkaji sendiri. Situasi sebegini amat penting dalam mewujudkan suasana yang selesa kepada kanak-

kanak untuk berkomunikasi sesama mereka. Lantaran itu, data yang diperolehi juga pelbagai dan proses pengutipan data juga akan menjadi lancar.

2.5.2.2 Komunikasi Bukan Lisan (Bukan Verbal)

Memahami bahasa bukan verbal dalam kajian pemahaman makna tersirat adalah sangat penting kerana gabungan diantara bahasa verbal dan bahasa bukan verbal akan memberikan pentafsiran yang lebih lengkap terhadap makna ujaran terutamanya makna tersirat. Steven A. Beebe et al., (2011) menyatakan bahawa bahasa verbal dan bahasa bukan verbal akan bersama-sama menghasilkan mesej yang berkesan:

“verbal and nonverbal cues work together in two primary ways to help us make sense of others messages. They help us manage the verbal messages and emotional meaning of what we say”
(Steven A. Beebe et al., 2011: 187).

Komunikasi bukan lisan (bukan verbal) juga penting kerana makna ujaran bukan sahaja dapat disampaikan melalui apa yang diperkatakan secara lisan oleh penutur kepada pendengar semata-mata, malah makna juga boleh ditunjukkan melalui perlakuan bukan verbal yang mengiringi sesuatu ujaran itu sebagai sokongan untuk menjelaskan lagi mesej yang ingin disampaikan (terutamanya mesej tersirat) serta menyesuaikan mesej dengan konteks yang berlaku.

Penghasilan makna tersirat melalui bahasa bukan verbal sering berlaku dalam perbualan menyebabkan pendengar perlu peka terhadap konteks yang berlaku semasa proses komunikasi berlangsung bagi membolehkan pentafsiran yang lebih tepat dapat dilakukan terhadap mesej yang cuba disampaikan oleh penutur. Ini kerana:

“non verbal communication is behaviour other than written or spoken languages that creates meaning for us. A person’s tone of voice, eye contact, facial expressions, posture, movement, general appearance, personal space, manipulating of the communication environment and a host of other nonverbal clues reveal how that the person feel about other”

(Steven A. Beebe et al., 2011:187)

Dalam beberapa situasi, dari sudut keberkesanan komunikasi, 90 peratus adalah daripada komunikasi bukan lisan (Raja Masittah Raja Ariffin, 2008: 13). Hanya 10 peratus sahaja daripada komunikasi lisan (ibid.). Pernyataan ini membuktikan kepentingan bahasa bukan verbal dalam pentafsiran makna yang lebih jelas kerana makna perkataan bukanlah sepenuhnya bergantung kepada ujaran atau perkataan semata-mata. Namun ianya mestilah berdasarkan perlakuan (*verbal actions*) dan interaksi antara penutur dengan pendengar serta apakah yang berlaku pada masa itu yang juga disebut sebagai *context of situation*.

Secara semula jadi, kemahiran memahami bahasa dan kemahiran motor bayi adalah berkembang dengan lebih cepat berbanding dengan kemahiran bertutur mereka (Yvonne M. Campbell, 2008: 43). Seawal tujuh hingga lapan bulan, bayi boleh menggunakan beberapa jenis isyarat yang berlainan, manakala pada usia satu tahun bayi mula mengenal 50 isyarat (ibid.). Pernyataan ini menunjukkan kanak-kanak telah menggunakan bahasa bukan verbal seawal usia masih bayi lagi.

2.5.2.2.1 Jenis-jenis Komunikasi Bukan Lisan (Bukan Verbal)

Dalam menilai maksud ujaran kanak-kanak dari sudut makna tersirat, penilaian bukan sahaja terhad pada bicara secara lisan semata-mata, malah apa yang lebih penting ialah mengambil kira aspek-aspek bukan lisan yang lain, dalam menghasilkan tafsiran yang lebih tepat dan meyakinkan.

Bentuk-bentuk komunikasi bukan lisan yang wujud dalam data perbualan kanak-kanak ialah yang dikenali sebagai *Komunikasi isyarat* iaitu pengaliran makna yang dilakukan melalui bunyi, gerakan anggota badan, memek muka, objek atau sebarang reka bentuk yang diluar daripada penggunaan biasa oleh sistem bahasa formal.

Perincian yang lebih jelas tentang komunikasi bukan lisan yang disarankan oleh Noor Aina Dani (2007) adalah seperti berikut:

- a) *Nada suara*- Nada suara selalunya membawa bersama emosi yang terkandung dalam suatu perkataan. Sesuatu perkataan yang disebut dengan nada suara yang berbeza akan membawa erti yang berbeza.
- b) *Suara-suara separa bahasa*- Suara yang membawa makna tersendiri seperti terbatuk, merungut, berbisik sendiri dan sebagainya.
- c) *Ekspresi muka, pandangan mata dan pergerakan tubuh badan*- Ekspresi muka ialah pengaliran rasa hati, emosi fikiran, penilaian dan keadaan diri individu.
- d) *Pandangan mata*- berfungsi untuk memberi perhatian, menunjukkan minat, tanda hormat dan menimbulkan rasa penerimaan atau sebaliknya.

2.6 Kesimpulan

Semua yang dibincangkan dalam bab ini merupakan konsep-konsep asas yang penting berkaitan dengan bahasa, pemerolehan bahasa serta komunikasi yang perlu diketahui oleh pembaca. Pemahaman tentang latar belakang kajian serta konsep-konsep asas yang akan digunakan sepanjang analisis data dalam Bab Empat nanti akan membantu meningkatkan pemahaman terhadap segala aspek bahasa, pemerolehan serta penguasaan bahasa dan yang paling penting ialah aspek maksud tersirat. Lantaran itu, adalah diharapkan agar penerangan yang dibuat telah membantu memberikan informasi yang

sangat berguna kepada pembaca untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang kajian terhadap pemahaman makna tersirat dalam kalangan kanak-kanak.

BAB TIGA

METODOLOGI

3.1 Pendahuluan

Bab ini secara khususnya menerangkan tentang kaedah yang digunakan untuk menjalankan penyelidikan mengenai pemahaman makna tersirat dalam interaksi kanak-kanak. Perkara-perkara yang dibincangkan adalah berkaitan dengan sampel kajian, lokasi atau tempat kajian dijalankan, instrumentasi, jangkamasa pengumpulan data, kaedah atau prosedur pengumpulan data, konvensi transkripsi data dan kaedah yang digunakan untuk menganalisis data kajian.

3.2 Sampel Kajian

Sampel kajian adalah terdiri daripada 72 orang kanak-kanak, 38 lelaki dan 34 perempuan berbangsa Melayu (lihat Jadual 3.1).

| Umur | Lelaki | Perempuan | N= |
|---------------|---------------|------------------|-----------|
| 4 | 9 | 5 | 14 |
| 5 | 12 | 15 | 27 |
| 6 | 17 | 14 | 31 |
| | | | |
| Jumlah | 38 | 34 | 72 |

Jadual 3.1 Bilangan Responden Kajian Mengikut Umur dan Gender

Pemilihan sampel kajian adalah dengan mengambilkira latar belakang budaya dan kelas sosial, usia kanak-kanak, golongan etnik dan kawasan kajian seperti yang diterangkan dalam bahagian berikut:

3.2.1 Latar Belakang Budaya dan Kelas Sosial

Menurut takrifan yang telah dibuat oleh Asmah Hj Omar (2002) terhadap istilah informan, subjek dan responden dalam bukunya yang bertajuk *Kaedah Penyelidikan Bahasa Di Lapangan*, *informan* dan *responden* adalah merujuk kepada orang atau pihak yang memberi maklumat kepada penyelidik, manakala *subjek* pula merupakan orang atau pihak yang menjadi sasaran penyelidikan (ibid., 45).

Dalam penyelidikan bahasa, terutamanya yang melibatkan ujaran sebagai data kajian, pemilihan sampel perlulah dilakukan dengan teliti. Pengkaji perlu memastikan bahawa data yang dipungut juga hendaklah sesuai dan dapat memenuhi objektif kajian yang ditetapkan. Apatah lagi sampel yang terlibat adalah terdiri daripada kanak-kanak yang belum matang, maka tumpuan utama adalah untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang akan memberikan segala jawapan terhadap permasalahan dan persoalan kajian.

Oleh itu, untuk memperolehi hasil yang sempurna dan tepat, pemilihan sampel telah dibuat dengan sempurna berdasarkan beberapa syarat yang perlu diikuti. Antara syarat-syarat kesesuaian sampel ialah faktor usia, keadaan organ pertuturan yang sempurna, penguasaan bahasa, jantina, kelas sosial, kedudukan dalam komuniti, pengetahuan tentang budaya komuniti, sikap terhadap penyelidikan dan sebagainya (ibid.).

Kanak-kanak yang dipilih sebagai sampel perlulah terdiri daripada individu yang sempurna dari segi keupayaannya memahami dan menghasilkan pertuturan. Dalam

aspek ini, semua sampel yang dipilih oleh pengkaji sememangnya menepati syarat yang ditetapkan kerana semua sampel yang dipilih adalah terdiri daripada kanak-kanak yang sempurna organ pertuturannya. Sampel juga perlu dipilih dari kalangan mereka yang dibesarkan dalam lingkungan masyarakat yang mengamalkan budaya yang sama iaitu kebudayaan yang diwarisi secara turun temurun dalam lingkungan masyarakat di sekeliling mereka.

Dalam pemilihan sampel, aspek persamaan budaya amat dititikberatkan oleh pengkaji demi mendapatkan hasil yang tepat dan meyakinkan. Pengaruh budaya sememangnya amat penting dalam mempengaruhi bahasa yang dituturkan serta pentafsiran makna yang dibuat daripada sesuatu ujaran yang didengari. Pentafsiran makna ujaran adalah bergantung kepada pemahaman kanak-kanak terhadap persekitaran mereka berdasarkan pengalaman serta perkongsian yang sekian lama terjalin antara semua ahli anggota masyarakat. Pengalaman dan perkongsian ini telah mempengaruhi pemahaman serta interpretasi kanak-kanak terhadap bahasa yang dituturkan serta pentafsiran makna ujaran-ujaran yang didengari.

Sampel kajian yang dipilih juga terdiri daripada kanak-kanak yang mempunyai latar belakang serta kelas sosial yang sama. Kelas sosial ini bermaksud suatu strata (lapisan) orang-orang yang berkedudukan sama dalam rangkaian kesatuan status sosial. Kelas sosial ini merujuk kepada pembahagian anggota masyarakat ke dalam suatu hierarki status kelas yang berbeza sama ada mempunyai status yang lebih tinggi atau lebih rendah. Kategori kelas sosial biasanya disusun dalam hierarki, yang berkisar dari status yang rendah sampai yang tinggi. Dengan demikian, para anggota kelas sosial tertentu merasakan para anggota kelas sosial lainnya mempunyai status yang lebih tinggi mahupun lebih rendah daripada mereka.

Ahli-ahli sosiologi, termasuk Max Weber bersetuju terhadap lima kelas sosial di dalam masyarakat iaitu golongan atasan, pertengahan atasan, kelas pertengahan bawah, kelas pekerja dan golongan bawahan. Kedudukan kelas sosial sedemikian turut mempengaruhi kanak-kanak yang secara langsung dan tidak langsung telah belajar daripada persekitaran fizikal, sosial dan iklim dalam dunia mereka dibesarkan.

Sampel dalam kajian ini telah dipilih dari golongan mereka yang berstatus kelas pertengahan. Ini disebabkan kerana kebanyakan ibu atau bapa kanak-kanak sampel adalah terdiri daripada penjawat awam seperti jururawat, guru, tentera, polis dan sebagainya. Terdapat juga kalangan ibu bapa kanak-kanak sampel yang terdiri daripada peniaga kedai runcit, peniaga restoran, penjual pakaian dan lain-lain yang mempunyai taraf hidup yang hampir sama. Terdapat segelintir kanak-kanak yang terdiri daripada anak-anak petani seperti pesawah serta penoreh getah namun kehidupan mereka adalah sederhana dan tidak miskin kerana kebanyakan mereka mengusahakan tanah sendiri dan dalam skala yang besar.

Pemilihan sampel kajian dari skala sosial yang sama adalah penting untuk mendapatkan hasil kajian yang diyakini. Dalam kebanyakan aspek kehidupan, status sosial amat mempengaruhi pemahaman serta tingkah laku kanak-kanak. Kebanyakan kanak-kanak daripada status sosial sederhana dan bawahan lebih cenderung menghabiskan masa bersama-sama rakan sebaya untuk bermain serta berkomunikasi. Kanak-kanak dari kelas pertengahan dan bawahan ini juga lebih banyak menghabiskan zaman kanak-kanak mereka di luar rumah bersama kawan-kawan dan masyarakat sekeliling. Hal ini dapat membantu perkembangan bahasa dan pengaruh budaya yang mantap dalam kalangan kanak-kanak kelas pertengahan dan bawahan.

Menurut Sharifah Nor Puteh (2011) dalam artikelnya yang bertajuk “Pendekatan Bermain dalam Pengajaran Bahasa dan Literasi bagi Pendidikan Prasekolah” semasa bermain kanak-kanak akan berinteraksi dengan rakan sebaya ataupun orang dewasa melalui perbincangan dan soal jawab. Kanak-kanak belajar berkomunikasi, berinteraksi dan menyesuaikan diri dengan persekitaran semasa bermain. Kanak-kanak belajar kemahiran tentang dunia di sekeliling mereka dengan efektif melalui bermain. Keupayaan kanak-kanak memahami dunia di sekelilingnya semakin meningkat melalui bermain.

Oleh itu, kanak-kanak dari kelas sosial yang sama adalah amat sesuai dijadikan sebagai sampel kajian. Pemilihan sampel yang dibuat dengan teliti adalah penting untuk menjamin penghasilan data ujaran yang sempurna, diyakini dan boleh diguna pakai. Seterusnya ia akan dapat membantu pengkaji mendapatkan keputusan kajian yang memuaskan kerana data yang dikutip adalah berkualiti dan seterusnya dapat memenuhi objektif kajian.

3.2.2 Usia

Sampel atau informan yang telah dipilih dalam penyelidikan ini adalah terdiri daripada kanak-kanak yang berusia empat sehingga enam tahun. Pemilihan sampel pada usia yang sesuai adalah amat penting untuk mendapatkan data yang sempurna. Kanak-kanak pada usia empat hingga enam tahun dipilih sebagai sampel kerana pada usia ini kanak-kanak telah mampu menghasilkan ayat-ayat yang bersifat kompleks. Menurut Sinclair (1970), kanak-kanak pada usia empat tahun telah pandai menggunakan ayat-ayat negatif atau nafian semasa berkomunikasi. Kanak-kanak pada usia ini juga mula mengajukan soalan semasa berkomunikasi, bijak menggunakan klausa relatif serta struktur lain yang lebih kompleks.

Pengaruh sosial juga menjadi latar belakang terhadap perkembangan bahasa kanak-kanak. Pada usia empat tahun, perkembangan bahasa amat pesat berbeza dengan kanak-kanak yang berumur tiga tahun. Ini kerana kanak-kanak sudah tahu menggunakan bahasa pada keadaan dan suasana tertentu. Mereka banyak bercakap, suka bertanya dan suka bermain ayat. Cara mereka menjawab pertanyaan adalah meleret dan pandai memberi komen tentang seseorang. Pada umur lima tahun, penerimaan bahasa lebih berkesan. Kanak-kanak menggunakan bahasa dengan lebih kritis. Kanak-kanak pada usia ini juga berupaya menguasai dan memahami ayat-ayat yang mudah dan kompleks (Haliza Hamzah et al., 2008).

Menurut Steinberg (1982), kanak-kanak pada usia empat hingga lima tahun telah memasuki peringkat kecekapan penuh dalam pemerolehan bahasa lisan. Kanak-kanak pada usia ini telah mampu memahami perbualan yang berlatarkan situasi dan pengalaman hidup mereka. Oleh itu, kanak-kanak pada usia ini amat bersesuaian untuk dijadikan sebagai sampel atau informan kerana mereka mampu menggunakan bahasa untuk menyampaikan pelbagai tujuan mereka (Fenton, 1925; Siegal & Cocking, 1977; Wood, 1981; Mangantar Simanjuntak, 1990; Asmah Hj Omar, 2002; Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2006 dan Haliza Hamzah et al., 2008).

Kanak-kanak pada tahap usia empat tahun telah mulai menghasilkan dan memahami struktur ayat kompleks yang pelbagai jenis (Fromkin et al., 2008: 367). Kanak-kanak juga didapati telah mempunyai pengetahuan pragmatik dimana kanak-kanak tahu bagaimana untuk menyatakan keinginan, membuat permintaan, bijak menggunakan ciri-ciri prosodi yang sesuai semasa berinteraksi (ibid.: 369).

Kimball (1970), dalam kajiannya, mendapati pertumbuhan bahasa kanak-kanak pada usia yang sedemikian telah mampu menguasai sintaksis bahasa Melayu dengan baik dan boleh bertutur dengan lancar. Mangantar Simanjuntak (1990, 701) pula telah merumuskan bahawa kanak-kanak pada tahap usia ini telah mampu menguasai semantik bagi menyampaikan maksud mereka. Zaitul Azma Zainon Hamzah (2007: 208) mengatakan bahawa perkembangan bahasa kanak-kanak berlaku dalam usia dua hingga lima tahun.

Pemilihan kanak-kanak prasekolah yang berusia antara empat hingga enam tahun juga adalah kerana pada peringkat prasekolah kanak-kanak tidak banyak mendapat pendedahan tentang bahasa secara terancang (pembelajaran berasaskan sukatan pelajaran yang mengutamakan kemahiran dan kelancaran berbahasa dengan sempurna) semasa belajar di sekolah tabika. Hal ini berbeza dengan kanak-kanak yang berusia tujuh tahun dan ke atas yang belajar di sekolah kebangsaan. Kanak-kanak yang belajar di sekolah kebangsaan sentiasa menerima pendedahan dan diajarkan matapelajaran bahasa Melayu dengan lebih terancang dan sempurna.

Sinclair (1970) telah membahagikan tahap pemerolehan bahasa kanak-kanak kepada beberapa peringkat. Hanya pada usia empat hingga lima tahun barulah kanak-kanak mengalami tahap pemerolehan bahasa yang kompleks. Lantaran itu, pengkaji merasakan sampel yang berusia di bawah umur tiga tahun adalah tidak sesuai dijadikan sampel kajian. Situasi ini disebabkan pertuturan kanak-kanak pada usia kurang dari tiga tahun adalah bersifat tidak tetap dan sering membuat generalisasi secara subjektif terhadap tindakan yang dilakukan oleh mereka. Kanak-kanak pada usia awal juga tidak dapat membezakan sifat-sifat umum atau sifat-sifat khusus sesuatu tindakan.

Umumnya, pada tahap usia satu hingga tiga tahun pertuturan kanak-kanak hanya dihalakan pada diri sendiri sahaja dan bukannya untuk perhubungan dengan masyarakat. Situasi ini akan menyukarkan proses pengumpulan data untuk mendapatkan ujaran-ujaran yang sesuai dengan objektif kajian, iaitu menilai keupayaan kanak-kanak memahami makna tersirat semasa berkomunikasi.

3.2.3 Etnik

Pemilihan sampel kajian yang terdiri daripada golongan Melayu adalah kerana selain terdiri daripada bangsa yang sama dengan pengkaji ia juga dipilih kerana kanak-kanak dibesarkan dalam lingkungan masyarakat yang mengamalkan nilai-nilai kesopanan yang tinggi dalam kehidupan harian. Penggunaan bahasa tersirat semasa berkomunikasi telah menjadi antara satu rutin bagi menjaga tutur kata serta tingkah laku yang sopan.

Penggunaan bahasa berlapis dan bahasa tersirat dalam perbualan seharian masyarakat Melayu telah mempengaruhi perkembangan dan keupayaan memahami makna tersirat dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Masyarakat Melayu merupakan masyarakat yang kaya dengan ciri-ciri kesopanan dan kesantunan dalam berbahasa. Mereka mengamalkan penggunaan bahasa beralas yang mencerminkan kehalusan dan kesopanan penuturnya. Bahasa beralas yang sering digunakan oleh masyarakat Melayu mengandungi unsur maksud tidak langsung dan mempunyai makna tersirat (lihat Bab 2). Fenomena tersebut secara tidak langsung telah memberi impak terhadap perkembangan bahasa kanak-kanak yang banyak dipengaruhi oleh bahasa orang dewasa.

Menurut Teori Sosio-Kognitif yang menekankan peranan permodelan, kanak-kanak meniru percakapan, maklum balas dan gaya bahasa orang dewasa. Kanak-kanak

mungkin mempelajari beberapa aspek dalam kemahiran bahasa apabila melihat dan mendengar percakapan orang lain. Mereka seterusnya akan meniru dan akan mengulanginya (Haliza Hamzah, 2008: 45).

Selain itu, pemilihan kanak-kanak Melayu sebagai sampel juga adalah mustahak kerana faktor persamaan bangsa dan bahasa dengan pengkaji sendiri. Ini jelas dinyatakan oleh Asmah Hj Omar (2002: 51) yang mengatakan bahawa “pengkaji yang berkongsi bahasa yang sama dengan informan akan dapat membantu menghilangkan segala kekaburan yang wujud dalam bahasa yang dikaji itu.”

Pemilihan jantina sampel adalah tidak tetap. Sampel terdiri daripada kanak-kanak perempuan dan kanak-kanak lelaki. Hal ini sebenarnya penting bagi mengelakkan kemungkinan berlakunya pengaruh gender terhadap data yang dikutip. Pengaruh gender yang dimaksudkan adalah kemungkinan wujud keadaan kanak-kanak lelaki lebih dominan daripada kanak-kanak perempuan atau sebaliknya. Keadaan ini perlu dilakukan bagi mengelak timbulnya sebarang kemusykilan dalam kalangan pembaca. Lagipun kajian yang melibatkan analisis pemahaman makna tersirat dalam interaksi kanak-kanak prasekolah sebenarnya tidak memerlukan pengaruh gender kerana kajian ini hanya mementingkan keupayaan kanak-kanak prasekolah memahami makna tersirat ujaran tanpa membezakan keupayaan kanak-kanak lelaki atau perempuan.

3.3 Lokasi Kajian

Responden kajian ini mempunyai latar belakang sosial dan budaya yang sama. Mereka dibesarkan di Bachok, Kelantan yang merupakan satu daerah di kawasan luar bandar. Suasana perkampungan telah mempengaruhi perkembangan bahasa kanak-kanak khususnya berkaitan dengan aspek kesantunan berbahasa yang diamalkan oleh

masyarakat sekitar. Bahasa beralas dan bahasa tersirat menjadi amalan penting masyarakat kampung dan amat dititik beratkan oleh mereka khususnya semasa berinteraksi.

Anggota masyarakat Melayu secara umumnya telah meletakkan taraf dan kedudukan seseorang berdasarkan nilai kesantunan yang dipraktikkan dalam bahasa dan tingkah laku ketika berinteraksi dan berkomunikasi (Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2006: 27). Lantaran itu, tidak mustahillah semua nilai kesantunan bahasa yang diamalkan oleh masyarakat kampung telah mempengaruhi corak dan cara kanak-kanak berbahasa.

Faktor lokasi ini juga berkait rapat dengan faktor alam sekitar kanak-kanak. Kanak-kanak yang membesar dalam lingkungan alam sekitar yang sihat akan mendapat segala kemudahan. Kesannya, perkembangan bahasa mereka akan menjadi lebih cepat. Jika persekitaran kanak-kanak dikelilingi dengan orang pandai maka mereka terbiasa dengan percakapan orang bijaksana, menyebabkan mereka akan memiliki perbendaharaan kata yang betul dan banyak.

Namun, terdapat beberapa orang kanak-kanak sampel yang bukan terdiri daripada anak jati Kelantan. Mereka adalah terdiri daripada anak-anak polis dan jururawat yang mengalami proses migrasi kerana perpindahan tempat kerja ibu atau bapa. Namun, terdapat satu ciri yang amat penting perlu didedahkan dan perlu diketahui umum iaitu, walaupun kanak-kanak terpisah geografi tetapi penerapan nilai-nilai budaya Melayu khususnya dalam aspek bahasa, khususnya penguasaan makna tersirat adalah bersifat universal.

3.4 Instrumentasi

Instrument kajian ini terdiri daripada rakaman audio perbualan serta nota pemerhatian terhadap perlakuan kanak-kanak prasekolah semasa mereka berinteraksi secara berkumpulan dalam konteks yang berlainan.

Data kajian yang diambil melalui proses rakaman audio dilakukan dengan menggunakan pita rakaman. Rakaman tersebut dilakukan dalam beberapa sesi dan jumlah masa rakaman perbualan kanak-kanak tersebut adalah 9 jam 50 minit (lihat Jadual 3.2).

| Lokasi | Masa | Bilangan Sesi |
|---------------------------------------|----------------------------|----------------------|
| Sekolah (dalam dan luar bilik darjah) | 160 minit | 15 |
| Rumah (dalam dan luar rumah) | 416 minit | 33 |
| | 576 minit @ 9 jam 50 minit | Jumlah: 48 |

Jadual 3.2 Bilangan Sesi, Masa dan Lokasi Rakaman Perbualan Kanak-kanak Prasekolah

Pengkaji juga membuat nota berkenaan perlakuan kanak-kanak semasa mereka berinteraksi melalui proses pemerhatian untuk merekodkan konteks yang berlaku bagi tujuan analisis. Hal ini kerana pemerhatian terhadap konteks dan bahasa badan adalah amat penting dalam proses menilai tahap pemahaman terhadap makna tersirat dalam kalangan kanak-kanak kerana makna tersirat amat berkait rapat dengan konteks atau peristiwa yang berlaku semasa sesuatu ujaran dihasilkan.

Penggunaan ciri-ciri komunikasi bukan verbal boleh juga dikaitkan dengan makna atau maksud ujaran. Oleh itu, pemerhatian terhadap konteks semasa ujaran dibuat adalah

amat penting dalam menilai makna sesuatu ujaran dan ianya tidak harus diketepikan.

Pernyataan ini selari dengan pendapat di bawah:

“Verbal and nonverbal cues work together in two primary ways to help us make sense of others messages. They help us manage the verbal messages”.

(Steven A. Beebe, et al., 2011: 187)

3.5 Jangkamasa

Penyelidik-penyelidik bahasa tidak memerlukan masa yang panjang dan satu kitaran masa. Penyelidik bahasa hanya memerlukan masa yang mencukupi untuk membuat rakaman, mentranskripsi dan menyemak balik data. Mereka tidak perlu berada di tengah-tengah komuniti berkenaan sepanjang masa (Asmah Hj Omar, 2002: 30).

Sebenarnya, untuk kajian terhadap pemahaman makna tersirat dalam kalangan kanak-kanak ini, proses rakaman yang telah dilakukan sebenarnya, tidaklah mengambil masa yang terlalu lama dalam proses pengumpulan data. Namun disebabkan rakaman yang dibuat sering tidak mendapat hasil yang begitu memuaskan, maka proses rakaman perbualan kanak-kanak terpaksa dibuat berulang-ulang kali. Proses rakaman ini yang telah mengambil masa yang lama dan membazirkan banyak masa pengkaji kerana terpaksa membuat kerja yang sama berulang-ulang kali (lihat Jadual 3.2).

3.6 Kaedah Kajian

Kaedah dalam kajian ini ialah merujuk kepada kaedah atau proses pungutan atau pengumpulan data bagi tujuan menganalisis pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak daripada sudut pemahaman makna tersirat ini dilakukan.

Dalam kajian ini, tempat atau kawasan rakaman (lihat Jadual 3.2) dilakukan ialah di sekolah, rumah pengkaji, rumah sampel kanak-kanak dan juga di taman permainan. Pemilihan tempat atau lokasi-lokasi ini adalah untuk mendapatkan ujaran yang banyak dan pelbagai. Pemilihan rumah sampel kanak-kanak dibuat kerana sampel kanak-kanak yang dipilih itu tidak banyak berbicara semasa di rumah pengkaji. Oleh sebab itu, pengkaji telah meminta bantuan daripada ibu bapa kanak-kanak tersebut untuk membuat rakaman. Walau bagaimanapun, hasil yang diperolehi kurang memuaskan. Ini menyebabkan kerja-kerja merekodkan data terpaksa dibuat berulang kali.

3.7 Kaedah Kajian Kualitatif dan Kuantitatif

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Istilah kualitatif sebenarnya adalah berasal daripada kata *kualiti*. *Kualiti* ini tidak merujuk kepada mutu tetapi sebaliknya kepada ciri-ciri yang ada pada gejala yang diselidik oleh pengkaji. Dalam kajian fonologi misalnya, kajian kualitatif melibatkan ciri-ciri yang ada pada vokal, konsonan, diftong, intonasi dan sebagainya. Begitu juga dalam kajian morfologi yang melihat kepada ciri-ciri morfem dan alomorf (Asmah Hj Omar, *ibid.*: 34). Dalam pendekatan kuantitatif, pengiraan dibuat untuk menunjukkan gejala atau ciri yang lebih banyak atau lebih kerap berlaku berbanding dengan ciri atau gejala lain.

Bagi menghasilkan kesimpulan, lazimnya ciri yang lebih banyak atau kerap itulah yang diberikan perhatian khusus. Pendekatan kuantitatif memerlukan kemahiran dalam pengiraan. Biasanya pengiraan secara peratusan boleh digunakan. Namun, statistik akan digunakan bagi mendapatkan keputusan yang lebih meyakinkan (Asmah Hj Omar, *ibid.*: 35). Dalam kajian yang berkaitan dengan analisis pemahaman makna tersirat dalam kalangan kanak-kanak ini sebenarnya telah dilakukan dengan menggunakan kedua-dua jenis kaedah yang telah diterangkan sebelum ini. Sebenarnya, untuk mendapatkan kajian

yang lebih mendalam dan keputusan yang baik, kedua-dua kaedah ini boleh digunakan secara bersepadu (Mohamad Najib, 1999).

Dalam kajian ini, kedua-dua kaedah kajian ini dipilih kerana kedua-duanya lebih mementingkan kualiti, intipati kajian dan pemahaman tentang fenomena (perlakuan manusia) yang dikaji melalui kerangka rujukan yang tertentu. Kerangka rujukan yang digunakan dalam proses menganalisa data dalam kajian ini ialah Teori Relevan, Prinsip Kerjasama Grice, Implikatur Perbualan dan Lakuan Bahasa (bahasa verbal).

3.8 Kaedah Pengumpulan Data dan Prosedur

Berdasarkan kajian lepas, terdapat beberapa jenis prosedur yang boleh digunakan dalam proses pengumpulan data tentang pemerolehan dan penguasaan bahasa dalam kalangan kanak-kanak. Antaranya adalah dengan berdasarkan pemerhatian yang dilakukan secara langsung dan spontan terhadap pertuturan kanak-kanak dalam situasi sebenar seperti yang telah dibuat oleh Bowermann (1973), Berko (1958) dan Smith (1973).

Biasanya proses pengumpulan data yang dilakukan secara pemerhatian terhadap pertuturan spontan kanak-kanak dilakukan dengan terperinci terhadap saiz sampel yang kecil sahaja yang hanya terdiri daripada dua sehingga empat orang kanak-kanak sahaja. Cara yang kedua pula adalah melibatkan proses pengumpulan data melalui eksperimen dengan menggunakan instrumen khas untuk mendorong kanak-kanak menghasilkan bentuk-bentuk bahasa yang hendak dikaji (Juriah Long, 1993).

Jika dilihat pada kajian yang telah dibuat oleh pengkaji-pengkaji bahasa kanak-kanak yang terdahulu, didapati bahawa kaedah pengumpulan data melalui cara pertama iaitu berdasarkan pemerhatian yang dilakukan secara langsung dan spontan terhadap

pertuturan kanak-kanak dalam situasi yang sebenar lebih banyak digunakan berbanding dengan penggunaan instrumen khas untuk mendorong kanak-kanak menghasilkan bentuk-bentuk bahasa yang hendak dikaji.

Hal ini dapat dilihat berdasarkan kajian-kajian lepas yang telah dibuat oleh ahli-ahli bahasa seperti Bloomfield (1970 dan 1973), Brown (1973) dan Atan Long (1970). Cara ini juga dipilih selaras dengan cadangan oleh Labov yang merupakan seorang ahli sosiolinguistik terkenal. Labov (1970) telah menyatakan bahawa cara yang terbaik untuk memperolehi data yang bermutu dan lengkap daripada percakapan seseorang individu adalah dengan berdasarkan pemerhatian yang nyata.

Untuk mendapatkan hasil yang lebih baik, iaitu data mentah yang pelbagai dan sesuai dengan tujuan kajian, kedua-dua kaedah di atas telah digunakan oleh pengkaji dalam proses pengumpulan data. Hal ini amat penting untuk mendapatkan pertuturan yang sempurna dan ujaran yang boleh dijadikan sebagai data yang sesuai untuk dianalisis. Tanpa penggunaan kedua-dua kaedah ini, kemungkinan data yang diperolehi tidak mencukupi. Ini kerana tidak mungkin ujaran yang berkesan dan mencukupi akan diperolehi tanpa penggunaan strategi-strategi tertentu seperti penggunaan alat-alat permainan untuk mendorong kanak-kanak bercakap, membuat pemerhatian terhadap ujaran secara spontan, membuat rakaman dan sebagainya.

Tanpa strategi, perancangan dan persediaan yang rapi, tidak mungkin data yang mencukupi akan diperolehi. Apa yang penting ialah, data yang dikutip itu mestilah yang sesuai digunakan dan dapat menjawab hipotesis kajian. Hal ini kerana, semasa proses rakaman dibuat, pelbagai masalah telah dihadapi oleh pengkaji terutamanya untuk mendapatkan ujaran yang sempurna, jelas dan sesuai dengan kajian. Oleh itu, dalam

proses pengumpulan data, perkara yang telah dilakukan adalah membuat rakaman secara langsung dan spontan terhadap ujaran yang diucapkan oleh responden. Rakaman telah dibuat terhadap pertuturan kanak-kanak semasa mereka sedang bermain, berbual dengan rakan sebaya, dengan guru, ibu bapa, orang dewasa dan sesiapa sahaja yang ada di sekeliling mereka.

Rakaman terhadap pertuturan kanak-kanak telah dibuat dengan menggunakan pita rakaman. Selain membuat rakaman secara langsung, pengumpulan data juga dibuat berdasarkan pemerhatian, di mana pengkaji telah menyertai kanak-kanak semasa mereka berkomunikasi, memerhati dan menyalin semula ujaran-ujaran yang diucapkan oleh kanak-kanak yang dirasakan sesuai dijadikan data. Kaedah ini telah dilakukan dengan membuat catatan terhadap ujaran serta konteks semasa komunikasi tersebut berlangsung. Cara ini juga agak berkesan kerana pengkaji dapat mencatatkan ujaran-ujaran yang sesuai untuk kajian.

Dalam usaha mendapatkan ujaran yang banyak, pelbagai, dan berkualiti, pengkaji telah membuat rakaman, mencatat perbualan, membuat pemerhatian terhadap kanak-kanak dalam pelbagai situasi. Misalnya, semasa proses pengumpulan data dibuat, tempat kajian bukan sahaja difokuskan kepada sekolah tadika semata-mata, malah pengkaji juga telah mendapatkan data yang diambil semasa kanak-kanak berada di taman permainan, semasa kanak-kanak berada di rumah bersama ibu-bapa, kawan-kawan dan rakan-rakan sebaya mereka. Perbualan yang berlangsung secara spontan dalam pelbagai situasi serta aktiviti yang dilakukan oleh kanak-kanak telah dirakamkan dalam usaha mendapatkan data yang pelbagai dan berkualiti serta bertepatan dengan objektif kajian.

Pengkaji juga telah mengajak dan mengumpulkan sekumpulan kanak-kanak supaya datang ke rumah pengkaji dan kumpulan kanak-kanak itu dibiarkan bermain serta berkomunikasi secara bebas sesama mereka. Barang-barang permainan dan alat bantuan yang lain seperti alat tulis, lukisan, pensil warna, kapur tulis dan papan hitam juga telah disediakan. Semasa proses rakaman dibuat, pengkaji telah menggunakan pelbagai cara untuk mendorong kanak-kanak tersebut berbual-bual sesama mereka tanpa berasa janggal atau terganggu dengan kehadiran pengkaji.

Hal ini penting kerana proses pengumpulan data merupakan aspek paling penting dalam memastikan kejayaan sesuatu kajian. Persoalan kajian dan hipotesis kajian tidak mungkin terjawab tanpa adanya data yang sesuai dan mencukupi untuk dijadikan bahan analisis. Ia juga penting untuk dijadikan sebagai sokongan dan bukti terhadap setiap pernyataan dan kesimpulan yang dibuat.

Kaedah yang kurang berkesan semasa proses pengumpulan data tidak akan dapat membantu para pengkaji mendapatkan data yang banyak, pelbagai dan sesuai dengan tujuan kajian, dan akhirnya akan mengganggu proses kajian serta akan menyebabkan pelbagai masalah akan timbul. Apatah lagi respondennya adalah terdiri daripada kanak-kanak kecil yang masih belum matang menyebabkan banyak kaedah terpaksa digunakan dalam usaha mendapatkan data yang mencukupi dan sesuai dengan ruang lingkup kajian.

3.9 Kaedah Transkripsi Data

Semua ujaran yang berjaya dikumpulkan telah dipilih semula oleh pengkaji mengikut kesesuaian dengan meninggalkan mana-mana ujaran yang tidak berkualiti dan tidak sesuai. Pemilihan dibuat selepas proses transkripsi dilakukan terhadap ujaran yang

dirakamkan. Transkripsi telah dibuat dengan menggunakan kaedah ortografik atau ejaan.

Asmah Hj Omar (2002) dalam bukunya telah menyatakan bahawa kaedah transkripsi seperti ini (menggunakan ejaan dan bukannya menggunakan transkripsi fonologik) dikenali sebagai kaedah kajian hiliran. Kaedah hiliran ini terdiri daripada dua jenis data iaitu data bahasa dan data bukan bahasa. Cara pengolahan data bahasa adalah melalui transkripsi yang menggunakan kaedah transkripsi ejaan.

Oleh kerana data yang akan dianalisis dalam kajian ini adalah terdiri daripada data bahasa, maka kaedah transkripsi ejaan telah digunakan. Sebagaimana yang telah diterangkan dalam bab satu, penggunaan kaedah transkripsi ejaan adalah jauh lebih baik daripada kaedah fonologik. Hal ini kerana selain daripada memberi kemudahan pemahaman bagi golongan pembaca yang bukan terdiri daripada golongan ahli linguistik, kaedah ini juga lebih mudah kerana pengkaji tidak perlu menyertakan sekali lambang-lambang prosodi dan sebagainya didalam transkripsi data.

Tambahan pula transkripsi ejaan ini lebih sesuai dengan aspek kajian iaitu melihat pemerolehan bahasa kanak-kanak prasekolah dari usia tiga hingga enam tahun dalam aspek pemahaman terhadap makna tersirat. Apatah lagi, kajian ini hanya melibatkan kajian penggunaan bahasa dalam kalangan kanak-kanak dan bukannya melibatkan kajian terhadap bunyi bahasa yang dihasilkan oleh mereka.

3.10 Kaedah Menganalisis Data

Analisis data telah dilakukan dengan menggunakan ukuran-ukuran atau pendekatan tertentu iaitu berdasarkan konsep Implikatur Perbualan dan Teori Kerjasama Grice serta

melihat keupayaan kanak-kanak menghasil dan mentafsir pertanyaan yang mempunyai pelbagai maksud tersirat. *Pendekatan* yang dimaksudkan di sini adalah kaedah tertentu yang digunakan oleh penyelidik untuk menghadapi atau membentuk sikap terhadap sasaran penyelidikan dan juga cara memperlakukan data. Sesuatu yang ada pada sesuatu kaedah penyelidikan boleh juga menjadi pendekatan dalam menjalankan penyelidikan (Asmah Hj Omar, 2002: 25). Data yang telah ditranskripsikan akan dikaji dan dinilai tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak daripada sudut pemahaman mereka terhadap makna tersirat berdasarkan bahasa verbal dan bukan verbal.

3.10.1 Kerangka Teori

Kerangka teori adalah merujuk kepada teori yang dijadikan sebagai kerangka kajian dalam mengukur atau menilai pemahaman makna tersirat dalam kalangan kanak-kanak yang berusia empat hingga enam tahun. Penilaian dilakukan dengan mengenalpasti ciri-ciri pelanggaran maksim tertentu prinsip kerjasamanya Grice yang wujud dalam data sebelum analisis implikatur dilakukan untuk melihat atau mengesan kehadiran makna tersirat dalam ucapan-ucapan yang dihasilkan oleh kanak-kanak.

Selain itu penilaian tentang pemahaman makna tersirat dalam kalangan kanak-kanak juga telah dibuat dengan mengkaji maksud pertanyaan yang dihasilkan oleh kanak semasa berinteraksi. Dalam budaya masyarakat Melayu, penutur sering menggunakan pertanyaan untuk menyampaikan pelbagai tujuan. Maksudnya, pertanyaan bukan hanya mengandungi makna tersurat untuk bertanya semata-mata malah kadangkala ia diajukan dengan niat untuk menyampaikan pelbagai mesej tersirat yang lain (lihat perbincangan dalam Bab 4).

3.10.1.1 Prinsip Kerjasama Grice (1975)

Prinsip kerjasama (*co-operative principle*) merupakan satu garis panduan utama perbualan yang telah diperkenalkan oleh Grice. Prinsip ini didukung oleh empat maksim yang seolah-olah menjadi peraturan dalam perbualan. Penutur yang berhajat untuk menyampaikan maklumat dinasihatkan agar mematuhi kesemua prinsip dan maksim yang telah ditetapkan. Kegagalan berbuat demikian akan dianggap melanggar tatacara perbualan yang berkesan dan mungkin akan menggagalkan tujuan sebenar perbualan.

Prinsip kerjasama yang dicadangkan ialah seperti berikut:

“Jadikan sumbangan anda sebagaimana yang dikehendaki sahaja, di tahap perbualan itu berlaku dan tepat pula dengan arah tujuan perbualan yang sedang berlangsung”.

(Nor Hashimah Jalaluddin, 2003)

Prinsip kerjasama ini dibantu pula oleh empat maksim iaitu maksim kualiti, maksim kuantiti, maksim hubungan dan maksim cara. Setiap maksim ini dibincangkan dalam bahagian seterusnya.

a. Maksim Kualiti

Maksim ini menyatakan bahawa setiap sumbangan daripada penutur itu hendaklah bersifat benar dan berdasarkan bukti-bukti yang mencukupi. Seseorang itu dianggap telah melanggar maksim kualiti sekiranya dia menuturkan perkara-perkara yang palsu atau sesuatu yang dia sendiri tidak mempunyai maklumat yang mencukupi atau bukti yang sah tentang sesuatu perkara yang dituturkan itu. Sekiranya ujaran yang dibuat disedari merupakan perkara yang tidak benar atau palsu, maka ujaran tersebut dianggap sebagai telah melanggar maksim kualiti.

b. Maksim Kuantiti

Penutur hendaklah menjadikan maklumat yang ingin disampaikan seinformatif yang boleh sebagaimana yang dikehendaki dalam perbualan yang sedang berlangsung dengan mengelakkan daripada memberikan maklumat yang terlampau informatif sehingga melebihi hadnya dan jangan memberikan maklumat yang terlampau pendek dari yang sepatutnya.

c. Maksim Relevans

Penutur hendaklah menjadikan maklumatnya relevan. Iaitu penutur harus mengatakan sesuatu yang berkaitan dengan topik perbualan sahaja. Grice (1975) mengatakan bahawa kita hendaklah sentiasa membuat ujaran yang mempunyai hubungan atau relevan. Kita sebagai penutur hendaklah sentiasa memberikan sumbangan terhadap perkara yang dibualkan dengan mengatakan sesuatu yang mempunyai kaitan dengan topik perbualan pada masa itu sahaja. Sekiranya perkara yang diucapkan tidak mempunyai hubungan dengan maksim relevan ini, maka ujaran tersebut bolehlah dianggap sebagai telah melanggar maksim relevan atau hubungan.

d. Maksim Cara

Maksim cara atau perlaksanaan ini adalah melibatkan cara kita menyampaikan maklumat semasa berkomunikasi. Maksim ini menetapkan sumbangan yang diberikan hendaklah jelas dan mudah difahami. Oleh itu, untuk memastikan bahawa sumbangan adalah jelas dan terang, beberapa langkah harus diambil seperti:

- a) Penutur hendaklah mengelak daripada memperkatakan sesuatu yang tidak jelas dan tidak sahih.
- b) Penutur juga perlulah mengelak daripada memperkatakan sesuatu yang samar, kabur dan tidak jelas.

- c) Penutur hendaklah menyampaikan mesej dengan cara yang mudah dan singkat agar senang difahami oleh pendengar.
- d) Penutur juga bertanggungjawab untuk menyampaikan mesej dengan cara yang teratur (mengikut susunan) daripada satu maklumat ke maklumat yang lain (iaitu perkara yang berlaku dahulu hendaklah didahulukan dan perkara yang berlaku kemudian hendaklah dikemudiankan). Penjelasan yang terlalu panjang lebar atau terlalu kabur boleh juga dianggap sebagai melanggar maksim ini (Nor Hashimah Jalaluddin, 2003).

Apabila seseorang penutur melakukan perlanggaran maksim, maka pendengar perlulah merujuk kepada implikatur untuk membolehkannya mendapatkan makna sebenar yang hendak disampaikan oleh penutur. Contohnya apabila seseorang berkata “aduh sejuk dan nyamannya” semasa berjalan di bawah terik matahari dalam cuaca yang panas, akan menyebabkan pendengar terpaksa memproses ujaran tersebut berdasarkan konsep implikatur dimana pendengar haruslah menganggap bahawa penutur tidak mahu pengucapannya ditafsirkan secara literal, dan harus memahami bahawa penutur sebenarnya mencuba menyampaikan sesuatu yang maksudnya berlainan daripada pengucapannya yang sebenar. Untuk memungkinkan pendengar memproses mesej secara tersirat, pendengar perlulah melalui konteks dan peristiwa yang sama dengan penutur. Pendengar perlulah mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang sama dengan penutur terutamanya terhadap perkara yang sedang diperkatakan oleh penutur itu.

Malah, untuk membolehkan pendengar mendapatkan makna yang sebenar, penutur mestilah benar-benar pasti bahawa pendengar sememangnya menyedari bahawa beliau tidak mahu pertuturannya itu ditafsirkan secara literal. Sekiranya berlaku pentafsiran

secara literal oleh pendengar, maka akan terputuslah komunikasi di antara kedua-dua pihak kerana pendengar tidak akan faham apa yang dimaksudkan oleh penutur tersebut. Hal ini akan dilihat dalam data ujaran kanak-kanak nanti sama ada kanak-kanak mampu membuat ujaran dan tafsiran yang berbentuk bukan literal (ibid.). Implikatur hanya dapat beroperasi jika pendengar menganggap bahawa penutur masih mematuhi maksim-maksim perbualan atau prinsip saling berkerjasama.

3.10.1.2 Konsep Implikatur Perbualan

Konsep implikatur adalah satu bentuk pentafsiran makna yang melewati batas-batas makna literal sesebuah ayat (Grice, 1975). Carston (1988) berpendapat, implikatur perbualan ialah berkaitan dengan mesej yang tersirat yang cuba disampaikan dengan ujaran yang tersurat. Implikatur melibatkan apa-apa yang diujarkan secara eksplisit (secara ujaran) dan juga apa-apa yang dilahirkan secara implisit (apa yang diimplikasi atau dimaksudkan).

Konsep implikatur yang diutarakan oleh Grice (1975) ini adalah merupakan satu konsep yang bertalian rapat dengan ‘prinsip saling berkerjasama’ (*co-operative principle*) yang pernah dikemukakannya. Prinsip ini mempunyai empat maksim iaitu maksim kuantiti, maksim kualiti, maksim hubungan (*relevant*) dan maksim kelakuan. Jika sesuatu ujaran itu kabur dan maknanya hanya akan diketahui melalui konteks, maka ayat itu juga akan dianggap sebagai implikatur.

Dalam pentafsiran makna berdasarkan konsep implikatur, usaha memproses maklumat yang digunakan adalah jauh lebih tinggi dimana jika pentafsiran makna dilakukan di peringkat semantik, hanya selapis usaha memproses maklumat diperlukan, tetapi dalam pentafsiran makna menggunakan konsep impikatur, ada dua lapisan maklumat

yang diperlukan. Mula-mula pentafsiran perlu dilakukan di peringkat makna tersurat terlebih dahulu sebelum membuat tafsiran pada peringkat makna tersirat pula.

3.11 Ruang Lingkup Pentafsiran Makna Ujaran (Kaedah Mentafsir Makna Ujaran)

Berdasarkan pendapat yang telah dikemukakan oleh Grice (1975) jelaslah bahawa makna untuk sesuatu ujaran dapat difahami melalui dua ruang lingkup pentafsiran iaitu pertama ialah melalui penganalisaan secara semantik dan yang kedua ialah penganalisaan secara pragmatik. Lantaran itu, untuk membantu pembaca mendapatkan penjelasan yang lebih jelas, maka pengkaji akan menerangkan dengan lebih terperinci tentang konsep semantik dan pragmatik dalam bahagian seterusnya:

3.11.1 Kaedah Semantik

The New Penguin English Dictionary (1896) mendefinisikan istilah semantik sebagai “satu cabang daripada bidang semiotik yang meneliti hubungan antara lambang-lambang bahasa dengan apa yang dilambangkannya”. Kamus Dewan Bahasa edisi ke 4 (2005) telah mendefinisikan semantik sebagai “satu kajian tentang makna perkataan dan penambahan makna sesuatu kata”. Definisi ini bermaksud, makna sesuatu ayat diperolehi dengan menentukan makna bagi setiap perkataan dan mengenal pasti bentuk hubungan struktur antara perkataan-perkataan yang membentuk ayat-ayat tersebut (ibid.). Istilah semantik sebenarnya telah dicipta pada akhir abad ke sembilan belas. Ia bermula dengan perkataan Yunani iaitu “semantikos” yang bermaksud *significant* (Hashim Musa, 1998: 1).

Lakoff (1971) mengatakan bahawa hubungan sintaksis dan semantik tidak dapat dipisahkan dan peranan rumus-rumus transformasi dan kekangan-kekangannya adalah

untuk menghubungkan representasi semantik dan struktur permukaan. Abdullah Hassan (1980: 224-225) telah menyatakan bahawa bidang semantik sebenarnya adalah melibatkan kajian secara sinkronis yang melibatkan pengkajian terhadap makna perkataan.

Dalam bidang linguistik, semantik pada umumnya dianggap sebagai kajian tentang makna (dan tanggapan yang berkaitan) dalam bahasa (Nor Hashimah Jalaluddin, 1990: 450). Manakala dalam bidang linguistik, semantik pada umumnya dianggap sebagai kajian tentang rujukan linguistik atau denotasi makna objek sebenar yang dilambangkan dan syarat kebenaran (*truth conditional*) dalam bahasa (Adrian Akmajian (terj.), 1995: 222).

Kajian terhadap makna ayat atau ujaran adalah berbeza dengan kajian terhadap bentuk ayat kerana kajian bentuk adalah melibatkan bahan-bahan yang jelas dapat dipandang dan dianalisa. Namun, kajian makna adalah sebaliknya dimana ia melibatkan proses mengkaji bahan yang tidak dapat dilihat. Kita terpaksa menduga apakah yang sebenarnya berlaku dalam otak seseorang itu (Abdullah Hassan, Op.cit.).

Secara ringkas, semantik dapat dijelaskan sebagai suatu bidang ilmu yang mengkaji makna perkataan dan ayat dalam bahasa. Semantik dalam Bahasa Melayu dapat diteliti dari aspek-aspek seerti dan rujukan, perkataan, ayat, jenis-jenis makna, perubahan makna, peribahasa (termasuk simpulan bahasa) dan unsur semantik dalam nahu.

Ahli-ahli semantik telah mengemukakan berbagai-bagai pendekatan namun masih gagal menghuraikan ayat-ayat yang mempunyai makna-makna yang tersirat. Kemampuan bidang semantik hanyalah setakat menghuraikan makna-makna yang tersurat atau

makna-makna yang literal sahaja. Hal ini kerana, bidang semantik adalah bidang yang mengaitkan ciri bahasa dengan objek, kejadian dan bentuk. Apabila berhadapan dengan ayat-ayat yang mempunyai makna tersirat, pentafsiran secara pragmatik adalah amat diperlukan.

3.11.2 Kaedah Pragmatik

Pragmatik merupakan teori berkenaan interpretasi ujaran (Nor Hashimah Jalaluddin, 1990: 451) terutamanya bagi memperolehi makna implisit sesuatu ujaran. Sebenarnya ilmu pragmatik merupakan ilmu penginterpretasian makna yang melibatkan faktor bukan linguistik iaitu yang mencakupi tingkah laku penutur, keupayaan kebahasaannya, kepercayaannya, audiens dan konteks pertuturan. Justeru pragmatik boleh dirujuk sebagai kajian makna dalam interaksi antara seorang penutur dengan penutur yang lain.

Ilmu ini sangat penting bagi melihat niat sebenar si penutur terhadap ujaran yang dibuatnya. Hal ini kerana niat penutur kadangkala adalah berbeza dengan apa yang disampaikan. Misalnya apabila seorang ibu selepas selesai sahaja mandi, dia telah mengajukan pertanyaan kepada anaknya “mana tuala ibu?”, ia bukanlah bermaksud bahawa si ibu ingin mengetahui dimanakah lokasi sebenar tualanya berada pada masa itu. Sebenarnya terdapat niat lain yang cuba disampaikan oleh si ibu semasa mengajukan pertanyaan tersebut kepada anaknya. Niat disebalik apa yang diujarkan ini dikenali sebagai niat penutur. Niat penutur ialah niat sebenar yang cuba disampaikan melalui komunikasi sama ada dalam bentuk tersurat atau tersirat.

Sekiranya si anak yang mendengar pertanyaan daripada ibunya itu membuat pentafsiran berdasarkan ruang lingkup semantik sudah pasti si anak hanya akan memberitahu di manakah lokasi sebenar tuala ibunya berada tanpa bertindak mengambil dan

menyerahkan tuala tersebut kepada ibunya itu. Situasi seperti ini akan dianggap aneh kerana pertanyaan yang dibuat oleh ibu tadi adalah sebenarnya bukanlah semata-mata untuk bertanya lokasi sebenar tualanya berada, malah ia terkandung satu lagi maksud yang cuba disampaikan secara tersirat iaitu untuk membuat permintaan/arahan kepada anaknya.

Apabila si ibu membuat pertanyaan “mana tuala ibu?” ia sebenarnya mengharapkan agar anaknya mengambil dan menyerahkan kain tuala tersebut kepadanya. Ada kemungkinan pada masa yang sama, si ibu sebenarnya memang telah sedia mengetahui lokasi di mana tualanya berada, malah pertanyaan seperti itu telah diutarakan untuk mewujudkan kelembutan pada permintaan yang berupa arahan kepada anaknya yang sengaja disampaikan dalam bentuk pertanyaan.

Justeru, si anak yang mendengar pertanyaan daripada ibunya tadi akan mengadunkan maksud pertanyaan tersebut dengan pengetahuan tentang dunianya serta pengalaman mereka sendiri. Berdasarkan pengalamannya, si anak akan memikirkan kebiasaannya apabila selesai mandi, semua orang memerlukan tuala. Lantaran itu, keadaan yang sama juga berlaku dengan ibunya di mana ibunya itu mungkin terlupa mengambil tuala sebelum mandi, menyebabkan si ibu telah bertanya di manakah tualanya dengan harapan anak-anak yang mendengar pertanyaan tersebut akan mengambilkan tuala yang dimaksudkan serta memberikan kepadanya (ibu). Tidak mungkin dalam keadaan basah ibunya akan keluar dari bilik mandi dan masuk ke dalam bilik untuk mengambil tuala yang dimaksudkan.

Sehubungan dengan itu, penginterpretasian yang didasari oleh pertimbangan pengetahuan tentang dunia si anak, konteks yang berlaku semasa ujaran dituturkan serta

pengalamannya akan membantu anak membuat pentafsiran yang tepat dan seterusnya mewujudkan lakuan hasil pengucapan yang bersesuaian dengan maksud yang terkandung dalam pertanyaan ibunya tadi. Si anak seterusnya akan mengambil tuala dan memberikan kepada ibunya. Lakuan tuturan yang terhasil dari interpretasi yang tepat akan selari dengan niat tersirat yang disampaikan oleh penutur sebelumnya.

Oleh itu, niat sebenar disebalik pertanyaan “mana tuala ibu” yang diajukan oleh ibu kepada anaknya adalah mempunyai niat yang tersirat untuk meminta/mengarahkan anaknya supaya mengambil dan memberikan tuala tersebut kepadanya. Si ibu telah menggunakan strategi pertanyaan untuk menyampaikan mesej secara tersirat bagi mendapatkan maklum balas segera daripada anaknya supaya mengambil dan menyerahkan tuala mandi kepadanya.

Penggunaan pertanyaan sebagai satu kaedah dalam menyampaikan mesej tersirat untuk membuat permintaan atau arahan sebenarnya merupakan satu strategi yang berkesan dalam mendapatkan perhatian dan maklum balas yang sewajarnya dari pendengar. Si ibu telah menggunakan kaedah pertanyaan untuk memancing perhatian anaknya supaya memproses ujaran yang diajukan dan seterusnya memberikan maklum balas dalam keadaan segera terhadap pertanyaan tersebut.

Arahan dan permintaan yang disampaikan secara tersirat dalam bentuk pertanyaan akan mendapat reaksi yang lebih cepat daripada si anak berbanding memberikan arahan secara terus/langsung. Hal ini kerana, apabila seseorang itu mendengar pertanyaan yang diajukan kepadanya, mereka sedaya upaya akan memproses pertanyaan tersebut dan seterusnya memberikan maklum balas dengan lebih cepat untuk menjawab pertanyaan itu, sebagaimana yang diharapkan oleh penutur.

Selain itu, penggunaan pertanyaan bagi menyampaikan niat meminta, atau mengarahkan seseorang untuk melakukan sesuatu, adalah lebih sesuai kerana ia menunjukkan kehalusan dan kelembutan suruhan dan arahan yang dibuat. Pendengar tidak akan merasa mereka diarahkan atau diperintah supaya melakukan sesuatu setelah mendengar pertanyaan, tetapi pentafsirannya akan lebih menjurus kepada maksud “meminta pertolongan”.

Berdasarkan penerangan di atas, jelaslah bahawa pengkajian pemahaman makna tersirat dalam interaksi antara kanak-kanak khususnya dan seluruh manusia amnya adalah lebih menjurus kepada analisis menggunakan ruang lingkup bidang pragmatik yang jelas sekali mengutamakan pentafsiran makna ujaran berdasarkan niat sebenar penuturnya. Pentafsiran tersebut pula memerlukan penilaian terhadap konteks yang berlaku semasa pertuturan itu dibuat serta perlu pula diadunkan dengan pengetahuan tentang dunia serta pengalaman pendengar terhadap bahasa yang didengarinya itu sama ada merujuk kepada pengetahuan tentang sosiobudaya masyarakat, pemikiran dan sebagainya.

Oleh kerana bidang kajian yang berkaitan dengan pemahaman terhadap makna tersirat ini adalah terangkum dalam bidang pragmatik maka tidak salah jika kita menyatakan bahawa kajian ini juga merupakan satu kajian pragmatik. Justeru itu, adalah penting kepada pengkaji untuk menjelaskan definisi serta ciri-ciri pragmatik dan apa-apa sahaja yang berkaitan dengan bidang pragmatik agar dapat memberikan penjelasan dan pemahaman yang lebih terperinci kepada pembaca. Penerangan ini mustahak kerana analisis data akan dilakukan berdasarkan kerangka teori pragmatik.

Morris (1938) dan Carnap (1955) sama-sama mengatakan bahawa pragmatik ialah hubungan lambang dengan penggunaannya, atau mudahnya penggunaan bahasa dengan

tidak melibatkan struktur bahasa. Searle (1979), Keifer (1979) dan Bierwisch (1980) pula berpendapat bahawa pragmatik ialah perkataan-perkataan yang memasukkan unsur-unsur sosial dan kognitif yang menarik perhatian kita tentang sesuatu yang agak khusus dan teknikal sedang diperbualkan walaupun kita sendiri meragui apakah makna pragmatik yang sebenarnya.

Katz (1977) mengatakan bahawa teori pragmatik berbeza daripada tatabahasa kerana teori ini tidak terlibat dalam penjelasan struktur pembinaan linguistik atau ciri-ciri tatabahasa dan hubungannya. Pragmatik menjelaskan bagaimana penutur dan pendengar mengaitkan konteks sesuatu ayat dengan proposisinya. Dalam hal ini, pragmatik boleh dianggap sebagai sebahagian daripada perlakuan pertuturan (*performance*) (Nor Hashimah Jalaluddin, 2003).

The New Penguin English Dictionary (1986) telah mendefinisikan istilah pragmatik sebagai “satu aliran falsafah yang menegaskan bahawa makna atau kebenaran sesuatu konsep bergantung kepada kesan amalnya atau kesan penggunaannya” yang membawa maksud bahawa pentafsiran makna ujaran harus melibatkan aspek-aspek bukan linguistik disamping aspek-aspek linguistik. Kamus Dewan Edisi ke 4, (2005) pula mendefinisikan pragmatik sebagai “satu cabang linguistik yang berkaitan dengan kajian tentang makna dan kesan yang timbul daripada penggunaan bahasa dalam situasi tertentu”. Dengan kata lain pragmatik adalah aspek makna pertuturan yang tidak dapat dinilai dengan merujuk secara langsung keadaan kebenaran (*truth conditional*) ayat-ayat yang telah dituturkan (Gazdar, 1979).

Huraian di atas menunjukkan bahawa pentafsiran secara pragmatik mengambil kira faktor-faktor keperihalan keadaan penggunaan, termasuklah pengguna yang terlibat.

Pragmatik mengambil kira faktor-faktor bukan linguistik yang diabaikan oleh kaedah semantik. Walaupun banyak teori semantik yang telah dikemukakan ternyata semuanya gagal menghuraikan ayat-ayat yang mempunyai makna tersirat. Kemampuan semantik hanyalah setakat menghuraikan makna yang tersurat atau makna literal semata-mata. Apabila berhadapan dengan ayat-ayat yang mempunyai makna tersirat, pentafsiran secara pragmatik adalah diperlukan.

Penganalisaan makna dengan hanya merujuk kepada makna perkataan-perkataan dan perhubungan sintaksis yang dibentuk oleh perkataan-perkataan di dalam sesebuah ayat, kadangkala menghasilkan makna yang tidak tepat. Mengikut Semantik Sistem Penuh yang dipelopori oleh Sperber dan Wilson (1986), semantik tidak mampu memberikan makna sebenar sesuatu ujaran. Semantik hanya mampu memberikan makna di peringkat bentuk logik sahaja (Nor Hashimah Jalaluddin, 1990: 450). Akibat dari masalah inilah, maka ahli-ahli linguistik seperti Austin (1962), Searle (1969) dan Grice (1975) telah memformulakan beberapa kaedah pentafsiran makna berdasarkan pragmatik.

Dalam bidang pragmatik ini, terdapat tiga aspek yang menjadi topik perbincangan utama iaitu implikatur (*implicature*), prinsip kerjasama dan lakuan bahasa (*speech acts*). Namun, dalam kajian ini pengkaji hanya akan menggunakan aspek implikatur, prinsip kerjasama serta teori relevan sebagai kerangka atau asas perbincangan terhadap data pertuturan kanak-kanak selain dari melihat tahap pemahaman makna tersirat kanak-kanak berdasarkan keupayaan mereka mengujar dan memahami makna tersirat pertanyaan.

3.12 Kesimpulan

Berdasarkan kesesuaian ruang lingkup serta aspek kajian, pengkaji merasakan analisis berdasarkan ukuran pragmatik adalah kaedah yang paling sesuai sebagai kerangka kajian. Bidang pragmatik merangkumi beberapa perkara asas seperti konsep makna tersirat, konsep implikatur perbualan, prinsip kerjasama dijadikan sebagai kaedah kajian dalam menganalisis data untuk melihat pemahaman makna tersirat dalam kalangan kanak-kanak. Satu lagi aspek tambahan yang akan digunakan ialah dengan melihat kepada keupayaan kanak-kanak mengujar dan mentafsir pertanyaan yang mempunyai pelbagai maksud tersirat disebalik pertanyaan tersebut.

Penggunaan ruang lingkup pragmatik sebagai kerangka kajian ini juga adalah sesuai kerana kajian ini melibatkan kajian terhadap keupayaan kanak-kanak dalam mengaplikasikan makna perkataan dalam menyampaikan hasrat yang tersirat. Hal ini kerana pentafsiran makna dari sudut pragmatik akan merangkumi kecekapan bahasa penutur, tingkah laku bukan verbal, pengalaman dan pengetahuan pendengar serta konteks pertuturan itu sendiri.

BAB EMPAT

ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan

Bab ini akan memaparkan perbincangan dapatan kajian yang diperolehi hasil daripada analisis data ujaran kanak-kanak dalam menilai tahap pemahaman makna tersirat kanak-kanak yang berusia dari empat hingga enam tahun. Perbincangan merangkumi beberapa pembahagian berdasarkan objektif serta persoalan kajian. Bahagian pertama memaparkan dapatan kajian yang berkaitan dengan analisis pemahaman makna tersirat verbal, bahagian kedua memaparkan analisis pemahaman makna tersirat bukan verbal dan seterusnya bahagian ketiga memaparkan strategi verbal dan bukan verbal.

Bahagian pertama, iaitu dalam bahagian analisis pemahaman makna tersirat verbal, perbincangan akan memaparkan dapatan kajian yang diperolehi melalui analisis pelanggaran maksim kerjasama Grice dan dapatan kajian tentang pemahaman makna tersirat kanak-kanak berdasarkan analisis pertanyaan yang mengandungi pelbagai mesej tersirat. Fokus perbincangan dalam bahagian seterusnya ialah dengan memaparkan strategi-strategi verbal dan bukan verbal yang digunakan oleh kanak-kanak dalam usaha memastikan penyampaian serta pentafsiran pelbagai mesej tersirat dicapai.

4.2 Menilai Pemahaman Makna Tersirat (Verbal) Kanak-kanak.

Berikut adalah perbincangan tentang analisis data perbualan kanak-kanak yang didapati mempunyai unsur-unsur pelanggaran maksim Kerjasama Grice dan pelbagai bentuk pertanyaan yang mempunyai unsur-unsur makna tersirat.

4.2.1 Analisis Pelanggaran Maksim dalam Ujaran Kanak-kanak

Analisis data perbualan kanak-kanak menunjukkan bahawa terdapat perkaitan antara situasi pelanggaran maksim yang telah dilakukan oleh kanak-kanak semasa berinteraksi dengan keupayaan mereka menghasilkan ujaran yang mempunyai maksud tersirat. Pelanggaran maksim seperti maksim kuantiti, maksim kualiti, maksim relevan dan maksim cara memang terdapat dalam data perbualan kanak-kanak. Didapati bahawa situasi pelanggaran maksim ini kerap dilakukan oleh kanak-kanak semata-mata untuk menyampaikan mesej tersirat kepada pendengar yang merupakan rakan sepermainan mereka. Ini jelas dilihat dalam perbincangan berikut dimana contoh yang relevan turut diberikan.

Perbincangan bagi setiap contoh pelanggaran akan dimulai dengan menerangkan tentang situasi komunikasi antara kanak-kanak terlebih dahulu. Seterusnya akan dipaparkan pula ujaran-ujaran yang mempunyai ciri-ciri pelanggaran maksim yang terdapat dalam data perbualan kanak-kanak tersebut sebelum analisis implikatur dilakukan terhadap ujaran yang didapati telah melanggar maksim-maksim untuk mengesan dan menilai kewujudan makna tersirat. Analisis implikatur akan ditunjukkan dengan lebih terperinci di dalam rajah-rajah yang disediakan di bawah sebelum kesimpulan dapatan dibuat terhadap setiap situasi.

Contoh 1

Tarikh rakaman: 1 Januari 2009
Masa 15 minit
Sampel Akram (L4), Ajam (L6), Arif (L5), Ajid (L6) dan Ebbi (L3)
Tempat di halaman rumah Ajam
Situasi Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa kanak-kanak sedang berbual di halaman rumah Ajam.

- 1 [U1]Akram /jom mandi nak?/
- 2 [U1]Ajam /gi/
- 3 [U1]Arif /ajak Ebi getek/
- 4 [U1]Ajid /bi mari kita mandi nak?/
- 5 [U1]Ebbi /tak cema lagi/ (perlanggaran maksim kuantiti)
- 6 [U2]Arif /Ebi tak sir eh/
- 7 [U2]Ebbi /aku kata tak cema lagi/

Contoh 1 menunjukkan perbualan yang berlangsung di halaman rumah diantara kanak-kanak prasekolah yang bernama Akram, Ajam, Arif, Ajid dan Ebbi. Dalam perbualan ini, Ajid pada [U1](baris 4) telah mengajukan pertanyaan kepada Ebbi iaitu **/bi mari kita mandi nak?/** dengan niat untuk mengajak Ebbi mandi bersama-sama. Di sini dapat dilihat bahawa Ajid telah cuba menyampaikan maksud tersirat untuk mengajak Ebbi mandi melalui bentuk pertanyaan. Kalau dilihat dari sudut semantik, maksud ujaran Ajid ini adalah seperti berikut:

Bi (nama seseorang)

mari (ajakan/mengajak)

mandi (melakukan sesuatu perbuatan)

nak? (hendak atau tidak –abstrak yang merujuk perasaan atau kemahuan)

-iaitu : mengajak seseorang (Ebbi) melakukan sesuatu (mandi).

Ebbi [U1](baris 5) telah memberikan jawapan **/tak cema lagi/** terhadap soalan yang diajukan oleh Ajid di atas. Jika dikaji maksud jawapan Ebbi ini dari sudut makna linguistik atau semantik, jelas sekali ia telah menyimpang daripada maksud pertanyaan/ajakan yang dibuat oleh Ajid sebelumnya. Jawapan yang tidak selari dengan pertanyaan Ajid telah diberikan oleh Ebbi bermaksud **‘dia tidak kotor’** memerlukan Ajid memikirkan maksud sebenar yang cuba disampaikan oleh Ebbi melalui jawapannya itu.

Analisis semantik yang dilakukan terhadap pertanyaan Ajid serta jawapan Ebbi telah menunjukkan berlakunya situasi pelanggaran maksim kerjasama Grice kerana jawapan yang diberikan Ebbi itu tiada perkaitan atau hubungan semantik dengan soalan yang diajukan Ajid kepadanya.

4 [U1]Ajid /bi mari kita mandi nak?/

(/Ebbi-jom kita pergi mandi-nak atau tak?/)

5 [U1]Ebbi /tak cema lagi/ (perlanggaran maksim kuantiti)

(/tidak atau belum kotor lagi/)

Jawapan yang ada perkaitan dari sudut semantik dengan soalan Ajid di atas sepatutnya ialah:

/ya...saya nak mandi/ atau /tak...saya tak nak mandi/

Dari sudut pentafsiran semantik, soalan yang diajukan oleh Ajid adalah memerlukan jawapan /nak/ (menerima pelawaan/ajakan) atau /tak nak/ (menolak pelawaan/ajakan) kerana ia merupakan satu bentuk pelawaan atau ajakan.

Jawapan yang diberikan oleh Ebbi di atas memerlukan Ajid membuat penilaian sendiri sama ada Ebbi menolak atau menerima ajakannya untuk mandi bersama-sama. Ajid perlu memproses jawapan tersebut dengan menggabungkan segala pengetahuan tentang konteks yang berlaku pada masa itu untuk mendapatkan jawapan yang tepat sama ada Ebbi menerima atau menolak ajakannya itu. Pada usia sebegini, ada kemungkinan agak sukar untuk kanak-kanak (Ajid) membuat jangkaan terus terhadap makna tersirat disebalik jawapan Ebbi. Untuk mendapatkan jawapan yang tepat dan difahami, Ajid memerlukan kos memproses maklumat yang tinggi dan membuat kesimpulan sendiri apakah maksud sebenar jawapan yang diberikan oleh Ebbi itu.

Ebbi sebenarnya boleh menjawab **[saya tak sir mandi sebab saya tak cema (kotor) lagi](saya tidak mahu mandi sebab saya belum kotor)** yang lebih sesuai dari sudut semantik dengan pertanyaan yang diajukan oleh Ajid selain lebih mudah difahami dan ditafsirkan. Sekiranya dia mempunyai niat untuk menyampaikan mesej secara lebih jelas dan nyata (tersurat) Ebbi juga boleh menjawab **[saya tidak mahu mandi]** yang merupakan maklum balas yang lebih tepat dan sesuai dengan ajakan yang dibuat oleh Ajid itu (iaitu jawapan dari sudut semantik atau makna tersurat). Jawapan yang diberikan ini telah memaksa pendengar memikirkan maksud dari sudut tersirat dan seterusnya berdasarkan konteks yang berlaku pendengar perlu membuat andaian sendiri bagi merumuskan maksud yang cuba disampaikan oleh Ebbi itu.

Kita sebagai orang dewasa yang sering menganggap kanak-kanak hanya memahami perkara-perkara mudah sentiasa akan cuba menggunakan perkataan-perkataan yang dianggap mudah difahami iaitu yang bersifat ringan, berbentuk selapis dan sebagainya. Namun, realitinya adakah kanak-kanak pada usia prasekolah ini hanya mampu


menghasilkan dan memahami perkataan-perkataan yang mempunyai makna selapis iaitu makna semantik semata-mata?

Analisis seterusnya dapat memberikan gambaran sebenar yang lebih tepat. Walaupun, daripada data menunjukkan bahawa jawapan yang diberikan oleh Ebby itu seolah-olah tiada hubungan semantik dengan maksud pertanyaan Ajid, namun kanak-kanak langsung tidak ada masalah untuk membuat tafsiran yang selari dengan niat sebenar yang ingin disampaikan oleh Ebby melalui jawapannya itu. Hal ini dapat dilihat dengan jelas melalui jawapan yang diberikan oleh sampel seterusnya iaitu:

6 [U2]Arif /Ebi tak sir eh/ (Ebby tidak mahu mandi) @ menolak ajakan

Situasi ini menggambarkan bahawa penyampaian mesej secara tersirat sememangnya telah wujud dalam interaksi kanak-kanak prasekolah dan ia nyata sekali tidak mengganggu proses komunikasi berjalan dengan lancar kerana pendengar juga berupaya membuat tafsiran yang selari dengan mesej tersirat yang disampaikan oleh penutur. Secara tidak langsung situasi ini boleh membuktikan sesuatu kepada kita tentang tahap pemahaman makna tersirat dalam kalangan kanak-kanak yang berusia empat hingga enam tahun ini. Pengalaman yang ditempuh seharian membantu memudahkan proses mentafsir dan memahami makna tersirat dalam kalangan kanak-kanak sampel.

Rajah 4.1 menunjukkan situasi perlanggaran maksim yang melibatkan perbualan antara Ajid dan Ebby.



(dengan perasaan ingin tahu sama ada pendengar hendak mandi atau tidak)



Jawapan yang sesuai dari sudut semantik dengan soalan/pertanyaan di atas:

([mahu] atau [tidak mahu mandi])



2. Jawapan yang diberikan oleh Ebby: **/tak cema lagi/**

(makna semantik: tidak kotor/belum kotor lagi)




Analisis jawapan:

1. Jawapan yang diberikan oleh Ebby jika dinilai dari sudut apa yang diperkatakan dan menurut logiknya, ia jelas telah melanggar prinsip kerjasama Grice kerana jawapan ini tidak mempunyai hubungan secara semantik dengan soalan yang diajukan oleh Ajid.
2. Jawapan yang sesuai sepatutnya ialah sama ada: **[saya mahu mandi] atau [saya tidak mahu mandi sebab badan saya tidak kotor/masih belum kotor lagi]**

Analisis implikatur:

1. Ebby tidak perlu mandi kerana badannya tidak kotor. Berdasarkan konteks didapati bahawa Ebby tidak ikut bermain seperti kanak-kanak yang lain.
2. Jawapan yang diberikan oleh Ebby sebenarnya menunjukkan bahawa Ebby cuba menjelaskan tentang badannya tidak kotor kerana dia tidak ikut bermain



Rajah 4.1 Analisis perlanggaran maksim.

Merujuk kepada Rajah 4.1, soalan yang diajukan oleh Ajid / **bi mari kita gi mandi nak?/** bermaksud mengajak dan bertanya sama ada Ebby mahu mandi atau tidak. Pertanyaan yang diajukan oleh Ajid ini sebenarnya telah dibuat dengan niat untuk mengajak Ebby mandi. Namun pertanyaan ‘nak?’ pada akhir ujaran mungkin ditambah untuk mengurangkan desakan serta memberi peluang kepada Ebby membuat keputusan sama ada dia mahu mandi bersama-sama dengan Ajid atau tidak. Hal ini dapat dilihat dengan jelas pada akhir pertanyaan tersebut apabila Ajid meletakkan perkataan “**nak?**” yang bermaksud mempelawa dan memberi pilihan. Lantaran itu, pertanyaan ini memerlukan jawapan “**nak**” atau “**tak nak**” yang lebih selari dengan maksud pertanyaan tersebut dari sudut semantik. Walau bagaimanapun, Ebby telah memberikan jawapan yang agak menyimpang dari maksud pertanyaan Ajid dengan mengatakan bahawa dia tidak *cema* yang bermaksud tidak kotor.

Walaupun bagaimanapun, setelah jawapan yang diberikan oleh Ebby ini dianalisis menggunakan konsep implikatur perbualan yang telah dicadangkan oleh Grice (1975),

ternyata bahawa jawapan tersebut mempunyai perkaitan yang jelas dengan soalan yang dikemukakan oleh Ajid. Ebbi membuat jawapan seperti itu kerana merasakan dia tidak perlu dan tidak mahu mandi disebabkan badannya tidak kotor seperti rakannya yang lain. Berdasarkan andaian implikatur serta penilaian terhadap konteks yang berlaku pada masa itu, pendengar boleh membuat kesimpulan bahawa ujaran Ebbi itu sebenarnya merupakan satu penolakan terhadap pelawaan yang telah dibuat oleh Ajid.

Lantaran itu, ujaran berimplikatur yang diujarkan oleh Ebbi dapat menggambarkan keupayaan kanak-kanak mempraktikkan makna tersirat dalam perbualan mereka dan ini secara tidak langsung telah menyerlahkan pemahaman makna tersirat kanak-kanak.

Ajid membuat kesimpulan dengan merujuk konteks, pengalaman serta pemahamannya terhadap apa yang selalu dipraktikkan dalam kehidupan seharian kanak-kanak sendiri, di mana apabila mereka bermain sesuatu yang kotor atau selepas bermain bersama rakan-rakan terutamanya di luar rumah, kanak-kanak perlu mandi terlebih dahulu sebelum dibenarkan makan, menonton tv atau tidur oleh ibu atau bapa mereka. Pengalaman seperti inilah yang telah dijadikan sebagai rujukan oleh kanak-kanak atau pendengar sewaktu membuat tafsiran terhadap sesuatu perkataan atau ujaran yang dianggap 'tidak menjawab' pertanyaan atau tidak selari dengan maklumat yang diinginkan. Oleh itu, pemahaman makna tersirat dalam kalangan kanak-kanak sememangnya terhasil daripada pengalaman dan pengaruh persekitaran mereka sendiri.

Contoh 2

Tarikh rakaman: 5 Januari 2014
Masa 15 minit
Sampel Bella (5), Ain (4), Budin (5) dan Haiqal (6)
Tempat di halaman rumah Bella
Situasi Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa kanak-kanak sedang berbual di halaman rumah.

- 1 [U1]Bella /mari la main sini/
- 2 [U1]Ain /gi/
- 3 [U2]Bella /ibu...nak gi main/
- 4 [U1]Budin /**Bella...mu nak gi mana ni?**/
- 5 [U3]Bella /**basikal**/ (sambil menuju ke halaman rumah)
- 6 [U2] Budin /ala// luar tak dak internet la/
- 6 [U4]Bella /ada jugak la...luar ni ada internet/ (menunjukkan telefon)
- 7 /ni mainan tu...ni napak ada orang letak patung ni/
- 8 [U1]Haiqal /**boleh tak pinje?**/ (mendekati Bella)

- 9 [U5]Bella /**kita ada adik kecik tau**/ (mengelak)
[konteks: membelek telefon tanpa melihat muka Haiqal]
- 10 [U2]Haiqal /pinje la//kejap jah/
/nak la tengok/

Bella tidak mepedulikan permintaan Haiqal dan begitu asyik dengan telefonnya

- 11 [U3]Haiqal / Bella kedekut/
[Konteks: bergerak meninggalkan Bella]
- 12 [U2]Ain /Bella mari sini kejap/
- 13 [U5]Bella /**ala// nak tengok mainan game ni?/**
/bela// **mari sini ah/**
[konteks: menunjukkan telefon kearah Ain]
- 14 [U4]Haiqal /boleh la pinje/
[berjalan mendekati Bella semula]
- 15 [U6]Bella /wei//mana boleh aku punye la/
- 16 [U3]Ain / **nak tengok boleh?/**
- 17 [U7]Bella /**ni hak mama kita /**
- 18 [U5]Haiqal /**tak payah la wi ka dia/**
- 19 [U4]Ain /**mama awak duk dale/**
- 20 [U8]Bella /**nanti dia kelih/**

Contoh 2 menunjukkan perbualan yang berlangsung di halaman rumah diantara kanak-kanak prasekolah yang bernama Bella (5), Ain (4), Budin (5) dan Haiqal (6). Situasi menunjukkan Bella sedang bermain telefon bimbit (kepunyaan ibunya) sambil menunjukkan beberapa permainan kepada rakan-rakannya yang lain.

Data perbualan antara kanak-kanak sampel menunjukkan terdapat beberapa ujaran yang telah melanggar prinsip kerjasama Grice. Antaranya ialah ujaran yang dituturkan oleh Bella iaitu:

- 4 [U1]Budin /**Bella...mu nak gi mana ni?/**
- 5 [U3]Bella /**basikal/** (sambil menuju ke halaman rumah)
- 6 [U2] Budin /ala// luar tak dak internet la/

Dalam perbualan antara Bella dan Budin ini, Budin telah bertanya Bella, ‘Bella hendak pergi ke mana?’ Jawapan yang diberikan Bella telah melanggar prinsip kerjasama Grice kerana dia telah memberikan jawapan yang tidak relevan dengan soalan yang diajukan oleh Budin. Jawapan yang diberikan oleh Bella langsung tiada kaitan dari sudut semantik dengan soalan Budin. Jawapan Bella juga telah melanggar maksim kuantiti kerana terlalu ringkas. Hal ini menyebabkan Budin terpaksa menggunakan kos memproses yang tinggi untuk mendapatkan maksud sebenar daripada jawapan yang dibuat oleh Bella itu.

Sekiranya pertanyaan yang diajukan oleh Budin dianalisis menggunakan analisis semantik iaitu mentafsir makna ujaran berdasarkan logik terhadap apa yang diperkatakan dan bukan terhadap apa yang dimaksudkan, pentafsirannya akan menjadi seperti berikut;

Bella: nama orang

mu: kata ganti nama diri orang kedua iaitu Bella

nak gi : perbuatan (menuju ke sesuatu tempat)

ke mana: kata arah atau tempat yang hendak di tuju

Maksud ujaran itu dari sudut semantik ialah Budin bertanya kepada Bella arah atau tempat yang ingin dituju oleh Bella pada waktu ujaran itu berlangsung. Jawapan yang diperlukan oleh Budin ialah:

(?) kemana- iaitu sama ada nama tempat/destinasi/arah.

Namun, jawapan yang diberikan oleh Bella ialah:

/basikal/-kata nama yang merujuk pada kenderaan

Budin terpaksa menjadikan ujaran Bella bermanifestasi dengan menggabungkan maklumat konteks dan kesan konteks yang berlaku pada waktu itu. Budin faham

bahawa Jawapan Bella adalah **‘hendak pergi mengambil basikal’** atau **‘hendak ke lokasi dimana basikal berada’** setelah Bella menuju ke arah basikalnya selepas jawapan dibuat. Analisis implikatur menunjukkan bahawa Bella cuba memberitahu kepada Budin bahawa dia ingin ke lokasi basikalnya untuk mengambil basikal tersebut.

Jawapan yang amat ringkas diberikan oleh Bella kepada Budin adalah kerana pada waktu itu Bella sedang asyik dengan telefon bimbit menyebabkan dia mungkin merasa terganggu dengan soalan yang dikemukakan oleh Budin. Lantaran itu, Bella tidak memberikan jawapan yang panjang kerana kemungkinan juga dia merasakan Budin juga tidak perlu tahu apa yang ingin dilakukannya. Perlakuan Bella ini adalah normal kerana kebiasaannya kanak-kanak apabila mereka begitu asyik dengan permainan atau apa sahaja yang mereka lakukan sama ada mewarna atau menonton tv, mereka tidak akan mempedulikan orang-orang yang ada di sekelilingnya. Kadang kala berlaku juga situasi di mana kanak-kanak sering bermonolog seorang diri seolah-olah dia sedang bermain dengan seseorang.

Ujaran yang dibuat oleh Bella seterusnya dalam Contoh 2 (ditunjukkan dalam analisis di bawah) juga didapati mempunyai unsur-unsur makna tersirat. Selain itu, Bella juga didapati telah menggunakan strategi mengalihkan topik perbincangan untuk mengelak daripada menjawab pertanyaan yang berupa permintaan oleh penutur (Haiqal). Situasi pendengar mengalihkan perhatian atau fokus penutur terhadap sesuatu isu atau topik yang dibincangkan mungkin disebabkan situasi berikut iaitu: sama ada kerana pendengar tidak ingin memenuhi permintaan penutur atau kerana dia merasakan perkara yang diujarkan oleh penutur itu tidak penting.

Situasi ini dapat dilihat melalui jawapan yang diberikan oleh Bella untuk menjawab pertanyaan Haiqal seperti berikut:

- 8 [U1]Haiqal /**boleh tak pinje?**/ (mendekati Bella)
- 9 [U5]Bella /**kita ada adik kecik tau**/ (mengelak)
[konteks: membelek telefon tanpa melihat muka Haiqal]
- 12 [U2]Haiqal /pinje la//kejap jah/
/nak la tengok/

Bella tidak mempedulikan permintaan Haiqal dan begitu asyik dengan telefonnya

- 12 [U3]Haiqal / **Bella kedekut**/
[Konteks: bergerak meninggalkan Bella]

Data perbualan antara Bella dan Haiqal di atas menunjukkan wujudnya situasi pelanggaran maksim kerjasama Grice kerana Bella telah memberikan jawapan yang jelas sekali tiada kaitan atau tidak relevan dengan pertanyaan yang diajukan oleh Haiqal. Haiqal cuba meminta kebenaran daripada Bella untuk meminjam telefon yang berada di tangan Bella dengan mengajukan pertanyaan /**boleh tak pinje?**/ (**boleh pinjam tak?**), tetapi Bella menjawab seperti acuh-tak acuh sahaja dengan memberikan jawapan /**kita ada adik kecik tau**/ yang seolah-olah cuba mengelak daripada membincangkan tentang telefon itu.

Jawapan yang diberikan oleh Bella sebagai maklum balas terhadap pertanyaan Haiqal langsung tiada kena mengena dari sudut semantik dengan soalan yang diajukan oleh Haiqal itu. Pertanyaan Haiqal yang lebih berupa permintaan memerlukan Bella

memberikan jawapan sama ada 'boleh' atau 'tidak boleh'. Bella mungkin dengan sengaja cuba mengelak daripada membincangkan atau mengulas tentang telefon yang disebut oleh Haiqal dengan harapan Haiqal juga tidak akan menyebutnya lagi. Hal ini disebabkan Bella sebenarnya tidak mahu meminjamkan telefonnya kepada Haiqal.

Berdasarkan konteks seterusnya, dapat disimpulkan bahawa Bella telah melakukan pelanggaran maksim relevan kerana dia tidak mahu meminjamkan telefonnya kepada Haiqal. Bella didapati tidak memberikan sebarang maklum balas terhadap permintaan Haiqal. Dia hanya mendiamkan diri semasa Haiqal terus mendesak untuk meminjam telefon daripadanya. Data seterusnya menunjukkan bahawa Haiqal juga sedar tentang niat sebenar Bella yang tidak mahu meminjamkan telefon kepadanya. Hal ini dapat ditunjukkan berdasarkan ucapan Haiqal selepas itu iaitu:

(12) [U3]Haiqal: / Bella kedekut/

Situasi di atas dapat membantu kita memahami dengan lebih jelas tentang keupayaan kanak-kanak memahami dan mempraktikkan penyampaian mesej tersirat dalam interaksi seharian mereka. Sebagai contoh, Bella telah menggunakan strategi tertentu untuk menyampaikan mesej secara tersirat bahawa dia tidak bersedia meminjamkan telefon kepada Haiqal. Bella pada suatu masa telah memberikan jawapan yang melanggar maksim malah pada masa yang lain dia lebih suka mendiamkan diri semasa didesak oleh Haiqal untuk meminjam telefonnya. Situasi ini telah menggambarkan keupayaan kanak-kanak untuk menolak permintaan seseorang dengan caranya yang tersendiri.

Begitu juga dengan Haiqal, daripada jawapan yang diberikan di akhir perbualan, menunjukkan bahawa Haiqal telah berjaya menggabungkan konteks dan pengalamannya

untuk mentafsir maksud tersirat disebalik jawapan yang diberikan oleh Bella serta keadaan diam yang ditunjukkan olehnya sewaktu Haiqal membuat pertanyaan/permintaan. Keadaan ini menunjukkan bahawa kanak-kanak pada usia 4-6 tahun ini telah mempunyai keupayaan mengujarkan serta mentafsir makna tersirat dalam interaksi harian mereka. Kanak-kanak bijak mengaplikasikan makna tersirat dalam perbualan sesama mereka bagi mencapai niat yang diinginkan.

Nyata sekali bahawa apa yang ditafsirkan dan dijangka oleh Haiqal (dari pentafsiran yang dibuat berdasarkan jawapan dan perlakuan Bella) bahawa Bella tidak mahu meminjamkan telefon kepadanya, adalah tepat. Situasi ini dapat dilihat dalam data seterusnya iaitu apabila Haiqal cuba memujuk Bella sekali lagi, Bella secara berterus terang telah menyatakan bahawa telefon itu adalah miliknya, jadi Haiqal tidak boleh meminjamnya. Sila lihat data dalam Contoh 2, iaitu ujaran bernombor 14 dan 15:

- | | | |
|----|------------|---|
| 12 | [U2]Ain | /Bella mari sini kejap/ |
| 13 | [U5]Bella | /ala// nak tengok mainan game ni?/ /mari sini ah/ [konteks: menunjukkan telefon kearah Ain] |
| 14 | [U4]Haiqal | / boleh la pinje / |
| | | [berjalan mendekati Bella semula] |
| 15 | [U6]Bella | /wei// mana boleh aku punye la / |

Data menunjukkan bahawa tafsiran yang dibuat oleh Haiqal nyata sekali tidak meleset kerana memang benar Bella sebenarnya ‘kedekut’ sebagaimana yang dituduh oleh Haiqal sebelumnya. Hal ini dibuktikan sendiri oleh Bella apabila pada akhirnya dia

telah berterus terang mengatakan tidak boleh kepada Haiqal. Ujaran tersebut boleh dilihat pada [U6] (baris 15) di mana Bella telah memberitahu:

15 [U6]Bella: /**wei//mana boleh aku punye la/**

Keputusan untuk berterus terang secara langsung telah dibuat oleh Bella apabila dia merasakan tidak perlu lagi berdolak dalik dengan Haiqal kerana Haiqal bukannya seorang yang jenis mengalah, malah tidak putus-putus mencuba untuk mendapatkan telefon daripada Bella. Walaupun pada peringkat awal Bella cuba untuk menolak dengan cara berhemah serta tidak secara terus, tetapi disebabkan Haiqal tidak jemu berusaha dan terus meminta, maka Bella merasakan dia perlu berterus terang dengan mengatakan ‘tidak boleh kerana telefon itu adalah miliknya’.

Perbualan seterusnya juga menunjukkan situasi yang sama. Analisis data menunjukkan wujudnya situasi pelanggaran maksim semasa kanak-kanak membuat ujaran. Perbualan yang berterusan dalam situasi dan konteks yang sama dengan contoh-contoh perbincangan di atas yang juga melibatkan Bella bersama kawan-kawannya. Situasi sama telah berlaku apabila Bella sekali lagi melakukan pelanggaran maksim dengan niat untuk menolak permintaan Ain secara lebih berhemah. Sila lihat data dalam Contoh 2 pada ujaran-ujaran yang bertanda 16, 17, 19 dan 20.

- | | | |
|----|------------|------------------------------|
| 16 | [U3]Ain | / nak tengok boleh?/ |
| 17 | [U7]Bella | / ni hak mama kita / |
| 18 | [U5]Haiqal | /tak payah la wi ka dia/ |
| 19 | [U4]Ain | / mama awak duk dale/ |
| 20 | [U8]Bella | / nanti dia kelih/ |

Data menunjukkan wujudnya ujaran kanak-kanak yang mempunyai unsur perlanggaran maksim kerjasama Grice. Ujaran [7] baris 17, yang dituturkan oleh Bella secara langsung telah melanggar maksim kerjasama Grice kerana tidak memberikan jawapan yang selari dengan pertanyaan/ permintaan yang dibuat oleh Ain[U3] baris 16. Ain [U3] telah bertanya kepada Bella:

16 [U3] Ain: / **nak tengok boleh?**/

Pertanyaan yang diajukan oleh Ain kepada Bella dalam situasi di atas adalah lebih kepada membuat permintaan. Ain menggunakan strategi pertanyaan yang memerlukan jawapan boleh atau tidak iaitu yang bermaksud ‘ya, boleh’ atau ‘tak, tidak boleh’ dengan niat menjadikan permintaannya sebagai suatu yang lebih lembut dan lebih disenangi oleh pendengar.

Menggunakan strategi pertanyaan untuk meminta sesuatu daripada rakan sepermainan adalah merupakan satu tindakan bijak yang telah dilakukan oleh kanak-kanak kerana ia boleh mengurangkan desakan terhadap maksud permintaan itu. Malah keupayaan kanak-kanak mempelbagaikan fungsi pertanyaan iaitu menggunakan pertanyaan untuk menyampaikan pelbagai niat tersirat akan dapat menyerlahkan lagi kecekapan berbahasa mereka terutamanya keupayaan memahami serta menyampaikan makna tersirat semasa berkomunikasi.

Maksud pertanyaan Ain (di atas) dari sudut semantik ialah, Ain ingin meminta kebenaran daripada Bella untuk melihat telefon (atau mungkin untuk melihat permainan yang terdapat dalam telefon Bella) yang dipegang oleh Bella semasa komunikasi ini berlangsung. Jawapan yang sesuai dengan pertanyaan ini ialah sama ada ‘boleh’ atau

‘tidak boleh’. Bella [U7] baris 17, bagaimana pun telah memberikan jawapan yang secara harfiahnya didapati tiada kaitan dengan soalan/pertanyaan yang diajukan oleh Ain iaitu:

17[U7] Bella: /**ni hak mama kita** /

Jika jawapan yang diberikan oleh Bella terhadap pertanyaan/permintaan Ain ini dikaji maknanya dari sudut semantik, jelas sekali bahawa ianya tidak mempunyai apa-apa kaitan dengan pertanyaan yang diajukan oleh Ain kepadanya. Jawapan yang diberikan oleh Bella ini menunjukkan ciri tidak relevan dan memerlukan pendengar memproses maklumat dengan kos memproses yang tinggi.

Grice (1975) mengatakan bahawa kita hendaklah sentiasa membuat ujaran yang mempunyai hubungan agar sesuatu ujaran itu menjadi relevan. Kita sebagai penutur hendaklah sentiasa memberikan sumbangan terhadap perkara yang dibualkan dengan mengatakan sesuatu yang mempunyai kaitan dengan topik perbualan pada masa itu sahaja. Sekiranya perkara yang diucapkan tidak mempunyai hubungan dengan maksim relevan ini, maka ujaran tersebut bolehlah dianggap sebagai telah melanggar maksim relevan atau hubungan.

Walaupun Bella didapati telah melanggar prinsip kerjasama Grice kerana membuat ujaran yang dianggap tidak relevan dengan pertanyaan Ain, persoalannya adakah Ain tidak memahami jawapan Bella itu dan seterusnya telah menyebabkan interaksi terhenti di situ? Hal ini demikian kerana dalam sesebuah komunikasi, kedua-dua pihak sama ada penutur atau pendengar, masing-masing perlulah memastikan ujaran yang diujarkan difahami oleh pihak lain serta mempunyai hubungan dengan topik yang dibincangkan

agar komunikasi boleh berjalan dengan lancar tanpa sebarang masalah tersalah tafsir atau tidak dapat membuat tafsiran yang tepat.

Walau bagaimanapun, daripada analisis data dapat dilihat situasi yang berbeza di mana walaupun jawapan yang diberikan oleh Bella tidak relevan dengan pertanyaan Ain, namun Ain berjaya membuat tafsiran yang tepat dan selari dengan niat yang cuba disampaikan secara tersirat oleh Bella melalui jawapan yang diberikannya. Hal ini boleh dilihat daripada maklum balas Ain seterusnya selepas mendengar jawapan yang diberikan oleh Bella pada [u7] baris 17 itu. Jawapan yang diberikan Ain pada [U4] baris 19 ialah:

[U4] Ain: /**mama awak duk dale**/

Daripada maklum balas yang diberikan oleh Ain ini, jelas menunjukkan Ain telah mampu mentafsir maksud ujaran Bella pada [U7] baris 17 dari sudut yang tersirat. Di sini dapat dilihat bagaimana Ain telah berjaya membuat tafsiran berdasarkan makna disebalik ujaran yang eksplisit, iaitu ia menunjukkan situasi kecekapan dan keupayaan berbahasa Ain khususnya keupayaannya memahami makna tersirat. Ain didapati tidak membuat tafsiran pada tahap eksplikatur atau makna terhadap apa yang diperkatakan sahaja, malah lebih daripada itu, Ain sebenarnya telah berjaya mengadunkan segala pengalaman, pengetahuannya tentang konteks dengan cuba meneroka jawapan Bella itu ke mesej sebenar yang cuba disampaikan oleh Bella.

Tafsiran seterusnya yang telah dibuat oleh Ain ialah dengan melihat apakah hubungan 'hak mama kita' dengan permintaan/pertanyaan yang diajukannya kepada Bella. Kenapa Bella perlu memberikan maklum balas atau ujaran yang tiada kaitan dengan soalan yang dikemukakannya? Dalam situasi begini keupayaan kognisi telah terserlah. Ain didapati

telah Berjaya dan bijak memproses jawapan Bella dengan membuat andaian-andaian implikatur seperti berikut:

-telefon itu bukan telefon Bella.

-telefon itu adalah telefon kepunyaan mama Bella.

-Telefon itu adalah sesuatu yang mahal, sudah pasti semua orang akan menjaga dengan baik dan tidak akan membenarkan orang lain menggunakannya.

-telefon itu kepunyaan emak Bella, jadi Bella tidak berani member/membenarkan kawan-kawannya memegang atau menggunakan telefon itu.

Sesiapa yang mahu meminjamnya, hendaklah meminta kebenaran daripada ibu Bella terlebih dahulu.


Daripada andaian-andaian implikatur ini maka muncullah kesimpulan implikatur seperti berikut iaitu:

-Bella tidak boleh meminjamkan telefonnya kepada Ain kerana telefon itu bukan milik Bella, tetapi milik ibunya. Kemungkinan ibu Bella akan marah jika telefonnya diberikan kepada orang lain sedangkan kanak-kanak sedar, telefon adalah sesuatu yang hanya dimiliki oleh ibu bapa sahaja kerana ia mahal dan tidak semua orang khususnya kanak-kanak boleh memiliki telefon, sudah pasti ianya perlu dijaga dengan baik dan tidak boleh dipinjamkan kepada orang lain dengan sewenang-wenangnya apatah lagi kanak-kanak yang mungkin tidak tahu cara penggunaan yang sebenar.

Kesimpulan implikatur yang dibuat hasil andaian-andaian implikatur sebelumnya, membolehkan Ain memberikan jawapan yang selari dengan maksud yang cuba disampaikan oleh Bella. Malah andaian-andaian implikatur dan kesimpulan implikatur yang dibuat oleh Ain membuktikan bahawa ujaran Bella juga adalah relevan dengan permintaan Ain sebelum ini. Bella tidak boleh memenuhi permintaan Ain untuk meminjamkan telefonnya kerana telefon itu adalah milik ibunya. Bella bimbang akan dimarahi sekiranya diketahui oleh ibunya nanti. Kesimpulan secara keseluruhan selepas membuat analisis implikatur menunjukkan Bella tidak membenarkan Ain melihat atau meminjam untuk ‘melihat’ telefonnya.

Untuk memahami dengan lebih lanjut proses pentafsiran makna tersirat dalam perbualan antara Bella dan Ain, lihat rajah 4.2:

Rajah 4.2 menunjukkan analisis perlanggaran maksim yang melibatkan perbualan antara Bella dan Ain.



(makna semantik: menyatakan hak milik iaitu kepunyaan emak Bella)




Analisis jawapan:

1. Jawapan yang diberikan oleh Bella tidak relevan dengan soalan yang diajukan oleh Ain.
2. Jawapan ini nyata telah melanggar maksim relevan kerana tidak mempunyai hubungan secara semantik dengan soalan yang diajukan oleh Ain.
3. Soalan yang diajukan oleh Ain memerlukan jawapan '**boleh**' atau '**tidak boleh**'.
4. Jawapan yang sesuai diberikan oleh Bella sepatutnya ialah:

[tidak boleh tengok]

Analisis implikatur:

1. Telefon itu bukan kepunyaan Bella.
2. Telefon itu kepunyaan ibu Bella
3. Bella tidak berani meminjamkan telefon kepada Ain kerana takut dimarahi ibunya.
4. Telefon adalah sesuatu yang mahal, sudah pasti semua orang akan menjaga dengan baik dan tidak akan membenarkan orang lain menggunakannya.
5. Bella tidak berani memberi pinjam barang yang bukan miliknya, jadi sekiranya sesiapa ing bukan miliknya, jadi sekiranya sesiapa ingin meminjamnya maka hendaklah mendapatkan



Rajah 4.2 Analisis Perlanggaran Maksim

Satu persoalan yang mungkin kita fikirkan ialah kenapa Bella tidak memilih untuk menyatakan penolakan secara terus atau dengan berterus terang? Bella boleh secara langsung memberitahu Ain bahawa Ain tidak boleh meminjam telefonnya atau dia tidak boleh memberi kebenaran kepada Ain sama ada untuk melihat, memegang atau menggunakannya? Bella boleh dengan mudah menyampaikan ujaran eksplisit sekiranya ingin menjadikan ujarannya lebih mudah diproses dan difahami oleh Ain.

Walau bagaimanapun, pilihan untuk menyatakan atau menyampaikan niat secara implisit dengan memberikan jawapan yang mempunyai maksud yang terselindung adalah disebabkan Bella tidak mahu mengguris atau menyakiti hati rakan-rakannya itu. Oleh kerana ujaran rakan-rakannya adalah melibatkan permintaan, dan permintaan itu tidak mampu ditunaikan, Bella telah menggunakan strategi penolakan secara lebih

sopan dan berhemah agar maklum balas yang diberikan tidak menggambarkan penolakan secara langsung.

Bella dengan sengaja membiarkan rakan-rakannya menilai sendiri apakah makna sebenar disebalik setiap maklum balas yang diberikannya itu. Situasi seperti ini bukanlah sesuatu yang pelik atau ganjil kerana masyarakat Melayu sering melakukan penolakan terhadap sesuatu permintaan yang diajukan dengan cara sopan dan berhemah demi menjaga hati dan hubungan dengan penutur. Situasi ini jelas sekali menunjukkan bahawa pengaruh persekitaran telah membentuk cara kanak-kanak berbahasa khususnya dalam melahirkan perasaan atau kehendak mereka.

Daripada Contoh 2 di atas juga dapat dilihat kewujudan implikatur bersiri dalam data perbualan diantara Bella dan rakan-rakannya. Bella telah mengucapkan beberapa kali ujaran yang berimplikatur iaitu yang melanggar maksim kerjasama Grice semasa memberikan maklum balas terhadap pertanyaan-pertanyaan yang diajukan oleh kawan-kawan kepadanya. Situasi ini disebut sebagai implikatur bersiri. Hal ini sebenarnya adalah satu situasi normal dalam kebanyakan perbualan antara ahli anggota masyarakat Melayu.

Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (2003), penggunaan implikatur dalam perbualan boleh dilakukan secara tunggal atau bersiri. Penggunaan implikatur secara tunggal menunjukkan bahawa dalam satu sesi perbualan hanya satu sahaja implikatur yang digunakan. Namun, penggunaan implikatur secara bersiri pula berlaku apabila di dalam sesuatu perbualan terdapat beberapa kali penggunaan implikatur oleh penutur-penuturnya. Penggunaan implikatur bersiri ini boleh berlaku secara berurutan atau tidak berurutan.

Dalam situasi di atas, dapat dilihat bahawa wujud situasi penggunaan implikatur di sebelah pihak penutur sahaja semasa Bella bercakap dengan Haiqal dan Budin, namun dalam perbualan antara Bella dengan Ain kedua-dua kanak-kanak ini saling membuat ujaran yang mempunyai implikatur dimana Ain telah mengujarkan pertanyaan yang mempunyai makna tersirat untuk meminta. Manakala Bella yang memahami maksud pertanyaan Ain juga telah menjawab menggunakan ujaran berimplikatur iaitu yang bermaksud tidak boleh.

Menurut Norhashimah lagi (ibid.), penggunaan implikatur bersiri ini akan menunjukkan sikap penutur sewaktu ujaran dihasilkan. Penggunaannya boleh menunjukkan sikap penutur yang degil, marah, tabah dan sabar. Dalam situasi perbualan di atas, penggunaan implikatur secara bersiri oleh Bella dapat mendedahkan sifatnya yang degil, sabar dan tabah melayani permintaan rakan-rakannya. Walau pun permintaan dibuat oleh rakan yang berlainan, namun perkara yang diminta adalah sama iaitu ingin meminjam atau melihat telefon kepunyaan Bella.

Sifat tegas, degil, tabah dan sabar tergambar apabila Bella secara konsisten telah memberikan jawapan yang sama setiap kali permintaan diajukan oleh rakan-rakannya. Dia menunjukkan ketegasan dan kedegilannya dengan tidak membenarkan sesiapa pun meminjam telefonnya walaupun ada antara rakan-rakannya telah cuba memujuk beberapa kali. Bella juga sabar melayan kerenah rakan-rakannya dengan membuat penolakan secara berhemah terhadap permintaan rakan-rakannya itu. Dia juga tidak menolak secara langsung setiap permintaan yang diajukan, malah dia telah memberikan pelbagai alasan untuk tidak menyinggung hati rakan-rakannya. Kadangkala Bella juga menggunakan strategi mengubah topik perbualan sebagai satu usaha untuk mengelak dari terus membincangkan topik yang dirasakan tidak perlu.

Analisis data terhadap perbualan keempat-empat kanak-kanak sampel di atas menunjukkan wujudnya ciri-ciri perlanggaran maksim dalam ujaran-ujaran yang dihasilkan oleh kanak-kanak dalam interaksi sesama mereka, malah analisis data juga menunjukkan bahawa walaupun situasi perlanggaran maksim ini wujud, namun kanak-kanak tidak menghadapi masalah dalam meneruskan perbualan sesama mereka.

Walaupun terdapat penggunaan ujaran berimplikatur dalam interaksi kanak-kanak sampel, namun mereka berjaya membuat tafsiran yang selari dengan makna implisit yang cuba disampaikan oleh rakan-rakannya. Situasi ini secara tidak langsung telah mendedahkan kepada kita tentang tahap pemahaman serta keupayaan sebenar kanak-kanak prasekolah yang berusia empat hingga enam tahun dalam memahami makna tersirat semasa berinteraksi sesama mereka.

Seterusnya, sila lihat data dalam Contoh 3 dan 4 di bawah. Kedua-dua Contoh 3 dan 4, menunjukkan kewujudan ujaran-ujaran berimplikatur yang telah dihasilkan oleh kanak-kanak semasa berinteraksi. Data menunjukkan terdapat beberapa ujaran kanak-kanak sampel yang mempunyai ciri-ciri perlanggaran maksim kerjasama Grice:

Contoh 3

Tarikh rakaman Jun 2009
Masa 8 minit
Sampel Aishah (P6), Iboy (L4) dan Ebbi (L4)
Tempat di halaman rumah Aishah
Situasi Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa kanak-kanak sedang berbual di halaman rumah Aishah.

- | | | | |
|---|------------|--------------------------------|---------------------------------------|
| 1 | [U1]Ebbi | /awak// saya naik go ni awak/ | |
| 2 | [U1]Aishah | /tak leh main//tak leh tengok/ | |
| 3 | [U2]Ebbi | /aku nak gi getek boleh?/ | |
| 4 | [U2]Aishah | <u>/jauh la/</u> | (perlanggaran maksim kuantiti) |

Contoh 4

| | |
|----------------|---|
| Tarikh rakaman | Ogos 2009 |
| Masa | 15 minit |
| Sampel | Ebbi (L4), Nazri (L5), Tasha (P6) dan Aishah (P6) |
| Tempat | di halaman rumah Aishah |
| Situasi | Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa kanak-kanak sedang bermain di halaman rumah Aishah. |

| | | | |
|----|------------|---|--------------------------------|
| 1 | [U1]Tasha | /mari awak/ (mengajak Aishah) | |
| 2 | [U1]Aishah | /gi/ | |
| 3 | [U1]Ebbi | /nak gi etek/ | |
| 4 | [U2]Aishah | <u>/jauh/</u> | (perlanggaran maksim kuantiti) |
| 5 | [U1]Nazri | /mu nak gi mana?/ | |
| 6 | [U2]Tasha | <u>/jauh/</u> (memerlukan pentafsiran tersirat) | (perlanggaran maksim kuantiti) |
| 7 | [U2]Ebbi | /nak gi etek //buleh?/ | |
| 8 | [U3]Tasha | <u>/jauh ghoyak/</u> | |
| 9 | [U2]Nazri | /biar bi // kita gi dua/ | |
| 10 | [U3]Ebbi | /emm // kita gi dua/ | |
| 11 | [U3]Aishah | /bagus //Sha dak?/ | |
| 12 | [U3]Tasha | /mari ah dia tok sir gi dah/ | |

Contoh 3 dan Contoh 4 diatas menunjukkan wujudnya situasi perlanggaran maksim kuantiti semasa kanak-kanak berinteraksi. Perlanggaran maksim kuantiti berlaku kerana kanak-kanak telah membuat ujaran yang terlalu ringkas sehingga memaksa pendengar merujuk kepada konteks semasa memproses ujaran dengan melihat pengalaman dan pengetahuan bahasanya untuk mendapatkan makna sebenar. Perlanggaran maksim kuantiti berlaku kerana kanak-kanak tidak memberikan ujaran yang berinformatif. Hal ini menyebabkan pendengar perlu menggunakan kos memproses yang tinggi untuk mendapatkan tafsiran makna yang lebih tepat.

Ebbi dalam Contoh 3 pada [U2](baris 3) mengajukan pertanyaan iaitu: **/aku nak gi getek buleh?/** dan Contoh 4 pada [U1](baris 3) pula Ebbi telah membuat permintaan yang mempunyai maksud yang sama iaitu **/nak gi etek/** kepada Tasha dan Aishah. Permintaan yang sama dibuat dengan niat untuk meminta kebenaran/izin daripada Tasha

dan Aishah supaya membenarkannya ikut serta ‘ke suatu tempat’ yang ingin dituju oleh kedua-dua rakannya itu.

Walau bagaimanapun, dari kedua-dua konteks yang berasingan (dalam Contoh 3 dan 4), didapati Aishah telah memberikan jawapan yang sangat ringkas iaitu /**jauh**/ tanpa menyatakan dengan lebih jelas sama ada Ebbi ‘**boleh**’ atau ‘**tidak boleh**’ ikut serta. Dalam Contoh 3 [U2](baris 4) Aishah menjawab: /**jauh la**/ dan dalam Contoh 4 pula pada [U2](baris 4) sekali lagi Aishah telah memberikan jawapan yang sama iaitu /**jauh**/.

Kedua-dua maklum balas yang diberikan oleh Aishah ini tidak bersifat informatif dan ia telah mendorong Ebbi membuat andaian-andaian sendiri sama ada Aishah membenarkan atau tidak Ebbi ikut serta. Jawapan yang diberikan oleh Aishah ini terlalu ringkas dan memerlukan pendengar memproses maklumat dengan kos memproses yang tinggi sebelum mendapatkan jawapan yang sebenar dan lebih jelas.


Grice (1975) mengatakan bahawa kita sebagai penutur hendaklah sentiasa memberikan sumbangan terhadap perkara yang dibualkan dengan mengatakan sesuatu yang mempunyai kaitan dengan topik perbualan pada masa itu sahaja. Sekiranya perkara yang diucapkan tidak mempunyai hubungan dengan maksim relevan ini, maka ujaran tersebut bolehlah dianggap sebagai telah melanggar prinsip kerjasama.

Aishah sebenarnya mempunyai pilihan untuk menjadikan ujarannya lebih berinformatif dengan memberikan jawapan yang mudah diproses dan seterusnya lebih senang difahami oleh pendengar. Dalam situasi di atas, Aishah boleh menjawab sama ada [**awak tidak boleh ikut**]/[**tidak boleh**] sahaja. Sekiranya Aishah memberikan jawapan

sedemikian ia akan menjadikan ujarannya lebih mudah diproses dan lebih relevan dengan pertanyaan/permintaan yang diajukan oleh Ebbi.

Walaupun analisis maksim menunjukkan jawapan yang diberikan oleh Asihah ini telah melanggar maksim kuantiti, namun analisis implikatur menunjukkan bahawa jawapan yang diberikan oleh Aishah sebenarnya mengandungi maksud tersirat yang selari dengan permintaan/pertanyaan yang diajukan oleh Ebbi kepadanya. Analisis implikatur menunjukkan jawapan yang diberikan oleh Aishah adalah bermaksud **‘Ebbi tidak boleh ikut kerana tempat itu jauh’**.

Rajah 4.3 menunjukkan analisis perlanggaran maksim yang melibatkan perbualan antara Ebbi dan Aishah.






Analisis jawapan:

1. jawapan yang diberikan Aishah tidak mempunyai hubungan secara semantik dengan soalan yang diajukan oleh Ebbi.
2. Selain itu, jawapan Aishah juga telah melanggar maksim kuantiti kerana terlalu ringkas.
3. Ujaran yang terlalu ringkas menyebabkan pendengar terpaksa menggandakan usaha memproses dengan mengadunkan pengalaman serta pengetahuan tentang konteks untuk mendapatkan makna yang lebih tepat.
4. Jawapan yang sesuai diberikan oleh Aishah sepatutnya ialah:
[tidak boleh ikut sebab jauh]

Analisis implikatur:

1. Aishah hendak pergi ke suatu lokasi yang jauh, maka Ebbi tidak boleh mengikutinya.
2. Kemungkinan sekiranya Ebbi mengikuti Aishah pergi ke tempat yang 'jauh' itu, Ebbi akan dimarahi oleh ibunya.
3. Berjalan ke tempat yang jauh adalah tidak sesuai kepada kanak-kanak kecil kerana ia boleh meletihkan.
4. Justeru, analisis implikatur menunjukkan jawapan yang diberikan oleh Aishah bermaksud Ebbi tidak



Rajah 4.3 Analisis Perlanggaran Maksim

Rajah 4.3 di atas menerangkan tentang situasi perlanggaran maksim yang wujud dalam komunikasi antara kanak-kanak. Ujaran yang melanggar maksim diujarkan oleh kanak-kanak semasa berkomunikasi sesama mereka untuk menyampaikan maksud tersirat kepada pendengar. Malah, keupayaan pendengar membuat tafsiran yang sama dengan niat tersirat penutur telah membantu komunikasi berjalan dengan lancar tanpa sebarang masalah. Situasi seperti ini menunjukkan bahawa kanak-kanak prasekolah telah memahami makna tersirat dan berjaya mengaplikasikan penggunaan makna tersirat dalam menyampaikan pelbagai maksud dan niat yang tersembunyi.

Contoh 5

| | |
|----------------|---|
| Tarikh rakaman | Ogos 2007 |
| Masa | 15 minit |
| Sampel | Fizi (L4) dan Aishah (P6) |
| Tempat | di rumah Aishah |
| Situasi | Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa Hafiz sedang bermain dengan Aishah di rumah Aishah. |
| 1 [U1]Fizi | /nak dudok // boleh?/ |
| 2 [U1]Aishah | /dudok la / |
| 3 [U2]Fizi | /nak dok depe / (KONTEKS: duduk di tempat duduk belakang kereta mainan) |
| 4 [U2]Aishah | /ni //depe (depan) // ni belake (belakang)/ (KONTEKS: Aishah menunjukkan tempat duduk depan dan belakang yang sebenar) |

- | | | | |
|---|------------|---|--------------------------------|
| 5 | [U3]Fizi | <u>/nak duduk tempat duduk belake// boleh?/</u> | |
| 6 | [U3]Aishah | <u>/kalu jatuh?/</u> | (perlanggaran maksim kuantiti) |
| 7 | [U4]Fizi | <u>/boleh ka tak leh?/</u> | |
| 8 | [U4]Aishah | <u>/kalu jatuh tak tahu/</u> | |
| 9 | [U5]Fizi | <u>/dok depe la.../</u> | |

Contoh 5 menunjukkan wujudnya situasi perlanggaran maksim dalam interaksi antara Fizi dan Aishah. Fizi [U3](baris 5) telah membuat pertanyaan iaitu **/nak duduk tempat duduk belake// boleh?/** yang bermaksud meminta kebenaran daripada Aishah untuk duduk di tempat duduk di bahagian belakang Aishah. Walau bagaimanapun, pertanyaan ini telah dijawab dengan ringkas oleh Aishah [U3](baris 6) iaitu **/kalu jatuh?/**. Jawapan yang diberikan oleh Aishah ini tidak difahami oleh Fizi lalu beliau bertanya sekali lagi [U4](baris 7) iaitu **/boleh ka tak leh?/** untuk mendapatkan kepastian. Namun, Aishah [U4](baris 8) tetap memberikan jawapan yang sama apabila Fizi mengulangi permintaannya. Pengulangan jawapan yang serupa setiap kali diajukan pertanyaan yang sama oleh Fizi sengaja dibuat oleh Aishah dengan tujuan untuk memberikan penegasan terhadap amaran atau peringatan “sekiranya jatuh” supaya dapat diterjemahkan secara lebih mendalam oleh Fizi.

Analisis data menunjukkan bahawa Fizi terpaksa bertanya sebanyak dua kali akan perkara yang serupa kerana beliau mungkin tidak berpuas hati dengan jawapan ringkas yang diberikan Aishah. Fizi terpaksa memikirkan dan memproses jawapan Aishah dengan membuat pelbagai andaian yang membolehkan dia memahami maksud sebenar sama ada Aishah membenarkan atau tidak dia duduk membonceng di belakang Aishah.

Untuk menjadikan ujarannya lebih berinformasi dan lebih relevan, Aishah sepatutnya menjawab sama ada **[boleh]** atau **[tidak boleh]** ‘membonceng di belakangnya’ kerana jawapan ini adalah lebih sesuai dari sudut semantik dengan pertanyaan Fizi. Namun,

Aishah telah memilih untuk membuat ujaran berimplikatur yang mempunyai makna tersirat dengan membiarkan Fizi membuat tafsiran sendiri sama ada dia membenarkan atau tidak Fizi duduk membonceng di belakangnya.

Jawapan yang diberikan oleh Aishah memerlukan Fizi membuat pentafsiran dengan lebih mendalam. Dari segi pentafsiran secara logik, jawapan yang diberikan Aishah /kalu jatuh?/ adalah merupakan satu bentuk soalan yang perlu dijawab sendiri oleh Fizi dan jawapan itulah merupakan ‘jawapan’ sebenar yang ingin disampaikan oleh Aishah. Untuk mendapatkan jawapan yang tepat, Fizi terlebih dahulu perlu membuat tafsiran eksplikatur iaitu memikirkan apakah maksud tersurat jawapan yang diberikan oleh Aishah itu. Selepas itu Fizi perlu pula membuat spekulasi terhadap andaian-andaian yang dirasakan munasabah untuk menjadikan maksud ujaran Aisyah lebih relevan dan mudah difahami.

Secara tersurat, analisis di peringkat eksplikatur menunjukkan bahawa tempat yang ingin ditumpangi oleh Fizi di belakang Aishah agak tinggi dan sempit. Lantaran itu, agak merbahaya kepada Fizi sekiranya dia menumpang di situ kerana ada kemungkinan dia akan terjatuh. Seterusnya, Fizi akan mengaitkan pula andaian-andaian ini untuk menghubungkan perkaitan antara permintaannya dengan jawapan /kalu jatuh?/ yang dijawab oleh Aishah.

Untuk mendapatkan tafsiran yang lebih tepat, Fizi perlu membuat tafsiran berdasarkan konteks dan pengalamannya sendiri. Fizi mula memikirkan maksud tersirat disebalik perkataan ‘jatuh’ tersebut. Ia bermaksud, sekiranya Fizi menumpang juga (membonceng di belakang Aishah) kemungkinan Fizi akan terjatuh disebabkan keadaan tempat duduknya yang sempit dan tinggi. Jadi kesimpulan implikatur yang boleh dibuat oleh

Fizi berdasarkan andaian-andaian di atas ialah Aishah cuba menjelaskan bahawa Fizi **tidak boleh** membonceng di belakangnya kerana dibimbangi Fizi akan terjatuh dan situasi itu akan membahayakan diri Fizi sendiri.


Oleh itu, berdasarkan andaian implikatur, jawapan yang diberikan oleh Aishah adalah menunjukkan Aishah telah menolak permintaan Fizi dan tidak membenarkan Fizi duduk membonceng di belakangnya. Jawapan yang diberikan Aishah sebenarnya relevan kerana Aishah bimbang Fizi akan terjatuh kerana tempat itu tidak sesuai untuk dua orang. Aishah juga cuba menjelaskan bahawa sekiranya situasi itu berlaku Aishah tidak akan bertanggungjawab dan tidak mahu dipersalahkan.

Daripada data dapat dilihat, Aishah bijak menggunakan **strategi bertanya** semula iaitu mengajukan pertanyaan /kalu jatuh?/ untuk menjawab permintaan Fizi. Pertanyaan ini sengaja diajukan untuk memaksa Fizi membuat kesimpulan dan pilihan sendiri sama ada dia perlu membonceng di belakang Aishah atau tidak. Sekiranya Fizi memilih untuk meneruskan niatnya membonceng di belakang Aishah dia perlulah bertanggungjawab pada diri sendiri sekiranya terjatuh. Di sini, kita melihat Aishah begitu bijak menyampaikan mesej tersirat melalui jawapan eksplisit yang diberikannya kepada Fizi. Maksud di sebalik jawapan /kalu jatuh?/ adalah sangat banyak dan dalam.

Berdasarkan konteks serta maklum balas yang dibuat oleh Fizi pada akhir perbualan selepas itu, pada [U5](baris 9) /**dok depe la...**/ telah menunjukkan bahawa Fizi telah berjaya menterjemahkan ujaran yang dibuat oleh Aishah dari sudut yang tersirat. Fizi dapat memproses kata-kata Aishah dari sudut tersirat sebagai penolakan terhadap permintaannya yang bermaksud 'tidak boleh'. Fizi juga telah membuat pilihan yang tepat hasil daripada penilaian implikatur yang dibuat sebelumnya, membolehkan Fizi

memikirkan rasional ujaran Aishah sehingga memandu Fizi membuat pilihan dan kesimpulan yang tepat. Oleh itu, dalam maklum balas seterusnya, Fizi tanpa mempertikaikan jawapan Aishah, telah bersetuju untuk tidak duduk di bahagian belakang dengan mengatakan **/dok depe la.../** sambil bergerak ke tempat duduk di bahagian hadapan.

Rajah 4.4 menunjukkan analisis perlanggaran maksim yang melibatkan perbualan antara Fizi dan Aishah.



Fizi secara harfiah ialah sama ada [boleh]/[tidak boleh]. Jawapan yang mudah dan lebih senang difahami.

3. Namun, jawapan yang diberikan oleh Aishah memerlukan pendengar(Fizi) membuat tafsiran dengan menggunakan kos memproses yang tinggi.
4. Fizi perlu memikirkan logik jawapan Aishah itu dengan melihat sebab dan makna jawapan [kalu jatuh] serta mengaitkannya dengan konteks yang berlaku pada masa ujaran itu dihasilkan oleh Aishah.
5. Seterusnya Fizi perlu pula membuat pentafsiran makna dari sudut kognitif dengan membuat andaian-andaian implikatur untuk membolehkannya menerima jawapan Bella sebagai suatu yang relevan dan logik.

Analisis implikatur:

1. Tempat duduk di bahagian belakang Aishah adalah sangat sempit (berdasarkan konteks), tidak mempunyai ruang yang cukup untuk Fizi duduk di situ.
2. Sekiranya Fizi duduk juga, ada kemungkinan Fizi tidak akan merasa selesa dan ia juga boleh menyebabkan Fizi akan terjatuh.
3. Sekiranya terjatuh, Fizi akan merasa sakit kerana tempat duduk itu adalah tinggi (kerusi).
4. Justeru, jawapan yang diberikan oleh Aishah itu sebenarnya bermaksud tidak boleh iaitu tidak membenarkan Fizi duduk di tempat duduk belakang kerana dibimbangi akan terjatuh.
5. Bagaimana pun Aishah tidak membuat larangan secara langsung dan terbuka. Aishah memberi peluang kepada Fizi untuk membuat pilihan sendiri

sama ada perlu atau tidak Fizi duduk di tempat duduk belakang.

6. Namun begitu, Aishah didapati telah cuba memandu Fizi membuat pilihan yang bijak melalui maklum balas yang diberikannya itu.
7. Maklum balas dalam bentuk pertanyaan semula yang diberikan oleh Aishah juga boleh dilihat sebagai satu usaha untuk melembutkan penolakan dan menjadikan penolakan itu lebih relevan kerana mempunyai alasan yang logik. Sekaligus ia boleh mengelakkan perasaan tersinggung atau kecil hati pendengar.

Kesimpulan implikatur: Aishah tidak membenarkan Fizi duduk di belakangnya kerana takut Fizi akan terjatuh. ↓

Jawapan Aishah bermaksud: **tidak boleh/tidak perlu (satu penolakan/nasihat/peringatan)**
(memerlukan pentafsiran tersirat berdasarkan konteks)

Rajah 4.4 Analisis Perlanggaran Maksim

Rajah 4.4 menunjukkan analisis yang dibuat terhadap proses perlanggaran maksim yang terdapat dalam data perbualan kanak-kanak dalam Contoh 5. Jelas bahawa situasi perlanggaran maksim yang berlaku dalam data interaksi kanak-kanak adalah disebabkan kanak-kanak telah cuba menyampaikan mesej tersirat melalui ujarannya. Keadaan ini secara tidak langsung telah menyerlahkan keupayaan dan pemahaman makna tersirat dalam interaksi antara kanak-kanak.


Contoh 6


| | |
|----------------|--|
| Tarikh rakaman | April 2010 |
| Masa | 8 minit |
| Sampel | terdiri daripada Zalifa (P6), Anif (L6) dan Syafiq (L6) |
| Tempat | di taman permainan sekolah Tabika In. Saniah Gunong |
| Situasi | Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa kanak-kanak sedang bermain di taman permainan sekolah. |

- 1 [U1]Zalifa /awak gi main denu nak?/
(KONTEKS: menunjukkan kearah buaian)
- 2 [U1]Anif /mak saya mari/
(KONTEKS: melihat kearah pintu pagar sekolah)
- 3 [U1]Zalifa /esok la deh?/
- 4 [U1]Syafiq /gi selalulah // meta jah/

Contoh 6 menunjukkan data perbualan kanak-kanak yang terdiri daripada Zalifa dan Anif yang sedang berbual di taman permainan sekolah sementara menunggu ibu bapa masing-masing datang menjemput mereka pulang. Zalifa [U1](baris 1) **/awak gi main denu nak?/**, telah mengajak Anif untuk bermain buaian yang terletak di satu sudut di tepi pagar sekolah. Namun Anif [U1](baris 2) telah memberikan jawapan yang tidak selari dari sudut semantik dengan ajakan Zalifa. Jawapan Anif iaitu **/mak saya mari/** sebenarnya telah melanggar prinsip kerjasama Grice. Menurut Grice (1975), seseorang penutur hendaklah sentiasa memberikan sumbangan yang mempunyai hubungan supaya ujaran itu mudah difahami dan diterima oleh pendengar. Lihat Rajah 4.5 di bawah yang menunjukkan analisis perlanggaran maksim yang melibatkan perbualan antara Zalifa dan Anif.

Rajah 4.5 menunjukkan analisis perlanggaran maksim yang melibatkan perbualan antara Zalifa dan Anif.





Rajah 4.4 Analisis Perlanggaran Maksim

Rajah 4.4 di atas menunjukkan analisis perlanggaran maksim yang terdapat dalam ujaran kanak-kanak semasa mereka berinteraksi. Jawapan yang diberikan oleh Anif sebenarnya memerlukan pendengar mentafsir dari sudut yang tersirat apakah maksud ujaran tersebut.

Walaupun jawapan yang diberikan Anif tidak selari dan tidak mempunyai hubungan semantik dengan ajakan/pertanyaan yang dibuat oleh Zalifa, namun analisis implikatur menunjukkan bahawa jawapan yang diberikan oleh Anif mempunyai perkaitan dari sudut tersirat dengan ajakan/pertanyaan yang diajukan oleh Zalifa itu. Anif telah menyampaikan maklum balas yang memerlukan pendengar membuat tafsiran dari sudut yang tersirat dengan mengadunkan pengetahuan tentang konteks serta pengalaman dan pengetahuan tentang dunia pendengar untuk mendapatkan hasil yang tepat sebagaimana dimaksudkan oleh penutur.

Analisis implikatur menunjukkan bahawa jawapan yang diberikan oleh Hanif sebenarnya bermaksud membuat penolakan terhadap ajakan Zalifa itu. Secara tersirat, Anif sebenarnya cuba menjelaskan bahawa, dia bukanlah menolak untuk mengikut Zalifa pergi bermain, tetapi dia terpaksa berbuat demikian kerana ibunya telah sampai untuk menjemputnya balik. Kesimpulan implikatur yang dibuat daripada andaian-andaian implikatur yang terhasil dari jawapan yang diberikan oleh Anif menunjukkan bahawa Anif tidak boleh menyertai Zalifa kerana ibunya telah datang dan Anif harus segera pergi ke tempat ibunya sebelum ibu beliau marah.

Kesimpulan implikatur terhasil akibat keupayaan pendengar mentafsir ujaran dengan menggunakan pengetahuan serta pengalamannya yang mana, ibu bapa biasanya mahu segera pulang selepas menjemput anak-anak dari sekolah, dan ini merupakan satu kebiasaan kepada semua ibu bapa yang mana semua anak-anak tahu tentang hal itu termasuklah Zalifa dan Anif sendiri. Perkongsian pengetahuan dan pengalaman serta konteks yang sama memudahkan Zalifa menerima jawapan Anif sebagai satu penolakan terhadap ajakannya.

Contoh 7

| | |
|----------------|--|
| Tarikh rakaman | March 2009 |
| Masa | 10 minit |
| Sampel | Nina(6), Atiqah dan Yanie (P6) |
| Tempat | di dalam bilik darjah |
| Situasi | Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa kanak-kanak sedang mewarna |

- | | | | |
|---|------------|---|--|
| 1 | [U1]Nina | /Awak mari sekolah nga sapa?/ | |
| 2 | [U1]Atiqah | <u>/Ibu saya tak kerja .../</u> | (perlanggaran maksim kuantiti dan maksim relevan) |
| 3 | [U2]Nina | /Ooo ...// Ibu awak tak kerja ya?// <u>senang la/</u> | |
| 4 | [U1]Yanie | <u>/Ibu dia susah la .../</u> | |
| 5 | [U3]Nina | /Susah?...// Susah macam mana?/ | |
| 6 | [U2]Yanie | <u>/Dia tak kerja .../.tak ada duit la .../</u> | |

Contoh 7 menunjukkan perbualan yang berlangsung antara tiga orang kanak-kanak yang terdiri daripada Nina, Atiqah dan Yanie. Dalam perbualan di atas, terdapat ujaran kanak-kanak yang didapati telah melanggar maksim relevan prinsip kerjasama Grice.

Nina [U1](baris 1) telah bertanya kepada Atiqah /**Awak mari sekolah nga sapa?/**. Jika pertanyaan ini dianalisis maknanya dari sudut semantik ia akan bermaksud:

Awak : kata ganti nama diri kedua

mari : datang (perbuatan/kata kerja)

sekolah : kata nama yang merujuk tempat

nga sapa: pertanyaan yang bermaksud-‘dengan siapa’

Maksud ayat dari sudut pentafsiran semantik ialah:

Awak datang ke sekolah dengan siapa/siapa hantar?

Soalan yang diajukan oleh Nina ini memerlukan jawapan sama ada Atiqah datang ke sekolah dengan ibu, ayah, abang, kakak atau sesiapa sahaja. Walau bagaimanapun, Atiqah telah memberikan jawapan yang jelas tiada kaitan dari sudut semantik dengan soalan Nina. Jawapan yang diberikan oleh Atiqah pada [U1](baris 2) iaitu **/Ibu saya tak kerja.../** telah melanggar maksim relevan kerana jawapan ini bersifat tidak harfiah dan tiada perkaitan jika dikaji dari sudut apa yang diperkatakan dengan soalan Nina. Atiqah dalam maklum balas yang diberikan tidak menyatakan dengan siapa dia datang ke sekolah, tetapi telah menjawab/memberitahu bahawa ‘ibunya tidak berkerja’.

Dari sudut logik, soalan Nina memerlukan Atiqah menjelaskan siapakah yang telah menghantarnya ke sekolah atau dia datang dengan siapa. Perkataan “siapa” yang

digunakan oleh Nina semasa membuat pertanyaan, memerlukan Atiqah menjelaskan nama 'orang' atau hubungan 'orang' yang telah menghantarnya ke sekolah.

Selain itu, jawapan yang diberikan oleh Atiqah ini juga (**/Ibu saya tak kerja.../**) nyata telah melanggar maksim kuantiti prinsip kerjasama Grice kerana ia telah diujarkan secara ringkas serta tidak memenuhi maksud pertanyaan Nina. Jawapan tersebut tidak mempunyai maklumat yang mencukupi untuk membolehkan pendengar memproses mesej dengan semaksimum yang boleh. Ini menyebabkan kos memproses maklumat yang tinggi terpaksa dialami oleh pendengar untuk mentafsir maksud ujaran itu dengan tepat. Untuk menjadikan ujaran Atiqah berinformatif, Nina terpaksa menggunakan andaian-andaian implikatur seperti berikut untuk mendapatkan jawapan yang selari dengan maksud pertanyaannya:


-Ibu Atiqah tidak berkerja jadi ada masa untuk menghantar Atiqah ke sekolah

-Ibu Atiqah tidak perlu tergesa-gesa ke tempat kerja

-kesimpulannya- Atiqah telah dihantar oleh ibunya ke sekolah.

Analisis implikatur menunjukkan keadaan yang selari di mana jawapan yang diberikan oleh Atiqah sebenarnya adalah bermaksud dia datang ke sekolah dengan ibunya (iaitu dihantar oleh ibunya). Hal ini kerana ibu Atiqah merupakan seorang yang tidak berkerja, sudah tentu tidak ada sebarang masalah untuk ibunya menghantar Atiqah ke sekolah. Lantaran itu, analisis implikatur menunjukkan bahawa jawapan yang diberikan oleh Atiqah sebenarnya adalah selari atau relevan (mempunyai perkaitan) dengan soalan yang diajukan oleh Nina.

Rajah 4.6 menunjukkan analisis terhadap pelanggaran maksim yang melibatkan perbualan antara Nina dan Atiqah.



Analisis implikatur:

1. Analisis implikatur menunjukkan bahawa Atiqah cuba menjelaskan bahawa dia datang ke sekolah dengan ibunya kerana ibunya tidak berkerja. Oleh itu, ibunya tidak menghadapi sebarang masalah untuk menghantar Atiqah ke sekolah.
2. Biasanya, sebagai seorang yang tidak berkerja, ibu Atiqah akan bertanggungjawab sepenuhnya menguruskan anak-anak termasuklah menghantar anak-anak ke sekolah.

Kesimpulan implikatur: Atiqah datang ke sekolah dengan ibunya kerana ibunya tidak berkerja yang juga disebut sebagai suri rumah, justeru sebagai suri rumah tugas menghantar anak-anak akan dibuat sendiri oleh ibu tanpa mengupah orang lain.



Atiqah datang ke sekolah *dengan ibunya
(memerlukan pentafsiran tersirat berdasarkan konteks)

Rajah 4.6 Analisis Perlanggaran Maksim

Daripada Contoh 7 ini juga, kita boleh melihat kecekapan komunikasi kanak-kanak prasekolah, dimana mereka didapati telah berupaya membuat andaian-andaian daripada maklumat yang ada untuk membentuk satu kesimpulan yang sesuai dengan pengetahuan tentang dunia mereka berdasarkan pengalaman dan pemerhatian terhadap apa yang berlaku di persekitaran mereka. Misalnya Nina pada [U2] baris 3, telah berjaya meneka dengan mengatakan /Ooo ...// **Ibu awak tak kerja ya?//senang la/**.

[U2]Nina /Ooo ...// Ibu awak tak kerja ya?//senang la/

[U1]Yanie / Ibu dia susah la .../

[U3]Nina /Susah?..// Susah macam mana?/

[U2]Yanie /Dia tak kerja ..//tak ada duit la .../

Perkataan [**Senang la**] yang diucapkan oleh Nina menggambarkan bahawa Nina telah cuba mentafsir ujaran yang dibuat oleh Atiqah berdasarkan pengetahuan serta pengalamannya. Biasanya, seorang ibu yang tidak berkerja akan menghantar sendiri anak-anak ke sekolah tanpa perlu mengupah orang lain seperti membayar bas atau mengeluarkan duit tambang van.

Anak-anak pula akan lebih gembira apabila dijemput sendiri oleh ibu mereka kerana tidak perlu berebut-rebut tempat duduk dengan pelajar lain apabila mereka menaiki van atau bas sekolah. Selain lebih selesa jika dijemput sendiri oleh ibu atau bapa, seseorang anak juga akan merasa lebih selamat kerana mereka akan dijaga sepenuhnya oleh ibu atau bapa berbanding kanak-kanak lain yang terpaksa datang dan balik sekolah dengan menaiki bas atau van sekolah kerana kanak-kanak perlu lebih berdikari. Hal ini menunjukkan bahawa kanak-kanak prasekolah telah bijak *mengadunkan* pengalaman dan pengetahuan tentang dunia mereka semasa mentafsir ujaran yang didengari.

Yanie pula pada [U1](baris 4) telah membuat andaian dan tafsiran yang berbeza terhadap jawapan Atiqah. Ujaran Yanie pada baris 4 yang mengatakan / **Ibu dia susah la ...**/, menunjukkan bahawa Yanie sebenarnya cuba membuat andaian berdasarkan pengalaman dan pengetahuan tentang dunia persekitarannya. Daripada pengalaman serta pengamatannya, Yanie merasakan sesiapa yang tidak berkerja akan mengalami kesusahan hidup seperti menghadapi masalah kemiskinan dan masalah kewangan.

Lantaran itu, Yanie telah menambahkan lagi ujarannya dengan mengatakan **/Dia tak kerja ../.tak ada duit la .../** pada [U2](baris 6) yang bermaksud sesiapa yang tidak berkerja tidak akan mempunyai wang, justeru akan membuatkan hidup seseorang itu akan menjadi susah.

Jawapan daripada Yanie menggambarkan keupayaan kanak-kanak prasekolah membuat ukuran kesenangan dan kesusahan hidup berdasarkan kuasa kewangan. Pada pendapat Yanie, sesiapa yang mempunyai wang yang banyak akan dianggap senang dan sesiapa yang tidak mempunyai wang akan dianggap sebagai orang yang susah atau tidak senang. Hal ini kerana kanak-kanak telah mengumpulkan semua pengalaman serta pengetahuan tentang dunia persekitarannya untuk membuat tafsiran.

Yanie mungkin pernah dan sering berjumpa dengan orang miskin yang tiada wang serta mengalami masalah kesempitan hidup. Malah dalam akhbar-akhbar tempatan juga sering memaparkan tentang kepayahan hidup orang-orang miskin yang terpaksa menjalani kehidupan dalam kedaifan serta terpaksa meminta bantuan kewangan dan pelbagai bentuk sumbangan lain daripada orang ramai akibat kemiskinan.

Malah, realiti dalam kehidupan masyarakat Melayu sendiri sering meletakkan ukuran kesenangan berdasarkan kuasa kewangan. Situasi ini menunjukkan keupayaan kanak-kanak memahami konsep yang lebih abstrak iaitu bijak membandingkan situasi persekitaran dengan apa yang sedang berlaku pada masa itu. Kanak-kanak menggunakan pengetahuan tentang dunia untuk diaplikasikan dalam kehidupan seharian mereka sama ada dalam membuat andaian atau membuat perbandingan.

Perbincangan yang telah dibuat menunjukkan kanak-kanak prasekolah sebenarnya bijak menyampaikan maklumat secara tersirat dan mereka juga mampu membuat tafsiran dan andaian terhadap ujaran yang didengari menggunakan segala pengalaman dan pengetahuan tentang dunia di sekeliling mereka.

Contoh 8

| | |
|----------------|--|
| Tarikh rakaman | March 2009 |
| Masa | 15 minit |
| Sampel | Atirah dan Wani (P5) |
| Tempat | dalam bilik darjah |
| Situasi | Kanak-kanak berbual sambil menyiapkan kerja yang disuruh oleh guru. Tiba-tiba datang seorang kanak-kanak lelaki dari kelas sebelah (iaitu bilik darjah yang menempatkan kanak-kanak yang berusia enam tahun). (sekolah tadika In.Saniah mempunyai dua bilik darjah iaitu satu untuk pelajar yang berusia enam tahun manakala satu lagi adalah untuk pelajar yang berusia lima tahun). |

- 1 [U1]Wani /Abe awak ke tu?/
(KONTEKS: memuncungkan mulut ke arah seorang kanak-kanak lelaki yang sedang membuka bag sekolah Atirah)
- 2 [U1]Atirah /ya...abang saya/
- 3 [U2]Wani /abe awak umur berapa?/
- 4 [U2]Atiqah /abang belajar kat kelas sebelah .../ **[perlanggaran maksimum relevan]**
- 5 [U3]Wani /Oo ... // abe awak belajar kelas sebelah? /
- 6 [U3]Atirah /Abang saya besar ...// duk kelas sebelah /
/Saya kecil dok kelas ni .../
- 7 [U4]Wani /Ooo...kalu gitu umur dia enam tahun la.../
- 8 [U4]Atirah /ha.../

(maksud ayat dari sudut semantik ialah: abangnya belajar dalam kelas yang berlainan iaitu di kelas yang bersebelahan dengan bilik darjah mereka)



Analisis jawapan:

1. jawapan yang diberikan oleh Atirah dengan jelas telah melanggar maksim relevan kerana jawapan yang diberikan tidak mempunyai hubungan secara semantik dengan soalan yang diajukan oleh Wani.
2. Soalan yang diajukan oleh Wani sebenarnya memerlukan jawapan dalam bentuk angka iaitu berapakah usia sebenar abang Atirah, sama ada lima tahun, enam tahun dan sebagainya.

Analisis implikatur:

1. Namun, analisis implikatur menunjukkan Atirah sebenarnya cuba menjelaskan bahawa :
 - a. Abangnya belajar di kelas yang bersebelahan dengan mereka (iaitu kelas yang hanya menempatkan pelajar-pelajar yang berusia enam tahun sahaja)
 - b. Oleh itu, abang Atirah juga adalah berusia enam tahun.
 - c. Berdasarkan pengetahuan yang dikongsi bersama, Wani telah berjaya mengagak berapakah usia sebenar abang Atirah.

Kesimpulan implikatur: abang Atirah berada di kelas yang bersebelahan dengan bilik darjah mereka dan bilik darjah tersebut hanya dikhususkan untuk pelajar yang berusia enam tahun sahaja. Jadi secara logiknya, sudah pasti usia abang Atiqah adalah enam tahun.



abang Atiqah berusia enam tahun

(memerlukan pentafsiran tersirat berdasarkan konteks)

Rajah 4.7 Analisis Perlanggaran Maksim

Analisis perlanggaran maksim yang dilakukan terhadap perbualan yang berlangsung antara Wani dan Atirah dalam Rajah 4.7, menunjukkan bahawa pada dasarnya jawapan yang dibuat oleh Atirah telah melanggar prinsip kerjasama Grice kerana Atirah telah mengujarkan jawapan yang secara tersuratnya adalah tidak relevan dengan pertanyaan Wani. Belaku perlanggaran maksim relevan kerana jawapan yang diberikan tiada kaitan langsung dengan maksud pertanyaan Wani dari sudut semantik. Atirah sepatutnya memberitahu dalam bentuk angka berapakah usia abangnya kerana ia lebih sesuai dengan soalan yang diajukan oleh Wani secara harfiah.

Namun, apabila analisis implikatur dilakukan terhadap jawapan Atirah itu, ia menunjukkan bahawa jawapan yang diberikan oleh Atirah sebenarnya mempunyai kaitan dengan soalan Wani. Jawapan Atirah ini sebenarnya memerlukan Wani memikirkan sendiri berapakah usia abang Atirah berdasarkan konteks dan pengalaman yang dikongsi bersama. Wani dan semua kanak-kanak lain khususnya, memang telah sedia maklum bahawa terdapat dua bilik darjah di sekolah itu. Satu daripada bilik darjah itu adalah khas untuk kanak-kanak yang berusia lima tahun manakala satu bilik darjah lagi adalah untuk kanak-kanak yang berusia enam tahun sahaja.

Analisis implikatur dalam Rajah 4.7 menunjukkan bahawa jawapan yang diberikan oleh Atirah bermaksud abangnya berusia enam tahun. Oleh kerana itu abangnya telah diletakkan dalam bilik di sebelah mereka, bukan diletakkan dalam bilik yang sama dengan mereka. Maksud jawapan Atirah boleh dilihat dengan lebih jelas menerusi ujaran yang dibuat seterusnya pada [U3] (baris 6) iaitu **/Abang saya besar ...// duk kelas sebelah /Saya kecil dok kelas ni la.../**. Ujaran ini dapat menyokong jawapan terdahulu Atirah pada [U2](baris 4).

Jawapan Wani seterusnya pada [U4] (baris 7) /**Ooo...kalu gitu umur dia enam tahun la...**/ telah menyerahkan keupayaan kanak-kanak ini dalam memahami dan mentafsir makna tersirat dengan tepat. Lantaran keupayaan Wani menterjemahkan makna implisit dari ujaran Atirah yang eksplisit telah membolehkan dia meneka usia abang Atirah dengan tepat. Tekaan Wani ini telah diiyakan oleh Atirah melalui maklum balas berikut [U4](baris 8) /**ha...**/ (ya) yang bermaksud tekaan yang dibuat Wani itu adalah benar.

Situasi di atas menunjukkan bahawa kanak-kanak prasekolah yang berusia empat hingga enam tahun telah mampu mentafsir serta mengaplikasikan pemahaman makna tersirat dalam komunikasi seharian antara mereka. Kanak-kanak juga bijak menggunakan konsep *besar* dan *kecil* untuk merujuk perbezaan usia antara lingkungan mereka. Ia selari dengan budaya masyarakat Melayu yang sering menggunakan konsep *besar* dan *kecil* untuk merujuk perbezaan usia, saiz dan juga perbezaan ukuran tubuh badan.

Secara tidak langsung kajian ini juga menunjukkan bahawa pendapat ahli Teori Behaviourisme tentang pengaruh persekitaran dalam mempengaruhi bahasa kanak-kanak adalah tepat sekali. Kanak-kanak meniru cara percakapan orang dewasa di sekeliling mereka dalam perbualan seharian. Oleh hal yang demikian, pengaruh bahasa orang dewasa adalah amat penting dalam membantu perkembangan bahasa dan meningkatkan tahap pemahaman makna tersirat kanak-kanak (rujuk Bab Dua).

Contoh 9

| | |
|----------------|---|
| Tarikh rakaman | March 2009 |
| Masa | 25 minit |
| Sampel | Zakuan dan Adib (L6), Mila (P3) dan Sara (P6) |

| | | |
|---|---|--|
| Tempat | di ruang tamu rumah Zakuan | |
| Situasi | Zakuan sedang terbaring di atas sofa sambil menghisap susu botol. Di atas meja di sebelah Zakuan terdapat pensil warna yang berwarna-warni serta kertas lukisan yang sangat comot kerana telah diconteng. | |
| 1 | [U1] Adib | /Hei ...// mu dah besar pun hisap susu botol lagi ?/ (KONTEKS: ketawa) |
| 2 | [U1] Zakuan | /Kita nak jadi besar cepat .../ / Tengok tange kita jadi kuat / (KONTEKS: menunjukkan pergelangan tangan dan bahu) |
| 3 | [U2] Adib | /Oooo... sebab tu hisap susu botol / |
| 4 | [U2] Zakuan | /Tak la ... / /Kita minum susu dale botol taksir wi tupah .../ |
| 5 | [U3]Adib | / <u>Ee ... // mu tak malu ke // dah besar hisap botol susu lagi?</u> / |
| 6 | [U3]Zakuan | / <u>Ini hak adik ...// aku *pinje meta jah ...</u> /[perlanggaran maksim relevan] |
| 7 | [U4]Adib | /serupa jah/ |
| 8 | [U4] Zakuan | /ala bakpo malunya...// buke sokmo pun/ / pinje *meta jah/ |
| Tiba-tiba Sara (P6) masuk dan duduk di sebelah Zakuan(L6) dan adiknya Mila (P3) | | |
| 9 | [U1]Sara | /ee bakpa tange mu nga Mila *cema ni?/ (KONTEKS: melihat tangan Zakuan dan Mila) |
| 10 | [U5]Zakuan | Diam (KONTEKS: membelek-belek tangan adiknya Mila...) |
| 11 | [U2]Sara | /Tengok // dah jadi macam-macam warna dah ../ / biru ada // hitam ada ... //ha .../ / kuning ada .../ bakpo ni?/ |
| 12 | [U6]Zakuan | Diam (KONTEKS: melihat-lihat tangannya) |
| 13 | [U3] Sara | Bakpo ni? Kena gapo? |
| 14 | [U7] Zakuan | /Kita tak buat //.. tapi kita lukis bulat-bulat atah kertas ..// |
| 15 | [U4] Sara | /hei takkan nukis tange jadi cema gini kut?/ |
| 16 | [U8] Zakuan | / tange jadi macam ni la ...//lagu mana lagi/ |
| 17 | [U4]Sara | /eee...habih cema .../ |
| 18 | [U9]Zakuan | /ala ... //bukan sampah pun..//ini dakwat pen aje .../ |
| *pinje = pinjam, *meta = sekejap, *cema = kotor | | |

Contoh 9 menunjukkan Data perbualan kanak-kanak prasekolah yang dirakamkan sewaktu kanak-kanak sedang berinteraksi di ruang tamu rumah Zakuan. Terdapat beberapa situasi perlanggaran maksim kerjasama Grice yang telah dilakukan oleh kanak-kanak dalam interaksi antara mereka. Dalam perbualan yang berlangsung antara Adib dan Zakuan, telah berlaku perlanggaran maksim relevan apabila Zakuan

[U3](baris 6) telah memberikan jawapan yang tiada kaitan dengan soalan yang diajukan oleh Adib pada [U3](baris 5).

Adib pada [U3](baris 5) telah bertanya kepada Zakuan /Ee ... // **mu tak malu ke // dah besar hisap botol susu lagi? /**. Pertanyaan ini apabila diterjemahkan secara semantik adalah bermaksud: *adakah Zakuan tidak merasa malu kerana sudah besar tetapi masih lagi menghisap susu botol*. Zakuan pada [U3](baris 6) pula telah menjawab /**Ini hak adik ...// aku pinje meta jah.../**. Jawapan yang diberikan oleh Zakuan ini sebenarnya langsung tiada kaitan dari segi semantik dengan soalan yang diajukan oleh Adib.

Zakuan seharusnya memberikan jawapan yang lebih jelas iaitu yang mempunyai perkaitan semantik dengan maksud pertanyaan Adib itu. Zakuan boleh memberikan jawapan dalam bentuk penafian seperti [tak//saya tak malu] atau sebagainya. Namun jawapan yang diberikan bukan dalam bentuk penafian atau pun mengiyakan sama sekali tetapi lebih bermaksud kepada memberi alasan. Zakuan sebaliknya memberitahu bahawa botol susu tersebut milik adiknya dan dia hanya meminjam sekejap sahaja. Jawapan yang diberikan Zakuan ini telah menyebabkan pendengar iaitu Adib perlu mentafsir maksud jawapan tersebut secara tersirat dengan membuat andaian-andaian sendiri berdasarkan pengalaman yang dikongsi bersama.

Rajah 4.8 menunjukkan analisis terhadap perlanggaran maksim yang melibatkan perbualan antara Adib dan zakuan.

| Analisis Perlanggaran Maksim | |
|---|---|
| 1. Pertanyaan Adib: /Ee ... // <u>mu tak malu ke // dah besar hisap botol susu lagi? /</u> | (pertanyaan yang bersifat literal/tersurat) |



(maksud pertanyaan secara literal ialah: **(Adib bertanya Zakuan adakah Zakuan tidak merasa malu kerana masih menghisap susu botol walaupun sudah besar)**)



Jawapan yang sesuai dari sudut semantik dengan soalan/pertanyaan di atas:
(Zakuan sepatutnya menyatakan tentang perasaannya sama ada merasa malu atau tidak kerana masih menghisap susu botol) (walaupun sudah besar)



2. Jawapan yang diberikan oleh Zakuan: /Ini hak adik ...// aku *pinje meta jah .../

(maksud ayat dari sudut semantik: **botol ini kepunyaan adik saya dan saya hanya meminjamnya sekejap sahaja**)


Analisis jawapan:



1. Jawapan yang diberikan oleh Zakuan dengan jelas telah melanggar maksim relevan kerana jawapan itu tidak mempunyai perkaitan secara semantik dan tidak harfiah dengan soalan yang diajukan oleh Adib.
2. Jawapan yang sesuai sepatutnya ialah dengan menyatakan sama ada dia merasa malu atau tidak dengan perbuatannya itu.

Analisis implikatur:

3. Analisis implikatur menunjukkan bahawa Zakuan cuba menjelaskan bahawa dia tidak merasa malu kerana:
 - a. Menghisap susu botol bukanlah rutin harian zakuan
 - b. Buktinya, Zakuan sendiri tidak mempunyai



Rajah 4.8 Analisis Perlanggaran Maksim

Analisis implikatur dalam Rajah 4.8 terhadap perlanggaran maksim yang dibuat oleh Zakuan menunjukkan bahawa, Zakuan telah membuat ujaran berimpikatur dengan menyampaikan maksud secara impisit. Maksud ujaran zakuan secara tersirat ialah dia tidak perlu merasa malu kerana dia sendiri menghisap susu botol hanya sekali sekala sahaja. Malah untuk menyokong maksud yang cuba disampaikanya itu, Zakuan seterusnya menjelaskan bahawa botol susu itu bukan miliknya sendiri tetapi ia adalah milik adiknya. Zakuan hanya meminjamnya sekejap sahaja. Sekiranya menghisap susu botol menjadi rutin hariannya sudah pasti dia akan mempunyai botol susu sendiri dan tidak perlu meminjam botol milik adiknya.

Kesimpulan implikatur yang dibuat dari jawapan Zakuan itu dapat dibuktikan kebenarannya melalaui ujaran Zakuan seterusnya pada [U4](baris 7) iaitu /**ala bakpo malunya...// buke sokmo pun// pinje *meta jah/** yang bermaksud Zakuan tidak merasa malu dengan perbuatannya menghisap susu botol kerana ia dilakukan sekali sekala sahaja dan bukanlah satu kebiasaan untuknya (*buke sokmo pun*). Lantaran itu,

analisis implikatur telah menunjukkan bahawa Zakuan sebenarnya pada [U3](baris 5) telah memberikan jawapan yang mempunyai maksud tersirat kepada Adib. Jawapan tersebut sebenarnya mempunyai kaitan dan telah menjawab soalan yang dikemukakan oleh Adib pada [U3](baris 4).

Situasi di atas menunjukkan bahawa, dalam interaksi kanak-kanak prasekolah sememangnya telah wujud ciri-ciri penyampaian mesej tersirat melalui ujaran yang dituturkan oleh kanak-kanak kepada pendengar. Situasi seperti ini sebenarnya (penyampaian mesej tersirat melalui ujaran semasa berinteraksi) secara tidak langsung telah menyerlahkan lagi keupayaan sebenar kanak-kanak terhadap pemahaman makna tersirat dalam kalangan mereka.

Seterusnya, dalam perbualan diantara Sara dan Zakuan pada baris 11, 12, 13 dan 14 didapati bahawa sekali lagi ujaran yang dihasilkan oleh Zakuan telah melanggar prinsip kerjasama Grice kerana Zakuan memberikan jawapan yang tidak harfiah iaitu tidak selari dengan maksud pertanyaan Sara dari sudut makna semantik.

- | | | |
|----|-------------|--|
| 9 | [U1]Sara | /ee bakpa tangan mu nga Mila *cema ni?/ (KONTEKS: melihat tangan Zakuan dan Mila) |
| 10 | [U5]Zakuan | Diam (KONTEKS: membelek-belek tangan adiknya Mila...) |
| 11 | [U2]Sara | /Tengok // dah jadi macam-macam warna dah ../ / biru ada // hitam ada ... //ha .../ / kuning ada .../ bakpo ni?/ |
| 12 | [U6]Zakuan | Diam (KONTEKS: melihat-lihat tangannya) |
| 13 | [U3] Sara | Bakpo ni? Kena gapo? |
| 14 | [U7] Zakuan | <u>/Kita tak buat //.. tapi kita lukis bulat-bulat atah kertas ..//</u> |
| 15 | [U4] Sara | /hei takkan nukis tangan jadi cema gini kut?/ |

Sara [U2](baris 11) telah bertanya **/Tengok // dah jadi macam-macam warna dah ../ biru ada // hitam ada ... //ha ...// kuning ada .../ bakpo ni?/**. Sara yang kehairanan setelah melihat tangan Zakuan dan Mila yang kotor dengan pelbagai corak dan warna telah bertanya kepada Zakuan mengapakah tangan Zakuan menjadi seperti itu. Walau bagaimanapun Zakuan hanya mendiapkan diri sambil memerhatikan tangannya tanpa menjawab pertanyaan Sara tersebut.

Seterusnya, Sara yang tidak berpuas hati dengan kelakuan Zakuan yang hanya mendiapkan diri tanpa memberikan sepetah jawapan, telah bertanya sekali lagi pada [U3](baris 13) iaitu **/bakpo ni? // kena gapo?/** untuk mendapatkan kepastian dan dengan harapan agar Zakuan akan memberitahu sebab sebenar kenapa tangan dia dan adiknya menjadi seperti itu. Pertanyaan Sara kali ini telah mendapat maklum balas yang diharapkan daripada Zakuan. Zakuan pada[U7](baris 14) telah menjawab pertanyaan Sara dengan mengatakan **/Kita tak buat ../ tapi kita lukis bulat-bulat atah kertas ../**.

Jawapan yang diberikan oleh Zakuan ini sekali lagi tidak menunjukkan perkaitan jika dianalisis dari sudut makna semantik dengan dengan pertanyaan yang diajukan oleh Sara itu. Zakuan sepatutnya memberitahu apakah perkara yang terjadi sehingga menyebabkan tangannya menjadi kotor seperti itu. Zakuan sebaliknya telah memberitahu bahawa dia tidak melakukannya (iaitu tidak menconteng tangannya dan tangan Mila), dia cuma melukis bulat-bulat (bentuk bulatan) di atas kertas sahaja. Jawapan yang diberikan oleh Zakuan ini didapati tidak menepati maksud pertanyaan Sara dan ia tidak memenuhi kehendak Sara yang memerlukan jawapan yang lebih tepat dan lebih jelas lagi. Hal ini menyebabkan Sara perlu membuat andaian sendiri apakah yang telah menyebabkan tangan Zakuan menjadi kotor seperti itu dengan cara mengadunkan jawapan Zakuan dengan konteks yang berlaku pada masa itu.

Kemampuan Zakuan dalam menyampaikan makna tersirat dapat dilihat dari ujaran ini kerana beliau telah membuat pernyataan yang memerlukan pantafsiran berdasarkan konteks yang berlaku. Jawapan Zakuan pada [U7](baris 14) sebenarnya jika dianalisis dari sudut implikatur perbualan didapati ia adalah selari dengan pertanyaan Sara. Zakuan cuba menjelaskan bahawa tangannya dan tangan adiknya menjadi kotor adalah disebabkan dia telah melukis bulat-bulat pada kertas (menggunakan pen yang berwarna-warni) (sebagaimana terdapat di atas meja di hadapan Zakuan pada masa itu).

Zakuan cuba menjelaskan bahawa tangannya telah menjadi kotor akibat terkena pensil warna tersebut dan kekotoran (pada tangannya dan Mila) adalah berlaku tanpa disengajakan. Ia dapat dijelaskan melalui kata-kata berikut [**/kita tak buat/**] dalam ujaran (**/Kita tak buat //.. tapi kita lukis bulat-bulat atas kertas ../**). Zakuan sebenarnya cuba menjelaskan bahawa kekotoran yang ada pada tangannya dan tangan Mila, telah berlaku secara tidak sengaja disebabkan mereka telah melukis menggunakan pensil warna dan kesan penggunaan pensil tersebut telah mengotorkan tangan mereka berdua.

Maksud tersirat yang cuba disampaikan oleh Zakuan memerlukan Sara membuat tafsiran secara tersirat juga. Untuk membuat pantafsiran yang tepat Sara haruslah menggabungkan maklumat yang ada (dari maklum balas yang diberikan oleh Zakuan) dengan konteks yang berlaku di persekitaran mereka pada masa itu. Namun, disebabkan Sara sendiri tidak berkongsi konteks yang sama dengan Zakuan (kerana Sara baru sahaja menyertai Zakuan, Mila dan Adib (rujuk data)) menyebabkan Sara tidak tahu apakah yang telah berlaku sebelum itu. Hal ini menimbulkan kesukaran terhadap Sara untuk mentafsir maksud sebenar dari jawapan Zakuan. Sara terpaksa menggunakan kos

memproses yang tinggi untuk mendapatkan makna yang sebenar. Justeru Sara terpaksa bertanya beberapa kali untuk mendapatkan maklumat tambahan yang secukupnya untuk membolehkan dia memproses kata-kata Zakuan dengan tepat dan mudah.

Sebagai penutur, Zakuan sepatutnya tidak boleh membiarkan Sara mencari-cari jawapan tanpa dibekalkan dengan maklumat yang jelas dan mencukupi untuk membolehkan Sara memproses makna dengan tepat dan sesuai dengan maksud pertanyaan yang diajukan kepada Zakuan sebelumnya. Grice (1975) sendiri pernah mengatakan bahawa seseorang penutur itu perlu bertanggungjawab dan berusaha memastikan ujarannya mudah difahami dan senang diproses oleh pendengar. Oleh itu, penutur perlu memastikan setiap kali membuat ujaran yang berimplikatur, ia perlulah disedari oleh pendengar dan mudah untuk diinterpretasikan.

Situasi di atas menunjukkan bahawa pentafsiran makna tersirat sesuatu ujaran hanya akan berjaya sekiranya pendengar berkongsi konteks yang sama dengan penutur. Namun jika keadaan sebaliknya berlaku, di mana pendengar tidak berkongsi konteks yang sama dengan penutur maka penyampaian makna tersirat oleh penutur semasa berinteraksi juga tidak akan tercapai. Hal ini berlaku kerana pendengar tidak mampu memproses maklumat yang disampaikan oleh penutur disebabkan tidak mempunyai maklumat yang mencukupi. Menurut Teori Relevan, situasi seperti ini akan menyebabkan kos memproses maklumat menjadi tinggi dan usaha memproses maklumat akan sukar dilakukan oleh pendengar. Lantaran itu maklumat tambahan adalah amat diperlukan untuk membantu pendengar mendapatkan kesan konteks yang secukupnya untuk membolehkannya mentafsir makna tersirat yang disampaikan oleh penutur.

Sekiranya Sara berkongsi konteks dengan Zakuan (berada bersama Zakuan dan Mila semasa mereka sedang melukis menggunakan pensil warna) sudah pasti Sara akan dapat menangkap dan seterusnya mentafsir jawapan Zakuan pada [U7](baris 14) dengan lebih mudah kerana Sara dapat melihat sendiri apa yang berlaku.

Oleh kerana Sara tidak berkongsi konteks dengan Zakuan, ia menyebabkan Sara terpaksa menggunakan kos memproses yang tinggi. Untuk mendapatkan kesan konteks yang memadai, Sara terpaksa mengulangi pertanyaan beberapa kali. Sara jelas tidak berpuas hati dan tidak dapat menerima sepenuhnya mesej yang cuba disampaikan oleh Zakuan melalui ujarannya pada [U7](baris 14) itu. Lantaran itu, Sara sekali lagi telah mengajukan pertanyaan yang berbentuk protes pada [U4](baris 15) iaitu **/hei takkan melukis tangan jadi cema gini kut?/**.

Di sini (melalui pertanyaan yang diajukan oleh Sara ini) dapat dilihat keupayaan kanak-kanak prasekolah mempelbagaikan penggunaan pertanyaan semasa berinteraksi. Kanak-kanak dilihat bukan saja semata-mata mengajukan pertanyaan untuk tujuan mendapatkan jawapan secara literal, malah kanak-kanak juga didapati bijak menyampaikan niat tersirat untuk memprotes (menyampaikan perasaan tidak puas hati) melalui pertanyaan yang diajukan kepada pendengar. Sara telah menunjukkan perasaan tidak puas hati terhadap jawapan Zakuan yang dianggapnya kurang relevan untuk diterima, dengan cara mengajukan pertanyaan berbentuk protes terhadap jawapan yang diberikan oleh Zakuan.

Dari situasi yang berlaku ini, keupayaan kedua-dua kanak-kanak (Sara dan Zakuan) dalam menyampaikan mesej tersirat dapat dilihat dan secara tidak langsung menunjukkan bahawa kanak-kanak prasekolah sebenarnya telah pun memahami makna

tersirat berdasarkan keupayaan mereka menyampaikan mesej tersirat kepada pendengar semasa berinteraksi dalam kumpulan mereka. Kanak-kanak juga didapati bijak mempelbagaikan kaedah penyampaian makna tersirat semasa berinteraksi di mana mereka bukan sahaja boleh menyampaikan mesej tersirat melalui ayat penyata, bahkan mereka juga mampu menyampaikan mesej tersirat melalui pertanyaan.

Contoh 10

| | |
|----------------|---|
| Tarikh rakaman | Disember 2007 |
| Masa | 20 minit |
| Sampel | Izan (L4) dan Afiz (L5) |
| Tempat | di ruang tamu rumah Afiz |
| Situasi | Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa kanak-kanak sedang melihat buku bergambar. Izan dan Afiz belum memasuki mana-mana sekolah tadika. |

- | | | |
|----|-----------|--|
| 1 | [U1] Izan | /ni lembu/ (KONTEKS: menunjukkan gambar tebuian) |
| 2 | [U1] Afiz | /tak la//ni buke lembu la/ |
| 3 | [U2] Izan | /ha dah ni lembu/ (KONTEKS: menunjukkan gambar gajah) |
| 4 | [U2] Afiz | /tu buke lembu la.../ |
| 5 | [U3] Izan | <u>/dah gambar gapo ni?//mu tahu nama dia?/</u> |
| 6 | [U3] Afiz | <u>/sebenarnya ni lah lembu/</u> (KONTEKS: tanpa menjawab pertanyaan Izan, Afiz membelek-belek buku dan menunjukkan gambar lembu yang sebenar kepada Izan) |
| 7 | [U4] Izan | /ni anak lembu jugak ni/ (KONTEKS: menunjukkan gambar kambing) |
| 8 | [U4] Afiz | /ni gambar kambing la sebab dia kecil/ |
| 9 | [U5] Izan | ni itik kaki panjang/ (KONTEKS: menunjukkan gambar burung unta) |
| 10 | [U5] Afiz | (diam) (mungkin kanak-kanak tak kenal) |
| 11 | [U6] Izan | <u>/mu tau ka ni gambar gapo?/</u> (KONTEKS: menunjukkan gambar burung unta) |
| 12 | [U6] Afiz | <u>/ala//sini mana ada benda ni/</u> (KONTEKS: menunjukkan gambar burung unta) |
| 13 | [U7] Izan | /aku ingat mu tahu.../ /mu tak tahu jugak/ (KONTEKS: ketawa) |

Contoh 10 di atas menunjukkan perbualan yang berlangsung antara Afiz dan Izan semasa kedua-dua kanak-kanak ini melihat buku bergambar (binatang) di ruang tamu rumah Afiz. Dalam interaksi yang berlangsung antara mereka, terdapat beberapa situasi pelanggaran maksim yang telah berlaku semasa kanak-kanak prasekolah ini menjawab pertanyaan.

Situasi pertama pelanggaran maksim dapat dilihat semasa Afiz menjawab pertanyaan Izan pada baris 5 dan 6. Izan pada [U2](baris 3) telah menunjukkan gambar gajah dan mengatakan bahawa itu adalah gambar lembu (rujuk data pada baris 3). Walau bagaimanapun ia dinafikan oleh Afiz pada [U2](baris 4) iaitu dengan mengatakan **/tu buke lembu la.../**. Penafian yang dibuat oleh Afiz telah menimbulkan perasaan tidak puas hati di hati Izan menyebabkan dia mengajukan sekali lagi pertanyaan untuk mendapatkan jawapan yang sebenarnya iaitu apakah nama binatang (dalam gambar) yang ditunjukkan kepada Afiz itu. Izan pada [U3](baris 5) telah bertanya kepada Afiz **/dah gambar gapo ni?//mu tahu nama dia?/** (/habis tu gambar apa ni?/ awak tahu nama dia?/) dengan niat untuk mengetahui nama sebenar binatang yang terdapat dalam gambar yang ditunjukkannya itu. Oleh kerana Afiz mengatakan itu bukan gambar lembu, maka Izan ingin mengetahui apakah nama sebenar binatang itu dan mengharapkan agar Afiz memberitahu nama binatang itu kepadanya.

Walaupun bagaimanapun, keinginan Izan tidak dicapai apabila Afiz pada [U3](baris 6) didapati cuba mengelak dari memberikan nama sebenar binatang yang ditunjukkan oleh Izan itu. Afiz sebaliknya telah membelek-belek buku bergambar itu seurus mendengar pertanyaan Izan, kerana cuba mencari gambar lembu yang sebenar untuk ditunjukkan kepada Izan. Setelah menjumpai gambar lembu yang sebenar, Hafiz telah menjawab pertanyaan Izan dengan mengatakan **/sebenarnya ni lah lembu/** pada [U3](baris 6)

(sambil tangannya menunjukkan gambar lembu) tanpa menjawab soalan Izan dan tanpa memberitahu apakah nama sebenar binatang (dalam gambar pertama) yang ditunjukkan oleh Izan sebelum itu.

Oleh itu, analisis semantik menunjukkan tiada perkaitan antara jawapan yang diberikan oleh Afiz dengan pertanyaan yang diajukan oleh Izan sebelumnya. Hal ini demikian kerana Izan memerlukan nama sebenar binatang (dalam gambar pertama yang ditunjukkannya kepada Afiz) setelah Afiz menafikan gambar itu adalah gambar lembu. Namun, Afiz didapati cuba mengelak dari memberitahu nama sebenar binatang tersebut, malah Afiz seterusnya telah cuba mencari gambar lembu yang sebenar untuk ditunjukkan kepada Izan. Perlakuan Afiz ini seolah-olah menggambarkan bahawa Afiz sendiri pun tidak tahu nama sebenar binatang yang ditunjukkan oleh Izan itu.

Ekorannya, Izan terpaksa memikirkan berdasarkan logik dengan mengadunkan konteks semasa ujaran berlangsung sama ada Afiz sendiri tahu atau tidak nama binatang tersebut. Izan memerlukan nama sebenar binatang yang pada mulanya disangka lembu. Namun, Afiz telah menyangkal dengan menunjukkan gambar lembu yang sebenar. Afiz juga tidak memberikan maklum balas yang diinginkan apabila masih gagal menyatakan nama sebenar binatang itu. Hal ini menyebabkan Izan mula memikirkan kemungkinan Afiz sendiri tidak tahu apakah nama binatang yang ditunjukkan oleh Izan itu.

Hal ini tidak mustahil memandangkan kanak-kanak ini tidak pernah melihat binatang tersebut di kawasan sekitar tempat tinggal mereka. Apatah lagi kedua-dua kanak-kanak ini juga tidak pernah memasuki alam persekolahan, maka pendedahan berkaitan dengan gajah langsung tiada dalam minda dan pengetahuan mereka berdua. Situasi demikian menyebabkan kedua-dua kanak-kanak ini tidak mempunyai pengetahuan dan

pengalaman yang berkaitan dengan gajah. Fenomena seperti ini menguatkan lagi pendapat yang mengatakan bahawa pemerolehan bahasa kanak-kanak adalah dibantu oleh persekitaran mereka dan bahasa adalah cerminan terhadap pengetahuan tentang dunia penutur itu sendiri.

Situasi pelanggaran maksim yang ke dua pula dapat dilihat telah berlaku dalam perbualan pada baris ke 11 dan 12.

- | | | |
|----|-----------|--|
| 11 | [U6] Izan | /mu tau ka ni gambar gapo?/ (KONTEKS: menunjukkan gambar burung unta) |
| 12 | [U6] Afiz | /ala//sini mana ada benda ni/ (KONTEKS: menunjukkan gambar burung unta) |
| 13 | [U7] Izan | /aku ingat mu tahu...//mu tak tahu jugak/ (KONTEKS: ketawa) |

Dalam (baris 11)[U6] Izan telah bertanya kepada Afiz **/mu tau ka ni gambar gapo?/** (sambil menunjukkan gambar burung unta). Analisis semantik terhadap pertanyaan Izan ini bermaksud Izan ingin mengetahui sama ada Afiz tahu atau tidak nama binatang (dalam gambar) yang ditunjukkannya itu.

Jawapan yang diberikan oleh Afiz terhadap pertanyaan izan pada [U6](baris 12) pula ialah: **/ala//sini mana ada benda ni/**. Analisis semantik terhadap kedua-dua ujaran Izan dan Afiz ialah:

Maksud pertanyaan Izan:

/mu tau ka ni gambar gapo?/

Pentafsiran dari sudut semantik bermaksud:

-/awak tahu tak ini gambar apa?/

Jawapan yang sesuai ialah sama ada-

[tahu (beri nama sebenar)] atau [tak tahu].

Namun jawapan yang diberikan Afiz iaitu:

/ala//sini mana ada benda ni/

jika dianalisis maksud dari sudut semantik:

-/alah//benda ini tidak ada di sini/

(di sini bermaksud dalam kawasan atau di sekitar/di sekeliling mereka)


Daripada analisis semantik yang ditunjukkan di atas, jelas sekali bahawa tiada perkaitan yang nyata antara maksud soalan Izan dengan maksud jawapan Afiz. Lantaran itu, ujaran Afiz telah melanggar prinsip kerjasama Grice kerana jawapan yang diberikan oleh Afiz tidak relevan dengan soalan yang dikemukakan oleh Izan. Jadi, jawapan Afiz ini telah melanggar maksim relevan.


Jawapan yang sesuai dan selari dengan makna semantik pertanyaan Izan ialah [tahu] atau [tidak tahu] dimana sekiranya Afiz tahu nama sebenar binatang yang dimaksudkan oleh Izan, dia boleh secara langsung menyebut atau memberitahu Izan nama binatang itu. Namun, sekiranya Afiz tidak tahu nama sebenar binatang tersebut, Afiz seharusnya menyatakan yang dia [tidak tahu].

Walau bagaimanapun, apabila analisis implikatur dilakukan terhadap jawapan Afiz itu, didapati bahawa jawapan Afiz pada [U6](baris 12) ini sebenarnya bermaksud Afiz tidak tahu nama sebenar binatang (dalam gambar) itu kerana binatang tersebut tidak terdapat di kawasan mereka. Lantaran itu, adalah logik sekiranya Afiz tidak mengetahui nama binatang tersebut kerana dia sendiri tidak pernah melihat binatang itu di sekeliling mereka. Jawapan yang diberikan oleh Afiz memerlukan Izan membuat pentafsiran dari sudut tersirat sama ada Afiz sebenarnya tahu atau tidak nama binatang (dalam gambar) yang ditunjukkannya itu.

Sila lihat analisis perlanggaran maksim dalam rajah di bawah:

Rajah 4.9 menunjukkan analisis perlanggaran maksim yang melibatkan perbualan antara Izan dan Afiz.





Rajah 4.9 Analisis Perlanggaran Maksim

Rajah 4.9 di atas menunjukkan Izan perlu membuat andaian-andaian tertentu untuk mentafsir dan mendapatkan makna yang sebenar dari jawapan Afiz itu. Misalnya, Izan boleh mengandaikan bahawa di kawasan mereka tidak terdapat binatang tersebut. Lantaran itu, sudah pasti Afiz juga tidak mengetahui nama binatang itu. Andaian-andaian ini (secara tersirat) mungkin telah berlegar difikiran Izan sehingga dia sendiri dapat membuat tafsiran bahawa Afiz sebenarnya tidak tahu nama binatang yang ditunjukkannya itu. Ini dapat dilihat dalam ujaran Izan seterusnya pada [U7](baris 13) iaitu /aku ingat mu tahu...//mu tak tahu jugak/ sambil ketawa.

Situasi 11

| | |
|----------------|---|
| Tarikh rakaman | Disember 2007 |
| Masa | 20 minit |
| Sampel | Akma Zuren, Syafiqah, Ida, Akmal, Balqis, Jiji, Siti (P5) dan Hadi (L5) |
| Tempat | Dalam bilik darjah |
| Situasi | Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa kanak-kanak |

sedang melakukan aktiviti bebas. Beberapa orang kanak-kanak sedang melihat buku bergambar.

- [U1]Akma Zuren /Gambar ini, gambar buaya la .../
(KONTEKS: menunjukkan gambar cicak)
- [U1]Syafiqah /biawak la .../
[U1] Ida /buke la...tu kecil// cicak la/
[U2] Akma Zuren /hei cikgu kata kemas semua barang/
/tak denga ka?/
[U2]Akmal /**bakpa ? // kita nak gi mana?**/
[U2] Balqis /**tengok *lua tu// ma aku mari dah**/
(gembira)
- [U3] Akmal /nak balik dah?/
[U2]Balqis /nak balik lah .../ /tak sir balik ka?/
[U1] Jiji /yea nak balik .../
(KONTEKS: bersorak gembira)
- [U1]Siti /Kita nak balik kat kedai buah ...//
/awak balik mana?/
[U3]Akmal /**dekat jah**/
[U3]Akma Zuren /di rumah dia ada katak/ (ketawa)
[U2] Siti /dekat?//dekat depe tu ka?/
(KONTEKS: menunding jari ke arah depan sekolah)
- [U4] Akmal /**ala naik moto kejap je sampai la**/
[U3]Siti /ala rumah saya dekat jugak/
[U1]Hadi /Jom balik .../
[U4]Siti /jom balik yea/
(KONTEKS: mengemas buku dan memasukkan ke dalam bag sekolah)
- [U2] Hadi /jom/

Contoh 11 di atas menunjukkan terdapatnya situasi perlanggaran maksim relevan yang berlaku sewaktu kanak-kanak berinteraksi sesama mereka. Apabila Akma Zuren [U2](baris 4) memberitahu bahawa guru telah mengarahkan agar semua murid-murid

mengemaskan barang-barang, Akmal pada [U2](baris 5) telah bertanya **/bakpa ? // kita nak gi mana?/**. Pertanyaan Akmal itu telah dijawab oleh Balqis pada [U2](baris 6) iaitu:

/tengok *lua tu// ma aku mari dah/.

Jawapan Balqis ini sebenarnya tidak bersifat harfiah kerana maksud jawapan Balqis tidak selari dengan maksud pertanyaan Akmal dari sudut semantik. Pertafsiran dari sudut semantik pertanyaan Akmal pada [U2](baris 5) di atas adalah bermaksud:

- [kenapa mereka harus mengemas semua barang (seperti yang diberitahu oleh Akma Zuren), adakah kerana mereka hendak pergi ke sesuatu tempat?].

Walau bagaimanapun pertanyaan tersebut tidak dijawab oleh Akmal Zuren sebaliknya telah dijawab oleh Balqis dengan mengatakan **/tengok *lua tu// ma aku mari dah/** yang bermaksud:

[cuba lihat di luar, ibu saya sudah datang]

Jelas bahawa jawapan yang diberikan oleh Balqis bersifat tidak harfiah kerana untuk mendapatkan maksud sebenar di sebalik jawapan tersebut, pendengar perlu membuat pentafsiran yang mendalam dengan merujuk kepada konteks dan pengalamannya sendiri. Hal ini menunjukkan bahawa Balqis telah menghasilkan ujaran berimplikatur yang mempunyai maksud tersirat dan untuk memahami maksud ujaran tersebut pendengar perlulah memproses dengan membuat andaian-andaian tertentu:

1. *Kenapa emak Balqis datang?*
2. *Kaitkan dengan arahan guru untuk mengemas semua barang*
3. *Biasanya ibu bapa akan datang jika waktu persekolahan sudah hampir tamat*
4. *Ibu Balqis datang untuk menjemput Balqis pulang*


Kesimpulan dari andaian-andaian di atas ialah:

-Sudah tiba masanya untuk balik, sebab itu guru menyuruh semua murid kemaskan barang-barang mereka.

Daripada andaian-andaian yang dibuat, barulah pendengar akan memperolehi makna sebenar yang dimaksudkan oleh Balqis. Balqis sebenarnya boleh memberikan jawapan yang lebih mudah dan selari dengan pertanyaan Akmal. Balqis sepatutnya memberikan jawapan:

- [sekarang sudah tiba waktu pulang/balik]

Rajah 4.10 menunjukkan analisis terhadap perlanggaran maksim yang melibatkan perbualan antara Akma dan Balqis.



Analisis jawapan:

1. Jawapan yang diberikan oleh Balqis telah melanggar maksim kerjasama Grice kerana tidak mempunyai hubungan secara semantik dengan soalan yang diajukan oleh Akma.
2. Jawapan tersebut tidak harfiah dan memerlukan pendengar membuat tafsiran yang lebih mendalam untuk mendapatkan jawapan yang lebih relevan.
3. Jawapan yang sesuai sepatutnya:
[kita boleh balik]

Analisis implikatur:

1. Analisis implikatur menunjukkan bahawa Balqis cuba menjelaskan bahawa:
 - a. Ibunya telah sampai, maknanya waktu sekolah telah hampir tamat
 - b. Sebab itu, guru menyuruh semua murid mengemas barang-barang
 - c. Kebiasaannya, ibu bapa hanya akan tiba setelah hampir waktu tamat sekolah untuk mengambil anak-anak mereka
 - d. telah tiba waktu balik kerana ibu bapa telah sampai dan sedang menunggu untuk membawa anak-anak mereka balik.

Kesimpulan implikatur: ibu bapa sampai untuk menjemput anak-anak pulang dari sekolah.



Masa untuk balik ke rumah

(memerlukan pentafsiran tersirat berdasarkan konteks)

Rajah 4.10 Analisis Perlanggaran Maksim

Rajah 4.10 menunjukkan analisis perlanggaran maksim menggunakan konsep implikatur perbualan untuk mendapatkan makna yang lebih jelas terhadap ujaran Balqis yang didapati telah melanggar prinsip kerjasama Grice. Analisis semantik terhadap jawapan yang diberikan oleh Balqis tidak bersifat harfiah dan tidak mempunyai perkaitan linguistik dengan maksud pertanyaan Akmal dari sudut makna semantik.

Walaupun, setelah jawapan yang diberikan oleh Balqis ini dianalisis menggunakan konsep implikatur perbualan, jelas menunjukkan bahawa jawapan tersebut sebenarnya mempunyai kaitan secara tersirat dengan soalan yang diajukan oleh Akmal. Balqis mengatakan **/tengok lua tu// ma aku mari dah/** [lihat diluar tu, ibu saya sudah datang], yang secara tersiratnya adalah bermaksud (pada waktu itu sudah tiba masa untuk balik kerana ibu bapa hanya akan datang ke sekolah pada waktu hampir tamat waktu persekolahan untuk menjemput anak mereka pulang dari sekolah). Jawapan Balqis ini sebenarnya bermaksud, sekarang sudah tiba masa untuk balik sebab itulah guru menyuruh semua murid mengemas barang-barang mereka. Oleh itu, jawapan yang diberikan oleh Balqis secara tersiratnya adalah mempunyai keselarian dengan maksud soalan yang dikemukakan oleh Akma.

Jawapan Balqis itu, memerlukan pendengar membuat tafsiran sendiri berdasarkan konteks yang berlaku. Secara umumnya, telah menjadi satu rutin harian di mana ibu bapa akan datang ke sekolah tadika beberapa minit, malah setengah jam lebih awal sebelum tamat sesi persekolahan harian untuk menjemput anak-anak mereka pulang. Oleh itu, apabila kelibat ibu bapa telah muncul, secara tidak langsung kanak-kanak akan tahu bahawa masa mereka menamatkan sesi pembelajaran untuk hari tersebut telah hampir. Lantas, ia merupakan satu kesinambungan apabila guru tiba-tiba menyuruh

kanak-kanak mengemaskan barang-barang dan meletakkan di tempat asalnya. Hal ini menunjukkan bahawa jawapan Balqis ini mempunyai maksud yang perlu ditafsirkan secara tersirat berdasarkan konteks yang sering dialami dan dikongsi bersama.

Daripada Contoh 11 di atas juga didapati bahawa terdapat satu lagi situasi perbualan yang menunjukkan wujudnya ujaran berimplikatur yaitu terdapat unsur-unsur penyampaian makna secara tersirat oleh kanak-kanak semasa berinteraksi. Situasi ini dapat dilihat dalam sesi perbualan berikut:

- | | | |
|----|----------------|--|
| 10 | [U1]Siti | /Kita nak balik kat kedai buah ...// /awak balik mana?/ |
| 11 | [U3]Akmal | <u>/dekat jah/</u> |
| 12 | [U3]Akma Zuren | /di rumah dia ada katak/ (ketawa) |
| 13 | [U2] Siti | /dekat?//dekat depe tu ka?/ (KONTEKS: menunding jari ke arah depan sekolah) |
| 14 | [U4] Akmal | <u>/ala naik moto kejap je sampai la/</u> |
| 15 | [U3]Siti | /ala rumah saya dekat jugak/ |
| 16 | [U1]Hadi | /Jom balik .../ |

Dalam perbualan yang berlangsung antara Siti, Akmal, Akmal Zuren dan Hadi di atas, didapati wujud unsur-unsur ujaran berimplikatur yang diujarkan oleh kanak-kanak semasa berinteraksi. Hal ini demikian jika dilihat pada ujaran-ujaran yang dibuat oleh Akmal semasa menjawab soalan-soalan yang diajukan oleh Siti. Jawapan-jawapan yang diberikan oleh Akma tidak selari dengan maksud pertanyaan Siti menyebabkan Siti perlu memproses maksud jawapan Akma di peringkat kognisi dengan menggunakan kos memproses yang tinggi. Ujaran Akma tidak relevan dengan soalan Siti kerana untuk mendapatkan maksud sebenar dari apa yang diujarkan oleh Akma sebagai menjawab soalan-soalan yang diajukan olehnya itu, Siti perlu terlebih dahulu membuat andaian-

andaian implikatur yang mengambil kira konteks dan kesan konteks terlebih dahulu.


Siti pada [U1](baris 10) telah bertanya Akmal **/awak balik mana?/**. Jika ditafsirkan pertanyaan ini dari sudut semantik, maksud pertanyaan Siti ini ialah:


- /awak balik mana?/ yang bermaksud /awak balik ke mana?/
- analisis semantik menunjukkan Siti bertanya dimanakah terletakanya lokasi rumah Akmal.

Akmal pada [U3](baris 11) telah memberikan jawapan **/dekat jah/** yang jelas sekali tiada kaitan dengan maksud pertanyaan Siti dari sudut semantik. Oleh hal yang demikian, jawapan yang diberikan oleh Akmal ini didapati telah melanggar prinsip kerjasama Grice kerana jawapan tersebut terlalu ringkas dan tidak mempunyai hubungan yang relevan dengan maksud pertanyaan Siti.

Grice(1975) melalui prinsip kerjasamanya telah menyarankan supaya penutur menjadikan maklumat seinformatif yang boleh sebagaimana yang dikehendaki dalam perbualan yang sedang berlangsung iaitu jangan hasilkan ujaran yang terlalu ringkas dan terlalu panjang. Ujaran yang duhasilkan itu juga hendaklah relevan iaitu yang senang difahami oleh pendengar serta mudah diproses maksudnya. Sekiranya peraturan-peraturan ini tidak dipenuhi dalam menghasilkan ujaran semasa berinteraksi, ia bermaksud penutur telah melakukan pelanggaran maksim kuantiti dan maksim relevan.

Rajah 4.11 menunjukkan analisis terhadap pelanggaran maksim yang melibatkan perbualan antara Akmal dan Siti.





Rajah 4.11 Analisis Perlanggaran Maksim.

Rajah 4.11 menunjukkan analisis perlanggaran maksim yang wujud daripada ujaran yang dibuat oleh Akmal. Jawapan yang diberikan oleh Akmal adalah terlalu ringkas dan tidak selari dengan makna semantik pertanyaan Siti. Ini menunjukkan bahawa jawapan yang diberikan oleh Akmal ini telah melanggar maksim kuantiti dan maksim relevan kerana jawapan yang diberikan itu tidak bersifat harfiah. Untuk mendapatkan jawapan yang tepat dan diperlukan, Siti perlu membuat andaian-andaian sendiri berdasarkan pengetahuannya tentang lokasi setempat untuk memudahkannya mentafsirkan maksud ‘dekat’ yang diujarkan oleh Akmal itu.

Sewaktu menjawab pertanyaan daripada Siti, Akmal sebenarnya mempunyai pilihan untuk menjadikan ujarannya lebih berinformatif dengan memberikan jawapan yang

sesuai dengan maksud pertanyaan Siti dari sudut semantik. Akmal sepatutnya memberitahu dengan jelas lokasi rumahnya kepada Siti atau nama taman perumahan atau kampung yang didiami kerana jawapan itu lebih sesuai dengan maksud pertanyaan Siti tersebut.

Perkataan [dekat] yang disebut oleh Akmal adalah kabur kerana Siti sendiri terpaksa meneka-neka di manakah rumah Akmal yang dikatakan dekat itu. Apatah lagi terlalu banyak rumah yang berdekatan menambahkan lagi kekeliruan Siti untuk membuat tafsiran. Justeru Siti telah bertanya sekali lagi untuk mendapatkan kepastian dan juga jawapan yang lebih jelas. Siti pada [U2](baris 13) sekali lagi telah bertanya dan cuba meneka dengan mengatakan **/dekat?//dekat depe tu ka?/** sambil menunjukkan ke arah depan sekolah.

Siti membuat pertanyaan tersebut kerana memerlukan maklumat tambahan daripada Akmal untuk membantunya memproses mesej yang disampaikan oleh Akmal pada [U3](baris 11) dengan lebih jelas dan mudah. Walau bagaimanapun Akmal sekali lagi memberikan jawapan yang juga dianggap samar apabila Akmal mengatakan **/ala naik moto kejap je sampai la/** pada [U4](baris 14). Akmal masih lagi tidak menyatakan lokasi sebenar rumahnya dengan lebih jelas dan tepat kepada Siti. Walau bagaimanapun jawapan yang diberikan oleh Akmal kali ini lebih mudah untuk Siti memproses dan seterusnya mengagak lokasi sebenar rumah Akmal berdasarkan jawapannya yang menerangkan bahawa naik motor sekejap sahaja akan sampai ke rumahnya.

Jawapan-jawapan yang dibuat oleh Akmal sebenarnya kurang jelas dan memerlukan pendengar membuat tafsiran-tafsiran sendiri untuk mendapatkan jawapan dan tafsiran yang lebih tepat. Hal ini mungkin berlaku disebabkan kanak-kanak masih belum mampu

untuk memberikan lokasi sebenar rumahnya dalam ukuran kilometer disebabkan kanak-kanak masih lagi belum didedahkan dengan bentuk-bentuk ukuran tersebut diperingkat sekolah atau di rumah. Lantaran itu, kanak-kanak telah memberikan jawapan berdasarkan ukuran masa perjalanan iaitu *dekat* dan *sekejap*. Ini selari dengan budaya masyarakat Melayu sendiri yang sering membuat ukuran berdasarkan jangka masa dan ciri-ciri alam persekitaran tanpa menyatakan berdasarkan bentuk nombor atau angka.

Contoh 12

| | |
|----------------|--|
| Tarikh rakaman | March 2009 |
| Masa | 10 minit |
| Sampel | Zarfan (L6), Siti Mariam (Siti) (P6) |
| Tempat | Dalam bilik darjah |
| Situasi | Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa kanak-kanak sedang melakukan aktiviti bebas. |

- 1 [U1]Zarpan /Nak tau tak ...// Mak dia tak sembahyang/
- 2 [U1]Siti /Mana awak tahu?/
- 3 [U2]Zarpan /Dia cakap kat ustazah ../.
- 4 [U2]Siti /Kalau tak sembahyang ada hantu la/
- 5 [U2]Zarpan /Eee ...// Mak dia ada hantu la .../
- 6 [U1]Zizi /sapa kata tak sembahyang ada hantu?/
- 7 [U3]Siti /mak cik saya cakap/
- 8 [U2]Zizi /awak sembahyang tak?/
- 9 9[U4]Siti /kita ada kain sembahyang bunga pink//cantik.../
(KONTEKS: sambil mengangkat ibu jari)
- 10 [U3]Zizi /ala...kita pun ada/

Contoh 12 di atas menunjukkan situasi perbualan yang berlangsung di antara tiga orang kanak-kanak iaitu Zizi, Siti dan Zarpan. Dalam interaksi yang berlangsung itu, wujud beberapa ujaran yang didapati telah melanggar prinsip kerjasama Grice.

Ujaran-ujaran yang telah dibuat oleh Siti semasa menjawab soalan yang diajukan oleh Zizi telah melanggar prinsip kerjasama Grice kerana jawapan-jawapan tersebut tidak mempunyai hubungan yang selari dari sudut semantik dengan soalan yang diajukan oleh Zizi kepadanya. Zizi pada [U2](baris 8) telah bertanya kepada Siti **/awak sembahyang tak?/**. Pertanyaan ini dari sudut semantik adalah bermaksud Siti ingin mengetahui sama ada Siti mengerjakan sembahyang atau tidak sewaktu di rumah.

Siti pula pada [U4](baris 9) telah memberikan jawapan: **/kita ada kain sembahyang bunga pink//cantik.../** (sambil mengangkat ibu jari). Analisis semantik menunjukkan bahawa jawapan yang diberikan oleh Siti ini sebenarnya tiada kaitan dengan soalan yang diajukan oleh Zizi kepadanya. Siti sepatutnya memberikan jawapan sama ada dia mengerjakan sembahyang atau tidak bagi menjawab soalan yang diajukan oleh Zizi kerana jawapan ini lebih sesuai dari sudut semantik dengan maksud pertanyaan Zizi itu. Lantaran itu, jawapan yang diberikan oleh Siti ini telah melanggar maksim relevan prinsip kerjasama Grice.

Untuk membuat tafsiran yang sesuai dan mendapatkan maksud yang selari dengan pertanyaannya, Zizi perlu memproses jawapan Siti dengan menggunakan kos memproses yang tinggi. Zizi perlu membuat andaian-andaian berdasarkan pengalaman dan pengetahuannya untuk menghasilkan maksud yang relevan dari jawapan ringkas yang diterima daripada Siti. Siti sepatutnya lebih bertanggungjawab menjadikan ujarannya lebih mudah difahami oleh pendengar.

Namun, setelah analisis implikatur dilakukan terhadap jawapan yang diberikan oleh Siti ini, didapati bahawa Siti cuba menyampaikan mesej secara tersirat. Siti sebenarnya cuba menjelaskan bahawa dia sememangnya bersembahyang, sebab itulah dia mempunyai kain sembahyang sendiri yang berwarna pink dan cantik.


Dalam membuat tafsiran, konteks dan ciri-ciri budaya masyarakat perlu dirujuk dan digabungkan untuk mendapatkan hasil yang lebih tepat dan jelas. Dalam masyarakat Melayu, penutur-penutur bahasa Melayu sering memberikan jawapan yang lebih bersifat *terlindung* dimana pendengar perlu membuat tafsiran berdasarkan konteks iaitu dengan mengambil kira nada suara, tingkah laku, memek muka dan sebagainya. Oleh itu, jawapan yang diberikan oleh Siti, sebenarnya adalah untuk menjelaskan bahawa dia sebenarnya mengerjakan sembahyang di rumah.


Namun, Zizi yang mungkin kurang faham maksud sebenar yang cuba disampaikan oleh Siti telah memberikan jawapan bahawa dia juga mempunyai kain sembahyang pada [U3](baris 10) **/ala...kita pun ada/**. Jawapan Zizi ini menunjukkan bahawa Zizi seolah-olah telah mentafsir jawapan yang diberikan oleh Siti pada [U4](baris 9) iaitu **/kita ada kain sembahyang bunga pink//cantik.../** sebagai satu keadaan dimana Siti cuba menunjuk-nunjuk kepadanya. Zizi menganggap jawapan yang diberikan oleh Siti itu sebenarnya cuba menunjukkan bahawa beliau mempunyai kain sembahyang yang cantik, dan seolah-olah hanya dia seorang sahaja yang mempunyai kain sembahyang cantik.

Lantaran itu, Zizi yang kurang senang dengan nada jawapan yang diberikan oleh Siti seterusnya telah memberikan maklum balas yang sama iaitu **/ala...kita pun ada/** yang

cuba menjelaskan bahawa dia juga mempunyai kain sembahyang di rumah (maksudnya: Zizi cuba menyatakan bahawa bukan Siti seorang sahaja yang mempunyai kain sembahyang, tetapi dia juga memilikinya).

Rajah 4.12 menunjukkan analisis terhadap pelanggaran maksim yang melibatkan perbualan antara Zizi dan Siti.





Rajah 4.12 Analisis Perlanggaran Maksim

Situasi yang berlaku dalam interaksi kanak-kanak menunjukkan bahawa telah wujud unsur-unsur penyampaian makna secara tersirat dalam interaksi antara mereka. Siti telah cuba menyampaikan mesej dalam bentuk tersirat semasa menjawab pertanyaan daripada Zizi. Namun, mesej yang cuba diampaikan ini tidak diterima sepenuhnya oleh Zizi. Zizi telah mentafsir jawapan Siti sebagai satu keadaan yang mana Siti sebenarnya cuba menunjuk-menunjuk kepadanya.

Walaupun maklum balas yang diberikan oleh Zizi menunjukkan pemahamannya yang melencong dari maksud tersirat yang cuba disampaikan oleh Siti, namun Zizi sebenarnya juga telah membuat tafsiran secara tersirat terhadap jawapan Siti **/kita ada kain sembahyang bunga pink//cantik.../** ini. Sekiranya dia tidak mentafsir jawapan Siti secara tersirat, sudah pasti dia tidak akan menjawab **/ala...kita pun ada/** pada [U3](baris 10) yang seolah-olah menunjukkan perasaan kurang senang. Ini kerana pengujaran perkataan **/ala.../** ini biasanya dibuat untuk menyampaikan perasaan kurang senang atau cuba menyampaikan perasaan tidak puas hati terhadap sesuatu.

Hasil analisis data di atas telah menyerlahkan lagi pemahaman serta tahap penguasaan makna tersirat dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Kanak-kanak sampel didapati telah berjaya menerapkan penyampaian makna secara tersirat kepada pendengar sewaktu berinteraksi sesama mereka.

Contoh 13

| | |
|----------------|--|
| Tarikh rakaman | March 2007 |
| Masa | 25 minit |
| Sampel | Hawa (P3), Suzana (P4), Along(L4) |
| Tempat | di rumah |
| Situasi | Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa kanak-kanak berbual. |

- 1 [U1]Hawa /Acik ...//dia buka beg acik...// tengok tu .../
(memuncungkan) bibir ke arah Suzana yang sedang memegang beg pengkaji)
- 2 [U2]Hawa /eh! Mu wak gapo tu?/
- 3 [U1]Suzana /tak wak gapo//bak po nya?/

(tiba-tiba abang Hawa yang dikenali sebagai Along datang dan mengambil bekas pensil pengkaji)

4 [U2]Suzana Hei .../. Along jangan la../

(KONTEKS: cuba melarang Along)

Pengkaji hanya tersenyum memandang Along

5 [U1]Along /tak apa la.../

6 [U3]Suzana /bak po mu ambik nya?/

(Along hanya mendiamkan diri tanpa mempedulikan Suzana)

7 [U4]Suzana //bak po mu ambik nya?/

8 [U2]Along /makcik ni kawan aku../

9 [U5]Suzana /dia orang besar mana boleh jadi kawan kau.../
/bodoh..../

10 [U2]Along /aku dah lama kenal dia la.../

11 [U6]Suzana /tipu .../

12 [U3]Along /dia selalu datang rumah aku .../

13 [U7]Suzana /mak aku kata jangan ambik barang orang/

14 [U4]Along /Aku tak ambik ...// aku tengok je../.

Data dalam Contoh 13 di atas menunjukkan perbualan yang berlangsung antara Hawa, Suzana dan Along (abang Hawa). Dalam data perbualan kanak-kanak di atas, terdapat situasi perlanggaran prinsip kerjasama Grice telah dilakukan oleh kanak-kanak dalam ujaran mereka.

Situasi perbualan di atas menunjukkan Along telah melakukan perlanggaran maksim kuantiti dan maksim relevan semasa menjawab soalan Suzana. Pada [U3](baris 5) Suzana telah bertanya kepada Along /bak po mu ambik nya?/ (kenapa awak ambil?) apabila melihat Along mengambil bekas pensil pengkaji. Namun Along hanya mendiamkan diri dan tidak menjawab pertanyaan tersebut. Suzana yang tidak berpuas hati telah bertanya sekali lagi soalan yang sama pada [U4](baris 6) kepada Along.

Pertanyaan kali kedua Suzana ini telah dijawab oleh Along pada [U4](baris 7) iaitu:

/makcik ni kawan aku../

Jawapan yang diberikan oleh Along jelas tidak selari dan tidak mempunyai perkaitan dengan soalan yang dikemukakan oleh Suzana. Pertanyaan Suzana dari sudut semantik adalah memerlukan Along menyatakan sebab kenapa dia telah mengambil bekas pensil pengkaji. Namun jawapan Along iaitu /makcik ni kawan aku../ sebenarnya tidak menunjukkan perkaitan yang jelas dengan maksud soalan Suzana itu. Justeru, Along didapati telah melakukan perlanggaran maksim relevan dan maksim kuantiti kerana memberikan jawapan yang tiada hubungan, ringkas dan kurang jelas. Sepatutnya Along menjawab [aku mengambil barang makcik ni sebab dia kawan aku]. Jawapan ini adalah lebih jelas, sempurna dan mempunyai hubungan dengan soalan Suzana.

Walau bagaimanapun, analisis implikatur menunjukkan bahawa Along telah cuba menyampaikan mesej secara tersirat. Jawapan daripada Along sebenarnya menunjukkan bahawa dia telah mengambil bekas pensil pengkaji kerana pengkaji adalah kawannya, jadi, sebagai seorang kawan, adalah tidak menjadi satu kesalahan sekiranya dia mengambil bekas pensil tersebut memandangkan mereka telah saling mengenali antara satu sama lain (berkawan).

Di sini kita boleh melihat bagaimana kanak-kanak telah mengaplikasikan pemahaman tersiratnya terhadap konsep persahabatan atau hubungan kawan yang terjalin antara dua individu. Kanak-kanak cuba menerangkan bahawa dalam *hubungan persahabatan* atau *berkawan*, tidak menjadi satu kesalahan sekiranya seseorang itu mengambil barang milik kawannya kerana mereka memang saling mengenali antara satu sama lain dengan baik, dan kawan mereka juga tahu apa yang mereka buat. Hal ini menunjukkan bahawa

kanak-kanak telah mampu mentafsir dan mengaplikasikan konsep persahabatan yang lebih bersifat kompleks dan tersirat.

Suzana juga melalui maklum balas yang diberikan selepas itu pada [U5](baris 8) iaitu **/Dia orang besar mana boleh jadi kawan kau...//Bodoh..../**, sebenarnya telah cuba menyampaikan mesej tersirat yang perlu difikirkan oleh pendengar. Maklum balas yang diberikan oleh Suzana ini sebenarnya memerlukan pengertian yang lebih luas dan mendalam maksudnya. Jika ditafsirkan semula, ujaran tersebut cuba menjelaskan bahawa bagaimanakah mungkin seorang kanak-kanak yang masih kecil dan sangat berbeza usia, saiz, pemikiran dan sebagainya boleh menjadi kawan kepada orang dewasa yang dipanggil ‘mak cik’.

Kanak-kanak dan orang dewasa dianggap tidak sesuai berkawan memandangkan istilah ‘kawan’ bagi kanak-kanak adalah terdiri daripada mereka yang bermain kejar-kejar, sembunyi-sembunyi dan macam-macam lagi secara bersama. Tidak mungkin orang dewasa boleh sama-sama menyertai kanak-kanak untuk berlari dan bermain terutamanya permainan ‘kanak-kanak’ atau ‘budak-budak’. Lantaran itu, maklum balas yang diberikan oleh Suzana sebenarnya merangkumi pemahaman yang sangat mendalam tentang konsep ‘kawan’ yang cuba disampaikan kepada Along. Oleh hal yang demikian, kenyataan yang dibuat oleh Along yang mengatakan pengkaji adalah kawannya telah dianggap sebagai kenyataan yang kurang tepat oleh Suzana.

Memahami maksud tersirat dari kata-kata Suzana yang seolah-olah tidak berpuas hati dengan kenyataannya yang mengatakan pengkaji adalah kawannya, telah menyebabkan Along memberikan maklumat tambahan pada [U3](baris 9) iaitu **/Aku dah lama kenal dia la.../** untuk membuktikan kepada Suzana bahawa dia dan pengkaji memang telah

saling kenal mengenali antara satu sama lain. Oleh sebab itu, tidak salah jika ia dianggap sebagai kawan.

Daripada perbincangan yang dibuat, dapat dilihat bagaimana kanak-kanak telah cuba menyampaikan konsep yang bersifat abstrak dan memerlukan pentafsiran tersirat yang lebih mendalam semasa berinteraksi. Situasi ini menunjukkan bahawa kanak-kanak sebenarnya telah mempunyai asas-asas pemahaman makna tersirat serta bijak mengaplikasikan pemahaman tersebut untuk menyampaikan mesej yang lebih luas dan mendalam kepada pendengar.

Contoh 14

| | |
|----------------|--|
| Tarikh rakaman | March 2009 |
| Masa | 10 minit |
| Sampel | Zarfan (L6), Siti dan Atiqah (P6) |
| Tempat | Di dalam bilik darjah |
| Situasi | Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa kanak- sedang melukis |

| | | |
|--------------------------------------|------------|--|
| 1 | [U1]Atiqah | /Sazwan suka pakai baju sekolah/ |
| 2 | [U1]Zarpan | /Kalau tak sekolah tak payah pakai baju sekolah .../ |
| 3 | [U1]Siti | /Pakai baju jalan .../ |
| 4 | [U2]Atiqah | /Saya pakai baju hujan/ |
| 5 | [U2]Siti | /Baju hujan buat apa?/ |
| 6 | [U3]Atiqah | /Pakai masa hujan .../ |
| 7 | [U3]Siti | /Buat apa?/ |
| 8 | [U4]Atiqah | /Takut basah .../ |
| 9 | [U2]Zarpan | <u>/Kalau panas?/</u> |
| 10 | U5]Atiqah | <u>/Tak hujan tak boleh pakai sebab tak basah/</u> |
| (perlanggaran maksim relevan) | | |
| 11 | [U4]Siti | <u>/Kenapa nak pakai baju hujan?/</u> |

Data dalam Contoh 14 menunjukkan perbualan yang berlangsung diantara Atiqah, Zarpan dan Siti. Situasi ini agak berbeza kerana ketiga-tiga kanak-kanak bukan kelahiran anak jati Kelantan tetapi terdiri daripada anak-anak polis dan jururawat yang mengalami proses migrasi kerana perpindahan tempat kerja, Namun, apa yang penting ingin ditonjolkan, walaupun kanak-kanak terpisah geografi tetapi penerapan nilai-nilai budaya Melayu khususnya dalam aspek bahasa, khususnya penguasaan makna tersirat adalah bersifat universal.

Dalam situasi perbualan di atas, Atiqah (baris 1) telah memberitahu bahawa Zarpan suka memakai baju sekolah. Zarpan pada (baris 2) pula mengatakan bahawa kalau bukan hari persekolahan, dia tidak akan memakai baju sekolah. Selepas itu Siti pula menjampuk dengan mengatakan mereka memakai baju jalan (iaitu baju yang dipakai semasa pergi kesesuatu tempat atau yang dipakai semasa pergi bersiar-siar dan sebagainya).

Atiqah pula (baris 4) memberitahu bahawa dia memakai baju hujan. Siti yang kehairanan mendengar Atiqah memakai baju hujan telah bertanya apakah tujuan sebenar Atiqah memakai baju hujan. Atiqah pada (baris 8) seterusnya memberitahu bahawa dia memakai baju hujan semasa hujan kerana takut basah. Mendengar kata-kata Atiqah ini, Zarpan seterusnya pada [U2](baris 9) telah menyampuk dengan bertanya **/kalau panas?/,** yang bermaksud kalau panas Atiqah memakai baju apa?. Namun Atiqah pada [U5](baris 10) tidak memberikan jawapan secara langsung terhadap soalan yang diajukan oleh Zarpan itu. Atiqah sebaliknya telah menjawab **/Tak hujan tak boleh**

pakai sebab tak basah/.

Jawapan yang diberikan oleh Atiqah ini jelas tiada hubungan dengan soalan yang dikemukakan oleh Zarpan kepadanya. Dia sepatutnya memberitahu Zarpan apakah baju yang dipakai ketika hari panas. Namun, jawapan yang diberikan iaitu **/tak hujan tak boleh pakai sebab tak basah/** jelas sekali tidak selari dengan maksud pertanyaan Zarpan dari sudut semantik.

Walau bagaimanapun, apabila jawapan Atiqah ini dikaji menggunakan konsep implikatur perbualan, didapati bahawa jawapan yang diberikan ini sebenarnya bermaksud: hanyalah pada hari hujan sahaja Atiqah akan memakai baju hujan manakala pada hari-hari biasa iaitu hari panas dan sebagainya, dia tidak perlu memakai baju hujan kerana dia tidak akan basah jika tiada air hujan. Jadi jawapan Atiqah sebenarnya bermaksud, dia hanya memakai baju hujan semasa hujan dan pada hari-hari tidak hujan dia tidak akan memakai baju hujan termasuklah hari panas.

Analisis implikatur menunjukkan bahawa jawapan yang diberikan oleh Atiqah pada [U5](baris 10) ini sebenarnya mempunyai kaitan dengan soalan yang diajukan oleh Zarpan. Cuma pentafsiran mesej yang disampaikan perlulah dibuat dari sudut yang tersirat. Jawapan Atiqah itu memerlukan pendengar membuat andaian-andaian sendiri apakah sebenarnya yang cuba disampaikan oleh Atiqah. Pentafsiran makna yang tepat perlu disertakan dengan pengalaman pendengar sendiri tentang apa yang selalu dipakai orang pada hari biasa yang cuaca panas dan tidak hujan. Sudah pasti tidak ada orang yang akan memakai baju hujan pada hari panas kerana baju hujan hanya sesuai dipakai pada hari hujan sahaja. Jadi, semua orang akan memakai apa sahaja jenis baju pada hari panas (hari tidak hujan) kecuali baju hujan.

Seterusnya, lihat pula ujaran pada baris 11 dan 12.

11 [U4]Siti /Kenapa nak pakai baju hujan?/

12 [U6]Atiqah /Tak bagi demam .../

Pada baris 11, Siti pada [U4] telah bertanya kepada Atiqah /Kenapa nak pakai baju hujan?/. Pertanyaan ini secara literal bermaksud kenapa Atiqah perlu memakai baju hujan semasa hujan. Atiqah pada [U6](baris 12) telah menjawab /Tak bagi demam .../ terhadap soalan yang diajukan oleh Siti itu. Jawapan yang diberikan oleh Atiqah ini jika ditafsirkan dari sudut semantik, ia tidak menggambarkan perkaitan yang jelas dengan pertanyaan Siti. Pertanyaan Siti jika ditafsir dari sudut semantik adalah bermaksud:

-/kenapa nak pakai baju hujan?/ bermaksud /kenapa hendak memakai baju hujan?/

Jawapan yang sesuai dari sudut semantik dengan pertanyaan di atas ialah:

-/pakai baju hujan supaya tidak basah/

Namun jawapan yang diberikan oleh Atiqah ialah:

-/Tak bagi demam .../ bermaksud /supaya tidak demam/

Analisis semantik di atas menunjukkan jawapan /tak bagi demam/ adalah terlalu ringkas dan tidak memenuhi maksud literal pertanyaan Siti. Untuk mendapatkan jawapan yang lebih tepat dan makna yang lebih luas daripada jawapan Atiqah ini, Siti perlu menggunakan beberapa andaian dan kesimpulan yang dirasakan munasabah. Siti perlu mengadunkan pengetahuan serta pengalamannya berkaitan dengan hujan dan akibat sekiranya seseorang terkena hujan selain daripada pakaian mereka basah, apa lagi kesan yang akan dihadapi sekiranya seseorang itu terkena hujan.

Pengaruh persekitaran dan pengalaman sendiri diperlukan oleh Siti dalam mendapatkan jawapan yang lebih tepat dan selari dengan pertanyaan yang dibuatnya:

1. *Berdasarkan pengalamannya, ibu bapa sering melarang anak-anak bermain atau mandi air hujan*
2. *Biasanya sesiapa yang bermain atau mandi hujan akan mengalami masalah demam.*
3. *Pada hari hujan, orang akan menggunakan payung atau baju hujan agar tidak basah*
4. *Air hujan bukan sahaja akan menyebabkan seseorang itu basah, malah boleh menyebabkan penyakit-demam apabila terkena hujan kerana bila basah akan menyebabkan kesejukan seterusnya akan mengakibatkan demam.*
5. *Atiqah memakai baju hujan kerana hendak mengelak dari terkena hujan dan akhirnya boleh mengakibatkan demam.*

Analisis data menunjukkan bahawa kanak-kanak telah bijak mempraktikkan pengetahuan serta pengaruh persekitaran dalam interaksi dengan rakan sebaya. Mereka boleh menggunakan keseluruhan pengetahuan tentang dunia sebagai rujukan dalam perbualan biarpun perkara tersebut tidak dialami oleh mereka semasa sedang berinteraksi. Namun apa yang pernah dialami dan sering berlaku di persekitaran mereka telah dijadikan sebagai bahan penceritaan serta rujukan yang bersifat abstrak yang mana pemahaman dan pentafsiran perlu dibuat berdasarkan pengalaman yang telah sedia ada dalam fikiran penutur dan pendengar yang dikongsi bersama. Hal ini telah membantu memudahkan proses interaksi berjalan dengan lancar kerana semua kanak-kanak

memahami mesej yang disampaikan walaupun secara tersirat.

Situasi ini menunjukkan bahawa pemahaman makna tersirat dalam kalangan kanak-kanak prasekolah yang berusia empat hingga enam tahun memang telah wujud dan ia perlulah dibentuk serta dipupuk dengan kaedah yang betul dan lebih terancang agar kanak-kanak prasekolah ini dapat menguasai sepenuhnya makna tersirat. Kanak-kanak telah mampu mengaitkan konsep yang bersifat lebih abstrak dalam perbualan sesama mereka. Kanak-kanak didapati boleh berbincang dan bercerita, berkongsi pengalaman terhadap perkara-perkara yang pernah berlaku sesama mereka.

Kanak-kanak bijak membuat andaian dan perbandingan berdasarkan pengalaman yang dikongsi bersama dari apa yang sering dilihat dan dialami di sekeliling mereka. Hal ini menunjukkan keupayaan pemahaman makna tersirat dalam kalangan kanak-kanak kerana mereka mempunyai kemampuan membuat rujukan serta membincangkan perkara-perkara yang pernah dialami mereka sebelum itu dengan begitu baik. Kanak-kanak mampu berinteraksi dan bercerita dengan sempurna biarpun rujukan penceritaan merupakan sesuatu yang tidak ada di hadapan mata mereka pada waktu itu.

Contoh 15

| | |
|----------------|--|
| Tarikh rakaman | Ogos 2009 |
| Masa | 5 minit |
| Sampel | Haniff (L4) dan abangnya |
| Tempat | di rumah |
| Situasi | Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa kanak-kanak sedang makan nasi. |

- 1 [U1]Hanif / sakit eh perut // umi lah nih/
- 2 [U1]abang /bak pa nya?/
- 3 [U1]Hanif /umi bubuh banyak sangat nasi /
- 4 [U1]abang /tak habis dah tu//nak royak ka umi/

Contoh 15 menunjukkan wujudnya ujaran yang mempunyai maksud tersirat telah dihasilkan kanak-kanak prasekolah semasa berinteraksi. Keadaan ini dapat dilihat pada ujaran yang dibuat oleh Hanif pada [U1](baris 1) iaitu: **/sakit eh perut//umi lah nih/**.

Ujaran yang dibuat oleh Hanif ini sebenarnya telah melanggar maksim cara. Hanif membuat ujaran begini adalah dengan harapan supaya ibu tidak memarahinya kerana tidak dapat menghabiskan semua nasi yang ada di dalam pingganinya itu. Melalui kaedah memberikan alasan terlebih dahulu sebelum menyatakan niatnya yang sebenar, kanak-kanak ini cuba mempengaruhi pendengar (ibunya) supaya tidak akan memarahinya kerana tidak dapat menghabiskan semua makanan yang ada dalam pingganinya itu. Dia merasakan dengan memberikan alasan terlebih dahulu sebelum menyatakan niat sebenar, akan dapat mengurangkan risiko kemarahan ibunya nanti kerana dia terlebih dahulu dapat menarik simpati daripada ibunya dengan mengatakan perutnya sakit. Situasi yang sama juga berlaku dalam contoh 16.

Contoh 16

| | |
|----------------|---|
| Tarikh rakaman | March 2009 |
| Masa | 15 minit |
| Sampel | Iboy (L4), adiknya (L3) dan Amin(L6). |
| Tempat | di rumah Iboy |
| Situasi | Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa kanak-kanak sedang makan malam. |

- 1 [U1]Amin /Iboy tu kalu lagu tu // tu tak habis dah tu/
- 2 [U1]Iboy /Iboy memang nak perabih/
- 3 [U2]Amin /sakni make dah keh?/
- 4 [U2]Iboy /bakpo eh tiba-tiba jah ngatuk/
- 5 [U3]Amin /hoi pandai// pada hal tak habih dak?/
- 6 [U3]Iboy /ngatuk!!!/
- 7 [U4]Amin /tak abih dak..../
- 8 [U4]Iboy /ngatuk.../ (memejamkan mata)
- 9 [U5]Amin /berlakon tuh/
- 10 [U5]Iboy /ha tak habih/ (tersengih)
- 11 [U6]Iboy /ngatuk.../ (memejamkan mata)

Contoh 16 menunjukkan fenomena yang sama dengan Contoh 15, dimana kanak-kanak telah membuat ujaran yang melanggar maksim cara. Ujaran Iboy[U2](baris 4): **/bakpo eh tiba-tiba jah ngatuk/** telah melanggar maksim cara kerana kanak-kanak telah memberikan alasan terlebih dahulu sebelum menyatakan niatnya yang sebenar. Iboy cuba mempengaruhi pendengar (ibunya) supaya tidak memarahinya kerana tidak dapat menghabiskan semua makanan yang ada dalam pinggannya itu.

Kedua-dua situasi dalam Contoh 15 dan 16 di atas menunjukkan bahawa kanak-kanak prasekolah bijak menyampaikan mesej secara tersirat dalam keadaan terdesak untuk mengelak dari dimarahi.

Contoh 17

| | |
|----------------|---|
| Tarikh rakaman | Feb 2008 |
| Masa | 7 minit |
| Sampel | Syafiq (L6) dan Su (P6) |
| Tempat | di dalam bilik darjah |
| Situasi | Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa |

kanak-kanak sedang berbual di dalam bilik
darjah sekolah Tabika In.Saniah Gunong.

- 1 [U1]Syafiq /su pinje* ngala biru mu meta boleh?/
- 2 [U1]Su / hile* /
- 3 [U2]Syafiq / kedekut /
- 4 [U2]Su / biarla//takdi mu curi dah/
- 5 [U3]Syafiq /bila?/
- 6 [U3] Su /sakni//kala ija*/

**ija = hijau, pinje = pinjam, hile = hilang*

Contoh 17 menunjukkan Syafiq [U1](baris 1): **/su pinje* ngala biru mu meta boleh?/** telah bertanya kepada Su sama ada boleh atau tidak dia meminjam pensil warna milik Su. Namun Su [U1](baris 2) telah menjawab **/hile/**. Jawapan yang diberikan oleh Su ini tidak mempunyai perkaitan dari sudut semantik dengan soalan yang diajukan oleh Syafiq.

Ujaran Su didapati telah melanggar pelbagai maksim seperti maksim kuantiti, maksim hubungan dan maksim kualiti. Perlanggaran maksim kuantiti berlaku kerana Su telah memberikan jawapan yang terlalu ringkas terhadap pertanyaan yang diujarkan oleh Syafiq. Su sepatutnya mengatakan **[tidak boleh kerana pensil warna biru saya sudah hilang]** atau sekiranya Su sengaja tidak mahu memberi pinjam kepada Syafiq, dia boleh mengatakan secara lebih jelas dan berterus terang kepada Syafiq seperti memberikan jawapan berikut **[tidak boleh kerana saya tidak mahu bagi pinjam pada awak]**.

Perlanggaran maksim relevan berlaku disebabkan Su telah memberikan jawapan yang langsung tidak mempunyai kaitan dengan soalan yang dikemukakan oleh Syafiq. Syafiq

bertanya sama ada dia boleh atau tidak meminjam pensil warna milik Su. Sepatutnya Su memberikan jawapan yang selari iaitu sama ada **[boleh]** atau **[tidak boleh]**. Menurut Grice (1975), seseorang penutur hendaklah sentiasa memberikan sumbangan yang mempunyai hubungan. Sekiranya dia gagal, maka dia akan melanggar prinsip kerjasama.

Perlanggaran maksim kualiti berlaku kerana Su telah membuat ujaran yang dia sendiri sedar bahawa perkara yang dituturkannya adalah palsu. Semasa Su mengatakan pensilnya **/hile/** [*‘hilang’*], sebenarnya berdasarkan pemerhatian pengkaji, pensil yang berwarna biru miliknya itu tidak hilang tetapi dia telah berbohong kepada Syafiq. Lantaran itu, ujaran yang dibuat oleh Su dianggap sebagai melanggar *maksim kualiti* kerana dia berbohong.

Grice (1975) mengatakan bahawa jangan menyatakan tentang perkara yang kita sedar adalah palsu semasa bercakap kerana ini akan dianggap sebagai melanggar maksim kualiti. Apabila kita melanggar maksim-maksim yang terdapat dalam prinsip kerjasama maka kita boleh dianggap sebagai tidak memberikan kerjasama yang sepatutnya kepada peserta-peserta yang lain. Oleh itu, jika dilihat jawapan Su dari sudut linguistik, nyata sekali bahawa Su telah melanggar prinsip kerjasama kerana jawapan yang diberikan langsung tidak mempunyai hubungan dengan pertanyaan yang dibuat oleh Syafiq.

Namun sekiranya jawapan yang dibuat oleh Su dikaji menggunakan konsep implikatur perbualan, jawapan Su ini sebenarnya adalah relevan dan mempunyai perkaitan dengan pertanyaan yang telah diajukan oleh Syafiq. Jawapan yang diberikan oleh Su ini sebenarnya bermaksud Su tidak mahu meminjamkan pensil warna biru miliknya kepada Syafiq.

4.2.2 Analisis Pemahaman Makna Tersirat Berdasarkan Keupayaan Mengujarkan dan Mentafsir Pertanyaan yang Mempunyai Pelbagai Mesej Tersirat

Pemahaman makna tersirat ujaran dalam interaksi kanak-kanak juga boleh dinilai berdasarkan kemampuan mereka menuturkan pertanyaan yang mempunyai pelbagai maksud tersirat. Kanak-kanak dalam kajian ini telah menggunakan pertanyaan sebagai satu strategi untuk menyampaikan pelbagai niat yang tersirat. Apabila mengajukan pertanyaan, kanak-kanak mengharapkan agar mereka akan mendapatkan maklum balas selari yang diingini daripada pendengar.

Asmah Hj Omar (1993: 388) dalam bukunya *Nahu Melayu Mutakhir* menyatakan bahawa ayat tanya adalah ayat yang memerlukan jawapan. Lantaran itu penggunaan pertanyaan untuk menarik perhatian dan mendapatkan maklum balas dari pendengar adalah amat bertepatan sekali.

Data menunjukkan bahawa kanak-kanak prasekolah telah memahami makna tersirat ujaran dengan baik. Ianya dapat dilihat berdasarkan keupayaan mereka mengujarkan pertanyaan untuk menyampaikan pelbagai niat yang tersirat seperti yang akan dibincangkan dalam bahagian yang seterusnya.

4.2.2.1 Keupayaan Mengujarkan Pertanyaan untuk Memberi Arahan

Analisis data mendapati beberapa situasi yang menunjukkan kanak-kanak mengujarkan pertanyaan dengan niat menyampaikan maksud tersirat untuk mengarahkan pendengar supaya melakukan sesuatu.

Contoh 18

| | |
|----------------|---|
| Tarikh rakaman | Disember 2009 |
| Masa | 5 minit |
| Sampel | Mekbi dan Nabila (P5) |
| Tempat | di rumah pengkaji |
| Situasi | Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa kanak-kanak sedang bermain. |

- 1 Nabila /mu tak bui ka Atikah ka cakelat?/
(KONTEKS: melihat Mek bi mengambil semua gula-gula yang ada dalam plastik)
- 2 Mekbi (KONTEKS: menghulurkan gula-gula yang ada ditangannya kepada kakaknya Atikah)

Dalam Contoh 18, Nabila[U1](baris1) telah menggunakan strategi pertanyaan untuk menyampaikan niat tersirat mengarahkan Mekbi memberikan gula-gula kepada kakaknya. Nabila telah bertanya **/mu tak bui ka Atikah ka cakelat?/** kepada Mekbi setelah melihat Mekbi mengambil semua gula-gula yang ada dalam plastik berdekatan. Mekbi yang memahami maksud tersirat pertanyaan tersebut, tanpa memberikan sebarang jawapan terhadap pertanyaan yang diajukan, telah menghulurkan gula-gula yang ada ditangannya kepada Atikah.

Contoh 19

| | |
|----------------|-------------------------------------|
| Tarikh rakaman | April 2008 |
| Masa | 5 minit |
| Sampel | Abang (L6) & Fizi (L4) |
| Tempat | di rumah mereka |
| Situasi | kanak-kanak sedang bermain congkak. |

- 1 [U1] Abang / guli sapa ni? /
(KONTEKS: dengan nada suara yang tinggi)
- 2 Fizi (KONTEKS: segera mengutip guli yang berselerak di atas lantai)
- 3 [U2] Abang /lain kali lepas main tolong kemas/
- 4 Fizi (KONTEKS: diam sambil memasukkan guli ke dalam plastik)

Contoh 19 menunjukkan kanak-kanak yang digelar ‘abang’ telah berjaya menggunakan pertanyaan [U1](baris 1) /**guli sapa ni?**/ untuk menyampaikan niat tersirat iaitu menyuruh adiknya (Fizi) mengutip semula guli yang telah digunakan. Data menunjukkan intonasi (nada yang tinggi) yang digunakan oleh ‘abang’ menunjukkan beliau cuba meluahkan perasaan marahnya melalui pertanyaan yang dibuat.

Fizi yang memahami maksud tersirat dari pertanyaan abangnya telah bertindak mengutip semua guli yang berselerak di atas lantai tanpa menjawab pertanyaan yang diajukan oleh abangnya itu.

Contoh 20

| | |
|----------------|------------------------|
| Tarikh rakaman | April 2008 |
| Masa | 5 minit |
| Sampel | Iboy (L6) & Akram (L4) |
| Tempat | di rumah Iboy |

Situasi Akram sedang bermain guli yang diambil dari bag sekolah Iboy.

- | | | |
|---|-----------|---------------------------------------|
| 1 | [U1] Iboy | <u>/sapa nak simpan guli aku ni?/</u> |
| 2 | [U1]Akram | /ala//meta lagi aku simpan la/ |
| 3 | [U2] Iboy | /kalu mu tak simpan jaga mu/ |
| 4 | [U2]Akram | / aku tahu la...// kedekut/ |

Contoh 20 menunjukkan situasi yang sama dengan Contoh 11. Iboy [U1](baris 1) **/sapa nak simpan guli aku ni/** telah menggunakan pertanyaan sebagai satu strategi untuk membuat arahan kepada Akram. Pertanyaan yang diajukan oleh Iboy kepada Akram mempunyai maksud tersirat sebagai satu arahan kepada Akram. Melalui jawapan yang dibuat oleh Akram pada [U1] (baris 2) dalam data iaitu **/ala//meta lagi aku simpan la/** menunjukkan bahawa Akram telah berjaya mentafsir maksud tersirat disebalik pertanyaan yang dibuat oleh Iboy. Lantaran itu, dia telah memberikan maklum balas yang selari dengan apa yang cuba disampaikan oleh Iboy.

4.2.2.2 Keupayaan Mengujarkan Pertanyaan untuk Meminta

Analisis data menunjukkan kanak-kanak telah menggunakan pertanyaan sebagai strategi menyampaikan niat tersirat untuk meminta sesuatu daripada pendengar. Data-data 21, 22 dan 23 di bawah menunjukkan bagaimana kanak-kanak sampel bijak menggunakan pertanyaan untuk menyampaikan mesej tersirat untuk meminta.

Contoh 21

| | |
|----------------|----------------------------------|
| Tarikh rakaman | Mei 2008 |
| Masa | 8 minit |
| Sampel | Syafik Amirul (L5) dan Yana (L5) |

| | |
|---------|--|
| Tempat | dalam kelas tadika <i>In. Saniah Gunong</i> |
| Situasi | Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa kanak-kanak sedang membuat aktiviti mewarna. |

- 1 [U1]Syafik Amirul /ni ngala sapa?/
(KONTEKS: menunjukkan pensil warna yang berwarna hijau)
- 2 [U1]Yana /ambik ah.../
- 3 [U2]Syafik Amirul /hak aku tak dak warna hijau/
- 4 [U2]Yana /pah mu hantar* /(*pulangan)

Contoh 21 menunjukkan kanak-kanak telah menyampaikan niat tersirat untuk meminta sesuatu daripada pendengar melalui pertanyaan. Syafik Amirul [U1](baris 1) telah mengujarkan pertanyaan /**ni ngala sapa?**/ (ini pensil warna siapa?) kepada kawannya Yana dengan niat tersirat untuk meminjam pensil warna milik Yana itu.

Daripada jawapan yang diberikan oleh Yana, didapati beliau juga telah mentafsir pertanyaan Syafik dari sudut yang tersirat. Jawapan Yana [U1](baris 2) /**ambik ah...**/ menunjukkan beliau telah memberi kebenaran kepada Syafik menggunakan pensil warna miliknya sejurus mendengar pertanyaan daripada Syafik. Sekiranya Yana tidak mentafsir pertanyaan Syafik dari sudut tersirat, sudah pasti Yana akan menjawab sama ada [pensil itu saya punya] atau [**pensil warna itu milik saya**] yang lebih sesuai dari sudut semantik dengan pertanyaan Syafik.

Contoh 22

Tarikh rakaman Mei 2007
Masa 7 minit

| | |
|---------|--|
| Sampel | Aida dan Najiha (P5) |
| Tempat | Di sekolah |
| Situasi | Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa kanak-kanak sedang berbual |

- 1 [U1] Aida /Najiha mana buku merah?/
- 2 [U1] Najiha /nanti nak ambik .../
(KONTEKS: bangun dan menuju ke meja Sazwan)
- 3 [U2] Aida /duk mana?/
- 4 [U2]Najiha /Sazwan ambik takdi.../

Data dalam Contoh 22, menunjukkan Najiha telah mentafsir pertanyaan Aida dari sudut tersirat. Najiha telah mentafsir pertanyaan yang diajukan oleh Aida [U1](baris 1) **/Najiha mana buku merah?/**, sebagai satu permintaan. Sekiranya Najiha tidak mentafsir pertanyaan tersebut dari sudut tersirat sudah pasti dia akan memberitahu di manakah terletakinya buku merah itu. Namun, disebabkan Najiha telah mentafsir pertanyaan Aida dari sudut tersirat, maka Najiha terus menjawab [U1] (baris 2) **/nanti nak ambik .../**. Najiha yang mentafsir pertanyaan Aida sebagai satu permintaan terus bangun dan cuba mendapatkan buku yang dimaksudkan oleh Aida.

Contoh 23

| | |
|----------------|--|
| Tarikh rakaman | Mei 2008 |
| Masa | 7 minit |
| Sampel | Mohamad dan Akil (L5) |
| Tempat | Di rumah Mohamad |
| Situasi | Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa Mohamad bersama sepupunya Akil berada di ruang tamu. |

- 1 [U1] Mohamad /kepok* sapa ni?/ (*keropok)
- 2 [U1] Akil /hak aku/

- 3 [U2] Mohamad /mu nak make ka?/
- 4 [U2] Akil /bakpa nya?/
- 5 [U3] Mohamad /kalu aku ambik sikit boleh?/

Begitu juga dengan data dalam Contoh 23, data ini menunjukkan situasi dimana kanak-kanak telah menyampaikan maksud tersirat menggunakan pertanyaan untuk mewujudkan kesan yang lebih lembut dan bertujuan untuk menguji pendengar.

Mohamad[U3](baris 5) iaitu **/kalu aku ambik sikit boleh?/** bijak menggunakan pertanyaan dalam usaha menyampaikan niat tersirat untuk mengambil sedikit keropok kepunyaan Akil. Strategi menggunakan pertanyaan untuk menyampaikan niat untuk meminta sesuatu daripada pendengar merupakan satu kaedah yang lebih lembut dan boleh mengelakkan penutur dari merasa malu jika permintaannya ditolak atau tidak dilayan.

Perbincangan-perbincangan dalam data-data 21, 22, dan 23 menunjukkan pertanyaan-pertanyaan yang diajukan oleh kanak-kanak untuk menyampaikan meset tersirat untuk meminta. Situasi seperti ini memang berlaku kerana berdasarkan pendapat yang diutarakan oleh Grayshon (1977), permintaan dengan menggunakan bentuk-bentuk pertanyaan memang berlaku dalam perbualan:

“This is essentially a function between equals. A request can have a request form with request I.S: it can also have a question form with a request” (1977: 81)

Malah menurut Asmah Hj Omar (1986), permintaan jenis ini, iaitu yang menggunakan pertanyaan adalah merupakan bentuk permintaan yang paling halus diantara semua jenis permintaan.

4.2.2.3 Keupayaan Menggunakan Pertanyaan untuk Membuat Tuduhan

Analisis data juga menunjukkan kanak-kanak prasekolah telah mengujarkan pertanyaan semasa berinteraksi dengan niat menyampaikan maksud tersirat untuk membuat tuduhan kepada pendengar. Contoh 24, 25 dan 26 menunjukkan ekstrak perbualan kanak-kanak prasekolah yang mengandungi makna tersirat untuk membuat tuduhan dalam pertanyaan yang diujarkan.

Contoh 24

| | |
|----------------|--|
| Tarikh rakaman | Jan 2008 |
| Masa | 7 minit |
| Sampel | Nazri(L5) dan Ebby (L4) |
| Tempat | di ruang tamu rumah mereka |
| Situasi | Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa kanak-kanak sedang bermain di ruang tamu rumah mereka. |

- 1 [U1]Nazri /sapa buat ni?/
(KONTEKS: dengan nada tinggi sambil menunjukkan kusyen yang berterabur)
- 2 [U1]Ebby /aku dak.../ (membuat penafian)
- 3 [U2]Nazri /Umi // sapa tau buat tu // habih kusyen/
(KONTEKS: memandang adik (Ebby))
- 4 [U2]Ebby /Oghe dak.../

Data perbualan dalam Contoh 24 menunjukkan kanak-kanak telah membuat tuduhan kepada pendengar melalui pertanyaan. Nazri [U1](baris 1) telah mengajukan pertanyaan /sapa buat ni?/ kepada Ebby dengan nada tinggi menunjukkan bahawa dia telah menuduh Ebby menyelerakkan kusyen yang pada masa itu berada di sebelah Ebby.

Contoh 25

| | |
|----------------|--|
| Tarikh rakaman | Disember 2009 |
| Masa | 8 minit |
| Sampel | Amirah (P4) dan Mekbi (P3) |
| Tempat | di halaman rumah Amirah |
| Situasi | Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa kanak-kanak sedang berbual di halaman rumah. |

- 1 [U1]Amirah /tak habis?/
- 2 [U1]Mek bi / habis la/ / meta lagi/
- 3 [U2]Amirah /ambik banyak sangat!/

Begitu juga dengan Contoh 25, di mana pertanyaan yang dibuat oleh Amirah [U1](baris1) iaitu **/tak habis?/** yang ditujukan kepada Mekbi ini sebenarnya mempunyai niat tersirat untuk menuduh Mekbi sengaja tidak mahu menghabiskan makanan yang diambilnya. Niat tersiratnya untuk menuduh Mekbi telah diperkukuhkan lagi melalui ujaran pada [U2](baris 3) yang mana Amirah telah mengatakan **/ambik banyak sangat!/.**

Contoh 26

| | |
|----------------|--|
| Tarikh rakaman | Disember 2009 |
| Masa | 8 minit |
| Sampel | Nabila (P4), Atikah (P5), Mekbi (P3) dan Amirah (P4) |
| Tempat | di halaman rumah pengkaji |
| Situasi | Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa kanak-kanak sedang berbual di halaman rumah. |

- 1 [U1]Atikah /Dok mana sa lagi ni?/
(KONTEKS: memandang tepat ke muka Nabila)
- 2 [U1]Nabila /aku tak ambik/
(membuat penafian)
- 3 [U1]Mek bi / sakni mu pege* keh?/ (*pege = pegang)

Dalam Contoh 26 pula, pertanyaan yang ditujukan oleh Atikah kepada Nabila [U1](baris 1) iaitu /**dok mana sa lagi ni?**/ mengandungi niat untuk membuat tuduhan kepada Nabila yang dianggap telah mengambil dan menghilangkan mainannya. Tuduhan telah disampaikan secara tersirat melalui pertanyaan yang diajukan.

Perbincangan yang telah dibuat dalam contoh 24, 25 dan 26 menunjukkan bahawa kanak-kanak prasekolah telah bijak menggunakan strategi pertanyaan dalam menyampaikan mesej tersirat mereka semasa berinteraksi antara satu sama lain.

4.2.2.4 Keupayaan Kanak-kanak Mengajukan Pertanyaan yang Mempunyai Maksud Tersirat untuk Mengajak

Contoh 27 dan 28 menunjukkan terdapatnya pertanyaan-pertanyaan yang telah diujarkan oleh kanak-kanak dengan niat menyampaikan maksud tersirat untuk mengajak pendengar melakukan sesuatu.

Contoh 27

| | |
|----------------|--|
| Tarikh rakaman | Januari 2007 |
| Masa | 5 minit |
| Sampel | Alif (L5) dan Akram (L4) |
| Tempat | di halaman rumah Alif |
| Situasi | Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa kanak-kanak sedang berbual di halaman rumah. |

- | | | |
|---|------------|---|
| 1 | [U1] Aliff | /eh//acu tengok//penuh dah air dalam koloh/ |
| 2 | [U1]Akram | <u>/mu nak mandi?/</u> |
| 3 | [U2] Aliff | <u>/mu nak?//Mari ah.../</u> |

Contoh 27 menunjukkan keupayaan Akram yang berusia lima tahun membuat pertanyaan (lihat [U1] (baris 2)) yang mempunyai maksud tersirat untuk mengajak rakannya, Aliff, mandi bersama-sama dengannya di dalam kolah. Aliff dalam ujaran yang ditujukan kepada Akram [U1](baris 1) **/eh//acu tengok//penuh dah air dalam koloh/** telah memberitahu Akram bahawa kolah yang berada di halaman rumah telah dipenuhi air.

Akram[U2](baris 2) membalas dalam bentuk pertanyaan iaitu **/mu nak mandi?/** untuk mengetahui sama ada Aliff hendak mandi atau tidak. Pertanyaan ini mengandungi maksud tersirat untuk mengajak Aliff mandi dalam kolah tersebut.

Contoh 28

| | |
|----------------|---|
| Tarikh rakaman | Jan 2009 |
| Masa | 5 minit |
| Sampel | Ina (P6) dan Nazri (P6) |
| Tempat | di sekolah tadika <i>In. Saniah Gunong</i> |
| Situasi | Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa kanak-kanak sedang rehat untuk makan. |

- | | | |
|---|-----------|-------------------------------|
| 1 | [U1]Ina | <u>/tak sir make?/</u> |
| 2 | [U1]Nazri | /mu gi dulu la/ |
| 3 | [U2]Ina | /lambat nanti cikgu marah.../ |

Dalam Contoh 28 pula, didapati Ina[U1](baris 1), dalam bentuk pertanyaan **/tak sir make?/** telah menyampaikan mesej tersirat untuk mengajak Nazri makan bersamanya kerana pada waktu itu semua kanak-kanak lain sedang makan dalam dewan makan sekolah. Nazri walau bagaimana pun pada [U1](baris 2) telah memberikan jawapan **/mu gi dulu la/** yang langsung tiada kaitan dari sudut semantik dengan pertanyaan Ina. Namun, dari sudut tersirat jawapan yang diberikan oleh Nazri ini merupakan satu bentuk penolakan terhadap ajakan Ina. Hal ini berlaku kerana Nazri memahami maksud tersirat dari pertanyaan yang diajukan oleh Ina kepadanya adalah dengan niat untuk mengajak Nazri makan.

4.2.2.5 Keupayaan Kanak-kanak Menyampaikan Pertanyaan yang Mempunyai Maksud Tersirat untuk Memprotes

Contoh 29 dan 30 seterusnya menunjukkan terdapatnya pertanyaan-pertanyaan yang telah diujarkan oleh kanak-kanak dengan niat menyampaikan maksud tersirat untuk menyampaikan perasaan tidak puas hati atau memprotes.

Contoh 29

| | |
|----------------|--|
| Tarikh rakaman | Jan 2009 |
| Masa | 10 minit |
| Sampel | Tasha(P6) dan Nazri (L5) |
| Tempat | di rumah Tasha |
| Situasi | Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa kanak-kanak sedang berkelahi |

1 [U1] Tasha /mu la nih wak hile hak aku dak?/

2 [U1]Nazri / bakpa gak mu suka tuduh aku?/

(bertanya kepada Tasha dengan niat menyampaikan rasa tidak puas hati)

- 3 [U2]Tasha /ha//dah mu memang suka ambik bare oghe/
- 4 [U2] Nazri /mana bukti?/

Contoh 29 menunjukkan Nazri telah membuat pertanyaan yang mempunyai maksud tersirat untuk menyampaikan perasaan tidak puas hatinya kepada Tasha. Nazri [U1](baris 2) telah mengajukan pertanyaan / **bakpa gak mu suka tuduh aku?**/ kepada Tasha dengan niat menyampaikan rasa tidak puas hati terhadap sikap Tasha kepadanya.

Contoh 30

| | |
|----------------|--|
| Tarikh rakaman | Oktober 2008 |
| Masa | 10 minit |
| Sampel | Ina (P6) dan Nita (P6) |
| Tempat | Lokasi di sekolah Tadika Kemas Pauh Lima |
| Situasi | Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa kanak-kanak sedang melukis dan mewarna |

- 1 [U1]Ina /hei!!!//rumah warna hijau ke?/
- 2 [U1]Nita /bakpa?/
- 3 [U2]Ina /macam pelik jah? (ketawa)
- 4 [U2]Nita /ikut aku ah.../
- 5 [U3]Ina /buat la warna lain/

Pertanyaan yang telah diajukan oleh Ina kepada Nita dalam Contoh 30 pula menunjukkan Ina cuba memprotes atau menyampaikan perasaan tidak puas hati terhadap lukisan Nita. Pertanyaan Ina pada [U1](baris 1) iaitu /**hei!!!//rumah warna hijau ke?**/ menunjukkan Ina tidak puas hati dengan warna hijau yang digunakan oleh Nita untuk mewarnakan rumah yang dilukisnya.

Hasil analisis data dan perbincangan yang dibuat di atas menunjukkan bahawa kanak-kanak telah menggunakan pertanyaan untuk pelbagai tujuan, iaitu bukan sahaja dengan

niat untuk mendapatkan jawapan secara literal, malah kanak-kanak juga didapati telah menggunakan pertanyaan untuk mencapai pelbagai tujuan yang tersirat semasa berinteraksi.

4.2.3 Keupayaan Mentafsir Makna Tersirat Pertanyaan

Data seterusnya menunjukkan kewujudan pertanyaan yang memerlukan kanak-kanak mentafsir maksud dari sudut tersirat.

Contoh 31

| | |
|----------------|---|
| Tarikh rakaman | Mei 2008 |
| Masa | 10 minit |
| Sampel | Syafik Amirul (L5) dan Yana (L5) |
| Tempat | Dalam kelas tadika In. Saniah Gunong |
| Situasi | Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa kanak-kanak sedang membuat aktiviti mewarna dan Syafik didapati tidak mempunyai pensil warna. |

- 1 [U1]Syafik Amirul /ni ngala sapa?/
(menunjukkan pensil warna yang berwarna hijau)
- 2 [U1]Yana /ambik ah.../
- 3 [U2]Syafik Amirul /hak aku tak dak warna hijau/
- 4 [U2]Yana /pah mu hantar* /(*pulangkan)

Ujaran yang bergaris [U1] (baris 2) dalam Contoh 31 menunjukkan Yana telah memahami dan dapat menterjemahkan maksud pertanyaan yang dibuat oleh Syafik Amirul [U1](baris 1) dari sudut yang tersirat sebagai satu permintaan.

Syafik Amirul [U1](baris 1) telah mengajukan pertanyaan **/ni ngala sapa?/** kepada Yana sambil menunjukkan pensil warna yang berwarna hijau. Yana pada [U1](baris 2)

telah menjawab /**ambik ah**/ sebagai jawapan yang memberikan persetujuan kepada Syafik Amirul untuk menggunakan pensil warna miliknya itu. Jawapan Yana ini menunjukkan beliau memahami maksud tersirat pertanyaan Syafik yang sebenarnya mempunyai niat untuk meminjam pensil warna tersebut. Sekiranya Yana tidak mentafsir pertanyaan Syafik Amirul dari sudut tersirat, dia akan menjawab [**pensil itu saya yang punya**] atau [**pensil itu kepunyaan saya**] kerana kedua-dua jawapan inilah yang sebenarnya lebih sesuai dari sudut semantik untuk menjawab pertanyaan Syafik Amirul.

Contoh 32

Tarikh rakaman Mei 2008
Masa 10 minit
Sampel Tuti (P6) dan Syafiqah (P6)
Tempat Dalam kelas tadika In. Saniah Gunong
Situasi Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa kanak-kanak sedang membuat aktiviti mewarna.

- 1 [U1]Tuti /sapa ada getah pemadam?/
- 2 [U1] /saya/
Syafiqah (KONTEKS: sambil menghulurkan getah pemadam kepada Tuti)(memahami maksud tersirat disebalik pertanyaan yang dibuat oleh Tuti)
- 3 [U2] Tuti / saya punya tertinggal/
(KONTEKS: sambil mengambil getah pemadam yang dihulurkan oleh Syafiqah)

Sama juga keadaannya dengan Contoh 32. Pertanyaan yang diajukan oleh Tuti [U1](baris 1) /**siapa ada getah pemadam?**/ telah ditafsir oleh Syafiqah dari sudut yang tersirat. Lantaran itu Syafiqah pada [U1](baris 2) terus sahaja menjawab /**saya**/ sambil

menghulurkan getah pemadam kepada Tuti walaupun tidak diminta secara '*direct*' oleh Tuti.

Situasi ini menunjukkan kanak-kanak telah memproses pertanyaan tersebut pada peringkat kognitif dan menyesuaikan dengan konteks yang sebenar sebelum memberikan maklum balas yang sesuai dengan niat penutur. Jawapan Tuti pada [U2](baris 3) **/saya punya tertinggal/** (sambil mengambil getah pemadam yang dihulurkan oleh Syafiqah) menunjukkan pentafsiran secara tersirat yang dibuat oleh Syafiqah adalah tepat sekali.

Contoh 33

| | |
|----------------|---|
| Tarikh rakaman | Disember 2009 |
| Masa | 8 minit |
| Sampel | Mekbi (P3) dan Nabila (P5) |
| Tempat | di rumah pengkaji |
| Situasi | Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa kanak-kanak sedang bermain. |

- 1 Nabila /mu tak bui ka Atikah ka cakelat?/
(KONTEKS: melihat Mek bi mengambil semua gula-gula yang ada dalam plastik)
- 2 Mekbi (KONTEKS: menghulurkan gula-gula yang ada ditangannya kepada kakaknya Atikah)

Data perbualan kanak-kanak dalam Contoh 33 menunjukkan Mekbi (baris 2) telah mentafsir pertanyaan yang diajukan oleh Nabila dari sudut yang tersirat. Apabila Nabila mengajukan pertanyaan pada [U1](baris 1) **/mu tak bui ka Atikah ka cakelat?/** Mekbi terus menghulurkan gula-gula yang diambilnya kepada Atikah.

Perlakuan Mekbi sejurus mendengar pertanyaan Nabila menunjukkan bahawa Mekbi telah mentafsir pertanyaan Nabila dari sudut tersirat sebagai satu arahan kepadanya supaya berkongsi gula-gula itu bersama dengan kakaknya Atikah. Sekiranya Mekbi mentafsir pertanyaan Nabila itu secara literal berdasarkan makna linguistik, sudah tentu dia akan menjawab sama ada dia **[sudah]** atau **[belum]** lagi memberikan gula-gula itu kepada kakaknya Atikah, tanpa bertindak menyerahkan gula-gula tersebut. Hal ini menunjukkan kanak-kanak mampu mentafsir pertanyaan dari sudut tersirat sebagai satu arahan.

Contoh 34

| | |
|----------------|---|
| Tarikh rakaman | Jun 2008 |
| Masa | 5 minit |
| Sampel | Azim (L5) |
| Tempat | di rumah Azim |
| Situasi | Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa kanak-kanak sedang menonton tv. |

- 1 [U1]abang /tak mandi lagi?/ (KONTEKS: nada suara tinggi)
- 2 [U1]Azim /kejap nak tengok kartun ni// pah ni gi mandi la/
(KONTEKS: kanak-kanak memahami maksud tersirat pertanyaan yang diujarkan abangnya dengan niat untuk menyuruhnya mandi (arahan))

Contoh 34 menunjukkan Azim telah mentafsir pertanyaan abangnya [U1](baris 1) dari sudut tersirat. Apabila abangnya bertanya **/tak mandi lagi?/**, Azim terus menjawab [U1](baris 2) **/kejap nak tengok kartun ni// pah ni gi mandi la/**. Sekiranya Azim mentafsir pertanyaan abangnya dari sudut semantik (tersurat) dia akan menjawab sama

ada [telah mandi] atau [belum mandi lagi] kerana kedua-dua jawapan ini adalah lebih tepat untuk menjawab soalan abangnya dari sudut semantik.

Situasi ini menunjukkan kemampuan kanak-kanak mentafsir maksud pertanyaan dari sudut yang tersirat yang berupa satu arahan kepadanya supaya pergi mandi.

Contoh 35

| | |
|----------------|---|
| Tarikh rakaman | April 2008 |
| Masa | 5 minit |
| Sampel | Iboy (L6) & Ebby (L4) |
| Tempat | di rumah mereka |
| Situasi | kanak-kanak baru selesai membaca buku dan membiarkan buku berselerak di atas lantai, manakala mereka begitu leka menonton TV. |

- 1 [U1]Abang /buku ni letak mana?/ (nada tinggi)
- 2 Ebby & Iboy (KONTEKS: segera mengemas buku yang berselerak di atas lantai)

Contoh 35 menunjukkan keadaan yang sama dengan Contoh 22 dan 23. Ebby dan Iboy didapati telah mentafsirkan pertanyaan yang diajukan oleh abangnya dari sudut yang tersirat sebagai satu arahan. Apabila abangnya bertanya [U1](baris 1) /**buku ni letak mana?**/, Iboy dan Ebby tidak memberikan jawapan, namun terus mengemas buku-buku yang berselerak di atas lantai sejurus mendengar pertanyaan tersebut. Situasi ini menunjukkan kemampuan kanak-kanak mentafsir pertanyaan sebagai satu arahan.

Contoh 36

| | |
|----------------|------------|
| Tarikh rakaman | April 2008 |
| Masa | 15 minit |

| | |
|---------|---|
| Sampel | Iboy (L4) & Akram (L4) |
| Tempat | di rumah mereka |
| Situasi | Akram sedang bermain guli yang diambil dari bag sekolah Iboy. |

- 1 [U1] Iboy /sapa nak simpan guli aku ni?/
(KONTEKS: nada suara tinggi)
- 2 [U1] Akram /ala//meta lagi aku simpan la/
- 3 [U2] Iboy /kalu mu tak simpan jaga mu/
- 4 [U2] Akram /aku tahu la...// kedekut/

Dalam contoh 36, didapati pertanyaan yang dibuat oleh Iboy [U1](baris 1) **/sapa nak simpan guli aku ni?/** sebenarnya mempunyai maksud tersirat untuk mengarahkan Akram mengemas semula guli yang diambil dari bag sekolahnya. Melalui jawapan yang dibuat oleh Akram pada [U1](baris 2) iaitu **/ala//meta lagi aku simpan la/**, menunjukkan bahawa Akram juga telah berjaya mentafsir maksud tersirat disebalik pertanyaan yang diajukan oleh Iboy kepadanya yang menyampaikan arahan secara tersirat. Lantaran itu, dia telah memberikan maklum balas yang selari dengan apa yang cuba disampaikan oleh Iboy.

Perbincangan dari Contoh 33, 34, 35 dan 36 menunjukkan kanak-kanak telah memahami maksud tersirat disebalik pertanyaan yang ditujukan oleh penutur kepadanya sebagai satu arahan.

Contoh 37

| | |
|----------------|---|
| Tarikh rakaman | Jan 2008 |
| Masa | 8 minit |
| Sampel | Nazri(L5) dan Ebby (L4) |
| Tempat | di ruang tamu rumah mereka |
| Situasi | Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa |

kanak-kanak sedang bermain di ruang tamu rumah.

- 1 [U1]Nazri /sapa buat ni?/
(KONTEKS: dengan nada tinggi sambil menunjukkan kusyen yang berterabur)
- 2 [U1]Ebby /aku dak.../ (membuat penafian)
- 3 [U2]Nazri /Umi // sapa tau buat tu // habih kusyen/
- 4 [U2]Ebby /Oghe dak.../

Contoh 37 menunjukkan Ebby telah mentafsir pertanyaan Nazri dari sudut yang tersirat. Apabila Nazri mengajukan pertanyaan [U1] (baris 1) **/sapa buat ni?/**, Ebby telah mentafsir pertanyaan tersebut sebagai satu tuduhan kepadanya. Lantaran itu Ebby terus membuat penafian pada [U1](baris 2): **/aku dak.../**. Situasi ini menggambarkan kanak-kanak prasekolah telah mentafsir pertanyaan yang diajukan oleh penutur kepada mereka dari sudut yang tersirat.

Contoh 38

| | |
|----------------|--|
| Tarikh rakaman | Disember 2009 |
| Masa | 10 minit. |
| Sampel | Amirah (P5) dan Mekbi (P3) |
| Tempat | di halaman rumah |
| Situasi | Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa kanak-kanak sedang berbual di halaman rumah. |

- 1 [U1]Amirah /tak habis?/ (KONTEKS: nada suara sedikit tinggi)
- 2 [U1]Mek bi / habis la/ / meta lagi/
- 3 [U2]Amirah /ambik banyak sangat!/

Contoh 38 juga menunjukkan Mekbi telah mentafsir pertanyaan Amirah dari sudut tersirat. Apabila Amirah [U1](baris 1) bertanya **/tak habis?/**, Mekbi yang mentafsir

maksud pertanyaan Amirah sebagai tuduhan kepada beliau yang dianggap sengaja membazir makanan terus menjawab **/habis la//meta lagi/** sebagai satu penafian terhadap tuduhan Amirah.

Contoh 39

| | |
|----------------|--|
| Tarikh rakaman | Disember 2009 |
| Masa | 5 minit |
| Sampel | Nabila (P5), Atikah (P5), Mekbi (P3) dan Amirah(P5) |
| Tempat | di halaman rumah pengkaji |
| Situasi | Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa kanak-kanak sedang berbual di halaman rumah. |

- 1 [U1]Atikah /Dok mana sa lagi ni?/
(KONTEKS:memandang tepat ke muka Nabila)
- 2 [U1]Nabila /aku tak ambik/
- 3 [U1]Mek bi / sakni mu pege* keh?/ (*pege = pegang)

Contoh 39 juga menunjukkan kanak-kanak prasekolah iaitu Nabila telah mentafsir pertanyaan dari sudut yang tersirat. Pertanyaan Atikah [U1](baris 1) iaitu: **/dok mana sa lagi ni?/** telah ditafsir oleh Nabila sebagai satu tuduhan kepadanya yang dianggap telah menghilangkan permainan milik Atikah. Justeru, Nabila telah membuat penafian pada [U1](baris 2) iaitu: **/aku tak ambik/** sejurus mendengar pertanyaan tersebut. Sekiranya Nabila tidak memahami maksud tersirat disebalik pertanyaan Atikah, sudah tentu dia akan menjawab **[saya tidak tahu]** atau dia mungkin akan menjelaskan dimanakah komponen mainan tersebut (jika dia mengetahui) kerana bentuk-bentuk jawapan ini adalah lebih sesuai dari sudut semantik untuk menjawab soalan yang diajukan oleh Atikah itu.

Daripada perbincangan yang telah dibuat, kanak-kanak prasekolah didapati telah menggunakan pertanyaan sebagai strategi untuk menyampaikan niat tersirat dengan begitu meluas semasa berinteraksi. Kanak-kanak berjaya menyampaikan niat tersirat untuk meminta, menyuruh, mengajak, menuduh dan sebagainya melalui pertanyaan. Situasi ini menunjukkan pemahaman kanak-kanak terhadap makna tersirat menyebabkan mereka mampu menyampaikan pelbagai mesej tersirat dengan betul.

4.2.4 Analisis Pemahaman Penggunaan Kata Ganti Nama Diri dalam Pelbagai Konteks sebagai Satu Keupayaan Memahami Makna Tersirat

Pemahaman makna tersirat kanak-kanak prasekolah juga boleh dinilai melalui kemampuan kanak-kanak menggunakan Kata Ganti Nama Diri (KGND) dalam konteks yang sesuai. Analisis data menunjukkan kanak-kanak prasekolah memahami makna rujukan berdasarkan konsep Kata Ganti Nama Diri Orang Ketiga dalam konteks yang betul dan situasi ini dapat dilihat dalam contoh-contoh yang diberikan seterusnya.

Contoh 40

| | |
|----------------|--|
| Tarikh rakaman | Jan 2007 |
| Masa | 10 minit |
| Sampel | Ajid dan Amin (L6) |
| Tempat | di halaman rumah Amin |
| Situasi | Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa kanak-kanak sedang berbual di halaman rumah. |

- 1 [U1]Amin /Katabe ...terebe(terbang)...room/
(KONTEKS: menggerak-gerakkan pensel ke atas ke bawah seolah-olah sedang terbang)
- 2 [U1]Ajid /mana sayap **dia**? /

- 3 [U2]Amin /ni sayap **dia**.../
- 4 [U2]Ajid /sayap **dia** patah?.../
- 5 [U3]Amin /sayap **dia** tinggal(tertinggal).../
- (KONTEKS: ketawa)
- 6 [U1]Ajam /haa...kapaterebe mu kodi/

Dalam Contoh 40, didapati bahawa Amin melalui ujarannya pada [U1](baris 1) iaitu **/Katabe//terebe(terbang)...room/** telah menggerakkan penselnya naik ke atas dan ke bawah seperti sebuah kapal terbang yang sedang terbang. Pernyataan dan perlakuan ini telah mempengaruhi Ajid mendapatkan kesan konteks serta membantunya meneruskan perbualannya [U1](baris 2) **/mana sayap dia?/**. Ujaran tersebut menunjukkan bahawa Ajid juga telah dapat menyelami perkara yang sedang difikirkan oleh Amin dan mereka meneruskan komunikasi dalam imaginasi yang dikongsi bersama-sama.

Penggunaan KGND ‘dia’ yang merujuk kapal terbang yang patah sayap dan tidak ada sayap seterusnya menjadi lebih relevan dan dapat membantu pendengar lain iaitu Ajam untuk memproses dan memahami maklumat yang cuba disampaikan @ yang menjadi topik perbualan. Maklumat-maklumat konteks yang dibekalkan oleh Amin dan Ajid telah membolehkan Ajam memproses ujaran Amin dan Ajid dengan baik iaitu kedua-dua mereka sedang membincangkan tentang **‘kapalterbang yang ada sayap tapi sayapnya telah patah’**. Hal ini telah ditunjukkan oleh Ajam melalui ujarannya pada [U1](baris 6) iaitu **/haa...kapaterebe mu kodi/** yang bermaksud kapal terbang yang Amin maksudkan (pensel) adalah tidak bagus atau tidak berkualiti.

Contoh 41

| | |
|----------------|--|
| Tarikh rakaman | 2009 |
| Masa | 13 minit |
| Sampel | Akram (L5), Iboy (L4) dan Tasha (P6) |
| Tempat | di rumah Iboy |
| Situasi | Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa kanak-kanak sedang berbual di rumah. |

- 1 [U1]Tasya /sapa ambik tudung(penutup botol) ni?/
(konteks: memegang botol air)
- 2 [U1]Iboy /aku ambik dale peti takdi// tudung **dia** tak dak dah la/
- 3 [U2]Tasya /aku tengok takdi tudung **dia** ada/
- 4 [U1]Akram /aku tahu tudung **dia** duk mana/

Dalam Contoh 41, Tasya bertanya kepada Iboy dan Akram [U1](baris 1) **/sapa ambik tudung dia/** sambil memegang botol mineral. Iboy dan Akram dalam baris 2 dan 4 didapati telah berjaya mentafsir KGND ‘dia’ yang merujuk kepada penutup botol mineral.

Hal ini menunjukkan keupayaan kanak-kanak memahami makna tersirat berdasarkan penggunaan konsep KGND dalam konteks yang betul (Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2006).

Contoh 42

| | |
|----------------|---|
| Tarikh rakaman | Jan 2008 |
| Masa | 10 minit |
| Sampel | Asraf, Asif (L6) dan Hani (P6) |
| Tempat | di dalam bilik darjah sekolah tadika <i>In. Saniah Gunong</i> |

dua perkara yang berbeza iaitu ‘dia’ di dalam frasa */tue dia luka/* adalah merujuk kepada **motorsikal**, manakala ‘dia’ dalam frasa */banyak darah dia/* pula adalah merujuk kepada manusia atau orang yang menunggang motorsikal itu.

Dalam Contoh 46, 47 dan 48 didapati bahawa kanak-kanak telah menggunakan Kata Ganti Nama Diri (KGND) Orang Ketiga ‘dia’ dengan begitu meluas sekali. Kanak-kanak bukan sahaja merujuk ‘dia’ hanya kepada manusia, bahkan mereka juga telah merujuk ‘dia’ kepada kata nama bukan manusia seperti kereta, motor dan kapal terbang. Hal ini selaras dengan penggunaan ‘dia’ dalam kalangan orang dewasa masyarakat Melayu sendiri yang sering merujuk ‘dia’ kepada kata nama bukan manusia (Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2006).

Keupayaan kanak-kanak menggunakan KGND ‘dia’ dalam pelbagai situasi yang berbeza menunjukkan bahawa kanak-kanak prasekolah sebenarnya telah pun menguasai pemahaman makna perkataan yang bukan hanya berasaskan makna nahu semata-mata malah lebih daripada itu (ibid.). Mereka jelas sekali telah pun memahami ciri-ciri semantik dan pragmatik yang didokong oleh KGND ‘dia’ yang telah digunakan dalam data di atas.

Perbincangan-perbincangan di atas menunjukkan kemampuan kanak-kanak prasekolah mentafsir dan membuat ujaran dengan merujuk pada konteks iaitu perkara yang berlaku pada masa itu. Kanak-kanak akan menggunakan semua pengetahuan tentang dunianya untuk mentafsir ‘dia’ yang dirujuk kepada pelbagai rujukan yang berbeza dan berubah-ubah mengikut keperluan dan konteks.

4.3 Strategi Verbal dan Bukan Verbal untuk Menyampaikan Mesej Tersirat

Keupayaan kanak-kanak prasekolah memahami dan mentafsir makna tersirat semasa berinteraksi juga dapat dinilai berdasarkan strategi verbal dan bukan verbal dalam memastikan penyampaian makna tersirat dicapai sepenuhnya.

Analisis data mendapati bahawa kanak-kanak telah menggunakan strategi-strategi tertentu untuk memastikan ujaran tersirat yang cuba disampaikan dapat difahami dengan jelas oleh pendengar. Misalnya, penutur telah menggunakan pelbagai strategi verbal dan bukan verbal bagi memastikan maklumat tersirat yang disampaikan kepada pendengar tercapai. Malah, pendengar juga telah menggunakan pelbagai strategi sama ada dari sudut verbal dan bukan verbal apabila mereka tidak memahami atau tidak mampu memproses mesej tersirat yang disampaikan oleh penutur.

Jadual berikut boleh memberikan penerangan yang lebih jelas berkaitan dengan strategi yang digunakan oleh kedua-dua pihak iaitu penutur dan pendengar dalam usaha memahami makna tersirat dan memastikan mesej yang ingin dikongsi semasa berinteraksi dicapai.

| Bil | Strategi | Verbal | Bukan Verbal |
|-----|---|----------------------------------|--|
| 1 | PENUTUR (dalam Menyampaikan | • Menyampaikan maklumat tambahan | • Menggunakan nada suara tinggi semasa menyampaikan mesej tersirat |
| | | • Mengajukan pertanyaan | • memandang tepat ke |

| | | | |
|---|---|--|--|
| | Mesej Tersirat) | untuk memancing pendengar memproses maklumat-maklumat yang ingin disampaikan | wajah pendengar |
| | | | <ul style="list-style-type: none"> • pergerakan anggota badan seperti menepuk dada semasa bercakap, |
| | | | <ul style="list-style-type: none"> • menari kegembiraan sambil ketawa gembira |
| 2 | PENDENGAR (jika Tidak Memahami Mesej Tersirat) | <ul style="list-style-type: none"> • Mengajukan pertanyaan seperti: Bila? | <ul style="list-style-type: none"> • mimik muka yang berkerut |
| | | <ul style="list-style-type: none"> • Memberikan respon kurang yakin seperti: <ul style="list-style-type: none"> • emm • heh? | <ul style="list-style-type: none"> • Mata terkebil-kebil kehairanan |
| | | | <ul style="list-style-type: none"> • memandang tepat ke muka penutur |
| | | | <ul style="list-style-type: none"> • mendiamkan diri tanpa sebarang maklum balas |

Jadual 4.1: Strategi Kanak-Kanak Semasa Berinteraksi dalam Menyampaikan (Pendengar) dan Menerima (Penutur) Mesej Tersirat

Jadual di atas menunjukkan strategi-strategi yang telah digunakan oleh kedua-dua pihak sama ada penutur atau pendengar dalam usaha menyampaikan, memproses dan memahami mesej tersirat.

4.3.1 Strategi Menyampaikan Maklumat Tambahan (Verbal)

Salah satu strategi penting yang digunakan oleh kanak-kanak dalam memastikan mesej yang ingin disampaikan berjaya diterima oleh pendengar ialah dengan memberikan maklumat tambahan apabila menyedari pendengar tidak memahami sesuatu mesej yang cuba disampaikan semasa proses komunikasi berlangsung antara mereka. Malah, pembekalan maklumat tambahan juga dibuat oleh penutur setelah berjaya mengesan ketidakupayaan pendengar mentafsir maksud yang disampaikan oleh penutur, di mana terdapat sesetengah maklum balas verbal dan bukan verbal yang ditunjukkan oleh pendengar memerlukan pentafsiran secara tersirat oleh penutur sendiri.

Maknanya dalam sesetengah situasi penutur sendiri perlu peka dengan maklum balas verbal dan bukan verbal yang diberikan oleh pendengar untuk memastikan pendengar faham atau tidak apa-apa yang diperkatakan oleh penutur. Ia bermaksud dalam sesetengah keadaan, penutur perlu melihat maklum balas verbal dan bukan verbal dari pendengar terlebih dahulu sebelum meneruskan perbualan. Walau bagaimanapun, analisis data menunjukkan bahawa kejayaan penutur memberikan maklumat tambahan dalam perbualan untuk membantu pendengar mencapai tahap pemahaman yang maksimum terutamanya dalam usaha memproses maklumat yang cuba disampaikan adalah terhasil daripada kepekaan dan pemahaman penutur sendiri terhadap maklum balas-maklum balas pendengar sama ada dalam bentuk tersurat atau tersirat.

Sebenarnya maklumat tambahan diberikan oleh kanak-kanak apabila mereka menyedari bahawa maklum balas verbal dan bukan verbal yang diterima dari pendengar mempunyai kekurangan dari segi pemahaman maksud yang ingin disampaikan. Maklumat tambahan yang dimaksudkan ini terdiri daripada ide kanak-kanak yang diberikan secara verbal atau bukan verbal.

Sehubungan dengan itu, contoh-contoh berikutnya menunjukkan usaha kanak-kanak menyampaikan maklumat tambahan secara verbal atau bukan verbal supaya mesej mereka dapat di fahami dan di tafsirkan dengan lebih tepat. Ini akan membantu melicinkan lagi interaksi sesama mereka.

Contoh 43

| | |
|----------------|---|
| Tarikh rakaman | 20 Disember 2008 |
| Masa | 15 minit |
| Sampel | Hafizi (L4), Iboy (L6), Tasha (P7) |
| Tempat | di rumah Hafizi |
| Situasi | Perbualan dirakamkan oleh pengkaji di rumah semasa kanak-kanak sedang bersarapan. |

- | | | | |
|---|-------------|---|------------------------------|
| 1 | [U1] Hafizi | /eh...Iboy// kita make dah ga ni dak? | |
| 2 | Iboy | KONTEKS: Diam (memandang ke muka Hafizi-dahi yang sedikit berkerut) | |
| 3 | [U2] Hafizi | <u>/ala...//di Sri Kampar Hotel.../</u> | (maklumat tambahan) |
| 4 | [U1] Tasha | ha...//hak /masa tu kita make nga susu...//bawah/ | |
| 5 | [U1] Iboy | /aaa...//pagi tu...//hak aku tak habis make tu.../ | (memahami mesej dari Hafizi) |

Contoh 43 menunjukkan perbualan yang berlangsung antara tiga orang kanak-kanak iaitu Hafizi, Tasha dan Iboy (abang Hafizi) semasa mereka sedang bersarapan dengan memakan biskut cornflakes. Dalam perbualan tersebut Hafizi [U1](baris 1) telah memberitahu Iboy bahawa mereka pernah memakan biskut cornflakes sebelum ini. Namun Iboy (baris 2) tidak memberikan sebarang maklum balas terhadap ujaran Hafizi itu, malah Iboy telah memandang tepat ke muka Hafizi seolah-olah cuba mengingati sesuatu.

Hafizi yang menunggu maklum balas Iboy, cuba memahami maksud tersirat disebalik perlakuan diam Iboy ditambah pula perlakuan bukan verbal lain iaitu Iboy yang memandang wajah Hafizi tanpa sebarang ujaran telah memandu Hafizi untuk membantu Iboy mengingati peristiwa yang diceritakan oleh Hafizi dengan memberikan maklumat tambahan.

Hafizi yang memahami maksud perlakuan bukan verbal Iboy yang menunjukkan tidak dapat memproses maksud yang cuba disampaikannya telah membantu abangnya (Iboy) mendapatkan gambaran yang lebih jelas terhadap maksud yang cuba disampaikan pada [U1](baris 1) di atas. Hafizi pada [U2](baris 3) telah menambahkan maklumat terhadap ujaran terdahulu dengan mengatakan **/ala...di Sri Kampar Hotel.../** untuk memberikan gambaran yang lebih jelas kepada Iboy. Maklumat ini dianggap lebih relevan untuk diproses oleh Iboy dan Tasha.

Dalam [U1] (baris 4), didapati Tasha telah mencelah Hafizi, **/ha...ya...//masa tu kita make nga susu...//bawah/**, sebelum Hafizi sempat menghabiskan ujarannya. Celahan Tasha menunjukkan kefahamannya terhadap mesej tambahan yang disampaikan oleh Hafizi. Selepas itu, Iboy dengan segera menyampuk dan mengatakan [U1](baris ke 5)

/aaa...pagi tu...hak aku tak habis make tu/ sebaik sahaja beliau mendengar celahan Tasha.

Kewujudan maklumat tambahan yang diberikan oleh Hafizi dalam Contoh 33 menunjukkan keupayaan kanak-kanak memahami maksud tersirat verbal dan bukan verbal yang ditunjukkan oleh pendengar. Justeru maklumat tambahan merupakan satu strategi yang berjaya diberikan oleh Hafizi untuk membantu mengukuhkan dan mengembalikan lagi ingatan dan kefahaman Iboy terhadap apa yang diperkatakannya. Maklumat tambahan dianggap dapat membantu mengesan konteks yang cukup untuk memudahkan proses penerimaan dan pemahaman terhadap maksud tersirat. Bukan itu saja, apa yang paling penting ialah kejayaan kanak-kanak (Hafizi) membekalkan maklumat konteks kepada pendengar juga adalah disebabkan kemampuannya mentafsir maksud tersirat disebalik maklum balas verbal dan bukan verbal pendengar.

Kerelevanan yang optimal dalam perbualan diantara kanak-kanak seperti dalam Contoh 34 dapat dilihat. Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (1992), seseorang penutur bertanggung jawab untuk memudahkan ujaran mereka agar mesej atau ide mereka senang difahami oleh pendengar.

Contoh 44

| | |
|----------------|--|
| Tarikh rakaman | 1 Januari 2009 |
| Masa | 17 minit |
| Sampel | Ebby (L4) dan kakaknya, Azlin (P6) |
| Tempat | di rumah Ebby |
| Situasi | Perbualan dirakamkan oleh pengkaji di rumah Ebby semasa kakaknya sedang memegang bungkusan nasi. |

- 1 [U1]Ebby /sapa dah sambut nasik?/
- 2 [U1] kakak / heh...??/?
(KONTEKS: nada tinggi menunjukkan kehairanan)
- 3 [U2] Ebby /di hotel tu.../ (maklumat tambahan)
- 4 [U2] kakak / aaa...emm/
(KONTEKS: wajah berkerut cuba mengingati sesuatu)
- 5 [U3] Ebby /ala...di hotel tu masa umi buka tu.../ (maklumat tambahan)
(KONTEKS: menunjukkan bungkusan nasi yang dipegang kakaknya)
- 6 [U3] kakak /haa... bukuse (bungkusan) nasi tu?.../

Contoh 41 menunjukkan Ebby dan kakaknya, Azlin, sedang berbual semasa mereka hendak memakan nasi bungkus yang dibeli oleh ibu mereka. Sewaktu kakaknya sedang membuka bungkusan nasi, Ebby pada [U1](baris 1) telah bertanya **/sapa dah sambut nasik?/**. Pertanyaan Ebby itu telah menimbulkan kehairanan kepada kakaknya lalu membalas [U2](baris 2) / **heh...??/?** dengan nada tinggi (bukan verbal) menunjukkan dia tidak mampu memproses maksud ujaran Ebby tersebut.

Ebby yang memahami maklum balas kakaknya menunjukkan bahawa kakaknya itu tidak mampu mengingati serta memproses maklumat yang cuba disampaikannya, telah berusaha membantu dengan memberikan maklumat tambahan pada [U2](baris 3) iaitu **/di hotel tu.../**. Walau pun maklumat tambahan telah diberikan, kakaknya masih tidak mampu memproses maksud yang ingin disampaikan oleh Ebby. Ini dapat dilihat dari maklum balas yang diberikan seterusnya dalam [U2](baris 4) iaitu / **aaa...emm/**.

Dari maklum balas dan raut wajah Azlin yang berkerut seolah-olah cuba mengingati sesuatu itu telah membuat Ebby terfikir bahawa mungkin kakaknya itu masih tidak memahami mesej yang ingin disampaikannya. Lantas, Ebby dalam usaha membantu

kakaknya mendapatkan gambaran yang lebih jelas telah mengujarkan [U3] (baris 5)
 /ala...di hotel tu masa umi buka tu.../. Hasilnya, cetusan dari penggabungan
 maklumat pertama dan maklumat tambahan yang dibekalkan oleh Ebby telah membantu
 kakaknya memproses dan menerima maklumat sepenuhnya (lihat [U3] (baris 6)
 /haa...bukuse (bungkusan) nasi tu?/.

Dapatan dari Contoh 41 boleh dikaitkan dengan kajian Asmah Hj Omar (1988) yang
 mengatakan bahawa kanak-kanak dari usia empat tahun telah menggunakan ayat yang
 mempunyai maksud tersirat yang menunjukkan keinginannya. Kanak-kanak dalam
 kajian ini didapati berupaya memberikan maklum balas yang selari dengan hajat mereka
 yang dianggap penting untuk mewujudkan interaksi yang lancar dalam kalangan
 mereka.

Contoh 45

| | |
|----------------|--|
| Tarikh rakaman | 4 Jun 2008 |
| Masa | 10 minit |
| Sampel | Haiqal (L4), Amirol (L4) dan Robi (L4) |
| Tempat | di rumah Haiqal |
| Situasi | Amirol bersama adiknya Robi baru sahaja sampai ke rumah Haiqal. Haiqal pula baru sahaja pulang dari rumah jirannya dengan membawa buah rambutan. |

- 1 [U1]Haiqal /eh// Mirol// mu tak leh make buah mokte aku...//
- 2 Amirol (KONTEKS: (diam) mata terkebil-kebil kehairanan kerana
dia baru sahaja sampai)
- 3 [U2] Haiqal /aku gi ambik rumah Kak Jie// aku gi sore* /
- 4 [U1] Amirol /aku pun boleh gi ambik sore.../
(KONTEKS: mencebik bibir kepada Haiqal)

- 5 [U3] Haiqal /aku rukah* sediri pohon mokte//mu reti?/
6 [U2] Amirol /aku reti jugak rukah pokok/

[* rukah=panjat], [*sore=seorang]

Contoh 45 menunjukkan perbualan diantara Haiqal dan Amirol dimana Haiqal yang baru sahaja pulang dari rumah jirannya cuba menyampaikan mesej tersirat [U1](baris 1) iaitu /eh//**Mirol//mu tak leh make buah mokte aku...**/ kepada Amirol. Dalam ujaran ini, Haiqal cuba menyampaikan niatnya yang tidak mahu berkongsi buah rambutannya dengan Amirol.

Amirol yang baru sahaja tiba, tidak dapat memproses mesej yang cuba disampaikan oleh Haiqal memandangkan dia tidak berkongsi konteks dengan Haiqal. Situasi ini menyukarkan Amirol menerima mesej yang cuba disampaikan oleh Haiqal kepadanya. Ketiadaan maklumat konteks dan kesan konteks telah menyebabkan Amirol gagal memahami apa yang cuba disampaikan oleh Haiqal. Lantaran itu, Amirol hanya bertindak mendiamkan diri dengan matanya sahaja yang dilihat terkebil-kebil memandang Haiqal.

Haiqal yang dapat membaca perlakuan Amirol telah cuba memandu Amirol agar memperolehi maklumat konteks yang mencukupi untuk mencapai makna sebagaimana yang diinginkan olehnya. Lantaran itu, Haiqal telah membantu menambahkan kesan konteks dengan memberikan maklumat tambahan kepada Amirol. Haiqal telah memberikan maklumat tambahan pada [U2](baris 3) /**mu tak leh make// aku gi mah kak Jie sore jah ambik wah mokte/** [yang bermaksud “*awak tidak boleh makan// saya pergi ambil seorang diri buah rambutan ini di rumah Kak Jie*”]. Pada masa yang sama,

Haiqal juga cuba menunjukkan kehebatannya memanjat pokok dan memetik buah rambutan sendirian tanpa bantuan daripada orang dewasa.

Maklumat tambahan Haiqal akhirnya membantu Amirol mendapatkan mesej yang cuba disampaikan kerana beliau memberi respon sebagaimana yang diinginkan oleh Haiqal pada [U1](baris 4) iaitu **/aku pun boleh gi ambik sore /(mencebik bibir)**. Maklum balas yang diberikan oleh Amirol menunjukkan bahawa Amirol dapat memproses maksud ujaran Haiqal sebagai cuba menunjuk-nunjuk kehebatannya memanjat pokok rambutan kepada Amirol. Lantaran itu, Amirol cuba memberikan maklum balas yang selari iaitu cuba menunjukkan bahawa beliau juga mempunyai kemampuan yang setanding dengan Haiqal.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa perkembangan konteks memainkan peranan yang penting. Dalam aspek ini, ia telah membantu Amirol memperoleh pemahaman yang lebih supaya beliau dapat menginterpretasi makna ujaran yang dibuat oleh Haiqal dengan mudah dan semaksimum yang boleh. Oleh sebab itu, interaksi dalam kalangan kanak-kanak ini telah berjalan dengan lancar setelah mesej yang disampaikan sama ada secara verbal atau bukan verbal difahami.

Contoh 46

| | |
|----------------|--|
| Tarikh rakaman | Disember 2008 |
| Masa | 15 minit |
| Sampel | Haniff (L4) dan Nazri (L6) yang merupakan adik beradik |
| Tempat | di rumah mereka |
| Situasi | Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa Haniff dan Nazri sedang menonton TV. |

- 1 [U1]Haniff /eh // kita tengok dah cerita ni keh /
- 2 [U1]Nazri / bila? /
(KONTEKS: nada tinggi sedikit dan mata tepat merenung Haniff)
- 3 [U2]Haniff / alaa...//lepah ni keh keta dia jatuh / (**maklumat konteks/
maklumat tambahan
diberikan**)
- 4 [U2]Nazri / jatuh?/
(KONTEKS: nada tinggi sedikit)
- 5 [U3]Haniff / ha..jatuh dale* sungai.. (**(menambahkan lagi
maklumat konteks)**)
- 6 [U3]Nazri / haa...ya la// hero dia jatuh pah tu dia naik tebing../
- 7 [U4]Haniff / ha...hero dia selamat /
(dale* = dalam)

Contoh 46 merupakan transkripsi perbualan yang berlangsung antara dua adik beradik yang bernama Haniff dan Nazri yang masing-masing berusia empat dan enam tahun. Perbualan dirakamkan ketika kanak-kanak sedang menonton TV di ruang tamu rumah mereka. Pada peringkat awal perbualan, Haniff pada [U1](baris 1) **/eh // kita tengok dah cerita ni keh/**, telah cuba mengembalikan ingatan Nazri tentang rancangan TV yang pernah mereka tonton bersama sebelum itu.

Namun begitu, hasrat Haniff tidak kesampaian kerana dari maklum balas yang diberikan oleh Nazri pada [U1](baris2) iaitu **/bila?/** (dengan nada suara yang agak tinggi) menunjukkan bahawa Nazri telah lupa tentang rancangan tersebut. Menyedari maksud tersirat ujaran Nazri itu, telah mendorong Haniff memberikan maklumat tambahan pada [U2] (baris 3) iaitu **/alaa...//lepah ni keh keta dia jatuh/** yang bermaksud **(alaa// selepas ini kan kereta dia jatuh/**.

Walau bagaimanapun, Nazri pada [U2](baris 4) telah menjawab dengan mengemukakan pertanyaan **/jatuh?/**, menunjukkan bahawa dia masih lagi tidak dapat mengingati jalan cerita tersebut. Menyedari hakikat ini, Haniff telah cuba membantu Nazri sekali lagi dengan memberikan maklumat tambahan berikutnya pada [U3](baris 5) iaitu **/ ha...jatuh dale sungai.../** (ya// jatuh dalam sungai).

Penggabungan maklumat pertama dan maklumat tambahan yang dibekalkan oleh Haniff telah membantu Nazri membina representasi mental yang akhirnya membolehkan Nazri mendapatkan rujukan yang betul seperti yang dikehendaki. Nazri, pada [U3](baris 6) telah menyatakan/ **haa...ya la// hero dia jatuh pah tu dia naik tebing/** (/haa...ya la// hero dia jatuh dan lepas itu dia naik ke tebing/). Situasi ini menggambarkan kejayaan Nazri memproses mesej yang disampaikan oleh Haniff dengan adanya maklumat tambahan yang terus dibekalkan kepadanya oleh Haniff. Strategi penyampaian maklumat tambahan kepada pendengar dilakukan oleh kanak-kanak selepas dia sendiri dapat membaca maksud tersirat yang terkandung dalam maklum balas verbal dan bukan verbal pendengar yang menunjukkan tidak memahami mesej yang cuba disampaikannya. Selain itu, penambahan maklumat juga dilakukan oleh penutur sebagai satu strategi untuk membantu pendengar memahami mesej tersirat yang cuba disampaikan.

Hal ini selari dengan perbincangan yang telah dibuat oleh Norhashimah Jalaluddin (2003) yang mengatakan bahawa pemilihan rujukan daripada sudut kognitif bukanlah setakat pengenalan kepada objek-objek atau peristiwa tertentu sahaja, malah melibatkan pembinaan representasi mental yang dapat membantu menentukan rujukan yang diperlukan oleh pendengar dalam mentafsir ujaran yang dibuat oleh penutur (Noor Hashimah Jalaluddin, 2003).

Kejayaan dicapai hasil dari ‘pengayaan’ yang telah cuba diberikan oleh penutur kepada pendengar iaitu penutur telah berusaha sedaya upaya memberikan maklumat tambahan sebagai pengayaan bagi melengkapkan maklumat asal pada [U1](baris 1) yang didapati kurang jelas dan kabur sehingga menyukarkan pendengar untuk memproses maklumat yang diberikan itu. Penggabungan maklumat awal dan maklumat tambahan yang berlaku telah menghasilkan kesan konteks yang telah membantu Nazri memproses mesej yang disampaikan oleh Hanif dengan mudah (Noor Hashimah Jalaluddin, 2003).

Contoh 47

| | |
|----------------|--|
| Tarikh rakaman | Mei 2009 |
| Masa | 10 minit |
| Sampel | Hafiz (L5) dan Azlin (P6) |
| Tempat | di rumah Hafiz |
| Situasi | Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa Hafiz sedang berbual dengan kakaknya di rumah. |
| 1 | [U1]Hafiz /kak Uda kata gapo dah takdi? / (pertanyaan dibuat untuk memancing pendengar memproses mesej yang cuba disampaikan) |
| 2 | [U1]Azlin / bila?/ (KONTEKS: memandang tepat kewajah Hafiz) |
| 3 | [U2]Hafiz <u>/ala...masa duk pejabat umi tu.../</u> (memberikan maklumat tambahan) |
| 4 | [U2]Azlin /emmm/ (KONTEKS: berfikir) |
| 5 | [U3]Hafiz <u>/ala...dia keh kata comel...//sapa dah comel?</u> (memberikan maklumat tambahan) |
| 6 | [U3]Azlin /aaa...dia kata adik comel tu?/ |

Contoh 47 menunjukkan perbualan yang berlangsung diantara kanak-kanak prasekolah yang bernama Azlin dan Hafiz dan perbualan antara mereka dirakamkan oleh pengkaji sewaktu mereka sedang berbual di rumah mereka. Dalam perbualan tersebut, Hafiz [U1] **(baris 1)** telah membuat ujaran dalam bentuk pertanyaan /**kak Uda kata gapo dah takdi?**/ yang ditujukan kepada kakaknya Azlin.

Hafiz dalam ujarannya telah menggunakan strategi pertanyaan untuk menyampaikan mesej tersirat kepada kakaknya (Azlin) tentang ‘suatu’ perkara yang disampaikan oleh seseorang yang bernama Uda (dalam ujaran Hafiz) sebelumnya. Strategi pertanyaan telah digunakan oleh Hafiz untuk menarik perhatian kakaknya supaya memproses mesej yang disampaikannya. Strategi Hafiz yang cuba memancing perhatian kakaknya agar memproses maksud yang cuba disampaikan oleh Hafiz telah berjaya apabila kakaknya telah memberikan maklum balas sebagaimana yang diingini oleh Hafiz.

Kakaknya Azlin pada [U1] (baris 2) telah bertanya kepada Hafiz- /**bila?**/. Dari maklum balas yang diberikan ini, Hafiz dapat mengagak bahawa kakaknya tidak mampu memproses mesej yang cuba disampaikan oleh Hafiz sebelumnya. Lantaran itu, kakaknya telah gagal memberikan jawapan sebagaimana yang diharapkan oleh Hafiz. Kecewa dengan strategi pertama (mengajukan pertanyaan untuk memancing pendengar memproses makna yang cuba disampaikan) yang tidak membuahkan hasil sebagaimana yang diingini, Hafiz sekali lagi menggunakan strategi kedua iaitu strategi menambahkan maklumat konteks untuk membantu kakaknya itu mendapatkan kesan konteks secukupnya bagi memudahkan dia membuat tafsiran yang tepat serta dapat memproses maksud ujaran Hafiz dengan cepat dan betul.

Daripada data dapat dilihat dalam ujaran seterusnya, Hafiz telah memberikan maklumat tambahan dalam ujaran [U2](baris 3) iaitu **/ala...//masa duk pejabat umi tu.../** (ala...//masa di pejabat umi tu//), kepada kakaknya namun masih tidak berkesan. Hal ini demikian kerana daripada data didapati Azlin masih tidak memberikan respon yang sewajarnya sebagaimana yang diharapkan oleh Hafiz. Azlin cuma memberikan maklum balas biasa iaitu **/emmm/** sahaja. Perlakuan Azlin ini membuatkan Hafiz faham bahawa Azlin masih tidak dapat memproses maksud ujarannya. Lantaran itu, Hafiz merasakan bahawa dia perlu membantu mempermudah usaha memproses makna oleh Azlin.

Data kajian menunjukkan Hafiz masih tidak berputus asa dan terus menambahkan lagi maklumat pada ujaran seterusnya [U3](baris 5) **/ala...dia keh kata comel...//sapa dah comel?/** untuk membantu kakaknya mengingatkan peristiwa yang berlaku di pejabat ibu mereka. Usaha yang berterusan oleh Hafiz akhirnya telah membuahkan hasil apabila di akhir perbualan dapat dilihat kakaknya Azlin telah berjaya mencapai maksud sebagaimana yang cuba disampaikan secara tersirat oleh Hafiz. Jawapan Azlin pada [U3] baris 6 iaitu: **/aaa...dia kata adik comel tu?/** menunjukkan bahawa Azlin telah menerima dan mampu memproses mesej yang disampaikan oleh Hafiz dengan tepat. Oleh itu, situasi ini menggambarkan bahawa strategi memberi maklumat tambahan untuk membantu pendengar memproses maklumat tersirat yang cuba disampaikan oleh penutur merupakan sesuatu yang tidak sia-sia.

Maklumat tambahan yang diberikan secara verbal dan bukan verbal dapat membantu kanak-kanak memahami maksud tersirat dengan mudah. Lazimnya, kanak-kanak akan cuba mengaitkan ujaran yang didengarinya dengan pengetahuan tentang dunia di sekelilingnya dan ini menunjukkan kemampuan mereka memproses sesuatu ujaran yang

didengari pada peringkat kognitif untuk mendapatkan maklumat yang mencukupi supaya tujuan penutur tercapai.

Noor Aina Dani (2007) dalam bukunya yang bertajuk *Pengantar Psikolinguistik* mengatakan bahawa pemerolehan bahasa tersirat kanak-kanak adalah melibatkan kognitif dan pendedahan bahasa kognitif melengkapkan kebolehan kanak-kanak mentafsir bunyi dan makna, manakala pendedahan bahasa yang cukup pula akan dapat merangsang keyakinan kanak-kanak untuk berinteraksi dengan orang-orang di sekelilingnya.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa sesuatu konteks yang bersesuaian hanya akan dapat dikembangkan jika maklumat baru ditambah (Muhammad Fauzi bin Jumingan, 2002). Pembinaan konteks sebenarnya merupakan bahagian yang terpenting dalam interpretasi makna ujaran, yang mana pendengar akan menetapkan konteks yang sesuai bagi menghasilkan kesan konteks. Kesan konteks merupakan sesuatu yang penting kerana melibatkan andaian awal pendengar tentang ujaran yang didengarinya (ibid.). Oleh yang demikian, kanak-kanak perlu mempunyai dan menguasai konteks atau pengalaman yang berkaitan dengan perkataan yang ingin diterjemahkan yang mengandungi maksud tersirat tersebut.

Lantaran itu, keupayaan seseorang kanak-kanak mentafsir makna adalah mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan pemahaman terhadap dunia sekelilingnya. Hal ini disebabkan oleh pentafsiran makna perkataan itu sendiri yang bersifat arbitrari (Asmah Hj Omar, 1988) iaitu sangat berkaitan dengan budaya sesuatu kumpulan masyarakat. Oleh itu, keupayaan dan kebolehan kanak-kanak mentafsir maksud tersirat bagi ujaran

yang didengari secara tidak langsung telah menunjukkan keupayaan mereka memahami peristiwa-peristiwa bahasa yang berlaku di sekeliling mereka.

Hasil kajian juga menunjukkan situasi yang selari dengan pendapat ahli Teori Relevan (TR) yang mengatakan bahawa apabila seseorang ingin berkomunikasi, individu tersebut perlu memastikan bahawa ujarannya itu mencapai kerelevanan yang optimal supaya makna yang diniatkan semasa menuturkan ujaran akan diterima atau difahami sepenuhnya oleh pendengar. Oleh itu, apabila seseorang itu ingin berkomunikasi, mereka mestilah memastikan bahawa ujaran yang dituturkannya mencapai kerelevanan yang optimal (Gutt, 1998).

Situasi ini juga mempunyai satu kesinambungan dengan pendapat ahli-ahli bahasa sebelumnya yang mengatakan bahawa apabila menjangkau usia lima tahun, kanak-kanak telah mampu bercakap dan memahami bahasa ibunda atau bahasa pertamanya dengan baik (Frank Parker; 1994).

Sperber dan Wilson (1986 & 1995) juga menyokong pendapat ini dan mereka mengatakan bahawa faktor utama kejayaan sesuatu komunikasi adalah dengan mencapai kerelevanan yang optimal sama ada di pihak penutur atau pendengar. Kerelevanan optimal pendengar dicapai apabila pendengar dapat memahami niat dan maksud sebenar penutur tanpa memerlukan usaha memproses yang berlebihan dan tidak sepatutnya.

Kerelevanan pendengar juga akan tercapai apabila makna yang diniatkan oleh penutur dapat diterima oleh pendengar setimpal dengan usahanya memproses maklumat tersebut (Muhammad Faiz bin Jumingan, 2002). Tambahan lagi, makna dan faedah yang

dihasilkan oleh pendengar hasil daripada pemahaman terhadap niat penutur adalah bersifat psikologi.

Keupayaan memahami dan mentafsir makna tersirat verbal dan bukan verbal juga boleh dilihat berdasarkan kemampuan kanak-kanak mentafsir perlakuan bukan verbal rakan-rakan semasa berkomunikasi, (lihat contoh 48).

Contoh 48

Tarikh rakaman Mei 2009
Masa 20 minit
Sampel Siti, Suzana (P6) dan Apid, Adi (L6)
Tempat di dalam bilik darjah
Situasi kanak-kanak sedang mendengar guru membacakan buku cerita kepada mereka.

- 1 [U1]Apid /Cikgu baca yang ini la ../.
(KONTEKS: menunjukkan buku bergambar kepada guru)
- 2 [U1]Siti /tak nak lah ../. buku itu koyak .../
(KONTEKS: menunjukkan kulit buku yang koyak dan renyuk)
- 3 [U1]Adi /Ok! //baca yang ini Cikgu/ (menghulurkan buku yang lain)
- 4 [U2]Siti /Tak nak lah ...// dulu dah baca //ambik yang lain /
- 5 [U2]Adi /ala ... //ambik yang ini la cikgu/.
(KONTEKS: tetap menghulurkan buku yang sama kepada guru)
- 6 [U3]Siti /Tak nak lah ... //buku yang itu kotor dan koyak/.
- 7 [U2]Apid /ah... //sudah lah ../ duduk semua... /
(KONTEKS: memberikan juga buku pertama supaya dibaca oleh guru walaupun tidak disukai oleh Siti)
- 8 [U1]Suzana /eh... tengok Siti tu// merajuk.../
(KONTEKS: Suzana memuncungkan bibir ke arah Siti yang

masam dan duduk seorang diri di atas kerusi menjauhi kawan-kawannya yang sedang mengerumuni gurunya yang sedang membacakan buku bergambar yang dipilih oleh Apid)

- 9 [U3]Adi /Ayo siapa buat Siti ?//
(KONTEKS: buat-buat terkejut)
- 10 [U3]Apid //ala ..// Siti merajuk la tu ..//. dia marah Cikgu baca buku yang ini ..//
kan ? kan ?//
(KONTEKS: bertanya kepada Siti)
- 11 [U4]Siti /Siti tak nak tengok buku tu ...// Itu buku lama ...// buruk/
(KONTEKS: hampir menangis)

Contoh 48 menunjukkan situasi kanak-kanak prasekolah yang mampu mentafsir maksud tersirat dari perlakuan bukan verbal yang ditunjukkan oleh rakan mereka semasa berinteraksi. Dari perbualan ini dapat dilihat Siti[U1] (baris 2) **/tak nak lah ..// buku itu koyak .../** telah menolak buku yang dipilih oleh Apid untuk dibacakan oleh guru mereka kerana buku tersebut buruk dan koyak. Adi [U1](baris 3) **Ok! //baca yang ini Cikgu/** bagaimanapun telah memilih buku yang lain tapi nyata masih tidak dipersetujui oleh Siti sebab buku tersebut telah pun dibaca oleh guru mereka.

Walau bagaimanapun, Adi tetap juga berkeras menyuruh guru mereka membacakan buku yang dipilihnya menyebabkan Siti telah merajuk. Perlakuan Siti dilihat oleh Suzana, dan Suzana yang dapat membaca perlakuan Siti telah memuncungkan bibir kearah Siti dengan mengatakan /eh... tengok Siti tu// merajuk.../ pada [U](baris 8). Situasi ini menunjukkan kemampuan Suzana mentafsir maksud tersirat dari perlakuan yang ditunjukkan oleh rakannya sebagai satu situasi yang ditafsir sebagai merajuk. Hal

ini menggambarkan kemampuan kanak-kanak prasekolah mentafsir ciri-ciri tersirat perlakuan bukan verbal yang ditunjukkan oleh rakan mereka semasa berinteraksi.

4.3.2 Strategi-strategi Bukan Verbal untuk Menyampaikan Makna Tersirat

Perbincangan di atas telah memaparkan strategi menyampaikan mesej tersirat dari sudut penutur, di mana kanak-kanak sering menggunakan strategi menyampaikan maklumat tambahan sekiranya mereka sedar pendengar tidak mampu memproses mesej tersirat yang cuba disampaikan. Malah penyampaian maklumat tambahan juga terhasil daripada keupayaan penutur sendiri yang mampu mentafsir maksud tersirat dari maklum balas verbal dan bukan verbal pendengar.

Penutur dapat mengesan sama ada pendengar memahami atau tidak perkara yang disampaikan melalui maklum balas dan strategi bukan verbal yang ditunjukkan oleh pendengar. Pemahaman terhadap perlakuan bukan verbal pendengar seperti keadaan diam, memek muka yang berkerut dan mata yang terkebil-kebil memandang tepat ke wajah penutur membayangkan bahawa pendengar sebenarnya gagal memproses dan menangkap mesej yang disampaikan oleh penutur.

Oleh itu, penutur akan berusaha sedaya upaya untuk membantu pendengar memproses maklumat dengan memberikan maklumat tambahan untuk membantu pendengar mengurangkan kos memproses dan seterusnya dapat memproses maklumat secara maksimum. Makna tersirat akan hanya difahami apabila maklumat tambahan yang diberikan itu melahirkan ide yang boleh diaplikasikan dalam konteks pemahaman kanak-kanak yang dikongsi bersama antara mereka.

Strategi lain dari sudut verbal yang disampaikan oleh penutur untuk memastikan pendengar memproses mesej tersirat yang disampaikan ialah dengan mengajukan pertanyaan kepada pendengar. Dengan mengajukan pertanyaan, penutur mengharapkan agar pendengar akan memberikan perhatian dan seterusnya berusaha memproses pertanyaan tersebut dan akhirnya pendengar akan menangkap mesej tersirat yang cuba disampaikan oleh penutur tersebut.

Kajian mendapati kekerapan kanak-kanak menggunakan strategi pertanyaan untuk menarik perhatian pendengar dan merangsang pendengar memproses mesej tersirat yang cuba disampaikan. Misalnya, Contoh 44, ujaran Ebby kepada kakaknya, [U1](baris 1) /**sapa dah sambut nasik?**/ dimana Ebby telah mengajukan pertanyaan sebagai satu strategi untuk menarik perhatian kakaknya supaya memproses pertanyaan tersebut. Sama juga situasinya dengan Contoh 47 dimana ujaran Hafiz kepada kakaknya dalam bentuk pertanyaan iaitu [U1] (baris 1) /**kak Uda kata gapo dah takdi?**/ juga merupakan satu strategi tersirat yang digunakan untuk menarik perhatian pendengar memproses makna yang cuba disampaikan. Strategi mengajukan pertanyaan telah digunakan oleh kanak-kanak prasekolah sebagai strategi untuk menyampaikan mesej tersirat.

Apabila pertanyaan seperti ini diujarkan, pendengar dengan serta merta akan berusaha memproses pertanyaan tersebut dan sedaya upaya akan cuba mengarap makna tersirat dalam ujaran yang dituturkan. Lantaran itu, strategi pertanyaan merupakan strategi yang mudah dan efektif digunakan dalam interaksi kanak-kanak terutamanya dalam menyampaikan mesej tersirat kepada pendengar.

Strategi perlakuan bukan verbal yang mengiringi ujaran penutur juga didapati boleh membantu pendengar memahami maksud tersirat yang cuba disampaikan. Analisis data menunjukkan bahawa kanak-kanak mampu mengurai maksud tersirat melalui perlakuan bukan verbal seperti nada suara yang tinggi, mencebik bibir, mengangkat ibu jari, pergerakan badan (bergerak ke arah pendengar) (lihat bahagian 4.4.1, dalam contoh 43, 44, 45 dan lain-lain), memandang tepat kepada pendengar, wajah berkerut serta pergerakan anggota badan seperti menepuk dada semasa bercakap, menari kegembiraan sambil ketawa (lihat bahagian 4.3.2).

Dari sudut pendengar pula, kajian mendapati bahawa kanak-kanak telah menggunakan beberapa strategi-strategi tertentu dari sudut verbal dan bukan verbal apabila mereka tidak memahami ujaran penutur khususnya yang mengandungi makna tersirat. Kanak-kanak didapati telah menggunakan strategi verbal dan bukan verbal untuk menarik perhatian penutur agar memberikan maklumat yang lebih jelas untuk memudahkan mereka memproses mesej yang disampaikan itu.

Antara strategi-strategi verbal yang telah digunakan oleh kanak-kanak sekiranya tidak memahami maksud ujaran penutur ialah dengan mengajukan pertanyaan seperti pertanyaan **/bila?/** , memberikan respon kurang yakin seperti **/emm/**, **/heh?/**. Manakala, strategi bukan verbal yang telah digunakan oleh pendengar pula ialah dengan memandang tepat ke muka penutur (lihat 4.3.1-4.3.2), mencebik bibir (lihat 4.3.2), mimik muka yang berkerut dan mata terkebil-kebil kehairanan (lihat 4.3.2) serta mendiamkan diri tanpa sebarang maklum balas (lihat 4.3.2).

4.4 Kesimpulan

Keseluruhannya, data kajian ini menunjukkan kanak-kanak prasekolah dapat menguasai dan memahami makna tersirat ujaran dengan baik. Kanak-kanak juga mempunyai kecekapan berbahasa yang membolehkan mereka memperolehi atau menyesuaikan pemahaman tentang bahasa mengikut pelbagai kekangan sosial yang wujud dalam pelbagai wacana dan situasi bahasa.

Dalam erti kata lain, kanak-kanak prasekolah dalam kajian ini telah mampu untuk memilih dan menggunakan unsur-unsur bahasa dengan betul yang bersesuaian dengan keadaan bagi memungkinkan pelbagai tujuan komunikasi mendapat kesan yang diharapkan. Ini selari dengan pendapat yang telah dikemukakan oleh Widdowson (1979:1):

“someone knowing a language knows more than how to understand, speak and write sentences. He also knows how sentences are used to communicative effect”

Namun, analisis data menunjukkan kanak-kanak belum menguasai makna tersirat istilah-istilah dan peribahasa. Tidak ada penggunaan istilah dan peribahasa dalam semua data pertuturan kanak-kanak. Hal ini berlaku kerana pentafsiran makna perkataan yang bersifat arbitrari yang mempunyai perkaitan yang rapat dengan budaya sesuatu kumpulan atau masyarakat (ibid.). Justeru, sekiranya perkataan-perkataan itu jarang digunakan dalam perbualan harian, ini akan memberi kesan terhadap keupayaan kanak-kanak kerana mereka mempelajari dan menguasai bahasa hasil dari pengaruh serta interaksi dengan persekitaran.

Kadangkala maklumat tambahan juga adalah diperlukan untuk membantu kanak-kanak memahami maksud ujaran yang diujarkan oleh penutur. Hal ini merupakan satu perkara biasa yang dialami oleh kanak-kanak yang masih berada dalam tahap pembelajaran dan pemerolehan bahasa yang belum sempurna sepenuhnya. Malah dalam kalangan orang dewasa juga proses pembelajaran dan pemerolehan tetap berlaku namun tidaklah serencam zaman kanak-kanak.

Menurut Mangantar Simanjuntak (1982), pemerolehan bahasa sangat pesat berlaku dalam kalangan kanak-kanak yang berusia dalam lingkungan dua hingga enam tahun, namun ini tidak bermakna orang dewasa tidak mengalami proses pemerolehan bahasa tetapi kadarnya tidaklah sehebat kanak-kanak. Klein (1986) mengatakan bahawa walaupun bahasa kanak-kanak sudah cukup lancar dan sempurna pada usia akil baligh iaitu antara 12-14 tahun, namun masalah bahasa tetap wujud.

Rumusan kajian secara keseluruhan mendapati bahawa kanak-kanak prasekolah telah mampu mentafsir dan mengujarkan makna tersirat dengan baik dan jelas. Kanak-kanak telah berkeupayaan menggunakan bahasa tersirat untuk menolak permintaan yang dibuat oleh penutur serta bijak menggunakan strategi pertanyaan untuk menarik pendengar memproses pelbagai maksud tersirat yang cuba disampaikan.

BAB LIMA

KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan rumusan kajian tentang analisis pemahaman makna tersirat dalam interaksi kanak-kanak prasekolah. Selain itu, dalam bab ini juga akan diutarakan beberapa cadangan yang boleh dijadikan sebagai panduan oleh semua pihak dalam usaha meningkatkan lagi tahap pemahaman makna tersirat dalam kalangan kanak-kanak.

Penilaian terhadap keupayaan memahami makna tersirat dalam kalangan kanak-kanak prasekolah dibuat berdasarkan kemampuan mereka mengujarkan, memahami dan mentafsir ujaran atau perkataan tersirat berdasarkan pemahaman terhadap konteks, iaitu peristiwa yang berlaku sebelum dan semasa sesuatu komunikasi itu berlangsung.

5.2 Kemampuan Mengujarkan Makna Tersirat

Keupayaan memahami dan mengujarkan makna tersirat dalam kalangan kanak-kanak yang berusia antara empat hingga enam tahun telah dijelaskan melalui kewujudan ujaran-ujaran yang didapati telah melanggar maksim-maksim tertentu prinsip kerjasama Grice (1975). Situasi perlanggaran maksim kuantiti, maksim kualiti, maksim relevan dan maksim cara telah berlaku secara meluas dalam ujaran kanak-kanak.

Analisis implikatur menunjukkan bahawa perlanggaran maksim dalam ujaran kanak-kanak ini sebenarnya berlaku kerana kanak-kanak telah menyampaikan pelbagai mesej secara tersirat semasa berinteraksi seperti untuk menolak ajakan, menolak permintaan kawan-kawan, mengelak dari dimarahi, melarang rakan daripada melakukan sesuatu dan sebagainya. Hal ini menggambarkan keupayaan kanak-kanak memahami serta berkemampuan pula untuk mempraktikkan mengaplikasikan pemahaman makna tersirat sewaktu berkomunikasi dalam pelbagai situasi yang berbeza namun sesuai dengan konteks.

Selain itu, kanak-kanak dalam kajian ini juga didapati telah berusaha memastikan mesej tersirat yang ingin disampaikan dapat diterima dengan baik oleh pendengar dengan memberikan maklumat tambahan sekiranya sedar pendengar tidak mampu mentafsir atau memproses maklumat yang disampaikan. Maklumat tambahan sebenarnya perlu untuk membantu pendengar memproses ujaran dengan mudah dan sesuai dengan hajat penutur. Ia dapat memandu pendengar memproses makna dengan tepat.

Seseorang penutur adalah perlu memastikan bahawa ujarannya mencapai kerelevanan yang optimal supaya makna yang diniatkan semasa menuturkan ujaran akan diterima dan difahami sepenuhnya oleh pendengar. Oleh itu, apabila seseorang itu ingin berkomunikasi, mereka mestilah memastikan bahawa ujaran yang dituturkannya adalah mencapai kerelevanan yang optimal. Hal ini dapat dilihat daripada data perbualan kanak-kanak di mana kebanyakan data menunjukkan kesungguhan kanak-kanak untuk memastikan ujarannya difahami oleh pendengar dengan cara membekalkan maklumat tambahan untuk memudahkan lagi pendengar memahami, mengingat serta memproses apa yang cuba disampaikan semasa berinteraksi.

Pemahaman terhadap makna tersirat juga ditunjukkan melalui keupayaan kanak-kanak mengajukan pertanyaan yang mempunyai pelbagai maksud tersirat. Hasil kajian mendapati, kanak-kanak telah mengajukan pertanyaan kepada pendengar bukan semata-mata dengan niat untuk bertanya, tetapi mereka cuba menyampaikan pelbagai niat yang tersirat melalui pertanyaan tersebut. Dalam sesuatu komunikasi, biasanya apabila seseorang bertanya maka pendengar terpaksa memproses dan menjawab pertanyaan tersebut. Lantaran itu, kanak-kanak didapati telah menggunakan pertanyaan sebagai satu kaedah untuk mendapatkan perhatian serta maklum balas yang sewajarnya daripada pendengar. Hal ini menunjukkan kemampuan kanak-kanak mengaplikasikan makna tersirat untuk mendapatkan hasil komunikasi yang lebih berkesan.

5.3 Kemampuan Mentafsir Makna Tersirat

Keupayaan memahami dan mentafsir makna tersirat dapat dilihat berdasarkan kemampuan kanak-kanak mentafsir dan membezakan pertanyaan yang mempunyai pelbagai maksud tersirat sama ada ia menunjukkan satu perintah, arahan, larangan, protes, permintaan, tuduhan dan sebagainya. Dapatan kajian menunjukkan kekerapan penutir mengajukan pertanyaan sebagai strategi menyampaikan pelbagai makna tersirat telah dapat ditafsirkan dengan baik oleh pendengar.

Kanak-kanak sampel juga didapati telah memahami makna tersirat berdasarkan kemampuan mereka mentafsir maklum balas bukan verbal rakan-rakan semasa berinteraksi. Kanak-kanak dapat meneka dengan tepat perlakuan serta reaksi yang ditunjukkan oleh rakan-rakan sekiranya tidak memahami dan tidak mampu memproses makna ujaran yang dituturkannya semasa berbual. Oleh itu, kanak-kanak akan memberikan maklumat tambahan untuk membantu meningkatkan pemahaman pendengar.

Pemahaman makna tersirat kanak-kanak prasekolah juga boleh dinilai melalui kemampuan kanak-kanak menggunakan Kata Ganti Nama Diri (KGND) dalam konteks yang sesuai. Misalnya, kajian menunjukkan kanak-kanak bijak menggunakan Kata Ganti Nama Diri (KGND) Orang Ketiga 'dia' dalam pelbagai situasi yang berbeza dengan betul. Penggunaan 'dia' bukan sahaja merujuk kepada manusia, bahkan mereka juga telah merujuk 'dia' kepada kata nama bukan manusia seperti kereta, motor dan kapal terbang. Ini menunjukkan bahawa kanak-kanak prasekolah sebenarnya telah pun menguasai pemahaman makna perkataan yang bukan hanya berasaskan makna nahu semata-mata malah mereka juga telah memahami ciri-ciri semantik dan pragmatik yang didokong oleh KGND 'dia'.

5.4 Strategi yang digunakan dalam Menyampaikan Mesej Tersirat

Analisis data mendapati bahawa kanak-kanak prasekolah telah menggunakan strategi-strategi tertentu untuk memastikan maksud tersirat yang cuba disampaikan semasa berinteraksi difahami dengan baik oleh para pendengar. Antara strategi-strategi yang telah digunakan ialah:

1. menyampaikan maklumat konteks sebagai maklumat tambahan bagi membantu pendengar memahami maksud tersirat yang diujarkan.
2. menggunakan strategi kinesik iaitu menyampaikan mesej melalui pergerakan badan dan nada suara yang sesuai dengan konteks bagi membantu pendengar mendapat pemahaman yang lebih jelas terhadap mesej tersirat yang cuba disampaikan.
3. Kanak-kanak juga menggunakan strategi pertanyaan dalam menyampaikan maksud tersirat sebagai satu bentuk pancingan kepada pendengar supaya memberikan tumpuan dan memproses mesej yang cuba disampaikan melalui pertanyaan tersebut.

5.5 Strategi Apabila Tidak Memahami Makna Tersirat

Kanak-kanak prasekolah juga didapati telah menggunakan beberapa strategi tertentu apabila tidak memahami apa yang diujarkan oleh penutur. Antara strategi-strategi tersebut ialah:

1. Kanak-kanak akan mendiamkan diri tanpa memberikan sebarang tindak balas atau maklum balas terhadap ujaran yang didengari itu.
2. Kanak-kanak bertindak memandang tepat ke wajah penutur sekiranya tidak memahami apa yang dimaksudkan oleh penutur.
3. kanak-kanak menunjukkan mimik muka yang berkerut dengan mata terkebil-kebil tanpa sebarang maklum balas verbal sekiranya tidak memahami dan tidak mampu memproses ujaran yang didengari.
4. Kanak-kanak juga didapati telah memberikan respond yang menunjukkan kurang yakin terhadap apa yang didengari seperti /emm/, /heh?/ sekiranya mereka tidak memahami dan tidak mampu memproses maksud yang cuba disampaikan dari ujaran penutur.

5.6 Pemahaman Makna Tersirat dalam Interaksi

Hasil kajian menunjukkan bahawa kanak-kanak prasekolah telah pun memahami makna tersirat verbal dan bukan verbal semasa berinteraksi. Pemahaman dan keupayaan memahami makna tersirat dalam kalangan kanak-kanak adalah sangat berkait rapat dengan faktor persekitaran. Hal ini kerana, sekiranya kanak-kanak tidak pernah didedahkan dengan perkataan-perkataan yang mempunyai maksud tersirat dalam komunikasi harian dengan kaedah dan konteks yang betul, maka kanak-kanak tidak mungkin akan mampu mentafsir maksud tersirat yang terkandung dalam sesuatu ujaran dengan baik kerana tidak mempunyai pengalaman yang mencukupi untuk membantunya

mentafsir makna dengan tepat. Ini kerana bahasa melambangkan pengalaman dan pemahaman manusia terhadap alam sekelilingnya (Asmah Hj Omar, 1993).

Faktor persekitaran dan aspek penggunaan bahasa oleh orang-orang dewasa di sekeliling kanak-kanak sebenarnya sangat membantu dalam mempengaruhi tahap kecekapan dan pemerolehan bahasa kanak-kanak terutamanya yang melibatkan pentafsiran makna tersirat ujaran. Ia boleh mendorong kanak-kanak prasekolah memahami dan menghasilkan ujaran-ujaran yang mempunyai pelbagai maksud tersirat seperti meminta pertolongan, menolak ajakan, menolak permintaan dan lain-lain dengan lebih lembut dan berhemah.

Pemahaman makna tersirat dalam kalangan kanak-kanak juga dapat dilihat melalui keupayaan kanak-kanak membezakan cara berkomunikasi yang sesuai mengikut keadaan dan konteks. Mereka bijak menyesuaikan diri dan membezakan cara berkomunikasi apabila bercakap dengan kawan-kawan, guru, ibu-bapa dan orang-orang lain di persekitaran mereka. Misalnya, kanak-kanak akan menunjukkan perasaan hormat apabila bercakap dengan guru semasa dalam bilik darjah melalui penggunaan gantiname diri “saya”, “kita” apabila bercakap dengan guru dan membahaskan diri mereka sebagai “saya” dan “awak” kepada kawan-kawan semasa berbual.

Namun apabila berada di luar sekolah terutamanya semasa berbual bersama rakan-rakan seusia, kanak-kanak lebih suka membahaskan diri mereka “aku”, manakala “kau” atau “mu” pula adalah panggilan kepada kawan yang dirujuk atau yang diajak berbual. Keupayaan ini sebenarnya menunjukkan kecekapan pragmatik kanak-kanak prasekolah yang bijak mengubah cara berkomunikasi terutamanya penggunaan Kata Ganti Nama Diri mengikut konteks yang sesuai.

5.7 Implikasi Kajian dan Cadangan

Kajian ini menunjukkan bahawa kanak-kanak prasekolah sebenarnya telah berupaya mengujar dan mentafsir ujaran yang mempunyai maksud tersirat. Lantaran itu, hasil kajian boleh dijadikan panduan oleh semua pihak untuk merancang dan melaksanakan program yang sesuai dengan tahap sebenar pemahaman kanak-kanak agar dapat membantu meningkatkan lagi kecekapan berkomunikasi dalam kalangan kanak-kanak terutamanya yang melibatkan pemahaman terhadap makna tersirat.

Orang dewasa khususnya ibu bapa boleh menggunakan pengetahuan ini untuk membantu mendorong perkembangan bahasa anak-anak dengan lebih baik lagi. Peranan ibu bapa dalam mendorong perkembangan bahasa kanak-kanak adalah sangat penting kerana mereka merupakan orang pertama yang paling rapat dan paling banyak mempengaruhi bahasa kanak-kanak. Lantaran itu, ibu bapa sebenarnya tidak perlu risau untuk menggunakan bahasa beralas, kiasan, perumpamaan dalam perbualan harian kerana kajian ini menunjukkan bahawa kanak-kanak prasekolah telah mampu memahami makna tersirat dalam ujaran.

Sebenarnya, penggunaan bahasa beralas, bahasa tersirat, bahasa kiasan, bahasa perumpamaan dalam perbualan harian akan dapat memberi pendedahan kepada kanak-kanak tentang maksud serta konteks penggunaan bentuk-bentuk bahasa yang bersifat kompleks ini dengan betul. Cara ini akan dapat membantu dan mempengaruhi kanak-kanak memahami makna tersirat dengan lebih baik berdasarkan konteks penggunaan yang betul. Sebenarnya, pendedahan terhadap bahasa beralas dan bahasa tersirat adalah perlu dilakukan di peringkat awal untuk membina pengalaman dan menjana pemahaman dalam diri kanak-kanak.

Secara umum, masyarakat Melayu amat berhati-hati apabila menyampaikan maksud supaya tidak menyinggung perasaan orang lain (Norazlina Hj. Mohd Kiram, 2009: 43). Mereka lebih gemar menggunakan kiasan, simpulan bahasa, peribahasa, pantun, teromba untuk menyampaikan maksud tersirat (ibid.). Namun, kajian menunjukkan bahawa tiada langsung penggunaan bentuk-bentuk bahasa seperti ini dalam data interaksi kanak-kanak. Situasi ini berkemungkinan berlaku kerana kanak-kanak pada tahap prasekolah masih belum menguasai bentuk-bentuk bahasa kiasan, simpulan bahasa, peribahasa, pantun dan teromba untuk diaplikasikan dalam perbualan harian antara mereka.

Selain itu, besar kemungkinan juga ibu bapa tidak menggunakan bentuk-bentuk bahasa seperti ini dalam perbualan dengan anak-anak mereka kerana menganggap kanak-kanak tersebut akan menghadapi kesukaran untuk memahami maksud tuturan mereka. Situasi ini berlaku kerana sesetengah ibu bapa menganggap kanak-kanak prasekolah adalah masih kecil (Izani Hj. Daud, 2009: 33), dan oleh yang demikian mereka tidak menggunakan bentuk-bentuk bahasa yang dianggap kompleks tersebut.

Sepatutnya, sebagai model terdekat dan yang paling banyak mempengaruhi bahasa kanak-kanak, ibu bapa perlu mendedahkan anak-anak dengan bahasa yang bersifat kompleks terutamanya penggunaan bahasa kiasan. Pendedahan awal adalah perlu dilakukan untuk membentuk pengalaman, meningkatkan pengetahuan serta kecekapan berkomunikasi kanak-kanak selain menerapkan nilai kesantunan dalam diri mereka kerana penggunaan bahasa kiasan adalah dipengaruhi oleh pengalaman yang wujud dalam pemikiran penggunanya (Norazlina Hj. Mohd. Kiram, 2010: 59). Hal ini kerana melalui penggunaan bahasa kiasan, air muka dan perasaan individu adalah lebih diutamakan berbanding hasrat yang ingin disampaikan (ibid.).

Ibu bapa perlu menerapkan nilai-nilai kesantunan berbahasa terhadap anak-anak seawal usia dua tahun lagi. Hal ini kerana dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa kanak-kanak yang berusia empat hingga enam tahun telah pun memahami makna tersirat, lantaran itu tiada masalah sekiranya ibu bapa ingin menerapkan nilai-nilai kesantunan bahasa dengan mengutamakan perilaku terpuji bersesuaian dengan budaya masyarakat Malaysia terhadap anak-anak mereka seawal usia dua dan tiga tahun.

Penerapan nilai kesopanan dalam diri kanak-kanak terutamanya dalam aspek bahasa adalah penting untuk mewujudkan dan membentuk generasi yang baik hati, peramah, bertimbang rasa, berfikiran positif, mengamalkan sikap toleransi, bersopan santun, jujur, bermoral dan bermaruah serta sentiasa mengutamakan kerjasama dan kerukunan antara anggota masyarakat. Secara tidak langsung hal ini dapat menonjolkan akhlak dan peribadi bangsa yang mulia dan bersahsiah (Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2009: 31)

Dalam aspek pendidikan, kajian ini dapat dimanfaatkan oleh para pendidik khususnya diperingkat tadika dan kebangsaan untuk merancang sistem pembelajaran yang lebih berkesan, selari dan sesuai dengan tahap pemahaman pelajar. Program pendidikan yang dimaksudkan ialah merangkumi kaedah pengajaran, penyediaan sukatan pelajaran dan interaksi antara guru dan murid.

Pemahaman terhadap tahap sebenar keupayaan berbahasa kanak-kanak sememangnya amat berguna kepada guru dalam proses penyediaan dan perancangan pelbagai aktiviti, serta strategi yang bersesuaian dengan perkembangan bahasa dan peningkatan pemahaman kanak-kanak. Keadaan ini akan dapat membantu kanak-kanak, bukan sahaja dari aspek perkembangan bahasa malah sahsiah diri mereka juga.

Akhir sekali, dapatan kajian ini dapat digunakan oleh semua pihak bukan sahaja ibu bapa, warga pendidik malahan masyarakat keseluruhan serta para pemimpin negara untuk dijadikan sebagai panduan dalam usaha mencari kaedah terbaik mendekati dan menerapkan nilai positif, sahsiah yang baik dan terpuji dalam diri kanak-kanak sesuai dengan tahap pemahaman mereka. Mencari kaedah yang sesuai dengan tahap pemahaman sebenar kanak-kanak adalah sangat mustahak kerana ia akan dapat mempermudah lagi proses pengajaran serta penerimaan oleh kanak-kanak.

Seterusnya, harapan pengkaji ialah semoga akan muncul kajian baru di masa hadapan yang lebih mendalam berkaitan dengan pemahaman makna tersirat dalam kalangan kanak-kanak prasekolah khususnya yang melibatkan interaksi kanak-kanak dengan orang dewasa. Apabila kajian pemahaman makna tersirat dilakukan terhadap interaksi kanak-kanak dan orang dewasa, lebih banyak lagi dapatan-dapatan yang menarik akan diperolehi berkaitan dengan pemahaman makna tersirat kanak-kanak.

Perbincangan tentang keupayaan kanak-kanak memahami makna tersirat akan menjadi lebih luas dan usaha untuk membantu kanak-kanak dalam proses penguasaan bahasa dan aspek pemahaman akan dapat dilakukan dengan lebih rencam dan pelbagai. Kajian seperti ini adalah penting kerana di Malaysia, bahan-bahan rujukan primer yang berkaitan dengan pemahaman makna tersirat kanak-kanak prasekolah adalah masih kurang dan amat terhad. Jika ada pun, skop perbincangan mengenainya amat sedikit dan tidak meluas kerana ianya hanya dilakukan secara sepintas lalu sahaja tanpa melibatkan analisis dan kajian yang mendalam.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan. (1986). "Penguasaan Bahasa Kanak-kanak: Satu Pemerhatian Kes Awal", *Jurnal Dewan Bahasa*, Oktober, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Aziz Abdul Taib. (1995). "Jean Piaget dan Teori Perkembangan bahasa", dalam *Jurnal Dewan Bahasa dan Pustaka*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Aziz Sharif. (1991). "Pemerolehan Bahasa Ibunda-Umum" dalam *Jurnal Bahasa Moden*, Jld. 40: Bil 6, Kuala Lumpur: Pusat Bahasa, Universiti Malaya.
- _____, (1994). "Pemerolehan Bahasa Ibunda: Pembentukan Sintaksis" dalam *Jurnal Bahasa Moden*, Bil 7, Kuala Lumpur: Pusat Bahasa Universiti Malaya.
- Abdul Hamid Mahmood. (1994). "Sintaksis Dialek kelantan", Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad. (2001). "Santun Komunikasi", Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rashid Ali. (1991). "Penguasaan Bahasa Kanak-kanak Satu Pemerhatian kes Awal", dalam *Jurnal Dewan Bahasa dan Pustaka*, Oktober, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Bakar Hamid. (1978). "Semantik" dalam Abdullah Hassan (ed), *Rencana Linguistik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Foad Hashim. (1983). "Psikolinguistik dan Pengajaran" dalam *Jurnal Dewan Bahasa*, Jilid 27; Bil. 11, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Mahmood Musanif 2007. Kesopanan dalam Perbualan Mengikut Budaya Masyarakat Melayu. Kuala Lumpur

- Alias Jamsuri. (1982). "Psikolinguistik dan Pemerolehan Bahasa", dalam *Jurnal Dewan Bahasa*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Sarji. 2004. *Hang Tuah Tokoh Epik Nasional*. Subang Jaya: Pelanduk Publications.
- Akmajian. Adrian., et al. (1990). "Linguistics: An Introduction to Language and Communication", terjemahan Aishah Mahadi dan Azizah Hussain. 1995. *Linguistik: Pengantar Bahasa dan Komunikasi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____, (2004) (5th edition), "An Introduction to Language and Communication", New Delhi: Prentice Hall of India.
- Allen, J. P. (1975). "Papers in Applied linguistics", London: Oxford University Press.
- Anglin, J. (1975). "The Extensions of The Child's First Terms of Reference", *kertas kerja, Society for Research in Child Development*, New York.
- _____, (1997). "Word, Object and Conceptual Development", New York: Norton.
- Asraf Abdul Wahab, 1974. "Tatabahasa dalam Pengajaran Bahasa", Kertas Kerja yang dibentangkan di Seminar Pengajaran Bahasa dan Kesusasteraan, anjuran Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Asmah Haji Omar. (1982). "Nahu Melayu Mutakhir", Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____, (1985). "Bentuk Bahasa Kanak-kanak Melayu", dalam *Jurnal Dewan Bahasa*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____, (1992). "The Linguistics Scenery in Malaysia". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

_____. (1992). "Aspek bahasa dan Kajiannya", Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

_____. (1993). "Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu", Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

_____. (2000). "Wacana Perbincangan, Perbahasan dan Perundingan", Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

_____. (2002). "Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan", Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Atan Long. (1978). "Psikologi Pendidikan", Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Awang Mohammad Amin. (1979b). "Beberapa Isu tentang Pemerolehan dan Penguasaan Bahasa, Tinjauan dari Sudut Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Pertama", dalam *Jurnal Dewan Bahasa dan Pustaka*, Jilid 23: Bil. 11 (11 November), Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.

_____. (1979a). "Penguasaan Bahasa Kanak-kanak-Hubungannya dengan pengajaran bahasa sebagai bahasa Pertama", dalam *Jurnal pendidikan Perguruan*, Jilid 2, Bil 2.

Awang Sariyan, 2007. *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

_____. (2007). "Bahasa sebagai Jati Diri Bangsa: Isu, Cabaran dan Keupayaan Pelastarian", Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bates, Elizabeth. (1976). "Language and Context: The acquisition of Pragmatics". New York: Academic Press.

_____. (1978). "The Acquisition of The Passive Voice" dalam *Journal of Child language*, 3

- Bennedict, H. (1979). "Early Lexical Development Comprehention and Production"
Journal of Child Language, 6
- Berko, J. (1958). "The Child's Learning of English Morphology, Words", Belmont,
CA : Thomson Wadsworth, ms.14.
- Bernstein, B. (1969). "Sociolinguistic Approach to Socialization", dalam Gumperz dan
Hymes (EDS). *Direction in Sociolinguistics*, New York: Holt, Rinehart and
Winston.
- Bever. T. G. Fodor, J.A dan Weskel. (1965a). "Theorical Notes on The Acquisition of
Syntax", *Psychological Review*, 72. 6.
- _____, (1965b). "Is Linguistics Emperical?" *Psychological Review* 1, 72, 6.
- Bloch, B. dan G. L. Tragger. (1942). "Outline of Linguistic Analysis", Linguistics
Society of America, Baltimore, Waverly Press, Inc.
- Bloomfield.(1933). "Language", 1887-1949, Revised ed. New York, H. Holt and
Company.
- _____, (1970). "Language Development: Form and Function in Emerging Grammars",
Cambridge Mass: M. I. T Press.
- _____, L., M. (1973). "One Word at a time: The Use of Single Word Utterance Before
Syntax", The Haque: Mouton Publisher.
- _____, (1992). "Bahasa" terjemahan oleh Alias Mahpol et al., Kuala Lumpur: Dewan
Bahasa dan Pustaka.
- Bollinger, D. (1986). "Aspects of Language", New York: Harcourt, Brace and World
Inc.

- Bowerman, M. (1973). "Early Syntactic Development: A Cross Linguistic Study with Special reference to Finnish", Cambridge: Cambridge University Press.
- Braine, M. D. S. (1963). "The Ontogony of English Phrase Structure; The First Phrase Language", 39.
- _____, (1965). "On The Basic of Phrase Structure: A Reply to Bever", dalam Fodor dan weskel. *Psychological Review* 72.
- Brown, R., and Frase, C. (1964). "The Acquisition of Syntax", dalam U Bellugi dan R Brown (Eds), *The Acquisition of Language*, Chicago: The Chicago University Press.
- _____, (1973). "A First language: The Early Stages", London: Allen and Unwin.
- Brunner, J. (1975). "The Ontogenesis of Speech Acts", dalam *Journal of Child language* 2.
- Bhukhoriy Ismail, Amelia Abdul Aziz, Zulkipli Abu Bakar. (1997). "Kamus Komunikasi", Shah Alam: Fajar Bakti.
- Campbell. Y. M. (2008). "Bahasa Isyarat Meningkatkan IQ Bayi?" *Jurnal Dewan Bahasa*, , Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Carolyn, J. N. (1976). "Language Meterials and Curriculum for the Handicapped Learners", Ohio: Charles E. Merryl Publishing Company.
- Carston, R. (1988). "Saying and Implicating", *Journal of Linguistics*, Vol: 1
- Catherine, Snow. (1977). "The Development of Conversation Between Mothers and Babies", *Journal of Child Language*, 4 (February 1977).
- Cazden, C.B. (1972). "Language in Early Childhood Education", New York: National Association for The Education of Young Children.

Chomsky, N. (1959). "A Review of B.P. Skinners Verbal Behaviour Language", 35.

_____, N. (1965) *Aspects of the Theory of Syntax*. Cambridge, MIT Press.

_____, N. (1969). "The acquisition of syntax in children from 5 to 10",
Cambridge, Massachussets, MIT Press.

_____, N. (1972). "Language and mind", New York : Harcourt Brace Jovanovich

_____, N. (1975). "Syntatic Structures", The Hague, Mouton and Company.

_____, N. (1988). "Language and Problem of Knowledge: the Managua lectures",
Cambridge, MIT Press.

Clark, Herbert., Clark, Eve V.. (1969). "Linguistic Process in Deductive Reasoning",
New York: Academic Press.

_____, (1973). "What's In a Word? On The Child's Acquisition of Semantics in His
First Language ". Dalam Moore, T. E. (Ed). "*Cognitive Development and
Acquisition of Language*", New York: Academic Press.

_____, (1977). "First Language Acquisition", Dalam Morton, J dan J. C Marshall,
(Eds), *Psycholinguistics Developmental and Pathological*. Ithaca, New York:
Cornell University Press.

_____, (1977). "Psychology and Language: An Introduction to Psycholinguistics",
New York.

Cross, T.G. (1977). "Mothers Speech Adjustments: The Contribution of Selected Child
Listener Variables", dalam C. E Snow dan C. A Fargueson (Eds), *Talking to
Children: Language Input and Acquisition*, Cambridge: Cambdrige University
Press.

- Dardjowidjojo, S. (2007) *Psikolinguistik: Pengantar Pemahaman Bahasa Manusia*. Jakarta: Yayasan Obor.
- Darwis Harahap. (1994). "Binaan Makna", Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Donaldson, M, and Wales, R. (1970). "On The Acquisition of Some Realtional Terms", Dalam R. J., Hayes (Eds), *Cognition and The Development of Language*, New York: Wiley.
- Durcot, Oswald & Tzvent Todorov. (1979). "Encyclopedia Dictionary of The Science of Languages" (Trans: Catherine Porter), London The John Hopkin: University Press.
- Effendy, O. U. (1925) M. A. "Komunikasi dan Modernisasi", Penerbitan Alumni, Bandung.
- Fenton, J. C. (1925). "A Practical Psychology of babyhood", Boston: Houghton Mifflin Company.
- Fodor, J., dan Garret. M. (1966). "Some Reflection on Competence and Performance", dalam Lyons dan Wales *Psycholinguistics Papers: The Proceeding of the 1966 Edinburgh Conferences*, Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Frank, F., dan Anshen. F. (1983). "Language and the sexes. Albany, N. Y: Sunny Press.
- Fromkin, V. dan Robert, R. (1993). "An Introduction to Language", Florida: Harcourt Brace Jovanovich Collage.
- Goodluck, H. (1996). "Language Acquisition: A Linguistic Introduction", Cambdrige, Massashusetts, USA.
- Gough, P. B. (1965). "Grammatical Transformation and Speed of Understanding", *Journal of Verbal Learning and Verbal Behaviour*, 4

- Grayshon, E. (1969), "Prosodic System and Intonation in English Cambridge", Cambridge University Press.
- Grice, H. P. (1975). "Logic and Conversation", in Cole and Morgan *Syntax and Semantics 3*, Academic Press: New York.
- Haliza Hamzah, Joy N. Samuel, Rafidah Kastawi. (2008). "Perkembangan Kanak-kanak untuk Program Perguruan Pendidikan Rendah Pengajian Empat Tahun", Kumpulan, Budiman Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- Halliday, M. (1975). "Learning How to Mean Exploration in The Development of Language", London, Edward Arnold.
- _____, (1990). "Spoken and Written Language", Oxford University Press.
- Harimurti Kridalaksana, (1993). "Kamus Lingusitik", Jakarta: Penerbitan PT Gramedia.
- Hartmann, R. R. K dan Stork F. C. (1972). "Dictionary of Language and Linguistics", London.: Applied Science Publisher.
- Hashim Fauzy Yaacob. (2001). *Komunikasi Antara Manusia*. Skudai: Penerbit UTM.
- Hashim Musa dan Ong Chin Guan. (1998). "Pengantar Ilmu Makna", Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Ahmad. (1993). "Bahasa dan Ilmu Bahasa", dalam Kumpulan Karangan daripada *Majalah Dewan Bahasa 1957-1972*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hill. A. (1969). "A Course in Modern Linguistics", Canada. ; The Mac Millan Company.
- Hornstein, Norbert., Lightfoot, David.(1981) "Explanation in Linguistics: The Logical Problem of Language Acquisition", London: Longman

- Ingram, D. (1989). "First Language Acquisition: Method, Description and Explanation"
Cambridge: Cambridge University Press.
- Ismail Hashim. (1991). "Bahasa Halus dan Hubungannya dengan Makna", dalam *Jurnal Dewan Bahasa*, January, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Izani Haji Daud. (2010). "Kanak-kanak Melayu dan Perolehan Bahasa Melayu", dalam *Jurnal Dewan Bahasa*, January, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jamali Ismail. (1980). "Psikolinguistik dan Bidang-bidang Kajiannya yang Utama: Satu Pengenalan" hal 6-14, Dalam *Jurnal dewan Bahasa* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamaruddin Hussin. (1986). "Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa", Subang Jaya, Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Kamus Dewan, Edisi cetakan keenam, (2002). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) ms 180
- Keraf, G. (1975). "Tatabahasa Indonesia", Ende Flores: Nusa Indah.
- Labov, W. (1972). "The Social Stratification in New York City Department Stores", dalam *Sociolinguistic Patterns*, Philadelphia: University of Pennsylvania Press.
- Lakoff, G. (1968). "Deep and surface grammar", Bloomington, Ind. : Indiana University Linguistics Club.
- Leech, G. (1974). "Semantics" Harmondsworth, Middlesex : Penguin Books,
- Lennerberg, E. H. (1967). With appendices by Noam Chomsky and Otto Marx. "Biological foundations of language", New York: Willey.

- Lenneberg, E. H. (1968). "Symposium on Brain Research and Human Behavior" Paris, France, New York : Academic Press.
- Loh Chun Chuan. (2010). "Peribahasa Cerminan Peradaban", *Jurnal Dewan Bahasa*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lyons, J. (1968). "Introduction to Theoretical Linguistics", Cambridge: University Press.
- Maratsos, M. (1974). "How Preschool Children Understand Missing Complement sentences", *Journal Child Developmental*, 45.
- Mc. Neill, D. (1966a). "Developmental Psycholinguistics" dalam F. Smith dan G. A Miller (Eds), *The Genesis of Languages a Psycholinguistic Approach*, Cambridge, Mass: The M. I. T Press.
- _____, (1966b). "The Creation of Language", Dalam *Psycholinguistic Papers*, (ed.). J. Lyons dan R. Wales, Edinburgh: University Press.
- _____, (1970). "The Acquisition of Language: The Study of Developmental Psycholinguistics", New York: Harper and Row.
- Mei-Yu Lu. (2000). "Language Development in the Early Years", ERIC Digest.
- Mohd. Daud Hamzah. (1994). "Perkembangan Kanak-kanak dan Pembelajaran", Kuala Lumpur: Utusan Publications dan Distributors, Sdn Bhd.
- Mohd. Koharuddin Mohd.Balwi. (2005). "Peradaban Melayu: Skudai", Penerbit UTM.
- Morehead D. M., dan Morehead A. E. (1974). "From Signal to Sign : A Piagetian View of Thought and Language During the First two Years", dalam R. C. Schielfelbush dan L. L. Liyod, (Eds) 1974, *Language Perspective-Acquisition, Retardation and intervention*, London the Mac Millan Press. The Society for Research in Child Development, 38(serial no. 149).

- Muriel Saville-Troike. (1991). "Etnografi Komunikasi: Satu Pengenalan", terjemahan oleh. Ajid Che Kob, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nathesan, S. (1991). "Bahasa dan Hubungannya dengan Masyarakat: Satu Tinjauan daripada Perspektif Sociolinguistik", Kuala Lumpur: Jurnal Dewan Bahasa,
- _____, (1995). "Beberapa Persoalan Penggunaan Bahasa Melayu dan Penyelesaiannya", Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- New Port, E. L, Glaitman, H dan Gleitman, L. R. (1979). "Mother I'd Rather Do it My self Some Effects of Maternal Speech Acts" dalam p. Fletcher dan M. Garman, *Language Acquisitions-Studies in First Language Development*, Cambridge: Cambridge University Press.
- Nik Safiah Karim, et. al (1980). "Bahasa Melayu: Teori dan Aplikasinya", *Kertas Kerja Seminar Pertama Persatuanlinguistik Malaysia*, Saujana Enterprise, Kuala Lumpur.
- _____, et. al (1986). "Tatabahasa Dewan", Jilid 1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____, (1988). "Linguistik Transformasi Generatif; Suatu Penerapan Pada Bahasa Melayu", Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa, Abdul Hamid Mahmood. (2011). "Tatabahasa Dewan" (Edisi Ketiga). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Aina Dani. (2007). "Pengantar Psikolinguistik", Selangor Darul Ehsan: Sasbadi.
- Noriah Taslim. (2010). Lisan dan Tulisan: Teks dan Budaya. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.

Nor Hashimah Jalaluddin. (1990). "Semantik dan Pragmatik dalam Teori Relevan", *Jurnal Dewan Bahasa*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

_____, (1991). "Keimplisitan Ujaran: Satu Analisis Teori Relevans", *Jurnal Dewan Bahasa*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka..

_____,(2003). "Bahasa dalam Perniagaan: Satu Analisis Semantik & Pragmatik", Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Nor Azlina Haji Mohd. Kiran. (2009). "Konsep Malu dalam Kiasan Melayu", *Jurnal Dewan Bahasa*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

_____, (2010). "Kesantunan Berbahasa: Cerminan Peribadi Mulia", *Jurnal Dewan Bahasa*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Owen, R. E. (1984). "Language Development: An Introductions", Colombus : Charles E. Merril Publishing C. O.

Palermo, D. S. (1978). "More About Less; A Study in Language Comprehension", *Journal of Verbal Learning and Verbal Behaviour*.

Palmer, F. R. (1990). "Semantics", Cambridge : Cambridge University Press.

Palmer, F. R. (1973). Terjemahan oleh Abdullah Hassan, "Semantik", Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Parker, F. (1994). Terjemahan oleh Raja Rahawani Raja Mamat, "Linguistik untuk bukan ahli linguistik", Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Parker, F. R. dan Kathryn L. (2005). "Linguistics for Non-linguists : a Primer with Exercises", Boston, Mass. : Pearson / Allyn and Bacon.

Piaget, J. (1926). "The language and thought of the child", London: Routledge and K. Paul

- _____, (1952). "The Origin of Intelligence in The Child", New York: University Press.
- Puteri Roslina Abdul Wahid. (2004). "Bahasa Antara", Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,
- Raja Masittah Raja Ariffin. (2008). "Mentafsir Melalui Bahasa Isyarat", *Jurnal Dewan Bahasa*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Raminah Haji Sabran dan Rahim Syam. (1985). "Kaedah Pengarah Bahasa Malaysia", Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Ringler, N. (1978). "A Longitudinal Study of mother's Language" dalam Waterson dan C.Snow (Eds), *The Development of Communication*, Chichester: John Wiley and son.
- Robins, R. H. (1993). "Sejarah Ringkas Linguistik" terjemahan oleh Noor Ein Mohd. Noor, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- S. Takdir Alisjahbana. (1964). "Tatabahasa Baru Melayu Indonesia", Kuala Lumpur: Zaman Baru Ltd.
- Sapir, E. (1921). "Language and Introduction to The Study of Speech", New York: Harcour, Brace and Company.
- _____, (1970). "Culture, Language and Personality" USA : University of California Press
- Sharifah Nor Puteh, Aliza Ali. (2011), Pendekatan Bermain dalam Pengajaran Bahasa dan Literasi bagi Pendidikan Prasekolah, *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, Vol 1 Bil 1.
- Shinn, M. W. (1990). "The Biography of a Baby", Boston: Houghton Mifflin Company.

- Simanjuntak, M. (1982). "Bahasa dalam Pertumbuhan Pemikiran Manusia", Kuala Lumpur: Penerbitan UKM.
- _____, (1983). "Aspek-aspek Fonologi Transformasi generatif dalam Pemerolehan dan Pengajaran Bahasa Melayu, Satu Tinjauan Psikolinguistik", Tesis PHD, University Kebangsaan Malaysia.
- _____, (1978). "Pengantar Psikologi Moden", Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____, (1987). "Pengantar Psikolinguistik Moden", Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____, (1990). "Pertumbuhan dan Perkembangan Bahasa Kanak-kanak", dalam *Jurnal Dewan Bahasa*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Hal 692-704.
- Sinclair, H. (1969). "Developmental Psycholinguistics" dalam D. Elkind dan J. H. Flavell, *Studies in Cognitive development*, New York, Oxford: Universiti Press.
- _____, (1970). "The Transitional From Sensory-Motor Behaviour to Symbolic Activity", *Interchange*, 1.3.
- _____, (1975). "The role of the Cognitive Structure In Language Acquisition", dalam R. H. Lennerberg dan E. Lennerberg (Eds), *Foundation of Language Development-A Multidisiplinary Approach*, Vol. 1, New York: Academic Press.
- Skinner, B. F. (1938). "The Behaviour Organisme: An Experimental Analysis." New York: Appleton-Century Croft-Inc.
- _____, (1957). "Verbal Behaviour", New York: Appleton-Century Croft-Inc.

- _____, (1966). "Developmental Psycholinguistics", dalam F. Smith dan G. A Miller (Eds), *the Genesis of Language: A Psycholinguistics Approach*, Cambridge Mass, M.I.T Press.
- Slobin, (1971). "The Ontogenesis of Grammar-A Grammatical Symposium" New York: Academic Press.
- _____, D. I., (1973). "Cognitive Prerequisites for the Development of Grammar", Dalam A. Ferguson dan D. I Slobin (Eds), *Studies of Child Language Developmental*, New York: Holt, Rinehart dan Winston.
- Smith, N. V. (1973). "The Acquisition of Phonology", Cambridge: Cambridge University Press.
- _____, C. S. (1979). "An Experimental Approach to Children Competence" Dalam Journal. R Hayes (Eds), *Cognition and the Development of Language*, New York: Wiley.
- Smolak, L., and Weinraub. M. (1983), "Maternal Speech, Strategy or Response?" *Journal Child Language* 10.
- Snow, C. (1972). "Mother Speech to Children Learning Language" *Journal Child Language*, 43.
- Snow, C. and Hoefnagel-Honle, (1977). "Age Differences in the Pronunciation of Foreign Sound" dalam *Language and Speech*, London : Macmillan.
- Soenjono Dardjowidjojo. (2007). "Psikolinguistik: Memahami Asas Pemerolehan Bahasa (Siri Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu)", Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing.
- Sperber dan Wilson. (1986a). "Relevance Theory: Communication and Cognition", London: Blackwell.

- _____, (1986b). "The Outline of Relevance Theory, Stensilan", University of London.
- _____, (1980). "On Finding the Contexts for Comprehension", European Psycholinguistics Association Meeting.
- Sprintal, R. and Sprintal, A. (1974). "Educational Psychology, A Developmental Approach USA", Addison-Wesley Publishing Company, Inc.
- Steinberg, D. D. (1982). "Psycholinguistics, Language Mind and Word", London: Longman.
- Steven, A., Beebe, Susan J., Redmond, Mark V.(2011). "Interpersonal Communication Relating to Others", Kuala Lumpur: Pearson Education, INC.
- Stinger, D. (1973). "Language Acquisition and Cognitive Learning", New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Subramaniam, V. [2006], Artikel; Pemerolehan Bahasa dalam Kalangan Kanak-kanak Melayu; Perspektif Psikolinguistik, Petaling Jaya: Sasbadi.
- Tarigan, H. G. (1981) "Pengajaran Semantik" Bandung: Penerbitan Angkasa.
- Thompson, J. and Chapman S. R. (1977). "Who is Daddy Revised: The Status of two year-olds Overextended Word in use and Comprehension", *Journal of Child Language* 4.
- Thorndike, E. L. (1905). "Human learning" New York : Johnson Reprint Corp.
- Wardhaugh, Ronald, 1976., The Contexts of Language, USA: Newbury, House Publisher, INC.
- Wells G. (1981). "Learning through Interaction: A Study of Language Development", Cambridge: Cambridge University Press .

- _____, (1985). "Language and Developmental in The Pre-School Years", Cambridge: Cambridge University Press .
- West, M. (1969). "An International Reader's Dictionary" the Chucer Press Bungay Suffolk: Longman Green and Co. Ltd.
- Wittgenstein, L..(1953). "Philosophical investigations" translated by G.E.M. Anscombe, Oxford : B. Blackwell.
- _____, (1992) "Penyiasatan Falsafah" Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka,
- Wood. S., B. (1981). "Children and Communication: Verbal and Non-Verbal Language Developmental" (2nd Edition), Englewood Clifts, N., J.: Prentice- Hall.
- Yaacob Harun.(1989). "Keluarga Melayu: Bentuk, Organisasi dan Fungsi" dlm. Mohd. Taib Osman, Masyarakat Melayu: Struktur, Organisasi dan Manifestasi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Za'aba. (1953). "Pelita Bahasa Melayu Baku" Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2006). "Memahami Pertuturan Kanak-kanak Melalui Analisis Pragmatik", Serdang: Universiti Putra Malaysia,
- _____, (2009). "Akhlak Mulia Melalui Kesantunan Berbahasa" dalam *Jurnal Dewan Bahasa* , Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zamri Mahamood. (2007). "Psikolinguistik dalam Pengajaran dan Pemerolehan Bahasa Pertama dan Kedua", Shah Alam: Karisma Production.
- Zulkifley Hamid. (1990). "Penggunaan Bahasa: Huraian Paradima mentalis dan Behaviorisme" dalam *jurnal Dewan Bahasa*. Jilid 34: Bil. 5., Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka..

_____, (2006). “Aplikasi Psikolinguistik dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa: Siri Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu”, Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing.

Laman Web

Aspek Makna Ujaran dalam <http://edu-corner.blogspot.com/2011/01/aspek-makna-ujaran.htm> 1

Safriandi A. Rosmanuddin. (2009). *Pemerolehan Bahasa Pertama* artikel yang diterbitkan dalam <https://nahulinguistik.wordpress.com/2009/04/14/pemerolehan-bahasa-pertama/>

Subramaniam, V. (2000). *Pemerolehan bahasa dalam Kalangan Kanak-kanak Melayu*, <http://pasir.upm.edu.my/875i/>

LAMPIRAN 1

Jadual Menunjukkan Bilangan Sesi, Masa dan Lokasi Rakaman Perbualan
Kanak-kanak Prasekolah

| Bilangan Sesi | Masa | Lokasi |
|---------------|----------|--------------------|
| 1 | 15 minit | Rumah |
| 2 | 30 minit | Rumah |
| 3 | 08 minit | Rumah |
| 4 | 15 minit | Rumah |
| 5 | 15minit | Rumah |
| 6 | 08 minit | Sekolah |
| 7 | 10 minit | dalam bilik darjah |
| 8 | 15 minit | dalam bilik darjah |
| 9 | 25 minit | Rumah |
| 10 | 20 minit | Rumah |
| 11 | 20 minit | dalam bilik darjah |
| 12 | 10 minit | dalam bilik darjah |
| 13 | 25 minit | Rumah |
| 14 | 10 minit | dalam bilik darjah |
| 15 | 05 minit | Rumah |
| 16 | 15 minit | Rumah |
| 17 | 7 minit | dalam bilik darjah |
| 18 | 05 minit | Rumah |
| 19 | 05 minit | Rumah |
| 20 | 05 minit | Rumah |

| | | |
|----|----------|--------------------|
| 21 | 08 minit | dalam bilik darjah |
| 22 | 07 minit | dalam bilik darjah |
| 23 | 07 minit | Rumah |
| 24 | 07 minit | Rumah |
| 25 | 08 minit | Rumah |
| 26 | 08 minit | Rumah |
| 27 | 05 minit | halaman rumah |
| 28 | 05 minit | dalam bilik darjah |
| 29 | 10 minit | halaman rumah |
| 30 | 10 minit | dalam bilik darjah |
| 31 | 10 minit | dalam bilik darjah |
| 32 | 10 minit | dalam bilik darjah |
| 33 | 45 minit | halaman rumah |
| 34 | 05 minit | Rumah |
| 35 | 05 minit | Rumah |
| 36 | 15 minit | halaman rumah |
| 37 | 08 minit | Rumah |
| 38 | 10 minit | Rumah |
| 39 | 05 minit | Rumah |
| 40 | 15 minit | Rumah |
| 41 | 17 minit | Rumah |
| 42 | 10 minit | Rumah |
| 43 | 15 minit | Rumah |
| 44 | 10 minit | Rumah |
| 45 | 20 minit | dalam bilik darjah |

| | | |
|---------------|-----------------------|--------------------|
| 46 | 10 minit | Rumah |
| 47 | 13 minit | Rumah |
| 48 | 10 minit | dalam bilik darjah |
| Jumlah | 9 jam 50 minit | |

Jadual 3.2 Bilangan Sesi, Masa dan Lokasi Rakaman Perbualan
Kanak-kanak Prasekolah

LAMPIRAN 2

TRANSKRIPSI

Situasi 1

Tarikh rakaman: 1 Januari 2009
Masa 15 minit
Sampel Akram (L4), Ajam (L6), Arif (L5), Ajid (L6) dan Ebbi (L3)
Tempat di halaman rumah Ajam
Situasi Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa kanak-kanak sedang berbual di halaman rumah Ajam.

[U1]Akram /jom mandi nak?/
[U1]Ajam /gi/
[U1]Arif /ajak Ebi getek/
[U1]Ajid /Bi mari kita mandi nak?/
[U1]Ebbi /tak cema lagi/ (perlanggaran maksim kuantiti)
[U2]Arif /Ebi tak sir eh/
[U2]Ebbi /aku kata tak cema lagi/
[U3]Arif /ala mari la mandi/
[U3]Ebbi /ala malas eh/
/mu gi mandi puak mu ah/
[U2]Ajid /pada hal mu takut ka air dah?/ (ketawa)
[U4]Ebbi /aku tak cema/
[U2]Ajam /ala petang tak payah mandi/
[U3]Ajid /mari ah/
[U4]Arif /bestnya mandi/
[U4]Ajid /jom/

Situasi 2

| | |
|----------------|--|
| Tarikh rakaman | 1 Januari 2009 |
| Masa | 15 minit |
| Sampel | Akram (L4), Ajam (L6), Arif (L5), Ajid (L6), Iboy (L4) dan Ebbi (L3) |
| Tempat | di halaman rumah Ajam |
| Situasi | Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa kanak-kanak sedang berbual di halaman rumah Ajam. |

| | |
|-----------|---|
| [U1]Iboy | /Ajam mu main kilat/ |
| [U1]Ajid | /jangan main tipu la// tipu/ |
| [U1]Akram | /tak best la Ajam main tipu/ |
| [U1]Ajam | /mana nya?/ |
| [U2]Ajid | /ok main semula/ |
| [U2]Ajam | /undilah/ |
| [U3]Ajid | /Tasha dapat rasanya ni/ |
| [U2]Ajam | /mesti aku dulu/ |
| [U2]Akram | /buleh ka Ajam eh/ |
| [U2]Ajam | <u>/kata dah// aku gi bomoh semalam/</u> |
| [U4]Ajid | <u>/ha...aku jadi tok bomoh/</u> |
| [U2]Iboy | <u>/haa sengoti.../</u> [ketawa beramai-ramai] |

| | |
|-----------|---|
| [U1]Azam | /hei budak-budak nak tahu ka dak ?/ |
| [U1]Nazri | /nak .../ |
| [U2]Azam | /abe jale-jale nampak Jebak* / (*Jebak gelaran yang selalu digunakan oleh Azam kepada Nazri) |
| [U2]Nazri | /pah tu *burung pun terbang naik atah pokok/ (ketawa) (*burung merupakan gelaran adik beradik yang lain juga |

kepada Azam)

[U3]Azam /Jebak pun duk gantung atah pokok juga//
(KONTEKS: gelak)

[U3]Nazri /ha ... //burung pun terbang...//. tinggi .../
(KONTEKS: ketawa gembira)

Situasi 3

Tarikh rakaman Jun 2009

Masa 8 minit

Sampel Aishah (P6), Iboy (L4) dan Ebby (L3)

Tempat di halaman rumah Aishah

Situasi Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa
kanak-kanak sedang berbual di halaman rumah Aishah.

[U1]Aishah /awak//kita main ga ni nak?
(KONTEKS: menunjukkan gigi mainan)

[U1] Tasha /nak tengok meta/
(KONTEKS: melihat gigi mainan)

[U2]Aishah (/ala//tak sedap la main go ni/

[U1]Ebby /awak// saya naik go ni awak/
(KONTEKS: menunjukkan kereta mainan dan menaikinya)

[U3]Aishah /tak leh main//tak leh tengok/

[U2]Ebby /aku nak gi getek boleh?/

[U4]Aishah /jauh la/ **(perlanggaran maksim kuantiti
dan hubungan)**

[U2]Tasha /jauh ghoyak/

[U3]Ebby /nak gi /

[U5]Aishah /tak payah/

Situasi 4

| | |
|----------------|---|
| Tarikh rakaman | Ogos 2009 |
| Masa | 15 minit |
| Sampel | Ebbi (L3), Nazri (L5), Tasha (P6) dan Aishah (P6) |
| Tempat | di halaman rumah Aishah |
| Situasi | Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa kanak-kanak sedang bermain di halaman rumah Aishah. |

| | | |
|------------|---|---|
| [U1]Tasha | /mari awak/ (mengajak Aishah) | |
| [U1]Aishah | /gi/ | |
| [U1]Ebbi | /nak gi etek/ | |
| [U2]Aishah | <u>/jauh/</u> | (perlanggaran maksim kuantiti dan maksim hubungan) |
| [U1]Nazri | /mu nak gi mana?/ | |
| [U2]Tasha | <u>/jauh/</u> (memerlukan pentafsiran tersirat) | (perlanggaran maksim kuantiti dan maksim hubungan) |
| [U2]Ebbi | /nak gi etek //buleh?/ | |
| [U3]Tasha | <u>/jauh ghoyak/</u> | |
| [U2]Nazri | /biar bi // kita gi dua/ | |
| [U3]Ebbi | /emm // kita gi dua/ | |
| [U3]Aishah | /bagus //Sha dak?/ | |
| [U3]Tasha | /mari ah dia tok sir gi dah/ | |
| [U4]Aishah | /mari ah/ | |

Situasi 5

| | |
|----------------|---------------------------|
| Tarikh rakaman | Ogos 2007 |
| Masa | 15 minit |
| Sampel | Fizi (L4) dan Aishah (P6) |
| Tempat | di rumah Aishah |

| | | |
|------------|---|--|
| Situasi | Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa Hafiz sedang bermain dengan Aishah di rumah Aishah. | |
| [U1]Aishah | /broom//broom/broom | (KONTEKS: Aishah menggayakan seperti orang sedang Memandu, padahal dia sedang duduk di atas kerusi). |
| [U1]Fizi | /nak dudok // boleh?/ | |
| [U2]Aishah | /dudok la / | |
| [U2]Fizi | /nak dok depe / | (KONTEKS: duduk di tempat duduk belakang kereta mainan) |
| [U3]Aishah | /ni //depe (depan) // ni belake (belakang)/ | (KONTEKS: Aishah menunjukkan tempat duduk depan dan belakang yang sebenar) |
| [U3]Fizi | /nak duduk tempat duduk belake// boleh?/ | |
| [U4]Aishah | <u>/kalu jatuh?/</u> | (perlanggaran maksim kuantiti dan maksim hubungan) |
| [U4]Fizi | <u>/boleh ka tak leh?/</u> | |
| [U5]Aishah | <u>/kalu jatuh tak tahu/</u> | |
| [U5]Fizi | /dok depe la.../ | |
| [U6]Aishah | /dudok la/ | |
| [U5]Fizi | /broom//broom/broom/ | |
| [U7]Aishah | /kona//kona la/ | |

Situasi 6

| | |
|----------------|---|
| Tarikh rakaman | April 2010 |
| Masa | 8 minit |
| Sampel | terdiri daripada Zalifa (P6), Anif (L6) dan Syafiq (L6) |
| Tempat | di taman permainan sekolah Tabika In. Saniah Gunong |

Situasi Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa kanak-kanak sedang bermain di taman permainan sekolah.

[U1]Zalifa /awak gi main denu nak?/
 (konteks: menunjukkan kearah buaian)
 [U1]Anif /mak saya mari/ (melihat kearah pintu pagar sekolah)
 [U1]Zalifa /esok la deh?/
 [U1]Syafiq /gi selalulah // meta jah/
 [U2]Anif /mak saya mari// nanti dia marah/
 [U2]Syafiq /ala meta jah/

Situasi 7

Tarikh rakaman March 2009
 Masa 10 minit
 Sampel Nina, Atiqah dan Yanie (P6)
 Tempat di dalam bilik darjah
 Situasi Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa kanak-kanak sedang mewarna

[U1]Nina /awak datang sekolah dengan apa?/
 [U1]Atiqah /ibu saya tak kerja .../
 [U2]Nina /Ooo ...// Ibu awak tak kerja ya?//senang la/
 [U1]Yanie / **ibu dia susah la ...**/
 [U3]Nina /susah? ...// Susah macam mana?/
 [U2]Yanie /**dia tak kerja ...//tak ada duit la ...**/
 (Keupayaan Pragmatik: Berduit jika bekerja dan jika tidak bekerja orang itu dianggap susah / tidak berduit)
 [U1]Izzati /eh ... //Jangan cakap macam tu Yanie .../
 [U2]Atiqah /ibu tak anta kita .../
 [U1]Ipa /habis awak datang dengan apa?/

[U3]Atiqah /kita naik van .../
 [U2]Ipa /emm ...// naik van ya?/
 [U4]Atiqah /rumah kita dekat sana/

Situasi 8

| | |
|----------------|----------------------|
| Tarikh rakaman | March 2009 |
| Masa | 15 minit |
| Sampel | Atiqah dan Wani (P5) |
| Tempat | dalam bilik darjah |

Kanak-kanak berbual sambil menyiapkan kerja yang disuruh oleh guru. Tiba-tiba datang seorang pelajar lelaki dari kelas sebelah (iaitu bilik darjah yang menempatkan pelajar yang berusia enam tahun).

Situasi *(sekolah tadika In.Saniah mempunyai dua bilik darjah iaitu satu untuk pelajar yang berusia enam tahun manakala satu lagi adalah untuk pelajar yang berusia lima tahun).

| | |
|------------|---|
| [U1]Wani | /Abang awak ke tu?/ (KONTEKS: memuncungkan mulut kearah seorang pelajar lelaki yang sedang membuka bag sekolah Atiqah) |
| [U1]Atiqah | /ya...abang saya/ |
| [U2]Wani | /abe awak umur berapa?/ |
| [U2]Atiqah | <u>/abang belajar kat kelah sebelah .../</u> |
| [U3]Wani | /Oo ... // abe awak belajar kelah sebelah? / |
| [U3]Atiqah | /Abang saya besar ...// duk kelah sebelah / /Saya kecil dok kelah ni .../ |
| [U4]Wani | <u>/Ooo...kalu gitu umur dia enam tahun la.../</u> |
| [U4]Atiqah | /ha.../ |

Situasi 9

| | |
|----------------|--|
| Tarikh rakaman | March 2009 |
| Masa | 25 minit |
| Sampel | Zakuan dan Adib (L6), Mila (P3) dan Sara (P6) |
| Tempat | di ruang tamu rumah Zakuan |
| Situasi | Zakuan sedang terbaring di atas sofa sambil menghisap susu botol. Di atas meja di sebelah Zakuan terdapat pensil warna yang berwarna-warni serta kertas lukisan yang sangat comot kerana telah diconteng. |

- | | | |
|---|-------------|--|
| 1 | [U1] Adib | /Hei ...// mu dah besar pun hisap susu botol lagi ?/ (KONTEKS: ketawa) |
| 2 | [U1] Zakuan | /Kita nak jadi besar cepat .../ / Tengok tange kita jadi kuat / (KONTEKS: menunjukkan pergelangan tangan dan bahu) |
| 3 | [U2] Adib | /Oooo... sebab tu hisap susu botol / |
| 4 | [U2] Zakuan | /Tak la ... / /Kita minum susu dale botol taksir wi tupah .../ |
| 5 | [U3]Adib | <u>/Ee ... // mu tak malu ke // dah besar hisap botol susu lagi? /</u> |
| 6 | [U3]Zakuan | <u>/Ini hak adik ...// aku *pinje meta jah .../[perlanggaran maksim </u> relevan] |
| 7 | [U4]Adib | <u>/serupa jah/</u> |
| 8 | [U4] Zakuan | /ala bakpo malunya...// buke sokmo pun/ / pinje *meta jah/ |

Tiba-tiba Sara (P6) masuk dan duduk di sebelah Zakuan(L6) dan adiknya Mila (P3)

- | | | |
|----|------------|--|
| 9 | [U1]Sara | /ee bakpa tange mu nga Mila *cema ni?/ (KONTEKS: melihat tangan Zakuan dan Mila) |
| 10 | [U5]Zakuan | Diam (KONTEKS: membelek-belek tangan adiknya Mila...) |
| 11 | [U2]Sara | /Tengok // dah jadi macam-macam warna dah ../ / biru ada // hitam ada ... //ha .../ / kuning ada .../ bakpo ni?/ |
| 12 | [U6]Zakuan | (Diam) |

(KONTEKS: melihat-lihat tangannya)

- 13 [U3] Sara Bakpo ni? Kena gapo?
14 [U7] Zakuan /Kita tak buat //.. tapi kita lukis bulat-bulat atah kertas ..//
15 [U4] Sara /hei takkan nukis tange jadi cema gini kut?/
16 [U8] Zakuan / tange jadi macam ni la ...//lagu mana lagi/
17 [U4]Sara /eee...habih cema .../
18 [U9]Zakuan /ala ... //bukan sampah pun..//ini dakwat pen aje .../

*pinje = pinjam, *meta = sekejap, *cema = kotor

Situasi 10

Tarikh rakaman Disember 2007
Masa 20 minit
Sampel Izan (L4) dan Afiz (L5)
Tempat di ruang tamu rumah Afiz
Situasi Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa kanak-kanak sedang melihat buku bergambar. Izan dan Afiz belum memasuki mana-mana sekolah tadika.

- [U1] Izan /ni lembu/
(KONTEKS: menunjukkan gambar tebuhan)
[U1] Afiz /tak la//ni buke lembu la/
[U2] Izan /ha dah ni lembu/
(KONTEKS: menunjukkan gambar gajah)
[U2] Afiz /tu buke lembu la.../
[U3] Izan /dah gambar gapo ni?//mu tahu nama dia?/
[U3] Afiz /sebenarnya ni lah lembu/
(KONTEKS: tanpa menjawab pertanyaan Izan, Afiz Membelek-belek buku dan menunjukkan gambar lembu yang sebenar kepada Izan)
[U4] Izan /ni anak lembu jugak ni/
(KONTEKS: menunjukkan gambar kambing)
[U4] Afiz /ni gambar kambing la sebab dia kecik/

[U5] Izan ni itik kaki panjang/
 (KONTEKS: menunjukkan gambar burung unta)

[U5] Afiz (diam) [mungkin kanak-kanak tak kenal]

[U6] Izan /mu tau ka ni gambar gapo?/
 (KONTEKS: menunjukkan gambar burung unta)

[U6] Afiz ala//sini mana ada benda ni
 (KONTEKS: menunjukkan gambar burung unta)

[U7] Izan /aku ingat mu tahu...//mu tak tahu jugak/
 (KONTEKS: ketawa)

Situasi 11

Tarikh rakaman: Disember 2007
Masa : 20 minit
Sampel : Akma Zuren, Syafiqah, Ida, Akmal, Balqis,
Jiji, Siti (P5) dan Hadi (L5)
Tempat : Dalam bilik darjah

Situasi : Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa kanak-kanak
sedang melakukan aktiviti bebas. Beberapa orang
kanak-kanak sedang melihat buku bergambar

[U1]Akma Zuren: /Gambar ini, gambar buaya la .../
(KONTEKS: menunjukkan gambar cicak)

[U1]Syafiqah : /biawak la .../
[U1] Ida : /buke la...tu kecil// cicak la/
[U2] Akma Zuren /hei cikgu kata kemas semua barang/
/tak denga ka?/
[U2]Akmal /bakpa ? // kita nak gi mana?/
[U2] Balqis /tengok *lua tu// ma aku mari dah/
(gembira)
[U3] Akmal /nak balik dah?/
[U2]Balqis /nak balik lah .../ /tak sir balik ka?/
[U1] Jiji /yea nak balik .../
(KONTEKS: bersorak gembira)
[U1]Siti /Kita nak balik kat kedai buah ...//
/awak balik mana?/
[U3]Akmal /dekat jah/
[U3]Akma Zuren /di rumah dia ada katak/ (ketawa)
[U2] Siti /dekat?//dekat depe tu ka?/
(KONTEKS: menunding jari ke arah depan sekolah)
[U4] Akmal /ala naik moto kejap je sampai la/

[U3]Siti /ala rumah saya dekat jugak/
[U1]Hadi /Jom balik .../

Situasi 12

| | |
|----------------|--|
| Tarikh rakaman | March 2009 |
| Masa | 10 minit |
| Sampel | Zarfan (L6), Siti Mariam (Siti) (P6) |
| Tempat | Dalam bilik darjah |
| Situasi | Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa kanak-kanak sedang melakukan aktiviti bebas. |

- | | | |
|----|------------|---|
| 1 | [U1]Zarpan | /Nak tau tak ...// Mak dia tak sembahyang/ |
| 2 | [U1]Siti | /Mana awak tahu?/ |
| 3 | [U2]Zarpan | /Dia cakap kat ustazah ../. |
| 4 | [U2]Siti | /Kalau tak sembahyang ada hantu la/ |
| 5 | [U2]Zarpan | /Eee ...// Mak dia ada hantu la .../ |
| 6 | [U1]Zizi | /sapa kata tak sembahyang ada hantu?/ |
| 7 | [U3]Siti | /mak cik saya cakap/ |
| 8 | [U2]Zizi | <u>/awak sembahyang tak?/</u> |
| 9 | 9[U4]Siti | <u>/kita ada kain sembahyang bunga pink//cantik.../</u> |
| | | (KONTEKS: sambil mengangkat ibu jari) |
| 10 | [U3]Zizi | /ala...kita pun ada/ |

Situasi 13

| | |
|----------------|--|
| Tarikh rakaman | March 2007 |
| Masa | 25 minit |
| Sampel | Hawa (P3), suzana (P4), Along(L4) |
| Tempat | di rumah |
| Situasi | Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa kanak-kanak berbual. |

- 1 [U1]Hawa /Acik ...//dia buka beg acik...// tengok tu .../
(memuncungkan) bibir ke arah Suzana yang sedang
memegang beg pengkaji)
- 2 [U2]Hawa /eh! Mu wak gapo tu?/
- 3 [U1]Suzana /tak wak gapo//bak po nya?/
(tiba-tiba abang Hawa yang dikenali sebagai Along datang dan mengambil bekas pensil
pengkaji)
- 4 [U2]Suzana Hei .../. Along jangan la../
(KONTEKS: cuba melarang Along)
- Pengkaji hanya tersenyum memandang Along
- 5 [U1]Along /tak apa la.../
- 6 [U3]Suzana /bak po mu ambik nya?/
(Along hanya mendiamkan diri tanpa mempedulikan Suzana)
- 7 [U4]Suzana //bak po mu ambik nya?/
- 8 [U2]Along /makcik ni kawan aku../
- 9 [U5]Suzana /dia orang besar mana boleh jadi kawan kau.../
/bodoh..../
- 10 [U2]Along /aku dah lama kenal dia la.../
- 11 [U6]Suzana /tipu .../
- 12 [U3]Along /dia selalu datang rumah aku .../
- 13 [U7]Suzana /mak aku kata jangan ambik barang orang/
- 14 [U4]Along /Aku tak ambik ...// aku tengok je../.

Situasi 14

| | |
|----------------|--|
| Tarikh rakaman | March 2009 |
| Masa | 10 minit |
| Sampel | Zarfan (L6), Siti dan Atiqah (P6) |
| Tempat | Di dalam bilik darjah |
| Situasi | Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa kanak- |

sedang melukis

- | | | |
|----|------------|--|
| 1 | [U1]Atiqah | /Sazwan suka pakai baju sekolah/ |
| 2 | [U1]Zarpan | /Kalau tak sekolah tak payah pakai baju sekolah .../ |
| 3 | [U1]Siti | /Pakai baju jalan .../ |
| 4 | [U2]Atiqah | /Saya pakai baju hujan/ |
| 5 | [U2]Siti | /Baju hujan buat apa?/ |
| 6 | [U3]Atiqah | /Pakai masa hujan .../ |
| 7 | [U3]Siti | /Buat apa?/ |
| 8 | [U4]Atiqah | /Takut basah .../ |
| 9 | [U2]Zarpan | <u>/Kalau panas?/</u> |
| 10 | U5]Atiqah | <u>/Tak hujan tak boleh pakai sebab tak basah/</u> |
| | | (perlanggaran maksim relevan) |
| 11 | [U4]Siti | <u>/Kenapa nak pakai baju hujan?/</u> |
| 12 | [U6]Atiqah | <u>/Tak bagi demam .../</u> (perlanggaran maksim relevan) |

Situasi 15

Tarikh rakaman Ogos 2009
Masa 5 minit
Sampel Haniff (L4) dan abangnya
Tempat di rumah
Situasi Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa
 kanak-kanak sedang makan nasi.

- | | |
|-----------|---|
| [U1]Hanif | <u>/ sakit eh perut // umi lah nih/</u> |
| [U1]abang | /bak pa nya?/ |
| [U2]Hanif | <u>/umi bubuh banyak sangat nasi /</u> |
| [U2]abang | /tak habis dah tu//nak royak ka umi/ |
| [U3]Hanif | /ha// tak habis/ bak po?/ |
| [U3]abang | /umi....// |
| [U4]Hanif | /okey la aku perabih/ |

Situasi 16

Tarikh rakaman March 2007
Masa 15 minit
Sampel Iboy (L4), adiknya (L3) dan Amin(L6).
Tempat di rumah Iboy
Situasi Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa kanak-kanak sedang makan malam.

[U1]Amin /iboy tu kalu lagu tu // tu tak habis dah tu/
[U1]Iboy /Iboy memang nak perabih/
[U2]Amin /sakni make dah keh?/
[U2]Iboy /bakpo eh tiba-tiba jah ngatuk/
[U3]Amin /hoi pandai// pada hal tak habih dak?/
[U3]Iboy /ngatuk!!!/
[U4]Amin /tak abih dak..../
[U4]Iboy /ngatuk.../ (memejamkan mata)
[U5]Amin /berlakon tuh/
[U5]Iboy /ha tak habih/ (tersengih)
[U6]Iboy /ngatuk.../ (memejamkan mata)
[U6]Amin /alasan jah dak?/
[U7]Iboy /ngantuk la/
[U6]Amin /budak tipu/

Situasi 17

Tarikh rakaman Feb 2008
Masa 7 minit
Sampel Syafiq (L6) dan Su (P6)
Tempat di dalam bilik darjah
Situasi Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa kanak-kanak sedang berbual di dalam bilik darjah sekolah Tabika In.Saniah Gunong.

| | |
|------------|---------------------------------------|
| [U1]Syafiq | /su pinje* ngala biru mu meta boleh?/ |
| [U1]Su | <u>/ hile* /</u> |
| [U2]Syafiq | <u>/ kedekut/</u> |
| [U2]Su | / biarla//takdi mu curi dah/ |
| [U3]Syafiq | /bila?/ |
| [U3] Su | /sakni//kala ija*/ |

**ija = hijau, pinje = pinjam, hile = hilang*

Situasi 18

| | |
|----------------|---|
| Tarikh rakaman | Disember 2009 |
| Masa | 5 minit |
| Sampel | Mekbi dan Nabila (P5) |
| Tempat | di rumah pengkaji |
| Situasi | Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa kanak-kanak sedang bermain. |

| | |
|--------|---|
| Nabila | <u>/mu tak bui ka Atikah ka cakelat?/</u> (KONTEKS: melihat Mek bi mengambil semua gula-gula yang ada dalam plastik) |
| Mekbi | (KONTEKS: menghulurkan gula-gula yang ada ditangannya kepada kakaknya Atikah) |

Situasi 19

| | |
|----------------|-------------------------------------|
| Tarikh rakaman | April 2008 |
| Masa | 5 minit |
| Sampel | Abang (L6) & Fizi (L4) |
| Tempat | di rumah mereka |
| Situasi | kanak-kanak sedang bermain congkak. |

- [U1] Abang / guli sapa ni? / (dengan nada suara yang tinggi)
 Fizi (KONTEKS: segera mengutip guli yang berselerak
 di atas lantai)
- [U2] Abang /lain kali lepas main tolong kemas/
 Fizi (KONTEKS: diam sambil memasukkan guli
 ke dalam plastik)

Situasi 20

Tarikh rakaman April 2008
 Masa 5 minit
 Sampel Iboy (L6) & Akram (L4)
 Tempat di rumah Iboy
 Situasi Akram sedang bermain guli yang diambil dari bag
 sekolah Iboy.

- [U1] Iboy / sapa nak simpan guli aku ni? /
 [U1] Akram /ala//meta lagi aku simpan la/
 [U2] Iboy /kalu mu tak simpan jaga mu/
 [U2] Akram / aku tahu la...// kedekut/

- Umi /gi mandi gih..//
 [U1] Baby /pah ni la mie..ore nak ajak Iboy mandi tanah
 lah... takdok ore tunggu...
- [U1] Iboy /letak mana nih, Ebby kita tak payah main
 roba nak.....kita main khemah...kita masuk....yeh...
 Ebby pah Ebby gerak Iboy deh...
- Umi /jangan ngube deh...Iboy wak sempit jah ni...sempit
 jah...sekat ni jah...kenit jah ni...buke besar...dua jah
 Iboy nak ambik..(kusyen) Bi...mari masuklah
 (khemah)
- [U2] Iboy /tiga sudah la bi....1,2,3....tiga sudah la bi..nanti

mek marah ka Iboy...nanti mek marah ke Iboy...ba
Ebby...3 ni sudahlah Ebby.....bak pa Ebby wak
kube nyah?

Umi jangan wat peracur deh (khemah)

[U1]Baby /nih keta main//

[U3] Iboy /bi...nak nak gi lain semeta (keluar dari khemah)
/weh ada lagi roba batman/

Baby ke dapur dan mengambil buah rambutan

[U3] Iboy /ni make sini, masak sini//

[U1] Baby /koyak//

Situasi 21

| | |
|----------------|--|
| Tarikh rakaman | Mei 2008 |
| Masa | 8 minit |
| Sampel | Syafik Amirul (L5) dan Yana (L5) |
| Tempat | dalam kelas tadika <i>In. Saniah Gunong</i> |
| Situasi | Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa kanak-kanak sedang membuat aktiviti mewarna. |

[U1] Syafik Amirul /ni ngala sapa?/

(KONTEKS: menunjukkan pensil warna yang
berwarna hijau)

[U1] Yana /ambik ah.../

[U2]Syafik Amirul /hak aku tak dak warna hijau/

[U2]Yana /pah mu hantar* /(*pulangan)

[U3]Syafik Amirul /ha aku pinje kejap jah/

[U3]Yana /lain kali beli la/

[U4]Syafik Amirul /aku beli dah// dua dah/

[U4]Yana /mana?/

[U5]Syafik Amirul /hile/

Situasi 22

| | |
|----------------|--|
| Tarikh rakaman | Mei 2007 |
| Masa | 7 minit |
| Sampel | Aida dan Najiha (P5) |
| Tempat | Di sekolah |
| Situasi | Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa kanak-kanak sedang berbual |

| | |
|-------------|---|
| [U1] Aida | <u>/Najiha mana buku merah?/</u> |
| [U1] Najiha | <u>/nanti nak ambik .../</u> (KONTEKS: bangun dan menuju ke meja Sazwan) |
| [U2] Aida | /duk mana?/ |
| [U2]Najiha | /Sazwan ambik takdi.../ |

Situasi 23

| | |
|----------------|--|
| Tarikh rakaman | Mei 2008 |
| Masa | 7 minit |
| Sampel | Mohamad dan Akil (L5) |
| Tempat | Di rumah Mohamad |
| Situasi | Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa Mohamad bersama sepupunya Akil berada di ruang tamu. |

| | |
|--------------|--------------------------------------|
| [U1] Mohamad | <u>/kepok* sapa ni?/</u> (*keropok) |
| [U1] Akil | /hak aku/ |
| [U2] Mohamad | /mu nak make ka?/ |
| [U2] Akil | /bakpa nya?/ |
| [U3] Mohamad | <u>/kalu aku ambik sikit boleh?/</u> |
| [U3] Akil | /ambik ah/ |
| [U4] Mohamad | /yea//yea/ (bersorak) |
| [U4] Akil | /eee...jange make semua/ |
| [U5] Mohamad | /ala...ada sikit jah ni/ |

[U5] Akil /eee...idak ka nak hok oge// taruh ka aku sikit/
 [U6] Mohamad /alaa...ok la// ok la/

Situasi 24

Tarikh rakaman Jan 2008
 Masa 7 minit
 Sampel Nazri(L5) dan Ebby (L4)
 Tempat di ruang tamu rumah mereka
 Situasi Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa kanak-kanak sedang bermain di ruang tamu rumah mereka.

[U1]Nazri /sapa buat ni?/
 (KONTEKS: dengan nada tinggi sambil menunjukkan kusyen yang berterabur)
 [U1]Ebby /aku dak.../ (membuat penafian)
 [U2]Nazri /Umi // sapa tau buat tu // habih kusyen/
 (KONTEKS: memandang adik (Ebby))
 [U2]Ebby /Oghe dak.../
 [U3]Nazri /tak ngaku dah tu.../
 [U3]Ebby /dah aku tak wak//tak ke nak ngaku dak?/
 [U4]Nazri /tak sah nak nipu deh.../
 [U4]Ebby /sungguh la...// nak main tuduh-tuduh/
 [U5]Nazri / dah meme mu wak/
 [U5]Ebby /eee...mu tengok ka?/
 [U6]Nazri /dah sapa lagi ada?...mu ghoyak//
 [U6]Ebby /mu...ah// tak sir ngaku...//
 /padahal mu buat dok???/
 [U7]Nazri /eee....nak tuduh oghe pulak.../
 [U7]Ebby /nak royak ka umi mu buat/
 [U8]Nazri /royak aa...//aku ghoyak mu getek/

Situasi 25

| | |
|----------------|--|
| Tarikh rakaman | Disember 2009 |
| Masa | 8 minit |
| Sampel | Amirah (P4) dan Mekbi (P3) |
| Tempat | di halaman rumah Amirah |
| Situasi | Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa kanak-kanak sedang berbual di halaman rumah. |

[U1]Amirah /tak habis?/

[U1]Mek bi / habis la/ / meta lagi/

[U2]Amirah /ambik banyak sangat!/
[U2]Mek bi /meta lagi abih la/

Situasi 26

| | |
|----------------|--|
| Tarikh rakaman | Disember 2009 |
| Masa | 8 minit |
| Sampel | Nabila (P4), Atikah (P5), Mekbi (P3) dan Amirah (P4) |
| Tempat | di halaman rumah pengkaji |
| Situasi | Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa kanak-kanak sedang berbual di halaman rumah. |

[U1]Atikah /Dok mana sa lagi ni?/
(KONTEKS: memandang tepat ke muka Nabila)

[U1]Nabila /aku tak ambik/
(membuat penafian)

[U1]Mek bi / sakni mu pege* keh?/ (*pege = pegang)

Situasi 27

| | |
|----------------|--------------|
| Tarikh rakaman | Januari 2007 |
| Masa | 5 minit |

| | |
|---------|--|
| Sampel | Alif (L5) dan Akram (L4) |
| Tempat | di halaman rumah Alif |
| Situasi | Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa kanak-kanak sedang berbual di halaman rumah. |

| | |
|------------|---|
| [U1] Aliff | /eh//acu tengok//penuh dah air dalam koloh/ |
| [U1]Akram | / <u>mu nak mandi?</u> / |
| [U2] Aliff | / <u>mu nak?</u> //Mari ah.../ |

Situasi 28

| | |
|----------------|---|
| Tarikh rakaman | Jan 2009 |
| Masa | 5 minit |
| Sampel | Ina (P6) dan Nazri (P6) |
| Tempat | di sekolah tadika <i>In. Saniah Gunong</i> |
| Situasi | Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa kanak-kanak sedang rehat untuk makan. |

| | |
|-----------|--------------------------------|
| [U1]Ina | <u>/tak sir make?/</u> |
| [U1]Nazri | /mu gi dulu la/ |
| [U2]Ina | /lambat nanti cikgu marah.../ |
| [U2]Nazri | /meta lagi la.../ |
| Mak Som | /mari make ni...ina, Nazri.../ |
| [U3]Ina | /mari la.../ |
| [U3]Nazri | /jom/ |

Situasi 29

| | |
|----------------|--|
| Tarikh rakaman | Jan 2009 |
| Masa | 10 minit |
| Sampel | Tasha(P6) dan Nazri (L5) |
| Tempat | di rumah Tasha |
| Situasi | Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa kanak-kanak sedang berkelahi |

[U1] Tasha /mu la nih wak hile hak aku dak?/
 [U1]Nazri / bakpa gak mu suka tuduh aku?/
 (bertanya kepada Tasha dengan niat menyampaikan
 rasa tidak puas hati)
 [U2]Tasha /ha//dah mu memang suka ambik bare oghe/
 [U2] Nazri /mana bukti?/

Ibu mereka datang dan menyerahkan pensil warna kepada adik

Umi /hak ni ngala baru //
 [U1]Adik /aghe nak ngala jugok //
 [U1]Abang /nak ngala etek boleh //
 [U2]Tasha /ni ngala baru nih //
 [U1]Aishah /mana? /
 [U2]Tasha /tu ngala baru tu /
 [U2]Aishah /kita ambik hak baru /
 [U3]Tasha /ha //puah dia ngala ngan hak nih hah.. //
 [U4]Tasha /ni ngala saya nih /
 [U1]Iboy /umi Iboy nak etek deh?
 [U5]Tasha /tak payah Iboy
 [U2]Adik /umi..umi..ni oghe...oghe...oghe, nak dengar lagu nil
 //
 [U3]Adik /ni ada lagu-lagu
 [U6]Tasha /ngala hah ni pulak/
 [U1]Mimi /hak mana?/
 [U7]Tasha /hak ni pulak //
 [U2]Mimi /ni hak saya /
 [U8]Tasha /awak kala dulu..awak kala dulu //
 [U3]Aishah /ni hak awak //
 [U9]Tasha /buke-buke ni hak saya //
 [U4]Aishah /tu hak saya //
 [U10]Tasha /buke-buke tu hak awak //
 [U5]Aishah /biarlah kita tukar hak lain //

Situasi 30

| | |
|----------------|--|
| Tarikh rakaman | Oktober 2008 |
| Masa | 10 minit |
| Sampel | Ina (P6) dan Nita (P6) |
| Tempat | Lokasi di sekolah Tadika Kemas Pauh Lima |
| Situasi | Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa kanak-kanak sedang melukis dan mewarna |

| | |
|----------|--------------------------------|
| [U1]Ina | /hei!!!/rumah warna hijau ke?/ |
| [U1]Nita | /bakpa?/ |
| [U2]Ina | /macam pelik jah? (ketawa) |
| [U2]Nita | /ikut aku ah.../ |
| [U3]Ina | /buat la warna lain/ |

Situasi 31

| | |
|----------------|--|
| Tarikh rakaman | Mei 2008 |
| Masa | 10 minit |
| Sampel | Tuti (P6) dan Syafiqah (P5) |
| Tempat | Dalam kelas tadika In. Saniah Gunong |
| Situasi | Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa kanak-kanak sedang membuat aktiviti mewarna. |

| | |
|--------------|--|
| [U1]Tuti | /sapa ada getah pemadam?/ |
| [U1]Syafiqah | <u>/saya/</u> (KONTEKS: sambil menghulurkan getah pemadam kepada Tuti)(memahami maksud tersirat disebalik pertanyaan yang dibuat oleh Tuti) |
| [U2] Tuti | / saya punya tertinggal/ |

(KONTEKS: sambil mengambil getah pemadam yang
dihulurkan oleh Syafiqah)

Situasi 32

Tarikh rakaman Jun 2008
Masa 5 minit
Sampel Azim (L5)
Tempat di rumah Azim
Situasi Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa
 kanak-kanak sedang menonton tv.

[U1]abang /tak mandi lagi?/ (KONTEKS: nada suara tinggi)
[U1]Azim /kejap nak tengok kartun ni// pah ni gi mandi la/
 (KONTEKS: kanak-kanak memahami maksud
tersirat pertanyaan yang diujarkan abangnya
dengan niat untuk menyuruhnya mandi (arahan))

Situasi 33

Tarikh rakaman April 2008
Masa 5 minit
Sampel Iboy (L6) & Ebby (L4)
Tempat di rumah mereka
Situasi kanak-kanak baru selesai membaca buku dan membiarkan
 buku berselerak di atas lantai, manakala mereka begitu
 leka menonton TV.

[U1]Abang /buku ni letak mana?/ (nada tinggi)
Ebby & Iboy (KONTEKS: segera mengemas buku yang berselerak
 di atas lantai)

Situasi 34

Tarikh rakaman April 2008
Masa 15 minit
Sampel Iboy (L4) & Akram (L4)
Tempat di rumah mereka
Situasi Akram sedang bermain guli yang diambil dari bag sekolah Iboy.

[U1] Iboy /sapa nak simpan guli aku ni?/
 (KONTEKS: nada suara tinggi)
[U1]Akram /ala//meta lagi aku simpan la/
[U2] Iboy /kalu mu tak simpan jaga mu/
[U2]Akram / aku tahu la...// kedekut/

Situasi 35

Tarikh rakaman Jan 2008
Masa 8 minit
Sampel Nazri(L5) dan Ebby (L4)
Tempat di ruang tamu rumah mereka
Situasi Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa
 kanak-kanak sedang bermain di ruang tamu rumah.

[U1]Nazri /sapa buat ni?/
 (KONTEKS: dengan nada tinggi sambil menunjukkan
 kusyen yang berterabur)
[U1]Ebby /aku dak.../ (membuat penafian)
[U2]Nazri /Umi // sapa tau buat tu // habih kusyen/
[U2]Ebby /Oghe dak.../
Ibu /Abe Nazri...// gi tidur gi//
[U3]Nazri /ala// keh awal lagi ni.../
Ibu /pagi-pagi esok keh nak gi ambik pa/
[U4]Nazri /yea // yea....boleh gi ambik pa/

(KONTEKS: bersorak gembira)

[U1]Adik /aghe nak gi etek/
 [U2]Nazri /nanti mu ngatuk// mu tidur oghe tingal/
 [U2]Adik /ala oghe tak sir tidur eh.../
 [U1]Abang Arif /nanti adik ngatuk ha?/
 [U3]Adik /kalu ngatuk oghe gi la basuh muka hhha..../
 [U2]Abang Arif /tak sir bawak jugak eehh.../
 [U4]Adik (KONTEKS: menjelirkan lidahnya kearah
 abang-abangnya iaitu Nazri dan Ariff)

Situasi 36

Tarikh rakaman 20 Disember 2008
 Masa 15 minit
 Sampel Hafizi (L4), Iboy (L6), Tasha (P7)
 Tempat di rumah Hafizi
 Situasi Perbualan dirakamkan oleh pengkaji di rumah
 semasa kanak-kanak sedang bersarapan.

[U1] Hafizi /eh...Iboy// kita make dah ga ni dak?
 Iboy Konteks: Diam (memandang tepat ke muka Hafizi dengan
 dahi yang sedikit berkerut)
 [U2] Hafizi /ala...//di Sri Kampar Hotel.../ (maklumat tambahan)
 [U1] Tasha ha...//hak /masa tu kita make nga susu...//bawah/
 [U1] Iboy /aaa...//pagi tu...//hak aku tak habis make tu.../
 (memahami mesej dari Hafizi)

Situasi 37

Tarikh rakaman 1 Januari 2009
 Masa 17 minit
 Sampel Ebby (L4) dan kakaknya, Azlin (P6)

| | |
|------------|--|
| Tempat | di rumah Ebby |
| Situasi | Perbualan dirakamkan oleh pengkaji di rumah Ebby semasa kakaknya sedang memegang bungkusan nasi. |
| [U1]Ebby | /sapa dah sambut nasik?/ |
| [U1] kakak | / heh...??? |
| | (KONTEKS: nada tinggi menunjukkan kehairanan) |
| [U2] Ebby | <u>/di hotel tu.../</u> (maklumat tambahan) |
| [U2] kakak | / aaa...emm/ |
| | (KONTEKS: wajah berkerut cuba mengingati sesuatu) |
| [U3] Ebby | <u>/ala...di hotel tu masa umi buka tu.../</u> (maklumat tambahan) |
| | (KONTEKS: menunjukkan bungkusan nasi yang dipegang kakaknya) |
| [U3] kakak | /haa... bukuse (bungkusan) nasi tu?.../ |
| [U4] Ebby | /haa..oghe keh hero.../ |
| [U4] kakak | /ala...kakak yang sambut dak?/ |
| [U5] Ebby | /aku la sambut.../ |
| [U5] kakak | /eleh eksen la tu...mace la hebat sangat/ |
| [U6] Ebby | /hehehe...oghe hero ni.../ |
| [U6] kakak | /uweek.../ |
| [U7] Ebby | /hero...superman.../ |
| [U7] kakak | /iya la tu.../ |
| Ebby | (ketawa sambil menari-nari kegembiraan) |

Situasi 38

| | |
|----------------|---|
| Tarikh rakaman | 4 Jun 2008 |
| Masa | 10 minit |
| Sampel | Haiqal (L4), Amirol (L4) dan Robi (L3) |
| Tempat | di rumah Haiqal |
| Situasi | Amirol bersama adiknya Robi baru sahaja sampai ke rumah Haiqal. Haiqal baru sahaja pulang dari rumah jirannya membawa buah rambutan. |

[U1]Haiqal /eh// Mirol// mu tak leh make buah mokte aku...//

Amirol [(diam) mata terkebil-kebil kehairanan kerana
dia baru sahaja sampai]

[U2] Haiqal /aku gi ambik rumah Kak Jie// aku gi sore* /

[U1] Amirol /aku pun boleh gi ambik sore.../
(KONTEKS: mencebik bibir kepada Haiqal)

[U3] Haiqal /aku rukah* sediri pohon mokte//mu reti?/

[U2] Amirol /aku reti jugak rukah pokok/

[* rukah=panjat], [*sore=seorang]

Situasi 39

Tarikh rakaman Disember 2008

Masa 15 minit

Sampel Haniff (L4) dan Nazri (L6) yang merupakan adik beradik

Tempat di rumah mereka

Situasi Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa Haniff dan
Nazri sedang menonton TV.

[U1]Haniff /eh // kita tengok dah cerita ni keh /

[U1]Nazri / bila? /

(KONTEKS: nada tinggi sedikit dan mata tepat
merenung ke wajah Haniff)

[U2]Haniff / alaa...// lepah ni keh keta dia jatuh /

[U2]Nazri / jatuh?/

(KONTEKS: nada tinggi sedikit)

[U3]Haniff / ha..jatuh dale* sungai../ **(menambahkan lagi
maklumat konteks)**

[U3]Nazri / haa...ya la// hero dia jatuh pah tu dia naik tebing../

[U4]Haniff / ha...hero dia selamat /

(dale* = dalam)

Situasi 40

| | |
|----------------|---|
| Tarikh rakaman | Mei 2009 |
| Masa | 10 minit |
| Sampel | Hafiz (L5) dan Azlin (P6) |
| Tempat | di rumah Hafiz |
| Situasi | Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa Hafiz sedang berbual dengan kakaknya di rumah. |
| [U1]Hafiz | /kak Uda kata gapo dah takdi? / (pertanyaan dibuat untuk memancing pendengar memproses mesej yang cuba disampaikan) |
| [U1]Azlin | / bila?/ (KONTEKS: memandang tepat kewajah Hafiz) |
| [U2]Hafiz | <u>/ala...masa duk pejabat umi tu.../</u> |
| [U2]Azlin | /emmm/ (KONTEKS: berfikir) |
| [U3]Hafiz | <u>/ala...dia keh kata comel...//sapa dah comel?</u> |
| [U3]Azlin | /aaa...dia kata adik comel tu?/ |
| Hafiz | (KONTEKS: ketawa sambil menari-nari gembira kerana dipuji). |
| [U4]Hafiz | /Umi...umi// boleh oghe gi pulak jabat umi esok?/ (KONTEKS: memanggil ibunya yang sedang membaca akhbar di ruang tamu) |
| [U4]Azlin | /Sokmo mu nak ngikut umi dak??/ |
| [U1]Abang | /keh sejuk di jabat* umi tu/ |
| [U4]Hafiz | /ala tak apa...aku keh ada baju sejuk/ |

*jabat = pejabat

Situasi 41

Tarikh rakaman Mei 2009

Masa 45 minit.

Sampel Siti, Suzana (P6) dan Apid, Adi (L6)

Tempat di Sekolah Kebangsaan Sentosa.

Situasi kanak-kanak sedang mendengar guru membaca buku cerita.

- [U1]Balqis /Cikgu//, Apid duduk atas muka Hadi/.
[U1]Cikgu /Jangan macam tu Apid//, mari sini .../
[U2]Balqis /Hadi // Apid ...// Cikgu marah tu..
[U1]Siti /Apid nak rotan ke ?/
[U2]Cikgu /Apid,// kenapa duduk atas muka Hadi ?/
[U1]Apid /Hadi ambik barang kita .../
[U2]Cikgu /Hadi// bagi balik barang Apid/.
[U1]Hadi /Kita tak ambik barang dia la .../
[U2]Apid /Dia ambik barang kita/
[U3]Cikgu /Minta maaf cepat ...// Hadi // Apid.
[U3]Apid /Cikgu // dia tak nak maafkan kita .../
/Cikgu // dia tak nak maafkan saya .../
(KONTEKS: sambil memanjat belakang Haiqal)
[U1]Haiqal /Cikgu tak dengar tu .../ (ketawa)

Cikgu menyuruh murid-murid berkumpul untuk mendengar cikgu membacakan buku cerita.

- [U1]Apid /Cikgu baca yang ini la ../.
(KONTEKS: menunjukkan buku bergambar kepada guru)
[U1]Siti /tak nak lah .../. buku itu koyak .../
(KONTEKS: menunjukkan kulit buku yang koyak dan renyuk)
[U1]Adi /Ok! //baca yang ini Cikgu/ (menghulurkan buku yang lain)
[U2]Siti /Tak nak lah ...// dulu dah baca //ambik yang lain /
[U2]Adi /ala ... //ambik yang ini la cikgu/.
(KONTEKS: tetap menghulurkan buku yang sama kepada

guru)

[U3]Siti /Tak nak lah ... //buku yang itu kotor dan koyak/.

[U2]Apid /ah... //sudah lah ..// duduk semua... /
(KONTEKS: memberikan juga buku pertama supaya dibaca oleh guru walaupun tidak disukai oleh Siti)

[U1]Suzana /eh... tengok Siti tu// merajuk.../
(KONTEKS: Suzana memuncungkan bibir ke arah Siti yang masam dan duduk seorang diri di atas kerusi menjauhi kawan-kawannya yang sedang mengerumuni gurunya yang sedang membacakan buku bergambar yang dipilih oleh Apid)

[U3]Adi /Ayo siapa buat Siti ?//
(KONTEKS: buat-buat terkejut)

[U3]Apid //ala ..// Siti merajuk la tu ..//. dia marah Cikgu baca buku yang i
. kan ? kan ?//
(KONTEKS: bertanya kepada Siti)

[U4]Siti /Siti tak nak tengok buku tu ...// Itu buku lama// buruk/
(KONTEKS: hampir menangis)

[U1]Akma /gambar buaya/

[U1]Syafiqah /bukan buaya la..//. biawak/

[U1]Farah /gambar buaya tu...//.. nampak mulut//...eee/

[U1]Guru /kalu besar buaya...//. kalu kecil ?//

[U2]Akma /biawak .../

[U2]Guru /kecik lagi/

[U1]Zana /cicak la .../

[U1]Apik /Cikgu // ada budak tu ...//
/kat tangan dia ada benda warna hitam //

[U3]Guru /Janganlah Adi ... // duduk /

[U2]Apik /Cikgu .../ (mata memandang Suzana)

[U1]Suzana (KONTEKS: meletakkan getah pemadam yang dipegangnya ke lantai)

[U4]Guru /Suzana ... / (memanggil dengan nada tinggi)

[U5]Guru /mari sini // nanti habis dimakan getah pemadam tu /
 [U2]Suzana (KONTEKS: Memberikan getah pemadam kepada guru)

Aktiviti Bebas

[U1]Akmal Zuren /Gambar ini, gambar buaya la .../
 [U1]Syafiqah /biawak la .../
 [U1]Guru /Okey // Kemaskan barang-barang semua, susun semula di tempat asal./
 [U2]Akmal /Cikgu kenapa ? // kita nak gi mana?/
 [U2]Guru /nak balik lah .../ /tak nak balik ya ?/
 [U1]Balqis /yea nak balik .../
 [U1]Siti /Kita nak balik kat Tesco .../
 [U3]Akmal Zuren /di rumah dia ada katak (ketawa)
 [U3]Guru /Sudah ... //la Akmal .../

Situasi 42

Tarikh rakaman Jan 2007
 Masa 10 minit
 Sampel Ajid dan Amin (L6)
 Tempat di halaman rumah Amin
 Situasi Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa kanak-kanak sedang berbual di halaman rumah.

[U1]Amin /Katabe ...terebe(terbang)...room/
 (KONTEKS: menggerak-gerakkan pensel ke atas ke bawah seolah-olah sedang terbang)
 [U1]AJid /mana sayap **dia**? /
 [U2]Amin /ni sayap **dia**.../
 [U2]Ajid /sayap **dia** patah?.../

- [U3]Amin /sayap **dia** tinggal(tertinggal).../
 (KONTEKS: ketawa)
- [U1]Ajam /haa...kapaterebe mu kodi/

Situasi 43

- Tarikh rakaman 2009
- Masa 13 minit
- Sampel Akram (L5), Iboy (L4) dan Tasha (P6)
- Tempat di rumah Iboy
- Situasi Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa
 kanak-kanak sedang berbual di rumah.

- [U1]Tasya /sapa ambik tudung(penutup botol) ni?/
 (KONTEKS: memegang botol air)
- [U1]Iboy /aku ambik dale peti takdi// tudung **dia**
tak dak dah la/
- [U2]Tasya /aku tengok takdi tudung **dia** ada/
- [U1]Akram /aku tahu tudung **dia** duk mana/

Situasi 44

- Tarikh rakaman Jan 2008
- Masa 10 minit
- Sampel Asraf, Asif (L6) dan Hani (P6)
- Tempat di dalam bilik darjah sekolah tadika *In. Saniah Gunong*
- Situasi Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa kanak-kanak
 sedang berbual

- [U1]Asraf /masa alu mari takdi keh// aku tengok oghe belaga /
- [U1]Asif /**dia** belaga nga gapo?/
- [U2]Asraf /muto nga keta//pah tu muto tebalik/

[U2]Asif /tue **dia** lagu mana?/
 [U3]Asraf /tue **dia** luka// banyak darah **dia**/
 [U1]Hani /sapa tulo tue **dia**?/
 [U4]Asraf /tau //aku tak kenal/

Situasi 45

Tarikh rakaman Julai 2009
 Masa 45minit.
 Sampel Nazri Haiqal (4.5) dan abangnya Azam (8)
 Tempat di halaman rumah.
 Situasi Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa kanak-kanak sedang berbual di halaman rumah

[U1]Azam /nak tahu ka dak ?/
 [U1]Nazri /nak .../
 [U2]Azam /abe jale-jale nampak burung/
 (gelaran yang selalu digunakan oleh Azam kepada Nazri)
 [U2]Nazri /pah tu burung pun terbang naik atah pokok /...
 (KONTEKS: gelak)
 [U3]Azam /Jebak pun duk gantung atah pokok juga/ ... (ketawa)
 [U3]Nazri /ha //... burung pun terbang...// tinggi .../
 [U4]Azam /pah tu burung pun singgah atah jebok/
 [U5]Nazri /burung pun berak atas pala Aje (ketawa)

Situasi 46

Tarikh rakaman: 5 Januari 2014
 Masa 30 minit
 Sampel Bella (5), Ain (4), Budin (5) dan Haiqal (6)
 Tempat di halaman rumah Bella
 Situasi Perbualan dirakamkan oleh pengkaji semasa kanak-kanak

sedang berbual di halaman rumah.

- [U1]Bella /mari la main sini/
[U1]Ain /gi/
[U2]Bella /ibu...nak gi main?/
[U1]Budin /Bella...mana kau ni?/
[U3]Bella /ni internet/ (menunjukkan telefon)
[U] Budin /luar rumah tak dak la/
[U1]Haiqal /ada jugak la...luar ni ada internet/
[U4]Bella /ni mainan tu...ni napak ada orang letak patung ni/
[U2]Haiqal **/boleh tak pinje?/**
[U3]Bella **/kita ada adik kecik tau/** (mengelak)
[konteks: membelek telefon tanpa melihat muka Haiqal]
[U2]Haiqal /pinje la//kejap jah/
/nak la tengok/

Bella tidak mempedulikan permintaan kawan-kawannya malah meneruskan permainan dalam telefonnya itu.

Situasi 47

- Tarikh rakaman Disember 2007
Masa 20 minit.
Sampel baby (L3),Iboy (L5), Ajid (L6), Afif (L6), Aishah (P6) dan Tasha (P6).
Tempat di rumah Aishah
Situasi Perbualan dirakamkan oleh pengkaji di rumah Aishah semasa kanak-kanak sedang bermain bersama-sama.

- [U1] Baby / kita main pusing-pusing nak?/
[U1] Tasha /nak/
[U2]Baby /mari la pege* aku/ (*pegang)
[U2]Tasha /mari aku pege// sapa jatuh dia kalah/

| | |
|------------|--|
| [U1]Iboy | /Weh make 3 dah bi../ |
| Baby | (KONTEKS: Menganggukkan kepala) |
| [U2]Iboy | /buke aku make 2 doh, 3 hingga 4 la.../ /ala...pah 2...3,...pah 3...4 la.../ <u>/bi../bi.../tak baik tahu tak nyahut oghe panggil...dosa/</u> (kanak-kanak mempunyai pengetahuan terhadap makna tersirat berkaitan dengan konsep dosa yang disesuaikan dengan konteks) |
| [U3]Baby | /Iboy mu ajak Tasha la.../ |
| [U3]Iboy | /tak sir baik eh nga mu.../ |
| [U4]Baby | /bia la.../ |
| [U2] Tasha | /yea aku menang...puak mu kalah/ |
| [U1]Ajid | /eh// sama-sama la.../ |
| [U1]Afif | /Tasha tipu...seri la.../ |
| [U3] Tasha | / ni la... <u>aku dulu...aku la menang/</u> (pemahaman konsep tersirat, peserta yang lebih awal menamatkan perlawanan akan menang) |
| [U2]Ajid | /buat semula...mu main *kilat.../ |
| [U4]Iboy | /ok kita buat lat talilat.../ /lat talilat tali tamplun...lat talilat tali tamplun.../ |
| [U5]Baby | /yea aku menang...nombor satu/ |
| [U1]Arif | /Tasha yang ke dua/ |
| [U5]Iboy | /yeh...Iboy yang ke tiga/ |
| [U3]Ajid | /buat betul-betul la...sama-sama talilat/ |
| [U6]Iboy | /eh...ni menang/ |
| [U2]Arif | /mu main <u>tipu macam Aje</u> jugak dak?/ (kanak-kanak bijak membuat perbandingan semacam iaitu menyamakan perkara yang pernah berlaku dengan apa yang Sedang berlaku menggunakan pengalaman serta pengetahuan tentang dunianya) |
| [U4]Ajid | /tak sir eh main kalu lagu tu gak.../ (KONTEKS: memasamkan muka) |
| [U7]Iboy | /tu...nak marah la tu.../ (KONTEKS: memuncungkan mulutnya kepada Ajid) |

| | |
|------------|------------------------------------|
| [U3] Arif | /ok lah..aku set Akram mu set Iboy |
| [U4] Tasha | /sa jah keh? |
| [U1] Akram | /sa jah... |